

**IMPLIKASI PENGUASAAN TATABAHASA ARAB
TERHADAP KEMAHIRAN MENULIS DALAM
KALANGAN PELAJAR ASASI UNIVERSITI
AWAM MALAYSIA**

WAN ROHANI BT WAN MOKHTAR

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**IMPLIKASI PENGUASAAN TATABAHASA ARAB
TERHADAP KEMAHIRAN MENULIS DALAM
KALANGAN PELAJAR ASASI UNIVERSITI
AWAM MALAYSIA**

WAN ROHANI BT WAN MOKHTAR

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **Wan Rohani BT Wan Mokhtar**

No. pendaftaran/Matrik: **THA150011**

Nama ijazah: **Doktor Falsafah (Ph.D)**

Tajuk kertas Projek / Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis ('hasil kerja ini'):

**IMPLIKASI PENGUASAAN TATABAHASA ARAB TERHADAP
KEMAHIRAN MENULIS DALAM KALANGAN PELAJAR ASASI
UNIVERSITI AWAM MALAYSIA**

Bidang Penyelidikan: Linguistik Terapan

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil kerja ini.
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli.
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/ penulisnya telah dilakukan di dalam hasil kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta hasil kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam hasil kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan hasil kerja ini saya telah melanggar atau hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon
Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tarikh: 21 Disember 2018

Tandatangan Saksi
Nama:
Jawatan:

Tarikh: 21 Disember 2018

IMPLIKASI PENGUASAAN TATABAHASA ARAB TERHADAP KEMAHIRAN MENULIS DALAM KALANGAN PELAJAR ASASI UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

ABSTRAK

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia bukan sahaja sebagai bahasa ilmu bahkan sebagai bahasa komunikasi. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab perlu menitikberatkan tatabahasa Arab kerana penguasaan tatabahasa Arab merupakan salah satu faktor mempengaruhi penguasaan kemahiran bahasa Arab. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menjelaskan tahap penguasaan pelajar Asasi Universiti Awam terhadap tatabahasa Arab, menganalisis tahap penguasaan kemahiran menulis pelajar Asasi Universiti Awam dari segi kesahihan tatabahasa dan menentukan implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik, soalan ujian penguasaan tatabahasa Arab dan ujian kemahiran menulis. Responden dalam kajian ini terdiri daripada lepasan SPM yang berjaya melanjutkan pengajian di peringkat asasi di universiti Awam Malaysia. Analisis deskriptif digunakan untuk melihat tahap penguasaan pelajar dalam kajian ini. Penentuan kesalahan penulisan dibuat berdasarkan penyimpangan sesuatu kaedah dalam sistem bahasa Arab standard dan berdasarkan kaedah dan sistem yang telah ditetapkan oleh para sarjana bahasa Arab terdahulu dan masa kini. Implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis dinilai berdasarkan penguasaan responden dalam tajuk yang diuji dan kemampuan mereka dalam menggunakannya dalam penulisan karangan. Dapatan kajian menunjukkan penguasaan tatabahasa Arab dan kemahiran menulis dalam kalangan responden berada pada tahap sederhana dan penguasaan tatabahasa Arab mempunyai pelbagai implikasi terhadap kemahiran menulis.

Kata Kunci : Implikasi, Penguasaan, Tatabahasa Arab, Pelajar Asasi, Kemahiran Menulis

THE IMPLICATIONS OF MASTERING ARABIC LANGUAGE GRAMMAR IN WRITING SKILLS AMONG FOUNDATION STUDENTS FROM MALAYSIAN PUBLIC UNIVERSITIES

ABSTRACT

Arabic language learning is not only for knowledge but it is also as language of communication. Teaching and learning in Arabic must emphasize the Arabic grammar because mastering grammar is one of the factors that influenced the Arabic skills proficiency. The purpose of this research is to explain on the student's proficiency of Arabic grammar among foundations students of public universities, to analyze student's proficiency in writing skills in terms of grammar and determine its implication to the writing skills. This is a quantitative research. Research instrument consist of questionnaire, Arabic grammar-proficiency's question test and writing skills test. The respondents in this research consist of SPM leavers that have pursued their study to the foundation level in Public Universities. Descriptive analysis is also used to identify student's proficiency level in this research. The correction is done based on errors in certain method of standard Arabic system and depending on the system and method decided by the previous and current Arabic language scholars. The implication of Arabic proficiency to the writing skill also based on respondents proficiency in the tested topic and their ability in the essay. The reseach shows that the mastering of respondents on Arabic grammar and writing skills is at moderate level and the Arabic grammar proficiency has it's own implications to the writing skills.

Key Words: Implication, Mastering, Arabic Grammar, Foundation Student, Writing Skills

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihi.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatNya, kajian ini dapat disempurnakan dengan jaya. Selawat dan salam ke atas Baginda Rasulullah Nabi Muhammad S.A.W. Sesungguhnya penghasilan tesis ini sangat bererti kepada saya, banyak rintangan dan cabaran telah saya tempuhi. Justeru saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr Mohd Zaki Abd. Rahman selaku penyelia atas bimbingan dan tunjuk ajar serta bantuan yang diberikan sepanjang kajian ini dilakukan.

Penghargaan dan terima kasih kepada pihak Universiti Malaya kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung pengajian ke peringkat tertinggi ini. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada pihak pentadbiran pusat asasi yang merupakan tempat kajian ini dijalankan iaitu Pusat Asasi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Pasat Asasi, Universiti Islam Antarabangssa Malaysia (UIAM Petaling Jaya). Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Timbalan Dekan, Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi) dan semua kakitangan Pejabat Ijazah Tinggi Fakulti Bahasa Dan Linguistik yang sentiasa memudahkan segala urusan saya dan sudi membantu saya dalam menyempurnakan prosedur penghasilan tesis ini. Seterusnya tidak dilupakan, ucapan jutaan terima kasih untuk semua pensyarah di Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya yang selama ini memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada saya.

Tidak lupa juga saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu dan arwah bapa serta arwah mertua di atas didikan, pengorbanan dan kasih sayang yang telah dicurahkan selama ini serta iringan doa mereka, begitulah kepada semua adik beradik yang sentiasa memberi sokongan dan galakan untuk kajian saya ini. Ucapan jutaan terima kasih juga ditujukan khas buat suami tercinta Salihin Hj Hussin serta anak-anak kesayangan Busyra, Zulfa, Nasrullah dan Wudda yang menjadi sumber inspirasi dan banyak membantu serta memberi semangat dan kasih sayang berterusan sepanjang saya menyiapkan kajian yang penuh bermakna ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih ditujukan kepada semua sahabat saya yang tidak jemu-jemu menghulurkan dorongan, bantuan, kritikan dan komentar yang membina dalam meningkatkan kualiti penghasilan tesis ini.

Segala budi dan jasa yang ditaburkan kalian, hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya. *Jazakumullah Khairan Kathiran*

Sekian,

Wan Rohani Wan Mokhtar
Kota Bharu, Kelantan

KANDUNGAN

Tajuk	Hal.
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Kandungan	vii
Senarai Jadual	xii
Senarai Rajah	xviii
Senarai Kependekan	xix
Jadual Transliterasi	xx
Padanan Istilah	xxii

BAB 1 : PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Masalah Kajian	3
1.3	Objektif Kajian	6
1.4	Soalan Kajian	6
1.5	Kepentingan Kajian	7
1.6	Batasan Kajian	9
1.7	Definisi Operasional	10
1.8	Metodologi Kajian	13
1.9	Rangka Kajian	16
1.10	Penutup	17

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.0	Pendahuluan	18
2.1	Latar Belakang Pelajar Asasi Universiti Awam	18
2.2	Tatabahasa Arab	23
2.3	Hubungan Nahu Dengan Saraf	25
2.4	Kemahiran Menulis	27
2.5	Implikasi Tatabahasa Arab Terhadap Kemahiran Menulis	31
2.6	Keperluan Ayat Bahasa Arab	37
	2.6.1 Kata Nama	37
	2.6.2 Kata Kerja	48
	2.6.3 Kata Tugas	53
2.7	Pembentukan Ayat Bahasa Arab	61
	2.7.1 Ayat Kata Nama	62
	2.7.2 Ayat Kata Kerja	69
2.8	Analisis Kesalahan	77
	2.8.1 Faktor Kesalahan Bahasa	79
	2.8.2 Kepentingan Kajian Analisis Kesalahan Bahasa	81
	2.8.3 Tatacara Analisis Kesalahan Karangan	83
2.9	Kajian Berkaitan	87
	2.9.1 Kajian Tentang Tatabahasa Arab	88
	2.9.2 Kajian Tentang Kemahiran Menulis Bahasa Arab	95
2.10	Penutup	101

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	103
3.1	Reka bentuk kajian	103
3.2	Populasi dan Sampel Kajian	104
3.3	Latar Belakang Responden	105
3.4	Lokasi Kajian	106
3.5	Instrumen Kajian	106
3.6	Reka Bentuk Instrumen Kajian	107
	3.6.1 Soal Selidik	107
	3.6.2 Ujian Penguasaan Tatabahasa Arab	108
	3.6.3 Ujian Kemahiran Menulis	111
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	112
	3.7.1 Kesahan Instrumen Kajian	112
	3.7.2 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	113
3.8	Tatacara Pemerolehan Data	115
	3.8.1 Prosedur Kajian	116
	3.8.2 Prosedur Analisis Data	120
3.9	Penutup	128

BAB 4 : ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	130
4.1	Dapatan Kajian Bahagian Pertama	131
	4.1.1 Bahagian A : Latar Belakang Responden	131
	4.1.2 Bahagian B : Pandangan Responden Terhadap Penguasaan Tatabahasa Bahasa Arab	142

4.2	Dapatan Kajian Bahagian Kedua : Penguasaan Tatabahasa Arab	144
4.2.1	Analisis Jawapan Bahagian A: Soalan Objektif	144
4.2.2	Analisis Jawapan Bahagian B : Soalan Struktur	160
4.2.3	Analisis Jawapan Bahagian C : Soalan Subjektif	162
4.2.4	Kesimpulan Penguasaan Responden Terhadap Tatabahasa Arab	167
4.3	Dapatan Kajian Bahagian Ketiga : Kesalahan Karangan Responden	168
4.3.1	Kesalahan Penggunaan Kata Nama	169
4.3.2	Kesalahan Penggunaan Kata Tugas	176
4.3.3	Kesalahan Penggunaan Kata Kerja Dan Ayat Kata Kerja	180
4.3.4	Kesalahan Penggunaan Ayat Kata Nama	188
4.3.5	Kesalahan Penggunaan <i>Nawāsikh</i>	194
4.3.6	Kesalahan Penggunaan Frasa <i>Idāfat</i>	203
4.3.7	Kesalahan Penggunaan Frasa Sifat	205
4.4	Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis Dalam Kalangan Responden	211
4.5	Perbandingan Tahap Penguasaan Tatabahasa Arab Dengan Kemampuan Mengaplikasikannya Dalam Penulisan.	220
4.6	Implikasi Penguasaan Tatabahasa Arab Terhadap Kemahiran Menulis	221
4.7	Penutup	235

BAB 5 : RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

5.0	Pendahuluan	236
5.1	Rumusan Latar Belakang Responden	236
5.2	Rumusan Pandangan Responden Terhadap Penguasaan Tatabahasa Arab	238
5.3	Rumusan Penguasaan Tatabahasa Arab	239

5.3.1	Rumusan Penguasaan Soalan Ujian Bahagian A : Soalan Objektif	242
5.3.2	Rumusan Penguasaan Soalan Ujian Bahagian B : Soalan Struktur	247
5.3.3	Rumusan Penguasaan Soalan Bahagian C : Soalan Subjektif	250
5.4	Rumusan Kesalahan Tatabahasa Dalam Karangan Responden	254
5.5	Rumusan Tahap Penguasaan Responden terhadap Tatabahasa Arab dan Kemahiran menulis	262
5.6	Rumusan Implikasi Penguasaan Tatabahasa Arab Terhadap Kemahiran Menulis	264
5.7	Penutup	273
BAB 6 : KESIMPULAN DAN CADANGAN		
6.0	Pendahuluan	274
6.1	Ringkasan Kajian	274
6.2	Implikasi Kajian	284
6.3	Cadangan Kajian Lanjutan	289
6.4	Penutup	291
BIBLIOGRAFI		292
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Halaman
Jadual 2.1	: Syarat Kemasukan Pra Universiti Awam	19
Jadual 2.2	: Sukatan Tatabahasa Arab Sekolah Menengah	20
Jadual 2.3	: Kajian Kesalahan Penulisan Pelajar	35
Jadual 2.4	: Bentuk Kata Nama Berdasarkan Bilangan	43
Jadual 2.5	: Pembentukan Frasa <i>Idāfat</i>	45
Jadual 2.6	: Pembentukan Frasa Sifat	46
Jadual 2.7	: Kata Tugas Umum dan Penggunaannya	54
Jadual 2.8	: Kata Tugas Khas untuk Kata Kerja	56
Jadual 2.9	: Kata Tugas Khas untuk Kata Nama	59
Jadual 2.10	: Bentuk Predikat Tunggal	62
Jadual 2.11	: Prediket Ayat Kata Nama	64
Jadual 2.12	: Prediket Ayat Kata Kerja	65
Jadual 2.13	: Prediket Frasa Kata Depan	66
Jadual 2.14	: Struktur Ayat Kata Nama dan Jenis Predikat	68
Jadual 2.15	: Keselarasan Kata Kerja Bersama Pelaku	70
Jadual 2.16	: Jadual <i>I'rāb</i> Pelaku	71
Jadual 2.17	: Penggunaan kata Kerja <i>Lāzim</i> dan <i>Muta'adī</i>	73
Jadual 2.18	: Bentuk <i>I'rāb Maf'ūl bih</i>	74
Jadual 2.19	: Pelaku Ganti	76
Jadual 3.1	: Nilai Skala Likert Dan Indikatornya	108
Jadual 3.2	: Senarai Nama Pakar Penilai Kesahan Instrumen	113
Jadual 3.3	: Panduan Pekali kebolehpercayaan Tahap kebolehpercayaan	114
Jadual 3.4	: Senarai Penilai Ujian Kemahiran Menulis	120

Jadual	3.5	: Borang Pengiraan Penguasaan TBA	122
Jadual	3.6	: Julat Pemarkahan SPM	123
Jadual	3.7	: Pengiraan Tahap Penguasaan Tatabahasa Arab	123
Jadual	3.8	: Borang Catatan Kesalahan Tatabahasa Dalam Karangan	126
Jadual	3.9	: Borang Analisis Implikasi Penguasaan TBA Terhadap Kemahiran Menulis	127
Jadual	3.10	: Borang Rumusan Implikasi Penguasaan TBA Terhadap Kemahiran Menulis	128
Jadual	4.1	: Tujuan Mempelajari Bahasa Arab	136
Jadual	4.2	: Komponen Bahasa Arab Yang Paling Mudah dan Paling Diminati	140
Jadual	4.3	: Pandangan Responden Terhadap Penguasaan Tatabahasa Arab	142
Jadual	4.4	: Interpretasi Julat Skor Min	143
Jadual	4.5	: Penguasaan Responden Terhadap Tajuk Kata Nama	145
Jadual	4.6	: Penguasaan Responden Terhadap Kata Tugas	148
Jadual	4.7	: Penguasaan Responden Terhadap Kata Kerja dan Ayat Kata Kerja	149
Jadual	4.8	: Penguasaan Responden Terhadap Ayat Kata Nama	152
Jadual	4.9	: Penguasaan Responden Terhadap <i>Nawāsikh</i>	155
Jadual	4.10	: Penguasaan Responden Terhadap Frasa <i>Idāfat</i>	157
Jadual	4.11	: Penguasaan Responden Terhadap Frasa sifat	158
Jadual	4.12	: Penguasaan Responden Terhadap Soalan Struktur	160
Jadual	4.13	: Bilangan Responden Yang Menjawab Betul Semua	163

		Soalan	
Jadual	4.14	: Bilangan Responden Yang Menjawab Betul	164
		Sebahagian Soalan	
Jadual	4.15	: Jadual Penguasaan Responden Terhadap	167
		Tatabahasa Arab	
Jadual	4.16	: Kesalahan Mengeja Perkataan	169
Jadual	4.17	: Kesalahan Menggunakan <i>Maṣḍar</i>	172
Jadual	4.18	: Kesalahan Menggunakan Kata Nama Jamak	174
Jadual	4.19	: Kesalahan Dalam Menggunakan Kata Tugas	176
Jadual	4.20	: Kesalahan Menyelaraskan Gender Kata Kerja	180
		dengan Pelaku	
Jadual	4.21	: Kesalahan Menggunakan <i>Ḍamīr</i> <i>Zāhir</i> atau	182
		<i>Muṣṭatir</i>	
Jadual	4.22	: Keselarasan Pelaku dan Ganti Nama	183
Jadual	4.23	: Kesalahan Menyelaraskan Gender Kata Kerja	184
		Bersama <i>Nā'ib Fā'il</i>	
Jadual	4.24	: Kesalahan Menggunakan Pelaku Dalam Bentuk	185
		<i>Maṣḍar Muawwal</i>	
Jadual	4.25	: Kesalahan Dalam Memberi Tanda <i>I'rāb</i> Objek	186
Jadual	4.26	: Kesalahan Dalam Menggunakan Masa Yang Sesuai	187
		Dengan Kata Kerja	
Jadual	4.27	: Kesalahan Dalam Menggunakan Subjek	188
Jadual	4.28	: Kesalahan Dalam Menggunakan Predikat Ayat	189
		Kata Kerja	
Jadual	4.29	: Kesalahan Dalam Menggunakan Predikat Ayat	190
		Kata Nama	

Jadual	4.30	: Kesalahan Dalam Menyelaraskan Jantina Subjek Dan Predikat	191
Jadual	4.31	: Kesalahan Dalam Memberi Tanda <i>I'rāb</i> Tunggal	192
Jadual	4.32	: Kesalahan Dalam Menyelaraskan Jantina <i>Fi'l Nāqis</i> Dengan <i>Ismnya</i>	194
Jadual	4.33	: Kesalahan Memberi Tanda <i>I'rāb Isim</i> dan <i>Khabar Nawāsikh</i>	195
Jadual	4.34	: Kesalahan Menggunakan <i>Ism Nawāsikh</i>	196
Jadual	4.35	: Kesalahan Menggunakan <i>Khabar</i> Berbentuk Ayat Kata Nama	198
Jadual	4.36	: Kesalahan Menggunakan <i>Khabar Nawāsikh</i> Dalam bentuk Ayat Kata Nama	199
Jadual	4.37	: Kesalahan Dalam Menyelaraskan Jantina <i>Isim</i> dan <i>Khabar Nawāsikh</i>	200
Jadual	4.38	: Kesalahan Dalam Menyelaraskan Bilangan <i>Isim</i> dan <i>Khabar Nawāsikh</i>	201
Jadual	4.39	: Kesalahan <i>I'rāb Isim</i> dan <i>Khabar Nawāsikh</i>	202
Jadual	4.40	: Kesalahan Menjadikan <i>Mudāf</i> Daripada Kata Nama <i>Ma'rifat</i>	203
Jadual	4.41	: Kesalahan <i>I'rāb Mudāf Ilayh</i>	204
Jadual	4.42	: Kesalahan Menyelaraskan Sifat dan <i>Mawsūf</i> Dalam <i>Nakirat</i> dan <i>Ma'rifat</i>	205
Jadual	4.43	: Kesalahan Dalam Menyelaraskan Jantina Sifat dan <i>Mawsūf</i>	207

Jadual	4.44	Kesalahan Menggunakan <i>Isim Mawsūl</i> Bersama Sifat	209
Jadual	4.45	Kesalahan Menggunakan <i>Maṣdar</i> sebagai sifat	210
Jadual	4.46	: Kemampuan Menggunakan Kata Nama Dalam Kemahiran Menulis Karangan	212
Jadual	4.47	: Kemampuan Menggunakan Kata Tugas Dalam Kemahiran Menulis Karangan	213
Jadual	4.48	: Kemampuan Menggunakan Kata Kerja Dan Ayat Kata Kerja Dalam Kemahiran Menulis Karangan	214
Jadual	4.49	: Kemampuan Menggunakan Ayat Kata Nama Dalam Kemahiran Menulis Karangan	215
Jadual	4.50	: Kemampuan Menggunakan <i>Nawāsikh</i> Dalam Kemahiran Menulis Karangan	216
Jadual	4.51	: Kemampuan Menggunakan Frasa <i>Idāfat</i> Dalam Kemahiran Menulis Karangan	217
Jadual	4.52	: Kemampuan Menggunakan Frasa Sifat Dalam Kemahiran Menulis	218
Jadual	4.53	: Tahap Kemampuan Mengaplikasikan Tatabahasa Arab Dalam Penulisan	219
Jadual	4.54	: Perbandingan Tahap Penguasaan Tatabahasa Arab Dan Kemampuan Mengaplikasikannya Dalam Penulisan	220
Jadual	4.55	: Penguasaan Kata Nama dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis Karangan	222
Jadual	4.56	: Penguasaan Kata Tugas dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis	224

Jadual	4.57	: Penguasaan Kata Kerja Dan Ayat Kata Kerja Dan Implikasinya Terhadap Penulisan Karangan	226
Jadual	4.58	: Penguasaan Ayat Kata Nama Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis	228
Jadual	4.59	: Penguasaan <i>Nawāsikh</i> Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis	230
Jadual	4.60	: Penguasaan Frasa <i>Idāfat</i> Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis	232
Jadual	4.61	: Penguasaan Frasa Sifat Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis	234
Jadual	5.1	: Taburan Soalan Objektif	240
Jadual	5.2	: Taburan Soalan Subjektif	241
Jadual	5.3	: Perbandingan Tahap Penguasaan Tatabahasa Arab dan Kemampuan Mengaplikasikannya dalam Penulisan	262
Jadual	5.4	: Rumusan Implikasi Penguasaan TBA Terhadap Kemahiran Menulis	273

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Hal.
Rajah 2.1	: Langkah Analisis Kesalahan Karangan	85
Rajah 3.1	: Posedur Kajian	116
Rajah 3.2	: Pengiraan Markah Penguasaan Tatabahasa Arab	122
Rajah 3.3	: Prosedur Analisis Kesalahan Tatabahasa Arab	124
Rajah 4.1	: Taburan Jantina Responden	131
Rajah 4.2	: Taburan Negeri Responden	132
Rajah 4.3	: Keputusan SPM Responden	133
Rajah 4.4	: Jenis Sekolah Responden	134
Rajah 4.5	: Masa Mula Belajar Bahasa Arab	135
Rajah 4.6	: Sebab Mengambil Subjek Bahasa Arab di Peringkat SPM	137
Rajah 4.7	: Masa Mengulang kaji Bahasa Arab dalam Seminggu	138
Rajah 4.8	: Pencapaian Bahasa Arab di Peringkat SPM	139

SENARAI KEPENDEKAN

AKK	-	Ayat Kata Kerja
AKN	-	Ayat Kata Nama
Bil.	-	Bilangan
FI	-	Frasa <i>Idāfat</i>
FS	-	Frasa Sifat
GN	-	Ganti Nama
KK	-	Kata Kerja
KM	-	Kemahiran Menulis
KN	-	Kata Nama
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi
KT	-	Kata Tugas
NWS	-	<i>Nawāsikh</i>
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
STAM	-	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TBA	-	Tatabahasa Arab
TT	-	Tanpa Tahun Cetakan
UIAM	-	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UM	-	Universiti Malaya
USIM	-	Universiti Sains Islam Malaysia
SAW	-	<i>Ṣalla Allah ‘alyh wa sallam</i>
SWT	-	<i>Subḥanahū wa ta‘ālā</i>

JADUAL TRANSLITERASI

Perkataan Arab dieja dalam huruf rumi berdasarkan kepada Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Jawi Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur tahun 1988. Sistem Transliterasi ini adalah seperti berikut:

Bil	Huruf Arab	Transliterasi
1	ا	a
2	ب	b
3	ت	t
4	ث	th
5	ج	j
6	ح	ḥ
7	خ	kh
8	د	d
9	ذ	dh
10	ر	r
11	ز	z
12	س	s
13	ش	sy
14	ص	ṣ
15	ض	ḍ
16	ط	ṭ
17	ظ	ẓ
18	ع	‘
19	غ	gh
20	ف	f

Bil	Huruf Arab	Transliterasi
21	ق	q
22	ك	k
23	ل	l
24	م	m
25	ن	n
26	هـ	h
27	و	w
28	ء	,
29	ي	y
30	ة	ṭ

Vokal pendek		Vokal panjang		Diftong	
ا	a	آ	ā		
ي	i	إي	ī	أَيَّ	ay
و	u	أُو	ū	أُو	aw

PADANAN ISTILAH

Bahasa Arab	Bahasa Melayu
<i>Fā'il</i>	Pelaku
<i>Fi'l amr</i>	Kata kerja arahan
<i>Fi'l lāzim</i>	Kata kerja tidak transitif
<i>Fi'l mabniy li ma'lūm</i>	Kata kerja aktif
<i>Fi'l mabniy li majhūl</i>	Kata kerja pasif
<i>Fi'l māḍiy</i>	Kata kerja lampau
<i>Fi'l muḍāri'</i>	Kata kerja kala kini dan akan datang
<i>Fi'l muta'adiy</i>	Kata kerja transitif
<i>Frasa sifat</i>	Kata adjektif
Huruf <i>'illat</i>	Huruf <i>alif</i> , <i>wāw</i> dan <i>yā'</i>
Huruf <i>muḍāra'at</i>	Huruf <i>alif</i> , <i>yā' tā'</i> dan <i>nūn</i> yang masuk di hadapan kata kerja <i>muḍāri'</i>
Huruf <i>naṣab</i>	Kata tugas yang dimasukkan di hadapan kk <i>muḍāri'</i> dan menyebabkannya menjadi akusatif
<i>I'rāb</i>	Fleksi
<i>Idāfat</i>	Sandaran
<i>Jama' mu'annath sālim</i>	Kata jamak bagi feminin
<i>Jama' mudhakkār sālim</i>	Kata jamak bagi maskulin
<i>Jama' taksīr li al-'āqil</i>	Kata jamak bagi yang tidak berakal
<i>Jama' taksīr li ghayr 'ākil</i>	Kata jamak bagi yang tidak berakal
<i>Jumlat 'ismiyyat</i>	Ayat kata nama
<i>Jumlat fi'liyyat</i>	Ayat kata kerja
<i>Khabar</i>	Predikat

<i>Ma'rifat</i>	Kata nama khas
<i>Maf'ūl bih</i>	Objek
<i>Majrūr</i>	Genetif
<i>Manṣūb</i>	Akusatif
<i>Marfū'</i>	Nominatif
<i>Maṣdar</i>	Kata terbitan
<i>Mu'annath</i>	Nama feminin
<i>Mubtada'</i>	Subjek
<i>Mudhakkar</i>	Nama maskulin
<i>Mufrad</i>	Nama tunggal
<i>Muthannā</i>	Nama duaan
<i>Nakirat</i>	Nama am
<i>Nawāsikh</i>	Kata tugas yang dimasukkan sebelum ayat kana nama
<i>Nūn niswat</i>	Huruf <i>nūn</i> yang dimasukkan pada kata kerja untuk menunjukkan tanda feminin
<i>Nūn tawkīd</i>	Huruf <i>nūn</i> yang dimasukkan di penghujung kata kerja untuk penegasan
<i>Damīr</i>	Ganti Nama
<i>Wazn</i>	Pola
<i>Yā' mukhāṭabat</i>	Huruf <i>yā'</i> yang dimasukkan pada kata kerja <i>muḍāri'</i> dan kata kerja ' <i>amr</i>

BAB 1 : PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan pengenalan kajian yang dijalankan meliputi pendahuluan, latar belakang kajian, objektif kajian dan persoalan kajian serta kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional, metodologi kajian dan rangka kajian.

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa Arab semakin penting bagi dunia sekarang memandangkan ia merupakan bahasa perlembagaan dari langit. Perlembagaan ini perlu dibaca oleh setiap individu bergelar muslim kerana perintah dan syari'at yang terkandung dalam perlembagaan yang ditulis dalam bahasa Arab perlu difahami dan diamalkan. Oleh itu, tiada cara lain untuk memahami setiap suruhan dan larangan yang terdapat dalam kitab yang agung ini melainkan dengan memahami bahasa Arab.

Bahasa Arab bukan lagi sebagai bahasa yang digunakan oleh penduduk di negara Arab, bahkan penggunaannya semakin hari digunakan secara meluas di negara Islam yang bukan berbahasa Arab. Malaysia adalah sebuah negara Islam yang menggunakan bahasa Melayu tetapi penggunaan bahasa Arab meluas dalam pengajaran dan pembelajaran. Penitikberatan terhadap pembelajaran bahasa Arab di Malaysia dapat dilihat begitu ketara apabila secara rasminya bahasa ini dimasukkan dalam kurikulum pendidikan Malaysia sebagai bahasa asing. Ia diajar di sekolah sebagai salah satu mata pelajaran bukan sahaja di sekolah aliran Arab bahkan sebagai mata pelajaran wajib di Sekolah Berasrama Penuh Dan Institusi Pengajian Tinggi (Ali Jassem, 1999)

Memahami dan menguasai bahasa Arab memerlukan memahami beberapa aspek penting sama ada aspek tatabahasa, balaghah, kosa kata dan sebagainya. Tatabahasa merupakan satu cabang bahasa Arab yang sangat penting kerana ia ada kaitan dengan

proses membetulkan lidah dan percakapan daripada berlaku kesalahan dalam percakapan dan pembacaan serta memperbetulkan tulisan semasa menulis. Untuk mengelak daripada melakukan kesilapan dalam penggunaan bahasa Arab, pengguna perlu mengambil berat terhadap tatabahasa Arab. Tujuan tatabahasa itu sendiri adalah untuk kefahaman terhadap kandungan syari'at yang terkandung dalam al-Quran al-Karim dan al-Hadith.

Tatabahasa Arab memainkan peranan penting dalam menentukan maksud ayat kerana dengan bertukar baris perkataan atau berubahnya *i'rāb* makna atau maksud ayat juga turut berubah. Penentuan sesuatu *i'rāb* perkataan dalam ayat bergantung kepada ilmu tatabahasa Arab. Oleh itu tatabahasa Arab perlu mendapat perhatian dari pihak berkaitan. Memberi perhatian terhadap tatabahasa bermaksud mengambil berat terhadap sukatannya, teknik pengajarannya, gurunya dan penilaiannya serta memberi fokus terhadap apa sahaja isu yang ada hubung kait dengan tatabahasa.

Kesilapan dalam menentukan struktur ayat bahasa Arab akan mengundang kesilapan dalam memahami dan mentafsirkan sesuatu teks. Oleh itu, kejelasan tentang perkara tersebut membantu pelajar terutamanya pelajar dalam aliran agama yang sentiasa menggunakan rujukan yang bersumberkan bahasa Arab dalam memahami teks yang dibaca dengan tepat dan betul. Oleh itu, adalah penting mempelajari tatabahasa bahasa Arab dan menggunakannya dengan betul mengikut kaedah yang ditetapkan oleh sarjana bahasa Arab, lebih-lebih lagi bagi tujuan memahami apa yang terkandung dalam al-Quran al-karim.

1.2 Masalah Kajian

Banyak kesilapan tatabahasa dilakukan oleh pelajar sama ada secara sedar atau tidak sedar terutamanya dalam pembinaan ayat bahasa Arab khususnya semasa mengarang. Pelajar sering terpengaruh dengan sistem bahasa ibunda serta keliru dalam memilih perkataan untuk pembentukan ayat yang betul dan sesuai untuk digunakannya dalam tulisan mereka.

Madiah Muhammad Yusuf dalam Rosni (2012) dalam kajiannya di Fakulti Pengajian al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia mengenai tahap pengetahuan membina frasa nama bahasa Arab mendapati hanya 10% sahaja pelajar yang boleh mengeluarkan ayat kata nama dari petikan yang diberikan. Kajian ini jelas menunjukkan kebanyakan pelajar lemah dalam tatabahasa Arab terutamanya dalam kemahiran menulis dan membina frasa nama sedangkan frasa nama merupakan salah satu tajuk yang penting dalam pembelajaran tatabahasa Arab.

Antara aspek kelemahan pelajar yang lain ialah dalam menguasai kata kerja bahasa Arab pelajar lemah dalam membezakan antara pola-pola kata kerja, perubahan makna dengan penambahan huruf dalam kata kerja serta perubahan kata kerja dari sudut bilangan dan gender (Hashim Mat Zin, 2009). Selain itu, pelajar Melayu juga lemah dalam menguasai *al-Nawāsikh* serta tidak memberi tumpuan yang mendalam terhadap tajuk *al-marfū'āt*, *almajrūrāt* dan *al-manṣūbāt* di mana ia amat penting dalam pengajian tatabahasa Arab (Nurilah, 2005:88).

Kajian lampau ini memperlihatkan pelajar lemah dalam perkara yang menjadi tunggak dalam memahami teks dan membina ayat. Sebagai contoh, kelemahan dalam menentukan kata kerja akan menyebabkan kegagalan menggunakan kata kerja dalam

penulisan dan kegagalan dalam menentukan struktur ayat untuk tujuan memahami maksud yang dikehendaki. Kata kerja dalam bahasa Arab berbeza dengan bahasa lain kerana kata kerja dalam bahasa Arab perlu selaras dengan pelaku dan subjek ketika digunakan dalam ayat lengkap. Oleh itu, kelemahan dalam membezakan pola kata kerja, kegagalan dalam mengenali penambahan huruf dalam kata kerja serta perubahan kata kerja dari sudut bilangan dan gender akan menyebabkan kegagalan dalam menggunakan bahasa Arab terutamanya semasa menulis.

Kemahiran menulis merupakan penguasaan bahasa peringkat asas dan kemahiran ini dimulakan dengan menulis huruf, perkataan, ayat dan berakhir dengan sebuah wacana yang boleh memberi kefahaman kepada pembaca (Yahya Othman, 2005). Dalam penulisan atau membina ayat bahasa Arab memerlukan kemahiran tatabahasa tetapi apa yang menjadi masalah dalam kalangan pelajar ialah mereka lemah dalam menguasainya (Azman & Goh, 2010). Terdapat beberapa kajian tentang pembelajaran bahasa kedua yang menunjukkan bahawa pelajar bahasa kedua tidak menguasai dalam kemahiran menulis dan melakukan kesalahan dalam pelbagai aspek tatabahasa seperti dalam aspek morfologi (Ellis, 1997), menyalahgunakan aspek kata kerja (Hashim, 2009), kesalahan menggunakan kata sendi nama (Habash, 1982), kesalahan dalam membuat frasa (Ab. Halim, 2002), kesalahan frasa nama (Soh, 1996) dan kesalahan dalam sintaksis (Lee, 2007; Abisamra, 2003; Saw, 1997 & Ellis, 1997).

Kesalahan tatabahasa ialah kesalahan yang berlaku dalam struktur ayat. Ayat yang lengkap dan sempurna merupakan ayat yang tidak terdapat kesalahan tatabahasa. Muslikhah (2014) berpendapat kesalahan tatabahasa merangkumi kesalahan dari segi *i'rāb*, penggunaan ganti nama (الضمير), penggunaan kata nama hubung (الاسم الموصول), penggunaan huruf kata kerja (حروف المضارعة), penggunaan kata nama tunggal, duaan dan jamak (المفرد والمثنى والجمع), penggunaan gender (المذكر والمؤنث), dan penggunaan *Alif* dan *Lām* (ال التعريف).

Mengikut Walīd Ahmad Jābir (2002), penguasaan tatabahasa Arab yang mantap mampu melahirkan pelajar yang berkemahiran tinggi dalam keempat-empat kemahiran iaitu membaca, mendengar, bertutur dan menulis. Tanpa kefahaman yang mendalam dalam bidang tatabahasa Arab boleh mengundang kesalahan dalam menggunakan bahasa kedua ('Alī Ahmad Madkūr, 2002).

Kajian dan keterangan di atas membuktikan bahawa pelajar Melayu melakukan kesalahan dalam aspek tatabahasa terutamanya semasa menggunakannya dalam kemahiran menulis. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengetahui tahap penguasaan pelajar Asasi terhadap aspek tatabahasa yang telah dipelajari semasa mereka berada di peringkat sekolah menengah juga untuk menjelaskan sama ada mereka menguasai tatabahasa yang dipelajari di peringkat SPM dengan baik atau mereka tidak mampu menguasainya sehingga menyebabkan mereka melakukan kesalahan dalam penulisan ayat lengkap atau dalam menulis karangan. Diharapkan kajian ini akan membantu mengenal pasti punca masalah dan membantu dalam mengurangkan kesalahan dalam bidang tatabahasa dalam penulisan kerana mereka akan menulis, mengarang dan menggunakan bahasa Arab dalam pengajian mereka di peringkat yang lebih tinggi. Kesalahan tatabahasa dalam kalangan mereka boleh diperbaiki dan diatasi pada peringkat Asasi lagi supaya kesalahan ini tidak berterusan ke peringkat pengajian mereka yang lebih tinggi.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat aspek penguasaan tatabahasa dalam kalangan pelajar Asasi di Universiti Awam Malaysia dan implikasinya terhadap penulisan mereka.

Objektif yang hendak dicapai ialah:

1. Mengenal pasti tahap penguasaan pelajar Asasi terhadap tatabahasa Arab.
2. Menganalisis tahap penguasaan kemahiran menulis pelajar dari segi kesahihan tatabahasa.
3. Menjelaskan implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis.

1.4 Soalan Kajian

Untuk menjawab soalan kajian berkaitan tahap penguasaan pelajar terhadap tatabahasa Arab dan implikasinya terhadap kemahiran menulis adalah melalui soalan berikut :

- i. Apakah tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar Asasi Universiti Awam?
- ii. Apakah tahap kemahiran menulis dalam kalangan pelajar dan apakah aspek kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam kemahiran menulis?
- iii. Apakah implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dianggap penting dan perlu dilakukan memandangkan tatabahasa Arab adalah penting dalam aktiviti membentuk ayat dan memahami teks bahasa Arab. Kajian ini mampu memberi faedah kepada beberapa pihak yang terlibat secara langsung dalam arus pendidikan negara. Antara kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

i. Pelajar

Kajian ini akan merungkai kepentingan tatabahasa Arab, kepentingan mempelajarinya serta membantu pelajar mengetahui kepentingan mempelajari tatabahasa Arab. Kajian ini juga akan membantu pelajar mempelajari bahasa Arab secara fokus dan terancang. Setelah pelajar mengetahui yang mana perlu diberi keutamaan, mereka akan memberi penekanan terhadap topik yang lebih utama dan yang boleh memberi implikasi terhadap kemahiran berbahasa Arab. Selain itu, kajian ini juga akan membantu pelajar memahami bagaimana menggunakan tatabahasa Arab dengan betul dalam penulisan mereka.

ii. Guru

Kajian ini akan membantu guru menggunakan pendekatan yang lebih baik bagi meningkatkan kualiti pengajaran. Guru dapat memberi fokus terhadap tajuk penting untuk diajar kepada murid. Di samping itu, melalui kajian ini guru akan dapat mengenal pasti kelemahan tatabahasa pelajar dalam kemahiran menulis serta dapat membantu mereka meningkatkan kemampuan menulis. Guru juga akan merancang untuk menggunakan kaedah pengajaran yang lebih berkesan bagi menyampaikan maklumat kepada pelajar bersesuaian dengan topik yang diajar.

iii. Penggubal Dasar/Institusi

Kajian ini penting untuk memberi maklumat kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap penggubalan sukatan agar lebih memberi fokus terhadap perkara yang perlu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Pembahagian tugas kepada guru yang berkebolehan dalam bidang tatabahasa Arab juga akan dapat dipertimbangkan mengikut kepakaran dan kriteria tertentu agar pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

iv. Penyelidik

Selain daripada memberi impak kepada tiga pihak di atas, kajian ini juga dijangka mampu memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu bahasa Arab terutamanya dalam bidang tatabahasa Arab untuk memberi panduan kepada pengkaji dan penyelidik membuat kajian lanjut mengenai bahasa Arab di mana mereka boleh memperkembangkan lagi kajian dalam bidang tatabahasa Arab dalam aspek lain. Hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan untuk kajian lanjutan, khususnya yang berkaitan dengan penguasaan tatabahasa Arab dan kemahiran menulis seperti penguasaan tatabahasa Arab dan implikasinya sama ada dalam pembacaan, pemahaman teks atau aspek lain yang belum dibincangkan dalam kajian ini.

1.6 Batasan Kajian

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini bahawa kajian ini adalah dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat tentang tahap penguasaan tatabahasa bahasa Arab dan implikasinya terhadap kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia. Secara ringkasnya batasan kajian ini adalah kepada perkara berikut :

i. Kajian ini difokuskan kepada tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar dan implikasinya terhadap kemahiran menulis. Penguasaan tatabahasa yang diukur adalah berdasarkan beberapa tajuk terpilih daripada tajuk tatabahasa Arab yang terkandung dalam buku bahasa Arab di peringkat SPM. Antara tajuk tatabahasa yang dipilih ialah kata nama, kata kerja, kata tugas, ayat kata nama, ayat kata kerja, *nawāsikh* frasa *idāfat* dan frasa sifat. Pemilihan tajuk ini berdasarkan ia mempunyai implikasi terhadap pembentukan ayat bahasa Arab dan kesilapan dalam menggunakan item di bawah tajuk ini boleh menyebabkan kesilapan dalam penulisan dan memesongkan maksud yang dikehendaki.

ii. Kajian ini melibatkan hanya pelajar lepasan SPM yang berjaya memasuki Asasi Universiti Awam yang terpilih dan menawarkan kursus Bahasa Arab. Antara Pusat Asasi Universiti Awam yang menawarkan kursus Bahasa Arab yang dipilih untuk kajian ini ialah Pusat Asasi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Tamhidi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Pemilihan ini juga berdasarkan pusat pengajian tersebut merupakan pusat asasi yang menerima masuk pelajar lepasan SPM yang mengambil subjek Bahasa Arab di sekolah serta mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM. Pelajar yang berjaya memasuki pengajian pada peringkat Asasi di tiga buah

universiti ini telah melalui pembelajaran tatabahasa Arab beberapa tahun di peringkat sekolah. Mereka ini berada dalam peringkat persediaan sebelum memasuki peringkat ijazah pertama di mana terdapat banyak kursus yang diajar dalam bahasa Arab di peringkat ijazah.

iii. Kajian ini dijalankan pada semester satu responden memasuki pusat Asasi. Kebolehan dan penguasaan yang diuji adalah mengenai pengetahuan lepas iaitu pengetahuan yang mereka belajar di peringkat SPM sebelum mereka berjaya memasuki peringkat Asasi.

1.7 Definisi Operasional

Kajian ini adalah berkenaan dengan tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar Asasi dan implikasinya terhadap kemahiran menulis. Berikut adalah istilah yang digunakan oleh pengkaji bagi tujuan kajian:

i. Implikasi

Kamus Dewan Edisi 3 (1994:487) mendefinisikan implikasi sebagai kesan atau kemungkinan yang terbit atau ditakrif daripada sesuatu yang wujud daripada sesuatu kes atau masalah sama ada positif atau negatif atau akibat yang akan berlaku hasil daripada sesuatu. Implikasi yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah kesan baik atau buruk yang akan berlaku terhadap kemahiran menulis hasil daripada penguasaan pelajar dalam bidang tatabahasa Arab sama ada dengan menguasai tatabahasa Arab atau sebaliknya.

ii. Penguasaan

Penguasaan ialah satu kegiatan atau proses untuk berkuasa atau mengawal (Kamus Dewan, 2005: 25). Sebagai contoh proses mempelajari dan menguasai suatu bahasa sehingga mahir, terlatih untuk mengerjakan sesuatu, cekap, lancar, pandai. Penguasaan juga memberi maksud memahiri dan melatih diri supaya mahir dalam sesuatu bidang dan sebagainya. Penguasaan bahasa bukan sekadar menguasai aspek linguistik sesebuah bahasa bahkan menjadi cekap serta mempelajari dengan bersungguh-sungguh sehingga mahir dan mampu berkomunikasi dengan baik. Kamus Linguistik (1997:198) menyatakan bahawa pembelajaran yang berkaitan dengan bahasa sebagai proses menguasai bahasa ibunda atau bahasa asing.

Perkataan penguasaan dalam bahasa Arab ialah **تَمَكَّن** yang diterjemahkan dalam bahasa Inggeris sebagai *ability, capability, capacity, power* dan *proficiency* yang membawa maksud kebolehan, kemampuan, kekuatan dan penguasaan (Ruhi al-Ba'albaqi 1993:372) Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa penguasaan dalam konteks bahasa ialah satu proses dan usaha yang dilakukan oleh seseorang individu atau seseorang pelajar untuk memperolehi, menguasai atau mempunyai kekuatan dalam bahasa sehingga ke tahap yang tinggi dan kompeten.

iii. Tatabahasa Arab

Tatabahasa dalam bahasa Inggeris ialah *grammar* iaitu perihal peraturan struktur ayat dalam sesuatu bahasa. Ia berfungsi mengawal kesalahan bahasa yang dibentuk dalam ayat (Macmilan:618). Tatabahasa dalam bahasa Melayu pula bererti pengetahuan tentang pembentukan perkataan dan proses pembinaan ayat atau penyusunan kata dalam ayat (kamus Dewan , 1994 : 1382).

Tatabahasa dalam bahasa Arab mencakupi sintaksis iaitu peraturan tentang susunan kata dalam ayat dan morfologi atau saraf yang mengkaji tentang pembentukan kata. Penguasaan tatabahasa Arab dalam kajian ini difokuskan terhadap penguasaan tatabahasa terhadap tajuk terpilih daripada tajuk tatabahasa Arab dalam buku bahasa Arab di peringkat SPM pada tahap yang mahir dan lancar sehingga mampu mengaplikasikannya melalui penulisan.

iv. Pelajar Asasi Universiti Awam

Pelajar dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ditakrifkan sebagai "seseorang yang berdaftar dengan Universiti atau Kolej Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, pra ijazah, lepas ijazah atau lepas kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan". Berdasarkan takrifan di ini, istilah pelajar Asasi di sini merujuk pelajar lepasan SPM yang berjaya berdaftar dengan universiti di peringkat pra atau Asasi universiti dan mendapat pendidikan formal berasaskan pendidikan kebangsaan di universiti tersebut.

v. Kemahiran Menulis

Menulis adalah proses memberikan simbol grafik bagi melambangkan bahasa dalam menyusun perkataan, rangkaian, ayat dan seterusnya unit-unit yang lebih panjang mengikut peraturan tertentu dengan menunjukkan wacana dan pelahiran idea yang jelas dan tersusun (Kamaruddin et.al, 1997). Kemahiran menulis dalam konteks kajian ini pula memberi maksud menulis karangan mengikut tajuk yang disediakan dengan memberi idea dan menyusun perkataan serta membentuk ayat mengikut kaedah tatabahasa Arab.

Kesimpulannya, tajuk ini membawa maksud penguasaan yang dimiliki atau yang dikuasai oleh pelajar lepasan SPM yang berjaya memasuki Asasi Universiti Awam Malaysia tentang tatabahasa Arab yang dipelajari semasa sekolah menengah dan implikasi penguasaan tersebut atau kesan penguasaannya terhadap penulisan karangan bahasa Arab sama ada penguasaan kemahiran tatabahasa tersebut membawa akibat yang baik iaitu menyebabkan mereka dapat menulis dengan baik atau sebaliknya.

1.8 Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan menerusi kaedah tinjauan yang merupakan prosedur penyelidikan kuantitatif. Kaedah ini dipilih berdasarkan reka bentuk kajian tinjauan dapat memberikan perihal fenomena dan tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar dan implikasinya terhadap penulisan. Kajian ini bertujuan melihat tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar Asasi Universiti Awam dan implikasinya terhadap penulisan. Populasi kajian terdiri daripada pelajar lepasan SPM yang berjaya melanjutkan pengajian di peringkat Asasi Universiti Awam Malaysia dan mengambil kursus Bahasa Arab.

Pemilihan kumpulan ini disebabkan jarang terdapat kajian yang melibatkan kumpulan ini dan kerana mereka ini telah mempelajari tatabahasa Arab di peringkat sekolah selama lima tahun. Mereka telah melalui beberapa sistem peperiksaan utama seperti PMR dan SPM dan telah melalui pembelajaran nahu dan saraf serta mempunyai maklumat tentang perkara asas tatabahasa Arab. Selain itu, pelajar di peringkat Asasi juga mengambil kursus Bahasa Arab sebagai persediaan untuk pengajian di peringkat ijazah di mana memerlukan pementapan dari aspek kemahiran bahasa Arab untuk memahami bidang dan pengkhususan yang dipelajari seperti syariah dan usuluddin yang kebanyakan bahan rujukannya dalam bahasa Arab.

Oleh itu, kajian ini bertujuan melihat penguasaan mereka terhadap tatabahasa Arab yang dipelajari di peringkat SPM untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam kalangan mereka terhadap apa yang mereka pelajari semasa di sekolah supaya kelemahan yang diperolehi melalui kajian ini dapat diperbaiki dan diatasi di peringkat Asasi sebelum mereka melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah. Populasi dalam kajian ini adalah seramai 850 orang. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), bagi populasi seramai 850 orang, responden yang diperlukan adalah 265 orang. Oleh itu responden dalam kajian adalah 265 orang.

Intrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik, soalan ujian penguasaan tatabahasa Arab dan soalan ujian kemahiran menulis. Soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian pertama : latar belakang responden, bahagian kedua : penguasaan responden terhadap tatabahasa Arab. Soalan ujian penguasaan tatabahasa Arab pula terdiri daripada dua bahagian, iaitu bahagian pertama ujian penguasaan tatabahasa Arab dan bahagian kedua ujian kemahiran menulis. Soalan bahagian pertama terdiri daripada bahagian A: 30 soalan objektif, bahagian B : 10 soalan struktur dan bahagian C : Soalan subjektif. Ujian kemahiran menulis terdiri daripada tiga tajuk karangan. Responden hanya diminta menulis salah satu tajuk karangan yang diberikan tidak melebihi 100 patah perkataan. Kesahan instrumen kajian dilakukan melalui rujukan pakar, manakala kebolehpercayaan instrumen kajian pula dilakukan dengan test retest dan Alpha Cronbach.

Dapatan kajian daripada soal selidik dan ujian penguasaan tatabahasa Arab diproses melalui analisis deskriptif. Peratusan, min dan taburan skor digunakan bagi menjelaskan maklumat berkaitan penguasaan tatabahasa dalam tajuk kajian. Untuk menganalisis data, pengkaji menggunakan jadual dan graf bagi memaparkan dapatan

kajian berkenaan untuk membantu pembaca menginterpretasi data yang dibentangkan dengan lebih mudah. Penentuan kesilapan penulisan dibuat berdasarkan penyimpangan sesuatu kaedah dalam sistem bahasa Arab standard dalam penyusunan ayat bahasa Arab. Penilaian penulisan juga dibuat berdasarkan kaedah dan sistem yang telah ditetapkan oleh para sarjana bahasa Arab terdahulu dan juga sarjana masa kini yang di anggap muktabar.

Implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis dinilai berdasarkan penguasaan responden dalam tajuk yang diuji dan kemampuan mereka dalam menggunakannya dalam penulisan karangan. Bilangan responden yang menguasai atau tidak menguasai tatabahasa Arab pada setiap tajuk akan dipadankan dengan bilangan responden yang mampu atau tidak mampu menggunakan tajuk yang dikuasai.

1.9 Rangka Kajian

Kajian ini dilakukan dalam enam bab, pembahagian bab adalah seperti berikut:

Bab Pertama : Pengenalan tentang kajian yang dijalankan meliputi pendahuluan, latar belakang dan pernyataan masalah kajian yang berkaitan dengan sebab kajian ini dilakukan, objektif dan persoalan kajian serta kepentingan kajian, batasan kajian, metodologi kajian, rangka kajian dan definasi operasional dan lain-lain.

Bab Dua : Bab ini membincangkan tentang kajian literatur bersama landasan teori kajian iaitu berkenaan pembentukan ayat bahasa Arab, konsep penguasaan tatabahasa Arab dan konsep kemahiran menulis serta implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis.

Bab Tiga : Metodologi kajian

Bab ini membincangkan tentang metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini iaitu metode kuantitatif.

Bab Empat : Dapatan Kajian

Bab ini membincangkan tentang dapatan kajian berkenaan latar belakang responden, tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar Asasi Universiti Awam dan tahap penguasaan kemahiran menulis serta analisis kesalahan tatabahasa Arab dalam karangan responden serta implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis.

Bab Lima: Rumusan Dapatan Kajian

Dapatan kajian dikemukakan dalam bab empat serta kesimpulan mengenai implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis dibentangkan dalam bab ini.

Bab Enam : Kesimpulan dan cadangan

Dalam bab enam atau bab terakhir pengkaji mengemukakan kesimpulan dan ringkasan kajian yang dilakukan, implikasi kajian, cadangan pengajaran dan pembelajaran tatabahasa Arab kepada pihak tertentu serta cadangan kajian lanjutan kepada pengkaji bahasa Arab.

1.10 PENUTUP

Kajian ini adalah mengenai penguasaan tatabahasa Arab dan implikasinya terhadap kemahiran menulis dalam kalangan pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia. Oleh itu, kajian ini sangat penting untuk diberi perhatian kerana selain daripada dapat memartabatkan bahasa al-Quran ia juga mampu membantu meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab serta meningkatkan kefahaman dan penguasaan terhadap kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu.

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan

Kajian tentang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab telah ditulis secara umum dan khusus mengikut kemahiran, teknik, strategi dan kaedah yang berbagai-bagai. Begitulah juga kajian mengenai tatabahasa Arab termasuk kajian tentang strategi pengajaran dan pembelajaran serta tahap penguasaan tatabahasa Arab sama ada diberi fokus terhadap nahu atau saraf secara berasingan telah banyak dikaji oleh pengkaji terdahulu. Namun begitu, kajian ini mengenai penguasaan kemahiran tatabahasa Arab yang dikaitkan dengan implikasinya terhadap kemahiran menulis.

Bab ini membincangkan latar belakang pelajar Asasi Universiti Awam, pengajian tatabahasa Arab di peringkat sekolah menengah, konsep penguasaan tatabahasa Arab, konsep kemahiran menulis. Dalam bab ini juga dibincangkan tentang kajian terdahulu tentang tatabahasa Arab dan kemahiran menulis.

2.1 Latar Belakang Pelajar Asasi Universiti Awam

Pelajar Asasi Universiti Awam ialah pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang berjaya ditawarkan ke peringkat asasi/pru universiti. Pelajar Asasi dalam kajian ini pula ialah pelajar lepasan SPM yang berjaya memasuki Asasi di tiga buah universiti awam iaitu Asasi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Pelajar ini ialah dalam kalangan pelajar cemerlang dalam peperiksaan SPM kerana telah memenuhi syarat kemasukan pusat pengajian tersebut sebagai mana dalam jadual 2.1 (syarat kemasukan Asasi/Tamhidi (UM, UIAM, USIM, 2015):

Jadual 2.1: Syarat Kemasukan Pra Universiti Awam

Universiti Malaya (UM) (Asasi Pengajian Islam/Asasi Pengajian Islam dan Sains)	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (Asasi Bahasa Arab)	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) (Tamhidi Shariah dan Undang-undang)
<p>1. Mendapat kepujian dengan Gred B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Arab: dan</p> <p>2. Mendapat kepujian dengan Gred B pada peringkat SPM dalam mana-mana DUA (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan Islam • Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah • Pendidikan Syariah Islamiah • Tasawwur Islam dan <p>3. Mendapat sekurang-kurangnya kepujian Gred B pada peringkat SPM dalam mana-mana DUA (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sains /Sains Tambahan • Kesusasteraan Melayu • Geografi • Matematik • Sains Pertanian • Perdagangan • Ekonomi Asas • Prinsip Akaun • Bahasa Arab Komunikasi • Teknologi Maklumat dan <p>4. Mendapat sekurang-kurangnya Gred C pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.</p>	<p>1. Mendapat gred A-dalam Bahasa Arab dan</p> <p>2. Gred C dalam mata pelajaran Matematik dan</p> <p>3. Satu (1) gred B dan dua (2) gred C dalam mana-mana tiga (3) mata pelajaran yang belum diambilkira seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan Islam • Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah • Pendidikan Syariah Islamiah • Tasawwur Islam • Sejarah <p>4. Gred D dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris</p>	<p>Syarat Khas Program:</p> <p>1. Memperoleh sekurang-kurangnya Gred B dalam mata pelajaran berikut: Bahasa Inggeris Bahasa Arab</p> <p>2. Memperolehi sekurang-kurangnya Gred C+ dalam MANA-MANA DUA (2) mata pelajaran berikut:</p> <p>Pendidikan Islam Pendidikan Syariah Islamiah Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah Tasawwur Islam</p> <p>3. Memperoleh sekurang-kurangnya Gred C+ dalam mata pelajaran Matematik atau Matematik Tambahan</p> <p>4. Memperoleh sekurang-kurangnya Gred C+ dalam salah SATU(1) daripada mata pelajaran lain</p>

Merujuk syarat kemasukan asasi atau pra di 3 buah universiti awam berkenaan didapati bahawa pelajar yang berjaya memasuki pra universiti telah berjaya memperolehi sekurang-kurangnya gred B dalam Bahasa Arab di peringkat SPM. Ini bererti mereka mampu menguasai sukatan bahasa Arab termasuk tatabahasa peringkat sekolah menengah kerana sukatan mata pelajaran bahasa Arab di sekolah menengah merangkumi keseluruhan aspek tatabahasa yang membolehkan pelajar menggunakannya dalam penulisan karangan. Antara tajuk tatabahasa Arab yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam buku teks Bahasa Arab di peringkat sekolah menengah adalah seperti berikut (buku Bahasa Arab tingkatan 1- 5 KPM, 2015):

Jadual 2.2 : Sukatan Tatabahasa Arab Sekolah Menengah

Tingkatan	Tajuk	
Satu	الإِسْمُ المُدَكَّرُ وَالْأَسْمُ المُؤَنَّثُ	Kata Nama <i>Mudhakkar dan Mu'annath</i>
	المُفْرَدُ وَالْمُتَنَّى وَالْجَمْعُ	<i>Mufrad, muthannā dan jamak</i>
	أقسام الفعل وتصريفه	Jenis kata kerja dan <i>taṣrīf</i> nya
	تصريف الفعل الماضي	<i>Taṣtīf</i> kata kerja <i>mādyī</i>
	تصريف الفعل المضارع	<i>Taṣtīf</i> kata kerja <i>muḍāri'</i>
	تصريف فعل الأمر	<i>Taṣtīf</i> kata kerja <i>amr</i>
	الجملة الاسمية	Ayat kata nama
	الجملة الفعلية	Ayat kata kerja
	اسم الإشارة	Kata nama petunjuk
	حروف الجر	<i>Huruf Jarr</i>
Dua	الاسم المعرفة والاسم النكرة	Kata nama khas dan am
	أنواع اسم المعرفة	Jenis kata nama khas
	الجمع وأنواعها	Jamak dan jenisnya
	الأفعال من حيث الزمن : الماضي والمضارع والأمر	Kata kerja berdasarkan masa, <i>mādyī, muḍāri' dan amr</i>
	المبتدأ والخبر	Subjek dan predikat

	الفاعل	Pelaku
	الاسم الموصول	<i>isim</i> kata hubung
	أدوات الاستفهام	Partikel pertanyaan
	العطف	Kata hubung
	العدد والمعدود	Bilangan
Tiga	تقسيم الفعل من حيث الزمن الفعل الماضي والفعل المضارع وفعل الأمر	Kata kerja berdasarkan masa, <i>māḍiy, muḍāri‘ dan amr</i>
	الفعل المبني لمعلوم والمجهول	<i>Kata kerja pasif dan aktif</i>
	الظروف	Kata depan
	أدوات النفي	Huruf penafian
	أدوات النصب	<i>Huruf nasab</i>
	أدوات الجزم	<i>Huruf jazam</i>
	العطف	<i>‘Atf</i>
	كان وأخواتها	<i>Nawāsikh</i> كان
	إنّ وأخواتها	<i>Nawasikh</i> إنّ
	العدد والمعدود	Bilangan
Empat	أنواع الخبر	Jenis predikat
	علاقة بين المبتدأ والخبر	Hubungan subjek dan predikat
	الإضافة	Sandaran
	التوابع - البدل، التوكيد، والصفة والعطف	<i>Tawābi‘ (Badal, tawkīd, sifat dan ‘atf</i>
	أدوات الشرط	Huruf syarat
	الحال	<i>Hāl</i>
	الأفعال الخمسة	<i>Fi’l lima</i>
	المبني والمعرب	<i>Mabniy dan mu‘rab</i>
	المصادر	<i>Maṣḍar</i>
	الفعل من حيث البنية	<i>Fi’l dan pembentukannya</i>
الاسم المقصور والمنقوص والممدود	<i>Isim Maqṣūr, Manqūṣ dan Mamdūd</i>	
Lima	المبني والمعرب	<i>Mabniy dan Mu‘rab</i>
	المجرد والمزيد	<i>Mujarrad dan Mazīd</i>

المصادر	<i>Masādir</i>
المفعول المطلق	<i>Maf'ūl Muṭlaq</i>
الاستثناء	<i>Istithnā'</i>
المنادى	<i>Munādā</i>
الأسماء الخمسة	<i>Asma' khamsat</i>
الجامد والمشتق	<i>Jāmid dan musytaq</i>
أسماء الزمان والمكان	<i>Asmā' Zamān dan Makān</i>
اسم الفاعل واسم المفعول المنقوص والمقصور والممدود	<i>Isim fā'il, Isim maf'ūl, manqūs, maqsūr dan madūd</i>

Jadual sukatan tatabahasa Arab yang tertera mengandungi berbagai-bagai tajuk yang membolehkan pelajar menggunakannya dalam penulisan sama ada dalam bentuk ayat atau karangan kerana tajuk tatabahasa Arab yang dikemukakan dalam sukatan tersebut merangkumi semua keperluan dalam pembentukan ayat lengkap yang terdiri daripada dua ayat asas iaitu ayat kata nama (جُمْلَةٌ إِسْمِيَّةٌ) dan ayat kata kerja atau *jumlat fi'liyyat* (جُمْلَةٌ فِعْلِيَّةٌ). Apa yang ingin dikaji dalam kajian ini ialah sejauh mana pelajar lepasan SPM mampu menguasainya dan sejauh mana mereka mampu menggunakannya dalam penulisan mereka.

2.2 Tatabahasa Arab

Tatabahasa Arab disebut dalam bahasa Arab sebagai ilmu *Qawā'id al-Lughat al-'Arabiyyat*. Penamaan ini memperlihatkan bahawa tatabahasa Arab merangkumi dua elemen utama iaitu morfologi dan sintaksis (Fu'ād Ni'mat, 1973 : 3). Kedua-dua elemen ini mempunyai hubung kait antara satu sama lain dan kedua-dua ilmu ini sangat penting dalam bahasa Arab yang perlu dikuasai oleh pengamal bahasa Arab supaya tidak melakukan kesalahan dalam penggunaannya sama ada dalam pembacaan, penulisan mahupun pertuturan.

Menurut ilmuan bahasa Melayu pula, nahu atau sintaksis ialah satu cabang ilmu linguistik yang mengkaji tentang peraturan dan susunan kata dalam sesuatu ayat. Sintaksis adalah satu cabang ilmu bahasa yang mengkaji secara mendalam bentuk, struktur dan binaan sesuatu ayat. Ia merupakan suatu kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa dan mengkaji kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan untuk membentuk ayat dalam sesuatu bahasa (Nik Safiah Karim, 1997:59).

Dalam bahasa Arab, sintaksis atau nahu ditakrifkan sebagai kaedah atau rumus yang dengannya dapat digunakan bahasa dengan betul walaupun tanpa menggunakan istilah yang khusus. Hasan Shahātah (1992:201-202) menjelaskan objektif pengajaran nahu ialah:

- i. Menjaga lidah dan pena daripada melakukan kesilapan.
- ii. Menjadikan pelajar mempunyai kekuatan pemerhatian dan berfikir secara logik dan teratur selain daripada kecekapan membuat kesimpulan dan penilaian dalam menghasilkan struktur bahasa yang betul.

- iii. Membantu pelajar memahami sesuatu ajaran dengan kefahaman yang tepat dan pantas.
- iv. Menajamkan fikiran, menggilap cita rasa dan memperkayakan bahasa pelajar.
- v. Memberikan pelajar kemampuan untuk mempraktik peraturan bahasa dalam komunikasi dan penulisan menggunakan struktur bahasa yang pelbagai dalam kehidupan harian mereka.
- vi. Menjadikan tatabahasa sebagai asas untuk dijadikan panduan dan ikutan. Ini adalah kerana hanya dengan memerhati, mengikut dan menghayati penggunaan tatabahasa yang betul yang akan menghasilkan bahasa yang tepat.

Manakala ilmu morfologi pula merupakan satu ilmu mengenai kaedah yang dengannya diketahui keadaan bentuk perkataan dan keadaan yang bukan *i'rāb* iaitu perubahan baris akhir perkataan apabila berada pada kedudukan yang berlainan dan *binā'* iaitu ketetapan perkataan pada satu bentuk walaupun berada pada kedudukan yang berlainan (al-Hamalāwīy 2002 :24). Maksudnya ilmu morfologi merujuk kepada ilmu tentang hukum pembinaan sesebuah perkataan yang terdiri daripada beberapa huruf. Huruf ini antaranya merupakan huruf asal atau tambahan. Ilmu morfologi boleh dibahagikan kepada dua iaitu: pertama, perubahan pola sesuatu perkataan kepada pola yang lain berdasarkan makna yang dikehendaki. Contohnya, perubahan daripada pola *maṣḍar* kepada pola kata kerja lampau dan kata kerja kini dan lain-lain lagi seperti perubahan pada perkataan *دَهَبَ يَذْهَبُ إِذْهَبُ ذَهَابًا ذَاهِبٌ* . Kedua: perubahan huruf dalam binaan sesebuah perkataan yang tidak melibatkan perubahan makna tetapi disebabkan oleh berlakunya *'ibdāl*, *hadhf*, *qalb* dan *idghām* (Mustfā al-Ghalāyīnīy, 1999 & 'Abd al-'Azīz 'Atīq. 1974).

Kesimpulannya ilmu tatabahasa Arab merangkumi dua ilmu utama iaitu nahu dan saraf di mana saraf membincangkan pembentukan perkataan sebelum digabungkan dengan perkataan lain dalam ayat manakala ilmu nahu pula membincangkan penggabungan perkataan menjadi ayat mengikut kaedah dan peraturan tatabahasa Arab yang ditetapkan oleh ilmuan bahasa Arab. Tujuan mempelajari kedua-duanya adalah untuk memperbetulkan pembentukan perkataan dari segi susunan huruf dan kedudukan baris serta susunan ayat yang tepat.

2.3 Hubungan Nahu Dengan Saraf

Ilmu nahu dan saraf dikenali sebagai tatabahasa bahasa Arab. Hubungan antara dua ilmu ini adalah sangat erat. Walau bagaimanapun kajian tentang nahu telah mendominasi kajian tentang saraf sehingga ada yang tersilap faham bahawa yang dimaksudkan dengan tatabahasa Arab ialah ilmu nahu sahaja. Pada pandangan pengkaji, dominasi ilmu nahu terhadap saraf ini disebabkan peranan nahu melebihi peranan saraf yang mana dapat dilihat melalui zahir ayat. Manakala saraf itu hanya perubahan baris dalam perkataan yang tidak dapat dilihat secara zahir kecuali apabila dibariskan perkataan tersebut. Sebagai contoh, ayat ضَرَبَ مُحَمَّدٌ عَلِيًّا (Mohamad telah memukul Ali). Dalam ayat ini walaupun penentuan baris akhir pelaku dan objek tidak diberikan tetapi kesalahan ayat ini dapat dilihat secara zahir. Berbanding dengan aspek saraf yang terdapat dalam ayat قَتَلَ النَّمْرَ (harimau dibunuh), pembacaan yang salah pada baris kata kerja قَتَلَ tidak dapat dikesan secara zahir dalam penulisan ketika tidak dibariskan. Ini jelas membuktikan dominasi nahu terhadap saraf kerana kesilapan susunan struktur ayat boleh dilihat dengan lebih jelas daripada kesilapan baris perkataan. Dalam kajian ini juga, walaupun disebut oleh pengkaji sebagai kajian tentang

penguasaan tatabahasa tetapi nahu lebih memainkan peranan dalam kajian ini disebabkan kaitan kajian mengenai implikasi penguasaan tatabahasa terhadap kemahiran menulis. Walau bagaimanapun, kajian tentang saraf tidak dikecualikan walaupun hanya sebahagian kecil sahaja.

Hubungan antara ilmu nahu dengan saraf sangat rapat. Sejak awal lagi para ulama nahu Arab telah membicarakan tentang nahu dan saraf secara bercampur dalam kitab mereka dan memberi perhatian sepenuhnya terhadap dua ilmu ini serta tidak memisahkan antara dua ilmu tersebut, sebagaimana yang ditampilkan dalam al-Kitāb karangan *Sibawayh*, *al-Muqtaḍab* karangan al-Mubarrid, *al-Khaṣā'is* karangan Ibn Jinnīy dan lain-lain lagi. Kesemua kitab tersebut membincangkan tentang nahu dan saraf. Begitulah dengan para ilmuan bahasa Inggeris masa kini, mereka juga membicarakan ilmu tersebut dalam satu bahagian yang dinamakan dengan grammar. (Hanafi Dolah 2004:14-15).

Walaupun terdapat perdebatan dalam kalangan para ilmuan bahasa mengenai pembahagian kedua-dua bidang ilmu tersebut, Kamāl Bisyr (1970:10) telah membahagikan tahap bahasa kepada lima bahagian iaitu ilmu *aswāt*, *saraf*, *nahu*, *mu'jam* dan ilmu *ma'āniy*. Selain itu, beliau menegaskan bahawa pandangan yang muktamad dalam hal ini ialah ilmu saraf dikira sebagai pendahulu atau langkah permulaan bagi ilmu nahu. Ilmu saraf bukan merupakan tujuan atau matlamat tetapi ia adalah cara atau jalan ke arah mempelajari ilmu nahu. Beliau berkata lagi bahawa hasil perbahasan saraf tidak mempunyai nilai selagi tidak dimanfaatkan untuk digunakan dalam konteks penstrukturan ayat. Hubung kait antara ilmu saraf dengan nahu juga dapat dilihat ketika mengaplikasi perkataan yang berbeza bentuknya dalam menentukan gaya susunan ayat. Ia melibatkan perbezaan bentuk yang berkaitan bilangan seperti (يُقُولَانِ), jenis seperti (قِتَال) dan (قَتْل) dan sebagainya. Proses ini dinamakan *taṣrīf*

(Inflection) dan *ishtiqaq* (Derivation), istilah nahu merangkumi dua ilmu iaitu *tarkīb* (*al-i'rāb*) (syntax) dan *taṣṭīf* (morphology).

Kesimpulannya, tatabahasa Arab merangkumi dua perkara penting iaitu ilmu nahu dan saraf. Walau bagaimanapun, ilmu nahu lebih mendominasi ilmu saraf tetapi kedua-duanya sangat penting untuk dipelajari dan dikaji. Kedua-duanya juga perlu diberi perhatian oleh pelajar agama dan pelajar bahasa Arab kerana kedua-duanya adalah nadi kepada ilmu bahasa Arab. Kelemahan menggunakan nahu dan saraf dengan tepat mengundang kesilapan dalam memahami ayat yang dibaca atau ditulis.

Ilmu nahu telah berubah peranannya daripada hanya diberi penekanan terhadap *i'rāb* atau dengan maksud lain hanya mengkaji kedudukan perkataan dalam ayat sebagaimana ditekankan oleh sarjana tradisional kepada penekanan terhadap beberapa aspek merangkumi kaedah memilih kata, frasa dan klausa untuk penggunaan yang tepat dalam ayat termasuk hubungannya dengan ayat lain. Jadi, penguasaan tatabahasa bukan lagi menguasai tajuk atau istilah yang terdapat dalam tatabahasa atau dengan hanya mengetahui kedudukan dan baris dalam ayat tetapi merangkumi penguasaan dalam pelbagai aspek termasuk kemampuannya dalam ayat sama ada dalam pertuturan atau penulisan, di samping mampu memahami teks yang ditulis dalam bahasa Arab (Mat Taib Pa, 2006).

2.4 Kemahiran Menulis

Dalam bahagian ini pengkaji mengemukakan perbincangan mengenai kemahiran menulis, definisi dan kepentingannya. Muḥammad Sālim (2010) mendefinisikan kemahiran menulis sebagai kemahiran yang digunakan untuk tujuan berkomunikasi di tempat kerja, dalam situasi pendidikan dan untuk tujuan kehidupan. Ab. Halim et al.

(2010) pula mendefinisikan kemahiran menulis sebagai satu keupayaan pelajar membina dan mengarang ayat yang kompleks untuk melahirkan perkara yang wujud dalam minda mereka dengan menggunakan perbendaharaan kata yang telah dipelajari sama ada memperolehnya daripada kamus atau melalui pembacaan teks. Keadaan ini menggambarkan peningkatan penguasaan pelajar terhadap sesuatu bahasa melalui kemahiran menulis. Menurut Azman Wan Chik (1994) pula, kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sangat kompleks dan telah dipersetujui oleh ramai ilmuwan bahasa bahawa ia perlu bermula hanya apabila kemahiran yang lain sudah sebatian dengan pelajar terutama sekali pelajar muda.

Menurut Muḥammad Kāmil al-Nāqah (1985: 235-237), antara objektif pengajaran kemahiran menulis adalah untuk membolehkan pelajar mencapai perkara berikut:

- i. Menulis huruf Arab dan mengetahui hubungan antara baris huruf dan bunyi sebutan.
- ii. Menulis perkataan Arab dengan huruf bercerai dan huruf bersambung serta dapat membezakan baris awal, pertengahan dan akhir perkataan.
- iii. Menulis dengan tulisan yang jelas dan betul.
- iv. Memperkemarkan tulisan dengan tulisan khat nasakh atau raq'ah atau mana yang lebih mudah.
- v. Memperbaiki penulisan yang bermula dari kanan ke kiri.
- vi. Mengetahui tanda penulisan dan maksudnya serta penggunaannya.
- vii. Mengetahui prinsip tulisan dan mengetahui perbezaan di antara sebutan dan penulisan seperti *tanwīn*, *hamzah* dan *tā'*

- viii. Menggunakan susunan ayat yang betul dalam menterjemahkan idea dalam bentuk penulisan
- ix. Menggunakan perkataan dengan betul dalam menterjemahkan idea dalam bentuk ayat
- x. Menterjemahkan idea dalam bentuk ayat yang betul mengikut kaedah nahu.
- xi. Menggunakan gaya bahasa yang sesuai bagi tema yang diungkapkan.
- xii. Menulis dengan pantas bagi menggambarkan idea dalam bentuk ayat yang betul.

Kemahiran menulis bahasa Arab boleh dibahagikan kepada tiga jenis utama, iaitu tulisan huruf, khat atau menulis perkataan dan karangan. (Muhammad Abdul Qādir, 1979). Kemahiran menulis terhasil daripada kemahiran membaca, mendengar dan bercakap. Ia merupakan salah satu cara komunikasi antara anggota masyarakat dalam semua bidang kehidupan. Dengan kemahiran menulis, sesuatu bangsa mampu mengekalkan warisan zaman silam sehingga ke beberapa jenerasi. Melalui kemahiran menulis membolehkan seseorang menyuarakan pandangan serta menggambarkan peristiwa, pengalaman dengan menggunakan ungkapan bahasa (‘Āmir, 2000)

Menurut Farnan et. al (1992) menulis mempunyai sistem dan format tertentu serta mempunyai hubungan dengan kandungan yang berkaitan. Oleh itu, menulis telah menjadi perkara yang susah bagi pelajar dan merupakan satu kemahiran yang sukar. Setiap kali pelajar menulis frasa didapati mereka telah banyak melakukan kesilapan dan pastinya menulis dengan baik memerlukan pengajaran serta latihan yang banyak sehingga dapat menguasainya.

Adalah penting bagi seorang pelajar menyedari bahawa dalam kemahiran menulis bahasa Arab perlu bebas daripada melakukan kesilapan morfologi dan tatabahasa. Mereka perlu memilih kata-kata yang betul serta mempersembahkan idea yang jujur dalam menggambarkan perasaan di samping menerangkan sesuatu yang ingin disampaikan melalui penulisan. Pemilihan perkataan juga perlu tepat dan penggunaan tanda baca perlu betul (Kora,1981& Dafer al-Hammādi,1984).

Penulisan amat penting dalam kehidupan pelajar terutamanya di peringkat awal pengajian kerana mereka perlu bersuara, meluahkan pengalaman dan pandangan secara jelas serta menggunakan bahasa dengan betul agar pandangannya dapat difahami dan apa yang ada dalam fikiran dapat disampaikan dengan jelas kepada pendengar (Tu'aymaṭ ,1998)

Terdapat pelbagai bidang penulisan seperti menulis surat, menulis memo, membuat laporan, menyediakan kata aluan, menyediakan minit mesyuarat, mentafsir syair dan sebagainya (Khalfullah, 2002). Penulisan juga digunakan untuk menyampaikan pandangan, perasaan mahupun kemahuan kepada individu yang berada pada tempat yang berlainan dan masa yang berlainan dengan menggunakan kemahiran bahasa yang terdiri daripada kaedah khat, imlak, *qawā'id*, penanda wacana dan sebagainya (al-Sumaylīy, 2002).

Bentuk penulisan yang digunakan adalah berbagai-bagai sama ada bentuk yang rasmi seperti menulis surat rasmi membuat laporan program dan lawatan atau bentuk tidak rasmi seperti melaporkan berita, membuat ringkasan, mengarang atau menulis novel dan cerita, memprosakan puisi dan sebagainya. Terdapat kemahiran menulis yang lain yang sering digunakan seperti menulis komen dan cadangan terhadap sesuatu

perkara yang dibentangkan, menceritakan semula apa yang dilihat dan didengar melalui tulisan, menulis resume dan biodata diri, menulis laporan dan sebagainya (‘Āsyūr et.al, 2005.)

Kesimpulannya, kemahiran menulis mempunyai konsep tersendiri, mempunyai tujuan dan objektif yang tertentu. Kemahiran menulis terhasil daripada kemahiran membaca, mendengar dan bercakap. Kemahiran menulis juga boleh dibahagikan kepada pelbagai bidang serta mempunyai format tersendiri. Menulis memerlukan ketepatan dalam menggunakan perkataan dalam membentuk ayat dan idea. Bagi pelajar, mereka perlu mahir dalam penulisan kerana mereka perlu menulis sama ada semasa menjawab soalan peperiksaan, berpersatuan dan berkomunikasi secara bertulis dengan pihak lain semasa menjalankan aktiviti. Begitulah bagi pelajar aliran agama yang selalu merujuk buku dalam bahasa Arab, mereka perlu faham apa yang dipelajari sehingga mampu menggambarkan kefahaman mereka dengan menggunakan kemahiran menulis.

2.5 Implikasi Tatabahasa Arab Terhadap Kemahiran Menulis

Penulisan atau membentuk ayat dalam bahasa Arab memerlukan seorang pelajar menguasai kemahiran melakarkan huruf dan perkataan dengan cara yang betul. Di samping itu, pelajar perlu menguasai cara menulis perkataan yang telah dipersetujui oleh ahli bahasa. Jika tidak, penulisannya gagal menjelaskan maksud yang sebenar. Mereka juga harus mengetahui cara memilih perkataan yang betul. Selain itu, penyusunan mengikut sistem yang tertentu juga perlu dilakukan supaya pembaca memahami idea yang ingin disampaikan (Ḥassan Shahātah, 1993).

Penulisan bukan sahaja bergantung kepada bakat semula jadi semata-mata, malah dipengaruhi juga oleh pengajaran menulis yang bersistem dan berkesan (Yahya Othman, 2005 dan Ahmad Khair Mohd. Nor, 2005). Oleh itu, dalam pengajaran kemahiran menulis, penguasaan peringkat asas dimulakan dengan menulis huruf, perkataan, ayat dan akhirnya sebuah wacana yang dapat difahami apabila dibaca (ibid).

Bagi penulisan dalam bahasa Arab, penyusunan ayat mestilah mengikut kaedah yang ditentukan oleh ahli bahasa Arab mengikut struktur ayatnya yang mempunyai frasa nama dan frasa kerja. Sekiranya gagal menyusun ayat sebagaimana kaedah yang terdapat dalam ilmu tatabahasa Arab maklumat atau mesej yang hendak disampaikan tidak tepat, lari dari maksud dan mungkin tidak boleh difahami (Naemah, 2003).

Penguasaan kaedah tatabahasa Arab mempunyai implikasi terhadap penulisan. Sebagai contoh, kaedah morfologi yang merupakan aspek bahasa yang halus dan memainkan peranan penting dalam sesuatu ungkapan serta memberi kesan kepada makna yang disebut sebagai makna morfologi seperti kata nama pelaku, kata nama objek, kata nama sifat dan sebagainya. Sekiranya perkataan yang berunsur morfologi ini tidak digunakan mengikut peraturan dan bukan pada tempatnya ia tidak akan dapat difahami dengan baik. Begitu juga dengan kaedah nahu, ia memainkan peranan penting dalam penyusunan ayat. Susunan frasa kerja dan frasa nama adalah berbeza sama ada dalam pembentukan ayat dan maksud. Penyelarasan gender dan bilangan juga perlu diambil kira dalam proses penulisan. Kesilapan dalam semua perkara tersebut akan memberi implikasi yang sangat ketara pada maksud ayat yang hendak disampaikan.

Semasa menulis, masalah yang sering dihadapi oleh seseorang pelajar adalah untuk memulakan penulisan. Mereka mungkin terkeliru memilih perkataan yang sesuai dan betul seterusnya menggunakannya dalam ayat. Penguasaan kemahiran menulis karangan bahasa Arab atau kebolehan menulis dalam bahasa Arab merupakan kemahiran yang sukar dikuasai oleh pelajar.

Pelajar yang mempelajari bahasa Arab perlulah sekurang-kurangnya mampu membina ayat yang lengkap, bebas daripada kesalahan dan kesilapan tatabahasa, namun kemahiran menulis peringkat lanjutan seperti menulis karangan perlulah diajar dengan berkesan kerana kemahiran pada peringkat ini sangat sukar dikuasai pelajar. Proses menulis karangan merupakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai berbanding dengan kemahiran bahasa yang lain dan banyak orang tidak mahir menulis (Ahmad Khair Mohd. Nor, 2005). Selain pengajaran yang berkesan dapat memberi kefahaman yang baik kepada pelajar, kemahiran mengarang juga mampu dikuasai oleh sesiapa sahaja sekiranya terdapat pengubahsuaian kurikulum dan juga penyediaan bahan pengajaran yang sesuai (Faridah Serajul Haq et.al, 2001).

Tidak dinafikan, buku teks ataupun modul memainkan peranan penting sebagai faktor utama mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kemahiran menulis khususnya kemahiran menulis karangan. Muda (2012) dalam kajiannya menjelaskan salah satu faktor kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar aliran agama khususnya di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) ialah Sukatan Pelajaran Bahasa Arab (SPBA) yang terlalu tinggi berbanding keupayaan mereka dalam penguasaan asas-asas bahasa Arab seperti penguasaan dalam tulisan Jawi dan kemahiran membaca al-Quran.

Untuk membolehkan pelajar memahami dan menguasai sukatan pelajaran dengan baik perlu disediakan sukatan yang sesuai. Sebagaimana pengkaji mengemukakan tajuk tatabahasa Arab peringkat sekolah menengah. Tajuk yang dikemukakan dalam buku bahasa Arab di peringkat tersebut merangkumi tajuk yang digunakan dalam *'umdat jumlat* iaitu pembentukan ayat dalam bahasa Arab yang terdiri daripada dua jenis ayat yang utama iaitu *jumlat 'ismiyyat* dan *jumlat fi'liyyat* dan *fuḍlat jumlat* yang merupakan pelengkap bagi ayat asas. Sekiranya pelajar dapat menguasai tajuk utama iaitu *jumlat ismiyyat* dan *jumlat fi'liyyat* serta beberapa aspek penting dalam pembentukan ayat tersebut seperti jenis kata nama, kata kerja, frasa dan sebagainya mereka akan mampu menggunakannya dengan baik dalam penulisan. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji memberi fokus terhadap perkara asas dalam pembentukan struktur asas ayat bahasa Arab yang sering dilakukan kesalahan oleh kebanyakan pelajar dalam penulisan mereka.

Berdasarkan beberapa kajian lepas terdapat kajian yang menyentuh kesalahan pelajar dalam penulisan. Antara kesalahan yang dilakukan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 2.3 : Kajian Kesalahan Penulisan Pelajar

BIL	ASPEK KELEMAHAN	CATATAN
1	-Penggunaan kosa kata -Penggunaan subjek dan predikat -Penggunaan gender -Penggunaan bilangan -Penggunaan kata adjektif	Kajian di UPM dan UITM Kajian Naemah (2003)
2	-Kesalahan penggunaan kosa kata -Penggunaan gender -Penggunaan kata ganti nama diri -Kesalahan frasa	Analisis kesalahan nahu bahasa Arab dalam karangan pelajar kursus pengukuhan bahasa Arab (KUIS) Kajian Mohamad Rofian et.al (2014)
3	-Aspek morfologi yang melibatkan aspek kata kerja dan penggunaannya dalam ayat	Che Radiah Mezah (2009)
4	-Kesalahan penulisan dari aspek imlak -Kesalahan penulisan dari aspek <i>mudāf</i> dan <i>mudāf ilayh</i> . -Kesalahan penulisan dari aspek tatabahasa. -Kesalahan penulisan dari aspek sifat dan <i>mawsūf</i> . -Kesalahan penulisan dari aspek <i>tadhkīr wa ta'nīth</i> . -Kesalahan penulisan dari aspek pemilihan <i>mufrad</i> , <i>muthanna</i> dan jamak.	Analisis kesalahan pelajar dalam penulisan bahasa Arab: menulis resume. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Kajian Normah Binti Husin (2014)
5	-Kesalahan dari aspek pemilihan kosa kata, penggunaan imbuhan dan kekeliruan antara kata terbitan dan kata kerja -Kesalahan dalam penyusunan ayat	Kajian terhadap 200 orang pelajar lepasan sekolah menengah Agama Malaysia yang sedang mengikuti pengajian di USIM, kajian Rosni (2012)
6	Kesalahan dalam penulisan lambang hamzah	kajian terhadap 100 orang pelajar dalam penulisan lambang hamzah (KISAS) Kajian Noor Hayati (1998)
7	Kesalahan dalam menggunakan semua jenis <i>damīr</i>	Tinjauan terhadap tahap pencapaian serta kefahaman pelajar Melayu sekolah agama Kajian Norisah(2000)

Daripada tinjauan kesalahan dalam kajian lepas, pengkaji boleh membuat kesimpulan seperti berikut:

- i. Penulisan bahasa Arab sama ada penulisan ayat pendek atau penulisan karangan dalam kalangan pelajar Melayu masih berada pada tahap tidak memuaskan.
- ii. Kesalahan dalam penulisan berkisar tentang aspek pemilihan kosa kata, penyusunan ayat dan penyelarasan gender serta bilangan di mana aspek kesalahan yang dilakukan merupakan aspek penting dalam tatabahasa Arab dan sangat mempengaruhi kesahihan struktur ayat serta ketepatan kaedah.

Hasil pemerhatian mendapati aspek kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam kajian di atas dengan apa yang telah dipelajari di sekolah menengah menunjukkan bahawa pelajar kurang menguasai tatabahasa di peringkat sekolah menengah. Oleh itu, perlu kajian untuk mendapatkan kepastian sama ada mereka betul-betul tidak faham dan tidak dapat menguasai tatabahasa atau disebabkan oleh faktor lain. Hasil dapatan kajian ini nanti dapat dikemukakan kepada pihak berkaitan untuk mencari jalan penyelesaian untuk memperbaiki kelemahan pelajar dalam menguasai tatabahasa Arab dan mencari punca kelemahan mereka sama ada kelemahan disebabkan oleh sukatan yang tidak sesuai atau pembelajaran yang tidak betul. Kajian ini mungkin menjadi salah satu penyumbang untuk memperbaiki kelemahan pelajar dan membantu meningkatkan kefahaman mereka terhadap tatabahasa Arab seterusnya mengaplikasikannya dalam penulisan.

2.6 Keperluan Ayat Bahasa Arab

Kamus linguistik (1997:205) mendefinisikan sintaksis sebagai cabang ilmu linguistik yang mengkaji pembentukan ayat seperti penyusunan kata kepada ayat dan cara hubung kata dalam ayat. Maksudnya, sintaksis membincangkan bagaimana cara menyusun kata dengan betul untuk membentuk ayat mengikut kaedah yang ditetapkan oleh mana-mana bahasa dan boleh difahami maksudnya.

Mengikut Muṣṭafā al-Fār (2006: 11) keperluan asas dalam pembentukan ayat dalam bahasa Arab ialah perkataan iaitu **الكَلِمَةُ** yang dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu:

- i. Kata nama (اسْمٌ)
- ii. Kata kerja (فِعْلٌ)
- iii. Kata tugas (حَرْفٌ)

2.6.1 Kata Nama

Pengertian *isim* sebagaimana dikemukakan oleh ulama nahu dalam buku al-Qawā'id al-Asāsi li al-Lughat al-'Arabiyyat sebagai:

كَلِمَةٌ دَلَّتْ عَلَى مَعْنَى وَ لَمْ يَفْتَرَنَّ بِزَمَنِ

“Jenis kata yang mengandung makna yang tidak terikat dengan waktu”.

Isim ialah semua jenis kata benda atau segala sesuatu yang dikategorikan benda sama ada benda tidak hidup mahupun benda hidup tanpa dihubungkaitkan dengan waktu atau dengan kata lain. Kata nama dalam bahasa Arab ialah setiap perkataan yang memberi pengertian sebagai: manusia, binatang tumbuhan, benda, tempat, masa, kata sifat dan lain-lain termasuk perbuatan yang tidak disertakan dengan masa (al-Hāshimīy, tt:13)

i. Ciri-Ciri Kata Nama Bahasa Arab

Terdapat beberapa ciri kata nama bahasa Arab yang membezakannya dengan unsur lain dalam golongan perkataan bahasa Arab iaitu kata kerja dan kata tugas (ibn ‘Aqīl, 1985, 1:17). Terdapat pelbagai pandangan ahli bahasa Arab berkaitan ciri-ciri kata nama dalam bahasa Arab, antaranya:

a) Kata nama boleh *dimajrūrkan* melalui salah satu daripada cara berikut:

1. Diletakkan selepas huruf *jarr*.

Antara ciri kata nama yang membezakannya dengan kata kerja dan kata tugas ialah kata nama boleh diletakkan selepas huruf *jarr*, contohnya: **أَسْكُنُ فِي الْمَغْرِبِ** : (Saya tinggal di Morocco). Perkataan **الْمَغْرِبِ** menjadi *majrūr* dengan huruf *jarr* sebelumnya, iaitu (فِي).

2. Disandarkan kepada nama yang lain.

Antara faktor yang membolehkan kata nama menjadi *majrūr* adalah dengan disandarkan kepada kata nama yang lain sama ada kata nama khas atau am seperti **أَنَا مُعَلِّمُ اللُّغَةِ** (saya seorang guru bahasa). Perkataan guru adalah kata nama am yang disandarkan kepada perkataan bahasa yang merupakan kata nama khas dan membawa maksud khas iaitu guru bahasa. Perkataan (اللُّغَةِ) boleh juga dibuang huruf *alif* dan *lām* untuk dijadikan kata nama am dan masih boleh disandarkan oleh perkataan (مُعَلِّمٍ). Ketiga-tiga perkataan iaitu (اللُّغَةِ) (مُعَلِّمٍ) dan (لُغَةٍ) adalah kata nama kerana boleh menyandar dan disandar. Perkataan yang menyandar dinamakan *mudāf* dan perkataan yang disandar pula dinamakan *mudāf ilayh* yang menjadi *majrūr* dengan sandaran (إِضَافَةٌ).

3. Dijadikan pengikut (تابع) kepada *sim majrūr*.

Istilah “pengikut” atau *tābi‘* dalam bahasa Arab ialah perkataan yang menjadi *sifat*, *tawkīd* atau *badal* kepada perkataan sebelumnya (Fu’ād Ni‘mat, 1973 :103). Hukum *i‘rāb* bagi *tābi‘* ini ialah mengikuti perkataan sebelumnya. Sekiranya *tābi‘* mengikuti perkataan yang menjadi *majrūr*, ia akan turut *majrūr*. Kata nama juga boleh menjadi *tābi‘* dan boleh dimajrūrkan dengan meletakkannya sebagai salah satu *tābi‘* kepada perkataan yang *majrūr* yang berada sebelumnya. Sebagai contoh, meletakkan kata nama sebagai sifat atau *tābi‘* kepada perkataan sebelumnya yang sedia *majrūr* seperti : أَسْكُنُ فِي الْبَيْتِ الْكَبِيرِ (Saya tinggal di rumah yang besar). Perkataan (الْبَيْتِ) di sini adalah kata nama kerana menjadi *majrūr* disebabkan mengikuti perkataan sebelumnya (الْبَيْتِ) yang sudah sedia *majrūr*.

Semua contoh di atas menunjukkan kata nama bukan hanya dilihat kepada maksud sesuatu benda bahkan boleh dilihat ketika kedudukannya dalam keadaan *majrūr* pun telah menunjukkan perkataan tersebut adalah kata nama.

b) Menerima kemasukan *alif* dan *lām*)ال(.

Antara ciri kata nama yang disebut dalam kaedah bahasa Arab ialah kata nama boleh menerima *alif* dan *lām*, sebagai contoh perkataan الْمَسْجِدُ - الْمَكْتَبَةُ - الْمَدْرَسَةُ kesemuanya boleh dimasukkan *alif* dan *lām* yang menunjukkan ia sebagai kata nama. Berbeza dengan perkataan يَمْشِي - يَضْرِبُ - فِي - لَنْ- perkataan seperti ini tidak menerima *alif* dan *lām* kerana ia bukan daripada golongan kata nama.

c) Boleh menjadi *munādā*.

Munādā ialah kata nama yang terletak selepas kata seru atau huruf *nidā'* seperti يا هند. Perkataan هند di sini dipanggil *munādā* kerana berada selepas kata seru يا dan menunjukkan هند adalah kata nama.

d) Tidak menerima kemasukan (قَدْ) dan (سَوْفَ)

Kata tugas (قَدْ) dan (سَوْفَ) dalam bahasa Arab berfungsi dan memberi maksud yang lengkap semasa bersama kata kerja sahaja sama ada kata kerja *māḍiy* atau *muḍāri'*. Oleh itu kata nama tidak menerima dua perkataan ini diletakkan sebelumnya.

e) Menerima *tanwīn* atau baris dua di pengakhiran perkataan.

Antara tanda pengenalan kata nama dalam bahasa Arab juga ialah menerima *tanwīn* iaitu baris dua di hujung perkataannya sama ada baris dua di atas, di bawah atau dihadapan (ـَـ ِـ ٍـ) seperti: مَدْرَسَةٌ، كِتَابٌ dan وَلَدًا.

Pengenalan bagi kata nama tidak boleh dirujuk kepada terjemahan dalam bahasa lain yang menunjukkan maksud kata nama sahaja bahkan perlu melihat tanda pengenalannya, sebagai contoh: perkataan قِرَاءَةٌ apabila dirujuk kepada maksudnya dalam bahasa Melayu ia memberi maksud “membaca” yang menunjukkan perbuatan atau kata kerja tetapi apabila dirujuk kepada tandanya didapati terdapat tanda tanwin atau baris dua di hujung perkataan iaitu tanda tanwin yang ada pada huruf ة dan ini jelas menunjukkan ia adalah kata nama. Oleh itu, untuk mengenal pasti kata nama perlu merujuk kepada tanda kata nama yang terdapat dalam perkataan tersebut.

ii. Pembahagian Kata Nama Bahasa Arab

Kata nama dalam bahasa Arab dibahagikan kepada pelbagai jenis mengikut kategori pembahagiannya. Di sini pengkaji menerangkan secara ringkas sebahagian jenis kata nama yang sering digunakan dalam penulisan, antara kata nama tersebut ialah:

- a) Kata nama feminin (مؤنث) dan maskulin (مذكر) (Mohamed, Yasin: 1998)

Kata nama feminin merujuk kepada kata nama yang digunakan untuk feminin dan mengandungi salah satu daripada tanda-tanda berikut:

1. *Ta' ta'nīth marbuta* (ة) seperti: دَجَاجَةٌ
2. *Alif ta'nīth maqṣūrat* seperti: سَلْمَى
3. *Alif ta'nīth mamdūdat* seperti: حَسَنَاءُ

Selain daripada tanda *mu'annath* seperti di atas, kata nama *mu'annath* juga kadangkala tidak terdapat tanda tersebut bahkan ia dikhususkan untuk *mu'annath* seperti sifat khas bagi *mu'annath*, antara contohnya ialah perkataan حَامِلٌ (mengandung) dan kata nama khas *mu'annat* seperti هِنْدٌ. Kata nama *mudhakkār* atau maskulin pula merujuk kepada setiap kata nama yang digunakan untuk jantan sama ada benda, binatang atau manusia. Kata nama maskulin boleh dikenali dengan sunyinya daripada tanda-tanda kata nama feminin yang disebutkan tadi. Antara contoh kata nama maskulin seperti: مُسْلِمٌ (orang Muslim lelaki), وَلَدٌ (kanak-kanak lelaki), رَجُلٌ (orang lelaki).

b) Kata nama Tunggal (مُفْرَدٌ), Duaan (مُتَنَبِّئٌ) dan Jamak (جَمْعٌ)

Kata nama tunggal, duaan dan jamak dibahagikan berdasarkan bilangan. Kata nama tunggal merujuk bilangan satu sama ada maskulin atau feminin manakala kata nama duaan pula merujuk bilangan dua dan kata nama jamak merujuk bilangan melebihi dua. (Mohamed Yasin, 1998).

Kata nama duaan berlaku dengan penambahan huruf *alif* dan *nūn* atau *yā'* dan *nūn* di hujung kata nama tunggal sama ada kata tunggal feminin atau maskulin. Kata nama jamak pula terbahagi kepada 3 jenis iaitu jamak *mudhakkār sālim* iaitu jamak bagi perkataan *mudhakkār* dengan menambahkan huruf *wāw* dan *nūn* ketika dalam keadaan *marfu'* dan *yā'* dan *nūn* dalam keadaan *manṣūb* dan *majrūr*. Jenis yang kedua bagi jamak ialah jamak *mu'annath sālim* iaitu jamak bagi perkataan *mu'annath* dengan ditambahkan *alif* dan *tā'* pada perkataan tunggalnya. Jamak yang terakhir ialah jamak *taksīr* yang merupakan jamak bagi perkataan yang tidak cukup syarat untuk dijamakkan atas nama jamak *mu'annath sālim* atau jamak *mudhakkār sālim* tadi. Tidak ada kaedah khusus bagi pembentukan jamak *taksīr*. Walau bagaimanapun, ulama' bahasa Arab cuba menghimpunkan pola kata nama jamak *taksīr* dalam beberapa buah buku tata bahasa Arab sebagai rujukan.

Untuk memperlihatkan dengan lebih jelas, pengkaji mengemukakan bentuk kata nama tunggal, duaan dan jamak ketiga-tiga jenisnya dalam bentuk *mudhakkār* dan *mu'annath* dalam jadual berikut:

Jadual 2.4 : Bentuk Kata Nama Berdasarkan Bilangan

Jamak			Duaan	Tunggal	Gender/ Bilangan
Taksīr	Mu'annath Sālim	Mudhakkār Sālim			
		والدُّونَ/والدِّينَ	والدَّانَ/والدَّيْنِ	وَالِدٌ	Mudhakkār
أَوْلَادٌ			ولِدَانٍ/ولِدَيْنِ	وَلَدٌ	
مَكَاتِبُ			مَكْتَبَانِ/مَكْتَبَيْنِ	مَكْتَبٌ	Mu'annath
	وَالذَّاتُ		والذَّاتَانِ/والذَّاتَيْنِ	وَالِدَةٌ	
حَقَائِبُ			حَقِيبَتَانِ/حَقِيبَتَيْنِ	حَقِيبَةٌ	

Jadual 2.4 memperlihatkan keadaan setiap nama tunggal sama ada feminin atau maskulin berubah menjadi kata nama duaan di mana perubahannya berlaku dengan penambahan ان (atau ين) tetapi kata nama tunggal tadi ketika menjadi jamak setiap satu akan mengikut kaedah yang ditetapkan pada kata nama tunggal iaitu kata nama *mudhakkār* yang cukup syarat untuk dijamakkan dalam bentuk jamak *mudhakkār sālim* akan dijamakkan dengan (ون) atau (ين). Adapun kata nama tunggal yang berakhir dengan (ة) atau kata nama *mu'annath* akan dijamakkan dengan (ات). Kata nama yang tidak cukup syarat untuk dijamakkan dalam bentuk jamak *mudhakkār sālim* atau jamak *mu'annath sālim* pula akan dijamakkan dalam bentuk jamak *taksīr*. Kaedah jamak secara ditil tidak dibincangkan di sini kerana tujuan penerangan jenis kata nama mengikut jantina di sini hanya sebagai pengenalan dan untuk membezakan bentuk ketiga-tiga jamak ini sahaja.

b) Kata nama am (نَكْرَةٌ) dan khas (مَعْرِفَةٌ)

Selain kata nama yang tersebut di atas, dalam bahasa Arab terdapat kata nama yang penting dan sering digunakan dalam pembentukana ayat, antaranya ialah kata nama am dan kata nama khas.

Kata nama am ialah kata nama tidak definit (Kamus Dewan, 2006:2433). Ia merujuk setiap kata nama yang menunjukkan sesuatu yang umum dan belum ditentukan atau dikhususkan. Kata nama am dalam bahasa Arab boleh dikenali dengan tanda tanwin (◌ٍ) atau baris dua di hujung perkataan manakala kata nama khas pula, 'Azīzat Fawwal Bābati: (1992:2:1027) telah mendefinisikannya sebagai kata nama yang menunjukkan sesuatu yang tertentu atau orang tertentu atau haiwan tertentu.

Kata nama *ma'rifaṭ* atau khas terbahagi kepada 6 iaitu: (Hifni Bek Dayyab et.al,1989)

1. Kata nama yang diberi tanda kata tugas (ال) seperti الولد
2. Kata nama khas (العَلْمُ) iaitu nama khas bagi manusia, binatang, masa, tempat dan sebagainya seperti آدَمُ - مِصْرُ
3. Kata nama demonstratif (الإِشَارَةُ), antaranya هَذَا هَذِهِ (ini)
4. Kata nama penyambung (الْمَوْصُولُ) seperti الَّذِي
5. Ganti nama (الضَّمِيرُ) seperti هُوَ هِيَ (dia)
6. Frasa nama (الإِضَافَةُ) seperti مُدِيرُ الْمَدْرَسَةِ (guru besar)

c) Frasa

Adalah penting bagi pengkaji membincangkan tentang frasa kerana frasa banyak digunakan dalam kemahiran menulis. Pelajar sentiasa melakukan kesalahan dalam penggunaan frasa (Abd. Halim, 2002). Dalam bahasa Arab, frasa adalah gabungan dua

atau lebih kalimah atau perkataan yang memberi pelbagai makna. Antara frasa yang terdapat dalam struktur ayat bahasa Arab ialah frasa *idāfat* dan frasa sifat.

1. Frasa *idāfat*

Frasa *idāfat* ialah gabungan kata nama yang terdiri daripada dua perkataan seperti *رَسُولُ اللَّهِ*, perkataan pertama iaitu *رَسُولُ* dinamakan *mudāf* (*مُضَافٌ*) yang mana baris akhirnya berubah mengikut keadaan *i'rab* manakala kalimah atau perkataan kedua ialah *mudāf ilayh* (*مُضَافٌ إِلَيْهِ*) yang mana sentiasa *majrūr* (Sa'ad Husin, Abdul majid, 2006). Antara contoh pembentukkan frasa *idāfat* adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 2.5 : Pembentukan Frasa *idāfat*

Bil	Frasa <i>Idāfat</i>	<i>Mudāf Ilayh</i>	<i>Mudāf</i>
1.	مُعَلِّمٌ لُغَةٍ	لُغَةٍ	مُعَلِّمٌ
2.	مُعَلِّمٌ اللُّغَةِ	اللُّغَةِ	مُعَلِّمٌ
3.	مُعَلِّمًا اللُّغَةِ / مَعَلِّمِي اللُّغَةِ	اللُّغَةِ	مُعَلِّمَانِ
4.	مُعَلِّمُونَ اللُّغَةِ / مَعَلِّمِي اللُّغَةِ	اللُّغَةِ	مُعَلِّمُونَ
5.	مُعَلِّمٌ اللُّغَتَيْنِ	اللُّغَتَانِ	مُعَلِّمٌ
6.	مُعَلِّمٌ أَخِيكَ	أَخِيكَ	مُعَلِّمٌ
7.	كِتَابُ الْمُعَلِّمِينَ	الْمُعَلِّمُونَ	كِتَابٌ

Contoh dalam jadual di atas menunjukkan pembentukan frasa *idāfat* yang terdiri daripada *mudāf* dan *mudāf ilayh*. Kaedah bagi perkataan yang menduduki tempat *mudāf* mestilah terdiri daripada kata nama am manakala *mudāf ilayh* iaitu perkataan yang kedua pula terdiri sama ada daripada perkataan *nakirat* (am) seperti dalam contoh pertama atau *ma'rifat* (khas) seperti dalam contoh 2-7. *Mudāf* yang terdiri daripada kata nama

am tunggal perlu dibuang *tanwīn* sebelum disandarkan kepada *mudāf ilayh* seperti dalam contoh pertama.

Kata nama duaan atau jamak pula perlu dibuang huruf *nūn* sebelum disandarkan kepada *mudāf ilayh* seperti dalam contoh 3 dan 4. Keadaan *i'rāb* bagi *mudāf* adalah bergantung kepada kedudukannya dalam ayat. Manakala kedudukan *i'rāb* bagi *mudāf ilayh* ialah *majrūr* sama ada dengan baris di bawah () iaitu ketika terdiri daripada kata nama tunggal seperti dalam contoh 1-4, *majrūr* dengan huruf *ya'* yang huruf sebelumnya beraris di atas () seperti dalam contoh 5 sekiranya terdiri daripada kata nama duaan dan *majrūr* dengan huruf *ya'* yang huruf sebelumnya berbaris di bawah sekiranya terdiri daripada kata nama jamak *mudhakkār sālim* dan *isim* lima sepertimana dalam contoh 6-7.

2. Frasa Sifat

Menurut 'Abduh al-Rajīhi (1988) dan Ibn Hishām (tt, 3:302-306), frasa sifat ialah perkataan yang menjadi sifat kepada perkataan sebelumnya serta mengikuti dan menyamai perkataan yang berada sebelumnya dari segi gender, khas dan am, tunggal, duaan, jamak serta *i'rāb*. Pembentukan frasa sifat boleh dilihat seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 2.6 : Pembentukan Frasa Sifat

Keadaan Sifat	Keadaan <i>Mawsūf</i>	Frasa Sifat	Ayat	Bil
<i>Murrad marfu'</i>	<i>Murrad marfu'</i>	مُعَلِّمٌ مُجْتَهِدٌ	جاء مُعَلِّمٌ مُجْتَهِدٌ	1
<i>Muthannā Mansūb</i>	<i>Muthannā Mansūb</i>	مُعَلِّمَيْنِ مُجْتَهِدَيْنِ	رَأَيْتُ مُعَلِّمَيْنِ مُجْتَهِدَيْنِ	2
<i>Dua mu'annath mansūb</i>	<i>Dua mu'annath mansūb</i>	مُعَلِّمَتَيْنِ مُجْتَهِدَتَيْنِ	رَأَيْتُ مُعَلِّمَتَيْنِ مُجْتَهِدَتَيْنِ	3

Jamak <i>mu'annath majrūr</i>	Jamak <i>muannath majrūr</i>	مُعَلِّمَاتٍ مُجْتَهِدَاتٍ	رَأَيْتُ مُعَلِّمَاتٍ مُجْتَهِدَاتٍ	4
Jamak <i>mudhakkār majrūr</i>	Jamak <i>mudhakkār majrūr</i>	المُعَلِّمِينَ المُجْتَهِدِينَ	مررت بالمُعَلِّمِينَ المُجْتَهِدِينَ	5
<i>Mufrad mu'annath manṣūb</i>	Jamak <i>taksīr manṣūb</i>	كُتِبَا كَثِيرَةً	إشترَيْتُ كُتُبًا كَثِيرَةً	6
Jamak <i>mudhakkār majrūr</i>	Jamak <i>taksīr majrūr</i>	طُلَّابٍ مُجْتَهِدِينَ	تَكَلَّمْتُ مَعَ طُلَّابٍ مُجْتَهِدِينَ	7

Jadual di atas menunjukkan keadaan frasa sifat di mana sifat perlu mengikuti *masūf* dalam semua keadaan sama ada dalam aspek jantina, bilangan, am dan khas serta kedudukan *i'rāb*. Kata nama jamak *taksīr lighayr 'āqil* (tidak berakal) perlu disifatkan dengan sifat *mufrad mu'annath* seperti dalam contoh 6. Manakala kata nama jamak *taksīr li al-'āqil* (berakal) perlu disifatkan dengan sifat jamak *mudhakkār sālim* seperti dalam contoh 7

Kata nama boleh dijadikan sebahagian dalam ayat bahasa Arab dan setiap ayat bahasa Arab tidak menjadi lengkap tanpa sekurang-kurangnya kata nama. Pembentukan ayat dengan menggunakan kata nama dalam bahasa Arab perlu dirujuk kaedah yang telah ditetapkan oleh ahli bahasa Arab kerana setiap kata nama mempunyai fungsi yang berbeza. Kesilapan dalam menggunakan kata nama atau menyusun serta meletakakkannya tidak tepat pada kedudukannya akan menyebabkan kesilapan sintaksis dan boleh membawa kepada kepesongan maksud.

Oleh itu, pengamal bahasa Arab perlu mahir dalam ilmu tatabahasa Arab yang menerangkan kaedah penggunaan jenis perkataan dalam bahasa Arab. Pengamal bahasa Arab bukan sahaja sekadar mengingati kaedah tatabahasa Arab yang ditetapkan bahkan perlu mahir sehingga mampu menggunakannya dengan betul dalam percakapan mahu

pun penulisan kerana penggunaan bahasa yang betul adalah yang tidak terdapat kesilapan tatabahasa padanya.

2.6.2 Kata Kerja

Kata kerja dalam bahasa Arab ialah perkataan yang menunjukkan berlaku suatu peristiwa pada masa tertentu. Dari sudut bahasa, kata kerja bermakna kata yang menyatakan sesuatu perbuatan (Noresah, 2002: 584) dan merupakan perkataan yang menjadi inti bagi binaan atau konstruksi frasa kerja (Nik Safiah, et al. (1997: 139). Para ahli nahu Arab pula mendefinisikan kata kerja sebagai perkataan yang menunjukkan peristiwa yang berlaku pada tiga keadaan masa iaitu lepas, kini dan akan datang (al-Hāshimiy 1998 : 14.). Menurut Fu'ād Ni'mat (1973: 18) pula, kata kerja ialah setiap perkataan yang menunjukkan peristiwa yang berlaku pada waktu yang tertentu. Kata kerja dalam bahasa Arab terbahagi kepada beberapa jenis berdasarkan kategori tertentu iaitu:

i. Pembahagian Kata Kerja Berdasarkan Masa

Pembahagian kata kerja dalam bahasa Arab berdasarkan masa dibahagikan kepada tiga jenis kata kerja iaitu:

a) Kata kerja *Māḍiy* (الْمَاضِي).

Kata kerja *māḍiy* atau kata kerja lampau ialah kata kerja yang menunjukkan peristiwa yang berlaku pada masa lampau atau pada waktu sebelum seseorang itu bercakap. (al-Hāshimiy 1998 : 14 dan al- Hamlāwiy (t.t) : 24). Contohnya dalam ayat : ذَهَبْتُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ (saya telah pergi ke sekolah). Perkataan ذَهَبْتُ di sini ialah kata kerja *māḍiy* kerana menunjukkan peristiwa “pergi” pada masa lampau. Kata kerja *māḍiy* boleh dikenali dengan penerimaan *tā' ta'nīth maftūḥat* (ت) seperti ذَهَبْتُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ, huruf *tā'* yang terdapat pada perkataan ذَهَبْتُ ialah *tā' ta'nīth* sebagai tanda perkataan

itu ialah kata kerja *māḍiy*. Kata kerja *māḍiy* juga boleh dikenali dengan penerimaan *tā'* *damīr* iaitu huruf *tā'* yang terdapat pada رأيت في الآية ولذا رأيت, begitu juga kata kerja *māḍiy* boleh menerima *nūn niswat* dan قد yang boleh lihat pada perkataan قد صلين في الآية المسلمات قد صلين في المسجد.

b) Kata kerja *mudāri'* (المضارع)

Kata kerja *mudāri'* (المضارع) ialah kata kerja kala kini yang menunjukkan peristiwa yang sedang berlaku semasa ia dilafazkan atau selepas ia dilafazkan atau peristiwa akan berlaku pada masa akan datang (al- Hamlāwiyy (t.t): 24), contohnya: أَذْهَبُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ / أَذْهَبُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ (saya sedang pergi ke sekolah /saya akan pergi ke sekolah. Perkataan (أَذْهَبُ) di sini merupakan kata kerja *mudāri'* yang menunjukkan kerja sedang dilakukan dan akan dilakukan iaitu “pergi” dan “akan pergi”. Kata kerja *mudāri'* (سَأَذْهَبُ / سَوْفَ أَذْهَبُ) yang ditambahkan س atau سَوْفَ menunjukkan kerja yang akan dilakukan selepas ucapan iaitu “saya akan pergi”. Kata kerja *mudāri'* mempunyai tanda yang membezakannya daripada kata kerja *māḍiy* iaitu kata kerja *mudāri'* boleh menerima قد. Kata tugas قد boleh dimasukkan di hadapan kata kerja *māḍiy* dan *mudāri'* tetapi yang membezakannya ialah قد yang digunakan untuk kata kerja *māḍiy* untuk menguatkan peristiwa tetapi قد yang dimasukkan pada kata kerja *mudāri'* adalah untuk menunjukkan maksud “jarang-jarang” atau “kadang-kadang”. Sebagai contoh, ayat قَدْ أَكَلْتُ الْأُرْزَّ memberi maksud sesungguhnya saya telah makan nasi, tetapi ayat أَكَلْتُ الْأُرْزَّ memberi maksud kadang-kadang saya makan nasi. Kata kerja *mudāri'* juga boleh dikenali dengan kemasukan *huruf nasab dan jazam* iaitu kata tugas yang memainkan peranan menjazamkan atau menasabkan kata kerja *mudāri'*. Keterangan lengkap mengenai kata tugas ini akan dibincangkan dalam bahagian huruf nanti. Tanda lain bagi kata kerja *mudāri'* ialah ia menerima *yā' mukhāṭabat* (يَاءُ الْمُخَاطَبَةِ) seperti

أَذْهَبُ - نَذْهَبُ - تَذْهَبُ-يَذْهَبُ (أَنْتِ) seperti تَذْهَبِينَ, huruf *muḍāra‘ah* (أَنْتِ) seperti تَذْهَبِينَ dan *nūn tawkīd* (نون التوكيد) seperti: أَذْهَبَنَّ

c) Kata kerja *amr* (الأمر)

Kata kerja *amr* (الأمر) pula ialah kata kerja yang digunakan untuk meminta sesuatu perkara dilakukan pada masa akan datang (Hamlāwiyy, t.t: 24) seperti:

إِذْهَبْ إِلَى الْمَدْرَسَةِ (hendaklah kamu pergi ke sekolah), perkataan إِذْهَبْ di sini merupakan kata kerja arahan. Selain daripada menunjukkan arahan, kata kerja *amr* boleh dikenali dengan penerimaan *yā’ mukhāṭabaṭ* (يَاءُ الْمُخَاطَبَةِ) seperti إِذْهَبِي إِلَى الْمَدْرَسَةِ dan *nūn tawkīd* seperti dalam ayat إِذْهَبَنَّ إِلَى الْمَدْرَسَةِ

ii. Pembahagian Kata Kerja Berdasarkan Imbuan Dan Bilangan Huruf

Pembahagian kata kerja dalam bahasa Arab berdasarkan imbuan dan bilangan huruf yang terkandung dalam kata kerja adalah seperti berikut:

a) Kata kerja *mujarrad* (الْفِعْلُ الْمُجَرَّدُ)

Kata kerja *mujarrad* (الْفِعْلُ الْمُجَرَّدُ) ialah kata kerja yang tidak berimbuan iaitu mana-mana kata kerja yang mengandungi huruf asal dan huruf asal ini tidak gugur daripada kata kerja tersebut walaupun satu huruf apabila ditaṣrīfkan kecuali perkataan yang mengandungi huruf ‘*illat*’ iaitu huruf *alif*, *yā’* dan *wāw* (al-Hamlāwīy, t.t : 29) contohnya seperti ضَرَبَ قَتَلَ apabila ditaṣrīfkan huruf asal tiga huruf yang terkandung dalam perkataan tersebut tidak hilang tetapi masih kekal seperti ضَرَبْنَا قَتَلْنَا dan seperti يَضْرِبُ - يَضْرِبُونَ. Sekiranya kata kerja *mujarrad* terdiri daripada huruf ‘*illat*’ ia akan gugur semasa taṣrīf seperti قُلْنَا - قُلْتُ - قَالَ dan يَقُولُ - يَقُولُونَ di mana huruf *alif* yang terletak di tengah-tengah digugurkan semasa taṣrīf atau bersambung dengan *ḍamīr*. Kata kerja *mujarrad* terdiri daripada *mujarrad thulā’thiy* iaitu yang asal tiga huruf

seperti *قَتَلَ* – *ذَهَبَ* dan *mujarrad rubā'iy* yang asalnya empat huruf seperti *زُلْزِلَ* dan *وَسُوسَ*. Semua huruf ini kekal apabila ditaşrifkan seperti *زُلْزِلَتْ*–*وَسُوسَتْ* kecuali yang terkandung huruf 'illat seperti diterangkan di atas.

b) Kata kerja *Mazīd* (الفِعْلُ الْمَزِيدُ)

Kata kerja *mazīd* (الفِعْلُ الْمَزِيدُ) ialah kata kerja berimbuhan yang terdiri daripada mana-mana kata kerja yang ditambah satu, dua atau tiga huruf pada perkataan asal.(al-Ghalāyini:, 1997: juz 3: 5). Penambahan ini sama ada penambahan yang berlaku pada kata kerja asal 3 huruf atau 4 huruf dan sama ada berlaku penambahan sebanyak satu huruf, dua huruf atau tiga huruf. Contoh penambahan yang berlaku pada perkataan asal tiga huruf seperti:

1. Penambahan satu huruf ($3+1=4$) seperti *أَذْهَبَ* asal perkataan ini sebelum penambahan adalah 3 huruf iaitu *ذَهَبَ*.
2. Penambahan 2 huruf ($3+2=5$) seperti *اجْتَمَعَ* asal perkataan ini sebelum ditambah adalah 3 huruf iaitu *جَمَعَ*.
3. Penambahan tiga huruf ($3+3=6$) seperti *اسْتَعْفَرَ* asal perkataan ini sebelum ditambah adalah 3 huruf iaitu *عَفَرَ*.

Manakala contoh penambahan yang berlaku pada kata kerja asal 4 huruf pula seperti:

1. Penambahan satu huruf ($4+1=5$) seperti *تَبَعَثَر* asal perkataan ini sebelum penambahan adalah 4 huruf iaitu *بَعَثَر*
2. Penambahan 2 huruf ($4+2=6$) seperti *أَفْشَعَرَ* asal perkataan ini sebelum ditambah adalah 4 huruf iaitu *فَشَعَرَ*

Penambahan huruf pada asal perkataan ini bertujuan menambahkan atau mengubah atau menambah maksud perkataan. Maksud penambahan ini dibincangkan secara detail dalam ilmu saraf. Penggunaan yang tepat terhadap kata kerja ini sangat perlu kerana setiap perubahan perkataan membawa makna dan maksud yang berlainan.

iii. Pembahagian Kata Kerja Berdasarkan Keperluan Kepada Objek (المفعول به)

Selain itu, kata kerja juga dibahagikan mengikut keperluan kata kerja tersebut kepada objek atau tidak. Pembahagian kata kerja berdasarkan keperluan objek ini dibahagikan kepada kata kerja transitif (فعل متعدي) dan kata kerja tidak transitif (فعل لازم):

a) Kata kerja transitif (فعل متعدي)

Kata kerja transitif atau *fi'l muta'addi* dikenali sebagai kata kerja yang tidak mencukupi untuk menyempurnakan makna sesuatu ayat dengan hanya ada pelaku iaitu *fā'il* kepada perbuatan tersebut sahaja, bahkan kata kerja tersebut memerlukan *maf'ul bih* sebagai objek atau mangsa dan sasarannya dalam ayat tersebut untuk menyempurnakan maknanya (Maḥmūd Ḥusaynī al-Mughālaṣah. 1991). Sebagai contoh: أَكَلَ مُحَمَّدٌ الْأُرْزَ (Mohamad telah makan nasi) perkataan “makan” أَكَلَ di sini tidak sempurna penggunaannya hanya dengan أَكَلَ مُحَمَّدٌ melainkan dengan *maf'ul bih* iaitu الْأُرْزَ

b) Kata Kerja tidak transitif (فعل لازم)

Kata Kerja tidak transitif (فعل لازم) ialah kata kerja yang boleh menyempurnakan makna sesuatu ayat dengan hanya ada si pelaku (*fā'il*) kepada perbuatan tersebut tanpa memerlukan *maf'ul bih* seperti قَامَ مُحَمَّدٌ (Mohamad telah berdiri). Perkataan قَامَ telah sempurna penggunaannya dengan hanya pelaku tanpa memerlukan *maf'ul bih* (Ibn 'Aqīl, 1985, 1: 145).

iv. Pembahagian Kata Kerja Berdasarkan Kandungan Huruf 'Illat (ا و ي)

Kata kerja juga dibahagikan berdasar kandungan huruf 'illat (ا و ي) atau tidaknya kepada dua iaitu : kata kerja *sahīh* (فَعْلٌ صَحِيحٌ) dan kata kerja *mu'tal* (فَعْلٌ مُعْتَلٌ) (Fuad Ni'mat, 1973: 63 dan al- Hamlāwīy t.t : 2, 28 dan 29).

- a) Kata kerja *sahīh* (فَعْلٌ صَحِيحٌ) ialah kata kerja yang perkataan asalnya tiada huruf 'illat seperti دَهَبَ - قَتَلَ - جَلَسَ. Semua huruf dalam kata kerja ini terdiri daripada huruf sahīh
- b) kata kerja *mu'tal* (فَعْلٌ مُعْتَلٌ) pula ialah kata kerja yang perkataan asalnya terdapat huruf 'illat iaitu (ا و ي) seperti قَالَ - نَامَ, salah satu huruf yang terkandung dalam kata kerja ini terdiri daripada huruf *alif* yang dikategorikan sebagai huruf 'illat.

Pembahagian kata kerja berdasarkan kategori tersebut adalah mengikut keperluan maksud yang berbeza-beza mengikut kaedah yang ditetapkan dalam ilmu morfologi. Walau bagaimanapun, di sini pengkaji hanya memberi fokus terhadap aspek dan jenis kata kerja mengikut pembahagian penting dan mengikut jenis yang sering digunakan oleh pelajar serta berdasarkan ia boleh memberi kesan yang ketara dalam pembentukan ayat sahaja.

2.6.3 Kata Tugas

Selain daripada kata nama dan kata kerja, dalam pembentukan ayat bahasa Arab memerlu kan kata tugas mengikut syarat penggunaan yang ditetapkan oleh ahli bahasa Arab. Mengikut Mohd Zaki (2001), di peringkat sintaksis kata tugas atau huruf dalam bahasa Arab membawa berbagai-bagai maksud mengikut konteks ayat. Kata tugas dalam bahasa Arab dikategorikan seperti berikut: (ibn 'Aqīl , 1985, 2:26-30)

- i. Kata tugas khas untuk kata kerja sahaja.
- ii. Kata tugas khas untuk kata nama sahaja.
- iii. Kata tugas umum boleh digunakan/mendahului kedua-dua kata nama dan kata kerja.

Kata tugas bukan sahaja berfungsi mendahului perkataan tertentu sahaja bahkan mempengaruhi atau mengubah baris perkataan yang berada selepasnya. Jadual berikut menunjukkan jenis dan fungsi kata tugas dalam bahasa Arab:

i. Kata Tugas Umum

Kata tugas umum ialah kata tugas yang boleh digunakan sama ada bersama kata nama atau kata kerja. Berikut adalah contoh penggunaan kata tugas umum:

Jadual 2.7 : Kata Tugas Umum Dan Penggunaannya

Jenis Kata Tugas		Contoh Penggunaan	
1-Huruf 'Atf		Untuk Kata Nama	Untuk Kata Kerja
1	الواو dan	مُحَمَّدٌ وَعَلِيٌّ يَذْهَبَانِ إِلَى الْمَسْجِدِ Mohamad dan Ali pergi ke masjid	مُحَمَّدٌ يَمْشِي وَيَجْرِي إِلَى الْمَسْجِدِ Mohamad berjalan dan berlari pergi ke masjid
2	الفاء Kemudian	يَذْهَبُ مُحَمَّدٌ ثُمَّ عَلِيٌّ إِلَى الْمَسْجِدِ Mohamad pergi ke masjid kemudian Ali	مُحَمَّدٌ يَمْشِي فَيَجْرِي إِلَى الْمَسْجِدِ Mohamad berjalan kemudian berlari pergi ke masjid
3	ثم Selepas itu	مُحَمَّدٌ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ ثُمَّ أَحْمَدُ Mohamad membaca al-Quran selepas itu Ahmad pula membacanya	مُحَمَّدٌ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ ثُمَّ يَتَدَبَّرُهُ Mohamad membaca al-Quran selepas itu meneliti maksudnya
4	sehingga حتى	كُلُّ السَّمَكِ حَتَّى رَأْسِهِ Makanlah ikan sehingga kepalanya	كُلُّ السَّمَكِ حَتَّى تَشْبَعُ Makanlah ikan hingga kamu kenyang
5	أو Atau (untuk ayat)	أَنْتَ رَجُلٌ صَادِقٌ أَوْ مُؤْمِنٌ Kamu seorang yang benar atau beriman	ارْكَبِ الدَّرَاجَةَ أَوْ سِرَّ عَلَى قَدَمَيْكَ Tungganglah basikal atau

	kenyataan)		kamu berjalan kaki sahaja
	لا Bukan	ضِحِكَ زَيْدٌ لَا أَحْمَدُ Zaid telah ketawa bukan Ahmad	ضِحِكَ زَيْدٌ لَا بَكَى Zaid telah ketawa bukan menangis
6	بل bahkan	ضِحِكَ زَيْدٌ بَلْ أَحْمَدُ Zaid telah ketawa bahkan Ahmad	ضِحِكَ زَيْدٌ بَلْ اِبْتَسَمَ Zaid telah ketawa bahkan tersenyum
7	أَمْ Atau (untuk ayat pertanyaan)	أَأَنْتَ رَجُلٌ صَادِقٌ أَمْ كَاذِبٌ Adakah kamu seorang yang benar atau pendusta	أَتَرَكَبُ الدَّرَاجَةَ أَمْ تَمْشِي عَلَى قَدَمَيْكَ Adakah kamu menunggang basikal atau kamu berjalan kaki sahaja
9	لكن - tetapi	مَا سَافَرَ خَالِدٌ لَكِنْ مُحَمَّدٌ Khalid tidak bermusafir tetapi Umar	مَا سَافَرَ خَالِدٌ لَكِنْ بَاتَ هُنَا Khalid tidak bermusafir tetapi bermalam di sini
2-Huruf <i>Istifhām</i> Iaitu kata tugas untuk pertanyaan هل - الهمزة (Adakah)		Contoh Penggunaan	
		Untuk Kata Nama	Untuk Kata Kerja
		أَهْلٌ أَنْتَ قَرَأْتَ الْقُرْآنَ ؟ Adakah kamu telah membaca al-Quran?	أَهْلٌ قَرَأْتَ الْقُرْآنَ ؟ Adakah kamu telah membaca al-Quran?
3-Huruf <i>Tafsīr</i> Iaitu kata tugas digunakan untuk penerangan أَيُّ - أَنْ (iaitu/yakni)		أُرِيدُ أَنْ أَشْرَبَ الْمَاءَ أَيُّ زَمْزَمَ Saya mahu minum air iaitu air Zamzam	أُرِيدُ أَنْ أَذْهَبَ أَيُّ أَرْحَلَ مِنْ هُنَا Saya mahu pergi yakni berpindah dari sini
4- Huruf <i>Istiftāh</i> Iaitu kata tugas yang digunakan untuk pembukaan أَلَا - أَمَا (adapun)		أَمَا/ أَلَا أَنَا إِسْمِي مُحَمَّدٌ Adapun nama saya ialah Mohamad	أَمَا/ أَلَا تُقَابِلُنِي Adapun kamu akan berjumpa saya
5-Huruf <i>Nafī</i> Kata tugas yang digunakan untuk penafian (memberi maksud tidak dan bukan) مَا - لَا		مَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولُ اللَّهِ Tidaklah Muhamad itu melainkan Rasulullah	مَا ذَهَبْتُ إِلَى السُّوقِ Saya tidak pergi ke pasar
6- Huruf <i>Jawāb</i> Kata tugas untuk pengakuan		Contoh Penggunaan	
		Untuk Kata Nama	Untuk Kata Kerja

1	نَعَمْ Ya	هَلْ أَنْتَ قَارِئُ الْقُرْآنِ ؟ Adakah kamu pembaca al-Quran? نَعَمْ، أَنَا قَارِئُ الْقُرْآنِ Ya, saya pembaca al-Quran	هَلْ قَرَأْتَ الْقُرْآنَ ؟ Adakah kamu telah membaca al-Quran? نَعَمْ، قَرَأْتُ الْقُرْآنَ Ya, saya telah membaca al-Quran
2	بَلَى Bahkan	بَلَى، أَنَا قَارِئُ الْقُرْآنِ Bahkan, saya pembaca al-Quran	بَلَى، قَرَأْتُ الْقُرْآنَ Bahkan, saya telah membaca al-Quran
3	أجل-جير- جل Ya	أجل أَنَا ذَهَبْتُ إِلَى بَيْتِكَ Ya! saya telah pergi ke rumah kamu	أجل ذَهَبْتُ إِلَى بَيْتِكَ Ya! telah pergi saya ke rumah kamu

ii. Kata tugas Khas

Kata tugas khas dalam bahasa Arab terbahagi kepada dua jenis iaitu: kata tugas khas untuk kata nama dan kata tugas khas untuk kata kerja (Ibn ‘Aqīl, 1985, 2:30-50).

Berikut adalah contoh penggunaan kata tugas khas untuk kata kerja dalam bahasa Arab:

a. Kata tugas khas untuk kata kerja

Kata tugas yang dimaksudkan di sini ialah yang digunakan untuk kata kerja *maḍī* dan *muḍari’*. Berikut adalah contoh bagi penggunaan kata tugas khas yang digunakan bersama kata kerja:

Jadual 2.8 : Kata Tugas Khas Untuk Kata Kerja

Jenis Kata Tugas		Contoh Penggunaan
1-Huruf Nasab Iaitu huruf yang mendahului kata kerja <i>muḍari’</i> dan menyebabkan tanda <i>i’rāb</i> menjadi <i>manṣūb</i>		-
1	أَنْ (hendaklah)	أُرِيدُ أَنْ أَذْهَبَ إِلَى السُّوقِ Saya mahu pergi ke pasar
2	إِذْنًا	قَرَأْتُ الْكِتَابَ كَثِيرًا إِذْنًا أُتِّمِحَ فِي الْإِمْتِحَانِ

	(Oleh itu)	Saya banyak membaca buku. Oleh itu, saya berjaya dalam peperiksaan
3	لَنْ (Tidak akan)	لَنْ أَذْهَبَ إِلَى الْمَلْهَى Saya tidak akan pergi ke pusat hiburan
4	كَيْ (supaya)	أَفْرَأُ الْكِتَابَ كَيْ أَسْتَفِيدَ مِنْهُ Saya membaca buku supaya saya dapat manfaat daripadanya
2-Huruf Maṣḍar Iaitu huruf yang bergabung dengan kata kerja dan berubah tarafnya seperti maṣḍar		Contoh Penggunaan
1	أَنْ	يَسُرُّنِي أَنْ أَقَابِلَكَ Perjumpaan saya dengan kamu menggemirakan saya
2	كَيْ	أَقَابِلُكَ كَيْ تَسُرُّنِي Saya berjumpa dengan kamu supaya kamu menggemirakan saya
3	مَا	عَجِبْتُ مِمَّا تَقُولُ Kata-kata kamu menggemirakan
4	لَوْ	وَأَفَقَ أَحْمَدُ لَوْ تَأْتِيهِ Ahmad bersetuju dengan kedatangan kamu
3- Huruf Jazam Kata Tugas yang mendahului kata kerja muḍāri' dan menyebabkan i'rābnya menjadi majzūm		Contoh Penggunaan
1	لَمْ Tidak	لَمْ يَشْرَبْ عَلِيٌّ اللَّبَنَ Ali tidak minum susu
2	لَمَّا Belum	لَمَّا أَذْهَبَ إِلَى السُّوقِ Saya belum pergi ke pasar
3	لَا مُ الْأَمْرِ Hendaklah	لَتَقْرَأَ الْقُرْآنَ Hendaklan kamu membaca al-Quran
4	لَا مُ النَّاهِيَةِ Jangan	لَا تَشْرَبِ الْخَمْرَ Jangan Kamu minum arak
4-Huruf Syarat Ialah kata tugas yang menggabungkan dua ayat dan saling berkait di antara satu sama lain,		Contoh Penggunaan

ayat pertama dinamakan ayat syarat dan yang kedua dinamakan ayat jawab syarat		
1	إن - sekiranya	<p>إِنْ تَذَهَبَ إِلَى السُّوقِ أَذْهَبَ</p> <p>Sekiranya kamu ke pasar saya akan pergi</p>
2	لو - jika	<p>لَوْ تَذَهَبَ إِلَى السُّوقِ أَذْهَبَ</p> <p>Kalau kamu ke pasar saya pun nak pergi</p>
3	إِذَا Apabila	<p>إِذَا جَاءَ مُحَمَّدٌ حَرَجَ عَلَيَّ</p> <p>Apabila datang Mohammad Ali pun pergi</p>
5- Huruf 'Ard wa Tahdīd Digunakan untuk sesuatu permintaan/penawaran		Contoh Penggunaan
<p>أَلَا - أَمَّا - هَلَّا - لَوْلَا - لَوْمًا</p>		<p>لَوْمًا تَأْتِينَا بِالْمَاءِ</p> <p>Kalaulah kamu datang kepada kami dengan membawa air</p>
6- Huruf Istiqbāl Digunakan untuk masa akan datang dan mendahului fi'l Muḍāri'		Contoh Penggunaan
1	السَّيِّئُ	<p>سَأَذْهَبُ إِلَى الْمَدِينَةِ</p> <p>Saya akan pergi ke bandar</p>
2	سَوْفَ	<p>سَوْفَ أَذْهَبُ إِلَى الْمَدِينَةِ</p> <p>saya akan pergi ke bandar nanti</p>
7- Huruf Tawaqqu' Digunakan bersama kata kerja māḍī untuk penegasan peristiwa dan bersama kata kerja muḍāri' untuk peristiwa yang mungkin berlaku (jarang-jarang berlaku) قَدْ		<p>قَدْ ذَهَبْتُ إِلَى السُّوقِ</p> <p>Memang saya telah pergi ke pasar</p> <p>قَدْ أَذْهَبُ إِلَى السُّوقِ</p> <p>Kekadang saya pergi ke pasar</p>
8- Huruf Rad'u Iaitu kata tugas yang digunakan untuk menahan daripada melakukan sesuatu كَأَنَّ		<p>قَالَ اللَّهُ { كَلَّا لَا تُطَعُّهُ وَاسْجُدْ وَاقْتَرِبْ }</p> <p>Bahkan jangan mentaatinya, dan sujud serta hampirlah Allah</p>
9-Huruf Nafi Iaitu kata tugas yang digunakan untuk penafian		Contoh Penggunaan
1	لَمْ Penafian bersama kata kerja	<p>لَمْ أَكُنِ السَّمَكِ</p> <p>Saya tidak makan ikan</p>

	<i>mudāri</i> ' serta menjazamkannya	
2	مَا Penafian bersama kata kerja <i>mādiy</i>	مَا أَكَلْتُ السَّمَكِ Saya tidak makan ikan
3	لَنْ Penafian selama-lamanya bersama kata kerja <i>mudāri</i> ' serta menasabkannya	لَنْ أَكُلَ السَّمَكِ Saya tidak akan makan ikan

b. Kata tugas khas untuk kata nama

Kata tugas khas untuk kata nama hanya boleh dimasukkan di hadapan perkataan yang menjadi kata nama sahaja. Berikut merupakan kata tugas khas untuk kata nama dan contoh penggunaannya dalam ayat:

Jadual 2.9 : Kata Tugas Khas untuk Kata Nama

Jenis Kata Tugas	Contoh Penggunaan
1-Huruf Jarr Huruf jarr ialah kata tugas yang mendahului kata nama dan menyebabkan <i>i'rābnya</i> menjagi <i>majrūr</i>	-
مِنْ - إِلَى - عَنِ - عَلَى - فِي - رَبِّ - الْكَافُ - اللَّامُ - حَتَّى - نَوْلًا - خَلَا - عَدَا - حَاشَا - مُذٌ - مُنْذٌ - الْبَاءُ - التَّاءُ - الْوَاوُ	أَمْشِي مِنَ الْبَيْتِ إِلَى الْمَدْرَسَةِ فِي كُلِّ يَوْمٍ Saya berjalan kaki dari rumah ke sekolah pada setiap hari
	عَمِلْتُ فِي الْجَامِعَةِ مُنْذُ سِنَوَاتٍ Saya berkerja di universiti ini semenjak enam tahun
	ذَهَبَ الطُّلَّابُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ عَدَا مُحَمَّدٍ Pelajar pergi ke sekolah kecuali Mohamad
	كَتَبْتُ الرِّسَالَةَ بِالْقَلَمِ Saya menulis surat menggunakan pen
2- Huruf Qasam Kata tugas yang digunakan untuk sumpahan الْبَاءُ (بِاللَّهِ) - التَّاءُ (تَاللَّهِ) - الْوَاوُ (وَاللَّهِ)	{ وَالْعَصْرِ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ } Demi masa, sesungguhnya manusia dalam kerugian
3-Huruf 'Istithnā' Kata tugas yang digunakan untuk	لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

<p>pegecualian إلا - خلا - عدا - حاشا</p>	<p>Tiada tuhan melainkan Allah</p>
<p>4- Huruf <i>Nidā'</i> Iaitu kata tugas yang digunakan untuk menyeru الهمزة - يا - آ - أي - أيا - هيا - وا</p>	<p>{ يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ }</p> <p>Wahai Adam, diamlah kamu dan isteri kamu di dalam syurga</p>
<p>5-Huruf <i>Musyabbahāt bi Fi'l</i> Huruf yang mendahului ayat kata nama dan menasabkan isimnya serta merufu'kan khabarnya كَأَنَّ - لَكِنَّ - لَيْتَ - لَعَلَّ</p>	<p>كَأَنَّكَ مُعَلِّمٌ</p> <p>Kamu seperti seorang guru</p>
<p>6-Huruf <i>Mufāja'ah</i> Ialah kata tugas yang digunakan untuk kebetulan dan kejutan إِذَا - إِذٍ Ketika tiba-tiba</p>	<p>دَخَلْتُ فِي الْبَيْتِ فَإِذَا الْوَلَدُ يَظْهَرُ</p> <p>Saya memasuki rumah tiba-tiba kanak-kanak lelaki muncul</p>
<p>7-Huruf <i>Tafṣīl</i> Digunakan untuk pentafsiran أَمَّا - إِمَّا</p>	<p>{ فَأَمَّا مَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ فَهُوَ فِي عِيشَةٍ رَاضِيَةٍ }</p> <p>Adapun barangsiapa yang berat timbangannya maka dia akan berada dalam kehidupan yang direndhai</p>
<p>8-Huruf <i>Tanbīh</i> Digunakan di awal ayat kata nama untuk menarik perhatian ها (ها أنذا) - أما - ألا</p>	<p>{ أَلَا إِنَّ أَوْلِيَاءَ اللَّهِ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ }</p> <p>Adapun Sesungguhnya para wali Allah itu tiada ketakutan dan kesedihan pada mereka</p>
<p>9- Huruf <i>Nafī</i> Kata tugas untuk penafian (penggunaan seperti ليس) لات - إن - ما - لا Bukan/tidak</p>	<p>إِنَّ الرِّيَّاحُ عَاصِفَةٌ</p> <p>Angin itu bukan ribut</p> <p>لَا تَوَقُّتُ نَدَامَةً</p> <p>Tiada masa untuk menyesal</p> <p>لَا شَارِعَ مُزْدَحِمًا</p> <p>Tidaklah jalan sesak</p> <p>مَا الْمَطَرُ غَزِيرًا</p> <p>Tidaklah hujan lebat</p>

Semua contoh di atas menerangkan penggunaan kata tugas khas dan umum dalam bahasa Arab. Kata tugas ini juga tidak boleh digunakan melainkan mengikut kaedah yang ditetapkan dalam bahasa Arab. Fungsi kata tugas untuk melengkapkan ayat dan menyempurnakan maksud yang dikehendaki. Penggunaan kata tugas dalam bahasa Arab

bukan sahaja perlu melihat kepada maksud yang sesuai dengan ayat bahkan perlu merujuk keperluan perkataan yang akan digunakan bersamanya. Kesilapan dalam menggunakan kata tugas bukan sahaja merosakkan bentuk ayat bahkan menyebabkan ayat yang ditulis tidak dapat difahami.

Jika diperhatikan kata tugas dalam semua jadual tadi didapati sesetengahnya memberi maksud yang sama tetapi mempunyai fungsi yang berbeza. Perkataan dalam bahasa Arab terbahagi kepada tiga jenis iaitu kata nama, kata kerja dan kata tugas. Mengenal pasti jenis perkataan dalam bahasa Arab yang terdiri daripada tiga jenis ini adalah sangat diperlukan kerana setiap jenis perkataan mempunyai ciri dan keperluan tersendiri. Setiap jenis perkataan juga mempunyai maksud dan fungsi tersendiri tidak boleh digunakan tanpa kaedah yang telah ditetapkan. Penyalahgunaan perkataan sama ada kata nama, kata kerja atau kata tugas membawa kesalahan makna dan akan menyebabkan ayat yang ditulis tidak dapat difahami maksudnya.

2.7 Pembentukan Ayat Bahasa Arab

Ayat dalam bahasa Arab terdiri daripada sekurang-kurangnya dua perkataan iaitu sama ada kata nama, kata kerja dan kata tugas (Abu Said Muhammad (2004:6). Menurut Abdullah Hassan (2006:1), ayat terdiri daripada perkataan yang disusun dalam susunan dan kelompok tertentu. Setiap kelompok perkataan disusun dengan lengkap. Susunan yang lengkap mempunyai makna yang lengkap. Setiap satu kelompok tersebut mengandungi sekurang-kurangnya dua bahagian, iaitu subjek dan predikat. Sarjana bahasa Arab telah membahagikan jenis ayat yang lengkap ini kepada dua jenis ayat utama iaitu: ayat kata nama (جُمْلَةٌ اِسْمِيَّةٌ) dan ayat kata kerja (جُمْلَةٌ فِعْلِيَّةٌ)

2.7.1 Ayat Kata Nama

Ayat kata nama ialah ayat yang terkandung subjek dan predikat di dalamnya. Pada kebiasaannya, ayat kata nama dimulakan dengan kata nama yang berfungsi sebagai subjek (مُبْتَدَأٌ) dan diikuti predikat (خَبَرٌ) (Mohamad & Abd. Rabbo, 1990:129). Predikat dalam bahasa Arab terdiri daripada tiga bentuk utama iaitu: predikat tunggal (خَبَرٌ مُفْرَدٌ), predikat berbentuk ayat (خَبَرٌ جُمْلَةٌ) dan predikat frasa kata depan (خَبَرٌ شِبْهَ جُمْلَةٍ) (Anṭowan Dahdah, 1989). Jenis predikat mengikut ketetapan sarjana bahasa Arab adalah seperti berikut:

i. Predikat Tunggal (خَبَرٌ مُفْرَدٌ)

Predikat tunggal ialah predikat yang terdiri daripada kata nama *musytaq* sama ada gendernya feminin atau maskulin atau bilangannya tunggal, duaan, dan jamak. Antara contoh predikat tunggal seperti dalam jadual berikut:

Jadual 2.10 : Bentuk Predikat Tunggal

Subjek		Predikat tunggal					<i>i' rāb</i> (<i>marfū'</i>)
		Kata Nama Tunggal	Kata Nama Duaan	Kata Nama Jamak			
				<i>Muzakar Sālim</i>	<i>Mu'annath Sēlim</i>		
Maskulin	tunggal	المعلم	حاضر				٠
	duaan	المعلمان		حاضرتان			ا
	Jamak <i>mudhakkar sālim</i>	المعلمون			حاضرون		و
	Jamak taksir (<i>berakal</i>)	الأولاد			حاضرون		٠ (الأولاد) و (حاضرون)
	Jamak taksir (<i>tidak berakal</i>)	الكراسي	كبيرة				٠
Feminin	tunggal	البنات	حاضرة				٠
	duaan	البناتان		حاضرتان			ا
	Jamak <i>Mu'annath Sālim</i>	البنات				حاضرات	٠

Jadual di atas menjelaskan pembentukan ayat kata nama dalam bahasa Arab. Ayat yang terdapat dalam jadual di atas terbentuk daripada subjek dan predikat tunggal. Predikat tunggal yang ditunjukkan dalam jadual adalah selaras dengan subjek. Subjek daripada jenis kata nama maskulin tunggal dipredikatkan dengan predikat maskulin tunggal bilangan satu. Subjek daripada kata nama maskulin duaan akan menggunakan predikat maskulin duaan dan subjek yang terdiri daripada kata nama jamak *mudhakkār sālim* akan dipredikatkan dengan predikat daripada jenis yang sama iaitu kata nama jamak *mudhakkār sālim*. Adapun subjek yang terdiri daripada kata nama jamak *taksīr* tidak berakal akan dipredikatkan dengan predikat kata nama tunggal feminin seperti dalam contoh dalam jadual. Bahagian perkataan feminin atau *mu'annath* pula, subjek daripada kata nama feminin tunggal dan duaan serta jamak akan dipredikatkan dengan perkataan yang sama jenis dengannya. Di sini jelas kelihatan penyelarasan bilangan dan jantina subjek dan predikat tunggal.

Dari segi *i'rāb* pula, subjek dan predikat kedua-duanya berada pada kedudukan *marfū'* sama ada *marfū'* dengan baris di hadapan bagi kata nama tunggal, jamak *mu'annath sālim* dan jamak *taksīr*, *marfū'* dengan huruf *alif* bagi kata nama duaan dan *marfū'* dengan huruf *wāw* bagi kata nama jamak *mudhakkār sālim*. Semua keterangan ini boleh dirujuk pada jadual 2.10 tadi.

ii. Predikat Dalam Bentuk Ayat

Predikat dalam bentuk ayat terdiri daripada dua frasa iaitu (subjek + predikat) yang mengambil tempat *marfū'* (فِي مَحَلِّ رُفْعٍ). Predikat dalam bentuk ayat dibahagikan kepada dua jenis iaitu predikat ayat kata nama dan predikat ayat kata kerja.

a) Predikat ayat kata nama (الْخَبْرُ جُمْلَةً اسْمِيَّةً)

Predikat ayat kata nama ialah predikat yang terdiri daripada subjek dan predikat dan dalam predikat pula terkandung ganti nama (ضَمِيرٌ) yang boleh dikembalikan kepada subjek pertama. Contoh ayat kata nama yang mengandungan predikat ayat kata nama iaitu ayat عَلِيٌّ أَبُوهُ مُعَلِّمٌ (Ali bapanya seorang guru). Dalam ayat ini أَبُوهُ مُعَلِّمٌ merupakan predikat kepada عَلِيٌّ. Ayat أَبُوهُ مُعَلِّمٌ mengandungi ganti nama iaitu هـ (dia) yang kembali kepada perkataan yang menjadi subjek dalam ayat iaitu عَلِيٌّ. Ganti nama yang terkandung dalam predikat ayat kata nama ini akan sentiasa berubah mengikut perubahan bilangan dan jantina subjek dalam ayat seperti dalam jadual berikut:

Jadual 2.11 : Predikat Ayat Kata Nama

Ayat	Predikat	<i>Damīr</i>	Subjek	Bilangan/jantina subjek dan <i>damīr</i>
عَلِيٌّ أَبُوهُ مُعَلِّمٌ	أَبُوهُ مُعَلِّمٌ	هـ	عَلِيٌّ	Satu feminin
عَلِيَّانِ أَبُوهُمَا مُعَلِّمٌ	أَبُوهُمَا مُعَلِّمٌ	هُمَا	عَلِيَّانِ	Dua maskulin
عَلِيُّونَ أَبُوهُمُ مُعَلِّمٌ	أَبُوهُمُ مُعَلِّمٌ	هُمْ	عَلِيُّونَ	Ramai maskulin
فَاطِمَةُ أَبُوهَا مُعَلِّمٌ	أَبُوهَا مُعَلِّمٌ	هَا	فَاطِمَةُ	Satu feminin
فَاطِمَتَانِ أَبُوهُمَا مُعَلِّمٌ	أَبُوهُمَا مُعَلِّمٌ	هُمَا	فَاطِمَتَانِ	Dua feminin
فَاطِمَاتُ أَبُوهُنَّ مُعَلِّمٌ	أَبُوهُنَّ مُعَلِّمٌ	هُنَّ	فَاطِمَاتُ	Ramai feminin

Jadual di atas menerangkan perubahan *damīr* yang diselaraskan mengikut subjek dalam ayat. Perubahan bilangan dan jantina subjek iaitu عَلِيٌّ dan فَاطِمَةُ akan menyebabkan perubahan jantina dan bilangan *damīr* yang terkandung dalam kata nama yang merupakan kandungan dalam predikat ayat kata nama. Kesalahan dalam menyelaraskan *damīr* akan membawa kepada kesalahan pembentukan ayat.

b) Predikat ayat kata kerja (اَلخَبْرُ جُمْلَةٌ فِعْلِيَّةٌ)

Dalam bahasa Arab, predikat yang berbentuk ayat kata kerja ialah predikat yang mengandungi kata kerja, pelaku dan objek sekiranya kata kerja yang digunakan adalah daripada jenis kata kerja transitif. Kata kerja yang berada dalam ayat predikat kepada subjek perlu mengandungi ganti nama (ضمير) yang mempunyai hubungan dengan subjek. Jadual di bawah merupakan contoh bagi predikat ayat kata kerja:

Jadual 2.12 : Predikat Ayat Kata Kerja

Ayat	Predikat	Damir	Subjek	Bilangan/jantina subjek dan damir
عَلِيٌّ يَدْرُسُ اللُّغَةَ الْعَرَبِيَّةَ	يَدْرُسُ اللُّغَةَ الْعَرَبِيَّةَ	هُوَ	عَلِيٌّ	Satu feminin
عَلِيَّانِ يَدْرُسَانِ اللُّغَةَ الْعَرَبِيَّةَ	يَدْرُسَانِ اللُّغَةَ الْعَرَبِيَّةَ	أ-هُمَا	عَلِيَّانِ	Dua maskulin
عَلِيُّونَ يَدْرُسُونَ اللُّغَةَ الْعَرَبِيَّةَ	يَدْرُسُونَ اللُّغَةَ الْعَرَبِيَّةَ	و-هُمْ	عَلِيُّونَ	Ramai maskulin
فَاطِمَةُ تَدْرُسُ اللُّغَةَ الْعَرَبِيَّةَ	تَدْرُسُ اللُّغَةَ الْعَرَبِيَّةَ	هِيَ	فَاطِمَةُ	Satu feminin
فَاطِمَتَانِ تَدْرُسَانِ اللُّغَةَ الْعَرَبِيَّةَ	تَدْرُسَانِ اللُّغَةَ الْعَرَبِيَّةَ	أ-هُمَا	فَاطِمَتَانِ	Dua feminin
فَاطِمَاتٌ يَدْرُسْنَ اللُّغَةَ الْعَرَبِيَّةَ	يَدْرُسْنَ اللُّغَةَ الْعَرَبِيَّةَ	ن-هُنَّ	فَاطِمَاتٌ	Ramai feminin

Perkataan يَدْرُسُ dalam jadual di atas mengandungi kata kerja dan pelaku dalam bentuk ganti nama yang dikembalikan kepada subjek. Ayat yang terdiri daripada kata kerja dan pelaku mengambil tempat *marfū'* dikenali sebagai ayat kata kerja. Predikat ayat kata kerja ini mengandungi ganti nama yang menghubungkannya dengan subjek iaitu -عَلِيٌّ- عَلِيَّانِ عَلِيُّونَ - فَاطِمَةُ - فَاطِمَتَانِ - فَاطِمَاتٌ. Ganti nama ini perlu selaras dengan kata kerja

dalam aspek gender samada maskulin dan feminin dan dalam aspek bilangan samada tunggal, duaan dan jamak. Ganti nama ini dikenali sebagai penghubung atau (رابط) (Ibn ‘Aqīl, 1985, 1:201-210).

c) Predikat frasa kata depan (الْحَبْرُ شِبْهَةٌ جُمْلَةٌ)

Frasa kata depan ialah gabungan huruf *jarr* bersama kata nama. Kombinasi huruf *jarr* seperti *عَلَى* dan kata keterangan (الظُّرُوفُ) seperti *بَعْدَ* dengan kata nama yang datang kemudian daripada subjek dikenali sebagai predikat frasa kata depan. (ibn ‘Aqīl , 1985, 1:209-213)

Untuk menjelaskan lagi predikat frasa kata depan, berikut merupakan contoh predikat frasa kata depan:

Jadual 2.13 : Predikat Frasa Kata Depan

Ayat	Predikat	Subjek	Bilangan/jantina subjek
عَلِيٌّ فِي الْمَسْجِدِ	فِي الْمَسْجِدِ	عَلِيٌّ	Satu feminin
عَلِيَّانِ فِي الْمَسْجِدِ	فِي الْمَسْجِدِ	عَلِيَّانِ	Dua maskulin
عَلِيُّونَ فِي الْمَسْجِدِ	فِي الْمَسْجِدِ	عَلِيُّونَ	Ramai maskulin
فَاطِمَةُ أُمَامَ الْمَدْرَسَةِ	أُمَامَ الْمَدْرَسَةِ	فَاطِمَةُ	Satu feminin
فَاطِمَتَانِ أُمَامَ الْمَدْرَسَةِ	أُمَامَ الْمَدْرَسَةِ	فَاطِمَتَانِ	Dua feminin
فَاطِمَاتُ أُمَامَ الْمَدْرَسَةِ	أُمَامَ الْمَدْرَسَةِ	فَاطِمَاتُ	Ramai feminin

Dalam contoh di atas, selepas subjek terdapat frasa kata depan iaitu gabungan huruf *jarr* dengan kata nama dalam ayat *عَلِيٌّ فِي الْمَسْجِدِ-عَلِيَّانِ فِي الْمَسْجِدِ-عَلِيُّونَ فِي الْمَسْجِدِ* dan bentuk predikat frasa kata depan dalam ayat *فَاطِمَةُ أُمَامَ الْمَدْرَسَةِ - فَاطِمَتَانِ أُمَامَ الْمَدْرَسَةِ* dan *فَاطِمَاتُ أُمَامَ الْمَدْرَسَةِ*. Predikat ini ialah yang melengkapkan makna subjek sehingga ia menjadi satu ayat yang dapat difahami.

Kesimpulannya, terdapat persamaan dan perbezaan antara ketiga-tiga jenis predikat yang disebutkan di atas. Persamaan antara predikat kata kerja dan predikat kata nama ialah kedua-duanya mengandungi ganti nama yang berhubung dengan subjek. Ganti nama ini pula perlu selaras dengan subjek dalam aspek jantina dan bilangan. Hal ini berbeza dengan predikat frasa kata depan kerana ia tidak memerlukan ganti nama. Apabila ganti nama tidak diperlukan dalam predikat ayat frasa kata depan, penyelarasan dari aspek jantina serta bilangan juga tidak berlaku.

Perbezaan antara ketiga-tiga predikat ini pula, predikat ayat kata nama bermula dengan kata nama dan predikat kata kerja bermula dengan kata kerja, begitulah predikat frasa kata depan dimulakan dengan huruf *jarr* dan kata depan. Adapun predikat tunggal ialah predikat yang menggunakan kata nama seperti predikat ayat kata nama tetapi yang membezakan kedua-duanya ialah predikat tunggal tidak memerlukan ganti nama yang kembali kepada subjek. Walau bagaimanapun, penyelarasan jantina dan bilangan dalam subjek dan predikat tunggal diperlukan.

Di sini, pengkaji ingin menegaskan tentang perkataan yang menjadi subjek dalam ayat. Walaupun sebelum ini telah dijelaskan bahawa subjek terdiri daripada kata nama, namun begitu, di sini pengkaji ingin menjelaskan lagi tentang kata nama yang boleh dijadikan subjek. Jadual 2.14 ialah contoh bagi ayat kata nama yang menerangkan bahagian subjek:

Jadual 2.14 : Struktur Ayat Kata Nama Dan Jenis Predikat

JENIS PREDIKAT	PREDIKAT	SUBJEK	JENIS SUBJEK
Tunggal	جَمِيلٌ	مُحَمَّدٌ	(Kata Nama Zahir)
Ayat Kata Nama	بَيْتُهُ بَعِيدٌ		
Ayat Kata Kerja	يَسْكُنُ فِي بَيْتٍ جَمِيلٍ		
Frasa Kata Depan	فِي الْبَيْتِ		
Tunggal	جَمِيلَانِ	هُمَا	Ganti Nama
Ayat Kata Nama	بَيْتُهُمَا بَعِيدٌ		
Ayat Kata Kerja	يَسْكُنَانِ فِي بَيْتٍ جَمِيلٍ		
Frasa Kata Depan	فِي الْبَيْتِ		
Tunggal	صَالِحَاتٌ	مُدِيرَاتُ الْمَدْرَسَةِ	Kata Nama Sandaran
Ayat Kata Nama	بَيْتُهُنَّ بَعِيدٌ		
Ayat Kata Kerja	يَسْكُنْنَ فِي بَيْتٍ جَمِيلٍ		
Frasa Kata Depan	فِي الْبَيْتِ		
Tunggal	مَطْلُوبٌ	إِنَّكَ ذَاهِبٌ إِلَى الْمَدْرَسَةِ	<i>Masdar Muawwal</i>
Ayat Kata Nama	أَسَاسُهُ مَطْلُوبٌ		
Ayat Kata Kerja	يُفْرِحُنِي		
Frasa Kata Depan	فِي وَقْتِهَا		

Kesimpulan yang boleh dibuat tentang subjek berdasarkan jadual di atas ialah subjek terdiri daripada kata nama dan kata nama adalah pelbagai jenis, antaranya: kata nama tunggal, kata nama gabungan, ungkapan dan ganti nama. Setiap kata nama yang disebutkan boleh dijadikan sebagai subjek dalam ayat dan boleh digunakan dengan semua jenis predikat sama ada predikat tunggal, predikat ayat dan predikat frasa kata depan.

2.7.2 Ayat Kata Kerja

Ayat kata kerja ialah *jumlat* atau ayat yang digabungkan kata kerja dan pelaku (الفاعل) serta objek (المفعول به) (Hijāwī, 2005: 34) . Kata kerja dalam ayat kata kerja adalah dalam bentuk tunggal sahaja dan berada dipermulaan ayat, sama ada kata kerja itu terdiri daripada kata kerja *maḍī* seperti *ذَهَبَ مُحَمَّدٌ إِلَى الْمَدْرَسَةِ* (Mohamad telah pergi ke sekolah), atau kata kerja *muḍāri* seperti *يَذْهَبُ مُحَمَّدٌ إِلَى الْمَدْرَسَةِ* (Mohamad pergi/sedang pergi ke sekolah) atau kata kerja *amr* seperti *اِذْهَبْ إِلَى الْمَدْرَسَةِ* (pergilah kamu ke sekolah)

Terdapat beberapa keperluan dalam ayat kata kerja iaitu kata kerja, pelaku, dan objek :

i. Kata Kerja

Ayat kata kerja dimulakan dengan kata kerja sama ada kata kerja *maḍī* , *muḍāri* dan *amr*, kata kerja tersebut dalam bentuk tunggal (إفْرَادُ الْفِعْلِ) walaupun pelakunya berbentuk duaan atau jamak (Hijāwī (2005: 34). Walau bagaimanapun, kata kerja akan berubah bentuk dari segi gender apabila pelakunya bertukar dari maskulin ke feminin. Menurut Muṣṭafā Ghalāyinīy (1988), antara ciri –ciri yang perlu diperhatikan dalam membina ayat kata kerja adalah dari segi penyelarasan atau persamaan (مُطَابَعَةٌ) antara kata kerja dan pelaku. Sekiranya kata kerja tersebut maskulin, pelaku hendaklah dalam bentuk maskulin sama ada ia pelaku tunggal, duaan ataupun jamak. Kata kerja dan pelaku saling kait mengait antara satu sama lain. Oleh itu, kata kerja dan pelaku mesti selaras dalam aspek maskulin ataupun feminin. Berikut adalah contoh bagi kedudukan kata kerja dalam ayat kata kerja mengikut ciri-ciri yang diterangkan di atas:

Jadual 2.15 : Keselarasan Kata Kerja Bersama Pelaku

Objek	Jenis Pelaku	Pelaku	Jenis Kata Kerja	Kata Kerja
الأورز	<i>Mufrad Mudhakkar</i>	مُحَمَّدٌ	<i>Mufrad mudhakkar</i>	أَكَلَ
الأورز	<i>Muthannā</i>	مُحَمَّدَانِ		أَكَلَ
الأورز	Jamak	مُحَمَّدُونَ		أَكَلَ
الأورز	<i>Mufradah Mu'annathah</i>	فَاطِمَةٌ	<i>Mufrad mu'annath</i>	أَكَلَتْ
الأورز	<i>Mufradatān Mu'annathān</i>	فَاطِمَتَانِ		أَكَلَتْ
الأورز	Jamak <i>Mu'annath</i>	فَاطِمَاتُ		أَكَلَتْ

Jadual ayat kata kerja di atas menunjukkan kata kerja أَكَلَ hanya berubah dari aspek gender sahaja iaitu أَكَلَ dalam bentuk kata kerja *mudhakkar tunggal* untuk pelaku lelaki dan أَكَلَتْ dalam bentuk kata kerja *mu'annath tunggal* untuk pelaku perempuan. Perubahan kata kerja ini tidak berlaku mengikut bilangan pelaku walaupun pelaku bertambah bilangan kepada dua atau ramai (محمدان محمدون فاطمتان فاطمات).

ii. Pelaku (الفاعل)

Menurut al-Najjār (1981), pelaku ialah kata nama *marfū'* yang didahului oleh kata kerja ragam aktif (الفِعْلُ الْمَبْنِي لِلْمَعْلُومِ) dan menunjukkan orang yang melakukan perbuatan. Oleh itu, setiap kata kerja yang terdapat dalam ayat pasti ada pelakunya. Pelaku ini terdapat dalam bentuk tunggal, duaan dan jamak samada maskulin atau feminin. Pelaku dalam pola ayat bahasa Arab boleh berbentuk sama ada daripada kata nama *mu'rab* iaitu kata nama yang berubah baris akhirnya mengikut kedudukannya dalam ayat atau kata nama *mabniy* iaitu kata nama yang tetap baris akhirnya walaupun berubah kedudukannya dalam ayat. Kedudukan pelaku yang terdiri daripada kata nama *mu'rab* adalah *marfū'*, manakala baris pelaku yang terdiri daripada kata nama *mabniy* adalah

tidak berubah, bahkan mengambil kedudukan *marfū'* (فِي مَحَلِّ رَفْعٍ). Jadual berikut menunjukkan kedudukan pelaku dalam pola ayat bahasa Arab:

Jadual 2.16 : I'rāb Pelaku

<i>I'rāb</i> Pelaku	Jenis Pelaku	Pelaku	Kata Kerja
<i>Marfū'</i> Dengan baris hadapan (ِ)	kata nama <i>mu'rab</i>	مُحَمَّدٌ	جَاءَ
		الرِّجَالُ	جَاءَ
		الْمُسْلِمَاتُ	جَاءَتْ
<i>Marfū'</i> Dengan huruf <i>alif</i>	Kata nama <i>mabniy</i>	مُحَمَّدَانِ	جَاءَ
<i>Marfū'</i> Dengan huruf <i>wāw</i>		مُحَمَّدُونَ	جَاءَ
Mengambil kedudukan <i>Marfū'</i> (فِي مَحَلِّ رَفْعٍ)	Kata nama <i>mabniy</i>	هَذَا الْوَلَدُ	جَاءَ
		هَؤُلَاءِ الطَّالِبَاتُ	جَاءَتْ

Contoh di atas memperlihatkan kedudukan *fā'il* dalam bahasa Arab, di mana *fā'il* berada pada tempat *marfū'* iaitu berakhir dengan baris depan bagi kata nama tunggal (مُحَمَّدٌ), kata nama jamak *mu'annath* (الْمُسْلِمَاتُ) dan kata nama jamak *taksīr* (الرِّجَالُ), berakhir dengan *alif* bagi kata nama duaan (مُحَمَّدَانِ) dan berakhir dengan *wāw* dan *nūn* bagi kata nama jamak *mudhakkār sālim* (مُحَمَّدُونَ). Adapun *fā'il* dalam bentuk kata nama *mabniy* pula, mengambil kedudukan *marfū'* iaitu tidak berubah baris akhirnya sepertimana terdapat pada perkataan هَذَا dan هَؤُلَاءِ dalam ayat di atas.

iii. Objek (المفعول به)

Objek ialah kata nama *manṣūb* yang menerangkan benda yang kena buat oleh perbuatan pelaku atau yang menjadi mangsa. Objek terdiri daripada kata nama *mu'rab* dan *mabniy*. Bukan semua ayat dalam bahasa Arab terdapat objek. Penentu sama ada suatu ayat terkandung objek atau tidak adalah berdasarkan kata kerja yang terdapat

dalam ayat itu. Sekiranya kata kerja dalam ayat adalah kata kerja tidak transitif, ayat tersebut memerlukan hanya pelaku tanpa objek. Manakala ayat yang terkandung kata kerja transitif, ia memerlukan objek. Di sini pengkaji merumuskan beberapa cara untuk mengenali kata kerja transitif seperti berikut: (Iyyād Abdul Majīd Ibrāhīm, 2002:

1. Kata kerja yang dibina dalam *wazn* أَفْعَلَ Contohnya: أَخْرَجَ الْأُسْتَاذُ عَلِيًّا (Ustaz telah mengeluarkan Ali)
2. Kata kerja yang dibina dalam *wazn* فَعَّلَ Contohnya: كَرَّمَ عَلِيٌّ مُحَمَّدًا (Ali telah memuliakan Mohammad).
3. Penambahan huruf *alif* dalam *Fi'l lāzim thulāthiy* Contohnya penambahan alif dalam perkataan مَشِيَ menjadi مَاشَى seperti : مَاشَى مُحَمَّدٌ عَلِيًّا إِلَى بَيْتِهِ (Mohammad sama-sama berjalan dengan Ali ke rumahnya)
4. Penambahan huruf *alif, sīn* dan *tā'* pada *Fi'l lāzim thulāthiy* seperti اسْتَحْسَنَ مُحَمَّدٌ قَوْلَكَ (Mohamad memandang elok terhadap kata-kata kamu)

Walau bagaimanapun, hanya sebilangan kecil sahaja kata kerja bagi perkataan bahasa Arab yang terbentuk dalam *wazn* sedemikian yang membolehkan seseorang dapat mengenali kata kerja tersebut merupakan kata kerja transitif, seterusnya dapat memastikan kewujudan *maf'ūl bih* dalam sesuatu struktur ayat. Mengenal pasti kedua-dua jenis kata kerja ini masih memerlukan penelitian dan kajian yang lebih ditil. Oleh sebab itulah masih berlaku kekeliruan bagi seseorang yang masih baru dalam bidang bahasa Arab terutamanya pelajar di peringkat sekolah untuk mengenal pasti sesuatu kata kerja itu sama ada ia kata kerja transitif atau kata kerja tidak transitif.

Kata kerja tidak transitif pula ialah kata kerja yang mencukupi (untuk menyempurnakan sesuatu ayat) dengan hanya ada pelaku kepada perbuatan tersebut

dan tidak memerlukan adanya dalam ayat itu *maf'ul bih* sebagai objeknya atau sasarannya. Contohnya: جَلَسَ الْوَلَدُ (budak lelaki itu telah duduk). Dalam ayat ini tidak terdapat *maf'ul bih*.

Di sini pengkaji merumuskan contoh penggunaan kata kerja *muta'adi* dan *lāzim* dalam jadual berikut:

Jadual 2.17 : Penggunaan Kata Kerja *Lāzim* dan *Muta'adi*

Frasa Kata Depan		(Objek)	(Pelaku)	Kata kerja		
				<i>Muta'adi</i> Dengan Frasa Huruf Jar	<i>Muta'adi</i>	<i>Lāzim</i>
-	-	-	مُحَمَّدٌ	-	-	نَامَ
-	-	الْأُرْزَ	فَاطِمَةُ	-	أَكَلَتْ	-
بِ	حَالِدٍ	-	الطُّالِبُ	مَرَّ	-	-

Contoh ayat dalam jadual di atas نَامَ مُحَمَّدٌ (Mohammad telah tidur) terbentuk daripada dua perkataan iaitu kata kerja dan pelaku tetapi tidak mempunyai objek, kerana نَامَ merupakan kata kerja *lāzim* dan tidak memerlukan objek untuk melengkapkan ayat. Manakala ayat أَكَلَتْ فَاطِمَةُ الْأُرْزَ (Fatimah telah makan nasi) terbentuk daripada kata kerja, pelaku dan objek kerana perkataan أَكَلَتْ merupakan kata kerja *muta'adi* yang memerlukan objek atau *maf'ul bih* yang memerangkan tentang sasaran “makannya fatimah”. Selain itu kata kerja *muta'adi* bukan sahaja memerlukan kata nama sebagai objek bahkan sesetengah kata kerja menjadi *muta'adi* dengan frasa kata depan seperti perkataan مَرَّ dalam ayat مَرَّ الطُّالِبُ بِحَالِدٍ. Perkataan مَرَّ yang tidak memerlukan objek bahkan hanya memerlukan *jarr* dan *majrūr* dalam melengkapkan ayat. Objek atau *maf'ul bih* boleh terbentuk sama ada dengan kata nama *mu'rab* atau kata nama *mabniy* sebagaimana contoh berikut:

Jadual 2.18 : Bentuk *I'rāb Maf'ūl Bih*

Kedudukan <i>I'rāb</i> (<i>Manṣūb</i>)	Jenis <i>Maf'ūl Bih</i>	Objek	Pelaku	Kata kerja	
Baris di atas)_(kata Nama <i>mu'rab</i>	<i>Mufrad</i>	المُسْلِمِ	مُحَمَّدٌ	قَابِلٌ
<i>Yā'</i>		<i>Muthannā</i>	المُسْلِمِينَ	مُحَمَّدٌ	قَابِلٌ
<i>Yā'</i>		Jamak <i>mudhakkār sālīm</i>	المُسْلِمِينَ	مُحَمَّدٌ	قَابِلٌ
Baris di bawah)_(Jamak <i>mu'annath sālīm</i>	المُسْلِمَاتِ	مُحَمَّدٌ	قَابِلٌ
Baris di atas)_(Jamak <i>taksīr</i>	الأَوْلَادِ	مُحَمَّدٌ	قَابِلٌ
Mengambil tempat <i>manṣūb</i>	Kata Nama <i>Mabniy</i>	<i>mufrad</i>	إِيَّاكَ	مُحَمَّدٌ	قَابِلٌ
		<i>muthannā</i>	إِيَّاكُمْ	مُحَمَّدٌ	قَابِلٌ
		jamak	إِيَّاكُمْ	مُحَمَّدٌ	قَابِلٌ

Contoh ayat di atas menunjukkan semua objek berada pada kedudukan *manṣūb* tetapi berbeza dari segi tandanya. Ketika objek dibentuk daripada kata nama *mu'rab* tunggal dan jamak *taksīr*, tanda *manṣūb*nya ialah berbaris di atas, apabila objek terdiri daripada kata nama duaan atau jamak tanda *manṣūb*nya ialah *yā'* dan apabila objek terdiri daripada kata nama jamak *mu'annath sālīm* tanda *manṣūb*nya ialah baris di bawah. Manakala objek yang terdiri daripada kata nama *mabniy* barisnya tetap tidak berubah dan hanya mengambil kedudukan *manṣūb*.

iv. *Nā'ib Fā'il* (Pelaku Ganti)

Nā'ib fā'il atau pelaku ganti sabagai mana ditakrifkan oleh al-Nādirīyy (1997:503) sebagai:

إِسْمٌ مَرْفُوعٌ أُسْنِدَ إِلَيْهِ فِعْلٌ مَبْنِيٌّ لِلْمَجْهُولِ

(Ialah kata nama yang indikatif yang disandarkan kepadanya kata kerja *majhūl*)

Nā'ib fā'il ialah objek atau *maf'ūl bih* yang ditukar kedudukannya daripada *mansūb* kepada *marfū'* setelah ditukar kata kerja *mabniy li ma'lūm* kepada kata kerja yang dibentuk dengan kaedah *mabniy Li majhūl*. *Nā'ib fā'il* dalam ilmu tatabahasa Arab amat sinonim dengan perbincangan tentang kata kerja *mabniy li majhūl* kerana ia wujud apabila suatu kata kerja dibentuk dengan kaedah *mabniy li majhūl*.

Di antara perkara yang boleh menggantikan pelaku yang tidak disebut dalam ayat apabila menggunakan kata kerja *mabniy li majhūl* seterusnya bertindak sebagai pelaku ganti dalam ayat tersebut ialah objek. Sekiranya terdapat dalam ayat lebih daripada daripada satu objek iaitu sama ada dua atau tiga objek, maka objek yang pertama berhak mengambil tempat sebagai pelaku ganti dan objek selebihnya kekal sebagai objek.

Hukum kata kerja dan pelaku ganti adalah sama dengan hukum kata kerja dengan pelaku iaitu mesti selaras dari aspek jantina. Sekiranya pelaku ganti berbilang, kata kerja hanya perlu digunakan yang tunggal sahaja sebagaimana diterangkan dalam kaedah ayat kata kerja. Jadual berikut merupakan contoh pelaku ganti:

Jadual 2.19 : Pelaku Ganti

Bilangan/Jenis pelaku	Pelaku Ganti	Kata Kerja
Kata nama tunggal maskulin	الْوَالِدُ	ضَرَبَ / يُضْرَبُ
Kata nama duaan maskulin	الْوَالِدَانِ	
Kata nama jamak maskulin	الْأَوْلَادُ	
Kata nama tunggal feminine	الْبِنْتُ	ضَرَبَتْ / تُضْرَبُ
Kata nama duaan feminine	الْبِنْتَانِ	
Kata nama jamak feminine	الْبَنَاتُ	

Contoh ayat pelaku ganti di atas menjelaskan tentang hukum kata kerja sama ada kata kerja *maḍī* atau *muḍāri* bersama pelaku ganti maskulin dan feminin serta bilangannya sama ada bilangan tunggal. Duaan atau jamak. Dalam jadual di atas dapat dilihat penggunaan kata kerja bersama pelaku ganti masih tunggal walaupun pelaku ganti bertambah bilangan tetapi kata kerja hanya berubah gendernya mengikut perubahan gender pelaku ganti. Perbincangan di sini tidak menyentuh pembentukan kata kerja *majhūl*, kerana umumnya dalam penulisan tidak nampak perbezaan baris antara kata kerja *maklum* dan *majhūl* terutamanya apabila kata kerja terdiri daripada kata kerja *saḥīḥ*.

Kesimpulannya, Ayat dalam bahasa Arab terdiri daripada dua jenis iaitu ayat kata nama dan ayat kata kerja. Pembentukan ayat dalam bahasa Arab tidak boleh tersasar daripada kaedah yang telah dितetapkan oleh ilmuan bahasa Arab. Sekiranya pembentuk ayat bercanggah dengan kaedah tatabahasa Arab yang ditetapkan, ayat yang ditulis dianggap salah dan terpesong dari maksud yang dikehendaki.

2.8 Analisis Kesalahan

Teori analisis kesalahan yang diperkenalkan oleh Corder (1967) merupakan satu cabang aplikasi dalam bidang linguistik yang sehingga kini teori ini masih digunakan dalam pembelajaran bahasa. Ellis (1994), menyifatkan sumbangan Corder sebagai:

“It was not until the 1970s that EA became a recognized part applied linguistics, a development that owed much to the work of Corder ”

Mengikut Corder (1967:166) sesuatu bahasa dapat dikuasai setelah berlaku proses percubaan. Kesalahan dalam penggunaan bahasa sasaran merupakan satu fenomena biasa dalam proses pemerolehan bahasa sasaran oleh seseorang pelajar. Pelajar menggunakan sistem tertentu dalam proses pemerolehan bahasa.

Berkata Corder: ‘Sebab bagi kesalahan bukan sahaja campur tangan bahasa ibunda, tetapi terdapat sebab lain dalam bahasa sasaran, seperti kaedah pendidikan, perkembangan bahasa serta sifat bahasa itu sendiri. Semua faktor ini memberi kesan dalam menghadapi masalah dan sifat bahasa yang dikaji, tanpa mengira persamaan dan perbezaan antara pelajar bahasa’.

Keterangan di atas menunjukkan bahawa perkara biasa yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran serta pemerolehan bahasa adalah melakukan kesalahan dan faktor menyebabkan berlaku kesalahan dalam penggunaan bahasa kedua bukan sahaja disebabkan pengaruh bahasa ibunda bahkan terdapat pelbagai faktor mempengaruhi kesalahan tersebut antaranya kaedah dan teknik pembelajaran, perkembangan serta sifat bahasa itu sendiri.

Corder (1967) menjelaskan bahawa kesalahan penting kepada pelajar, pengajar dan pengkaji:

Kepentingan kesalahan kepada pelajar adalah mereka boleh belajar daripada kesalahan tersebut. Kajian Aini (2007) menjelaskan bahawa teori ini menggunakan pendekatan dengan cara mendapatkan kesalahan pelajar daripada korpus, mengenal pasti kesalahan pelajar, mengkategorikan jenis kesalahan seterusnya menganalisis jenis kesalahan tersebut. Selain itu, faktor yang menyebabkan berlakunya kesalahan bahasa akan dikaji bagi menghasilkan strategi untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa. Ellis (1997) menekankan bahawa kesalahan pelajar boleh membantu pengajar atau pengkaji bahasa dari semasa ke semasa. Kepentingan kesalahan kepada pengajar pula ialah mereka dapat mengesan perkembangan prestasi pelajar dan kepentingan kesalahan kepada pengkaji membolehkan mereka menunjukkan cara pemerolehan bahasa dan strategi yang digunakan pelajar (Corder, 1967)

Jadi, kesalahan pasti berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, ia menunjukkan perubahan dan perkembangan yang berlaku terhadap pelajar semasa proses pembelajaran di samping memberi peluang kepada guru untuk mendapatkan aspek kesalahan serta memperbaikinya dan seterusnya memperbaiki kesalahan yang dilakukan oleh pelajar melalui cara pembetulan dan menerangkan kaedah yang betul dalam penggunaan bahasa. Pengulangan pembetulan kesalahan yang sama membantu mengingatkan pelajar supaya tidak mengulangi kesalahan yang sama pada masa akan datang.

2.8.1 Faktor Kesalahan Bahasa

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong pelajar bahasa asing atau bahasa kedua melakukan kesalahan bahasa. Antara faktor wujudnya kesalahan bahasa adalah, disebabkan perbezaan antara bahasa asal dengan bahasa sasaran pelajar, generalisasi melampau, anggapan yang salah dan sebab lain (Brown, 2000) dan Richards (1992). Menurut Maicusi et. al. (2000), kesalahan bahasa berpunca daripada faktor psikolinguistik, sociolinguistik dan epistemik.

Beberapa kajian terdahulu menyatakan punca kelemahan pelajar terhadap bahasa kedua, antaranya ialah yang didapati dalam hasil kajian Money (2004) bahawa punca kelemahan bahasa ialah pengaruh bahasa ibunda di mana beliau mengatakan murid Tamil sekolah menengah yang telah mempelajari bahasa Melayu sekurang-kurangnya 10 tahun secara formal tetapi pengaruh bahasa ibunda masih terdapat dalam penulisan mereka. Dapatan kajian daripada Azman & Goh (2010) juga menunjukkan bahawa masalah utama yang menjadi kesukaran pelajar mempelajari bahasa Arab adalah kerana nahu bahasa Arab.

Dapatan kajian Abisamra (2003) juga menyokong pelajar melakukan kesalahan disebabkan gangguan bahasa ibunda, namun kesalahan yang paling banyak dilakukan pelajar adalah kerana kesalahan intralingual. Cheun et. al. (2009) juga mendapati bahawa gangguan bahasa ibunda merupakan faktor utama yang menyebabkan pelajar melakukan kesalahan dalam pembelajaran tatabahasa bahasa Mandarin. Selain itu, menurut beliau lagi, kekurangan latihan tatabahasa, kurang pendedahan kepada alam persekitaran bahasa, peruntukan masa, kekeliruan maksud dan sikap cuai pelajar turut merupakan faktor penyumbang kesalahan bahasa. Kajian Goh & Ng (2004) mendapati bahawa sikap merupakan faktor terpenting terhadap kegagalan atau kejayaan pelajar

dalam pembelajaran bahasa asing. Marzalina (2004) dalam kajiannya menjelaskan bahawa pelajar tidak menguasai bahasa Melayu kerana mereka mempunyai sikap seperti gemar bercakap semasa pensyarah mengajar dan tidak menumpukan perhatian terhadap pembelajaran bahasa. Bahasa asing terutamanya bahasa Melayu sukar untuk dikuasai sebagai bahasa asing jika pelajar tidak berminat, tiada kemahuan dan motivasi (Jyh, 2005). Fa'izah et. al. (2010) pula dalam kajiannya mendapati bahawa kebanyakan pelajar asing yang mengikuti kursus bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi menghadapi masalah dan lemah dalam menguasai kemahiran berbahasa Melayu disebabkan tempoh pembelajaran bahasa yang singkat. Cheun et. al. (2009) dalam kajiannya juga mendapati bahawa kekurangan masa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas menyebabkan pelajar tidak menguasai bahasa Mandarin.

Kesimpulannya, kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa kedua selain daripada disebabkan sifat bahasa itu sendiri terdapat faktor lain sama ada faktor dalaman atau luaran. Antara faktor dalaman ialah yang berkaitan dengan diri penuntut bahasa itu sendiri sama ada sikap tidak bersungguh, kecuaiian dan kurang mengambil berat terhadap pelajaran serta kurang kesedaran terhadap kepentingan mempelajari bahasa kedua. Manakala faktor luaran pula seperti faktor guru terutamanya dalam menggunakan teknik pengajaran, faktor persekitaran yang tidak memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari dalam suasana bahasa yang sebenar. Sukatan dan penilaian yang tidak dapat menilai serta mengukur kebolehan sebenar pelajar sehingga menyebabkan guru tidak dapat mengenal pasti aspek kelemahan pelajar dan kebolehan mereka. Faktor masa yang diperuntukan tidak mencukupi juga mempengaruhi pemerolehan bahasa kedua. Walau bagaimanapun, semua faktor yang disebutkan mampu diselesaikan dengan kerjasama daripada semua pihak sama ada penuntut bahasa

itu sendiri, guru serta penggubal dasar dan kurikulum termasuklah semua pihak yang berkait rapat dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa.

2.8.2 Kepentingan Kajian Analisis Kesalahan

Analisis kesalahan adalah sangat penting dalam pengajaran bahasa. Abū Khudayrī (1994:52) telah menjelaskan bahawa: “Peranan analisis kesalahan dalam pengajaran bahasa tidak terbatas kepada untuk mengenal pasti jenis kesalahan dan menilaikan peratusnya sahaja, malah lebih jauh daripada itu, iaitu cuba menentukan punca kesalahan bahasa yang utama sehingga dapat menghalang daripada berlakunya kesalahan atau sekurang-kurangnya dapat mengurangkannya.” Beliau juga menegaskan bahawa tujuan kajian ialah untuk mengelak daripada berlaku kesalahan serta membimbing pelajar supaya menggunakan bahasa Arab dengan betul sama ada lisan atau tulisan. Analisis kesalahan juga dapat membantu para guru mengetahui kelemahan pelajar. Melalui analisis kesalahan, guru dapat tahu aspek manakah yang perlu diberi penekanan. (Ibid, 1991:15)

Bahasa merupakan alat perhubungan sesama manusia. Penggunaan bahasa perlu tepat mengikut kaedah yang telah ditetapkan. Oleh itu, kajian analisis kesalahan yang terdapat dalam penulisan pelajar ini amat perlu untuk menganalisis kesalahan bahasa Arab memandangkan ciri-ciri bahasa Arab yang begitu kompleks berbanding bahasa lain

Analisis kesalahan juga boleh mendorong ke arah berlakunya proses pembelajaran yang berterusan seperti yang dinyatakan oleh al-Amīn Sālih (1982:12) “Kesalahan adalah penting kerana ia merupakan gambaran strategi individu seseorang pelajar, dan ini bererti proses pembelajaran sentiasa kekal berterusan”.

Daripada kenyataan di atas membuktikan bahawa analisis kesalahan penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kerana analisis kesalahan selain untuk mengenal pasti kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam penulisan mereka, guru juga dapat mencari dan mengenal pasti punca kesalahan tersebut sama ada disebabkan oleh kelemahan daripada pihak pelajar atau kelemahan guru dalam pengajaran. Selain itu, melalui analisis kesalahan, proses pengajaran dan pembelajaran dapat diteruskan dengan cara tunjuk ajar dan pembetulan terhadap kesalahan tersebut di samping mencari kaedah pengajaran terbaik bagi mengurangkan kesalahan dalam penulisan.

Che Radiah Mezah (2006 : 66 & 67) menggariskan beberapa kepentingan kajian analisis kesalahan bahasa seperti berikut:

- i. Melalui analisis kesalahan, pengajaran bahasa akan menjadi lebih berkesan kerana guru lebih berpeluang untuk bersedia dengan teknik yang sesuai serta bahan pengajaran yang telah dirancang mengikut kesesuaian pelajar.
- ii. Guru secara khusus dapat mengesan sejauh manakah pengaruh bahasa ibunda terhadap proses pembelajaran bahasa kedua.
- iii. Hasil maklumat yang diperolehi daripada proses menganalisa kesalahan, guru boleh mengubahsuai kaedah dan teknik pengajarannya bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar.
- iv. Membolehkan para perancang pendidikan merancang proses pembelajaran dengan lebih berkesan, sama ada pemilihan kaedah atau bahan terpilih.
- v. Membolehkan pengarang buku teks menyediakan bahan yang sesuai yang bakal dimuatkan ke dalam buku itu.

- vi. Menjamin kejayaan yang maksimum serta mengurangkan sebanyak mungkin kegagalan dalam kalangan pelajar.

Analisis kesalahan tatabahasa Arab yang dilakukan dalam kajian ini merupakan satu cara untuk melihat kesalahan yang berlaku dalam penulisan pelajar serta memberi kesedaran kepada guru terhadap aspek kesalahan yang dilakukan oleh pelajar di peringkat asasi agar pengajaran dan pembelajaran di peringkat ini dapat diperbaiki sebelum mereka melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi iaitu peringkat ijazah.

2.8.3 Tatacara Analisis Kesalahan Karangan

Terdapat beberapa langkah dalam menentukan kesalahan sebagai mana di sarankan oleh ahli bahasa Arab terdahulu. Langkah ini adalah untuk memastikan kesalahan yang diperolehi tepat dengan kaedah bahasa yang digunakan untuk penentuan kesalahan tersebut. Ahli bahasa menggunakan enam langkah dalam menganalisis kesalahan bahasa. Langkah ini ialah: (Jassem, 2008 : 108-126)



Rajah 2.1 : Langkah Analisis Kesalahan Karangan

Penerangan ringkas terhadap langkah analisis kesalahan karangan seperti dalam rajah di atas adalah seperti berikut:

i. Mengumpul Bahan

Langkah pertama dalam proses menganalisis kesalahan ialah mengumpul bahan yang dihasilkan oleh beberapa orang pelajar melalui dua cara iaitu lisan dan tulisan (Jassem, 2008 : 53). Bahan secara lisan seperti bahan yang dihasilkan melalui ujian lisan, audio dan klip video, manakala bahan yang boleh dikumpulkan secara bertulis ialah skrip jawapan peperiksaan sama ada dalam bentuk ayat pendek atau karangan. Dalam kajian ini bahan yang dikaji adalah hasil kemahiran menulis terhadap tajuk yang diberikan kepada pelajar, maka bahan yang dikumpul adalah melalui tulisan sahaja dan tidak

melibatkan lisan

ii. Mengumpul kesalahan

Walaupun proses ini sangat jarang berlaku dalam komposisi ahli bahasa, tetapi mereka tidak mengabaikannya untuk kesahihan bahan yang mereka kumpul. Mereka mengumpul kesalahan dan mengiranya dengan tepat. Telah berkata al-‘Askari:

“Seorang lelaki datang kepada saya bersama kertas yang ditulis dan mengandungi banyak kesalahan. Saya telah mengumpulkan kesalahan dan meletakkannya bersama-sama, dan saya dapati semuanya adalah 70 kesalahan”

Penganalisis kesalahan berkata: Proses mengenal pasti kesalahan bukanlah suatu perkara yang mudah sebagai mana tanggapan sesetengah orang. Oleh itu, dalam menganalisis kesalahan bahasa memerlukan seorang penganalisis yang mahir dalam bahasa tersebut, supaya tidak melakukan kesalahan dalam menganalisiskannya (Jassem: 210-151). Untuk mengumpul kesalahan memerlukan kemahiran dalam bidang yang akan dianalisis. Sebelum dikumpulkan pasti memerlukan pembacaan dan penelitian serta penghalusan untuk mendapatkan kesalahan dalam bahan yang ditulis.

iii. Mengklasifikasi Kesalahan

Setelah kesalahan dikumpul, langkah seterusnya ialah proses mengklasifikasi kesalahan dan membuat kategori kesalahan serta mengenal pasti kesalahan yang dilakukan. Kesalahan boleh diklasifikasikan di bawah kategori yang berbeza-beza seperti: kesalahan tatabahasa, morfologi, retorik leksikal, ejaan dan sebagainya (Jassem, 2000:55.) Klasifikasi kesalahan penulisan dalam kajian ini difokuskan terhadap kesalahan tatabahasa Arab iaitu terdiri daripada kesalahan penggunaan nahu dan saraf.

iv. Menentukan jenis Kesalahan

Penganalisan kesalahan boleh dilakukan melalui empat kategori bagi menggambarkan kesalahan iaitu: penghapusan, penambahan, penggantian dan susunan. Yang dimaksudkan dengan penghapusan ialah membuang satu huruf atau lebih daripada perkataan atau membuang perkataan daripada ayat. Yang dimaksudkan dengan penambahan pula ialah addendum atau penambahan satu atau lebih huruf dalam perkataan atau menambah perkataan dalam ayat. Penggantian pula ialah satu cara untuk mengubah huruf di tempat lain, atau perkataan di tempat lain. Adapun kelemahan dari aspek susunan ialah silap mengatur huruf atau perkataan dalam ayat menyalahi kaedah yang ditetapkan (Jassem: 151-210).

v. Menjelaskan Kesalahan

Corder menjelaskan “Penjelasan kesalahan adalah satu proses yang mempunyai matlamat dan ciri tersendiri”. Oleh itu, perlu menerangkan sebab berlaku kesalahan, kenapa berlaku kesalahan dan di mana berlaku kesalahan di samping sertakan sebab yang boleh diterima sama ada kerana bahasa ibunda atau kerana bahasa kedua diperoleh oleh pelajar tersebut atau kerana sebab lain. Beliau berkata lagi “menjelaskan kesalahan adalah sangat susah dan merupakan tujuan utama dalam proses menganalisis kesalahan” (al-Hafnāwīy(2005 : 2:56)

vi. Praktikal dan Amali

Terdapat dua matlamat dalam menganalisis kesalahan bahasa: pertama, untuk mengenal pasti bentuk kesalahan sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini dan yang kedua ialah tujuan praktikal dan amali. Tujuan yang kedua ini ialah melalui kajian sebab dan punca kesalahan yang dilakukan oleh pelajar serta mencari jalan untuk merawatnya dengan pelbagai cara. Mencari sebab dan penyelesaian akan berlaku

melalui kajian dan penyelidikan. Ulama' bahasa terdahulu juga telah mengkaji kesilapan, melalui kesilapan dan kesalahan yang mereka dapati mereka akan mengumpulkannya dalam satu buku, mereka membuat pembetulan serta meletakkan peraturan untuk mengurangkan berlakunya kesalahan semasa menulis dan bertutur. Melalui kajian juga, mereka telah menggariskan kaedah umum untuk menetapkan kaedah penggunaan bahasa yang betul.

Antara ulama terdahulu yang meletakkan peraturan melalui analisis kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pelajar seperti Ibn Qutaybah, Ibn Makkīy dan lain-lain lagi, di mana mereka telah menerangkan dalam buku tentang kaedah penulisan secara umum. (al-Qalqasynadī, (1992, 1 : 46-47). Oleh itu dalam menggunakan bahasa kita perlu merujuk dan menggunakan kaedah yang telah ditetapkan oleh mereka. Bagi kajian kesalahan penulisan bahasa Arab dalam kalangan bukan penutur terutamanya di Malaysia, buku-buku seperti ini juga perlu dihasilkan walaupun telah terdapat sebilangan buku di pasaran tetapi ia masih tidak meliputi semua aspek tatabahasa yang diperukan dalam penulisan.

2.9 Kajian Berkaitan

Di sini pengkaji mengemukakan kajian terdahulu yang boleh dirujuk untuk kajian ini. Kajian terdahulu yang dibincangkan di sini mengenai tatabahasa Arab dan kemahiran menulis yang dilakukan di Malaysia dan di luar Malaysia. Antara kajian tersebut ialah:

2.9.1 Kajian Tentang Tatabahasa Arab

Kajian mengenai tatabahasa Arab telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu antaranya Nor Aida Salleh (2003) dalam kajiannya bertajuk "Pola Kata Nama Jamak Dan Penggunaannya Dalam Bahasa Arab" Kajian ini adalah untuk menilai pemahaman dan

pengetahuan 100 orang pelajar tingkatan enam bawah yang akan menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) di Sekolah Maahad Muhammadi Perempuan Pasir Pekan. Tumpuan kajian ini menjurus kepada jenis pola kata nama jamak dan penggunaannya dalam bahasa Arab. Pengkaji mendapati pelajar tidak dapat membezakan sama ada sesuatu perkataan boleh membentuk kata nama jamak *taksīr* atau kata nama jamak *mudhakkār sālīm* malahan ada dalam kalangan mereka yang tidak dapat membezakan antara perkataan *mudhakkār* dan *mu'annath*. Hasil kajian menerusi instrumen soal selidik yang mengandungi soalan berkaitan kata nama jamak menunjukkan 23% pelajar mendapat pangkat A, 26% pelajar mendapat pangkat B, 22% pelajar mendapat pangkat C, 20% pelajar mendapat pangkat D dan 9% pelajar mendapat pangkat E. Kelemahan ini disebabkan kecuaiannya pelajar dan kekurangan membaca buku bahasa Arab. Beliau mencadangkan supaya pelajar didedahkan dengan kaedah asas dan cara mengenal pasti serta membezakan antara kata jamak yang dipelajari (2003: 150).

Terdapat kajian tentang tatabahasa Arab di peringkat Sarjana yang dilakukan di negara Arab iaitu kajian tentang penguasaan *nahu wazīfīy* dalam kalangan pelajar Kolej Pendidikan Guru, Universiti *Umm al-Qurā*. Kajian ini hanya memfokuskan tentang tahap kefahaman pelajar terhadap sukatan pelajaran *nahu wazīfīy* yang merupakan kursus wajib bagi mereka tanpa mengaitkannya dengan kemahiran menulis (Mohammad bin Said, 2003). Dapatan kajian ini menunjukkan penguasaan pelajar berada pada tahap sederhana. Melalui kajian ini, pengkaji dapat menjadikannya sebagai panduan dalam membina instrumen kajian dalam kajian yang dilakukan ini terutamanya dalam membentuk soalan penguasaan tatabahasa Arab. Kajian ini hanya mengkaji penguasaan pelajar terhadap tatabahasa Arab dan tidak dihubungkan dengan kemahiran lain.

Rosni Samah et, al (2007) dalam kajiannya bertajuk “Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Nahu Di Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Dan Tahap Penguasaan Pelajar”.

Kajian yang dijalankan di sekolah-sekolah Agama Kerajaan Negeri ini tertumpu kepada pendekatan pengajaran nahu tanpa dikaitkan dengan penguasaan pelajar dan kesannya terhadap kemahiran menulis. Pengkaji dapat melihat cadangan strategi dan pendekatan pengajaran nahu yang dicadangkan dalam kajian ini dan dapat dijadikan sebagai rumusan dan kesimpulan untuk kajian ini.

Satu lagi kajian di negara Arab yang terdapat dalam tesis sarjana yang disediakan oleh ‘Abdul al-Wāhid Zayd (2008) yang merupakan kajian tentang tahap penguasaan nahu dalam kalangan pelajar di universiti *Sana‘ā*, Yaman. Kajian ini juga mengkaji tentang kebolehan pelajar dalam nahu Arab. Kajian ini hanya menguji kebolehan nahu dalam kalangan pelajar tanpa mengaitkan kebolehan nahu dengan kemahiran berbahasa Arab yang lain. Walau bagaimanapun, pengkaji dapat melihat bentuk kajian yang dilakukan serta dapatan kajian yang diperolehi dan boleh disimpulkan bahawa semua pelajar sama ada dalam kalangan pelajar yang berbangsa Arab atau bukan Arab menghadapi masalah dalam menguasai tatabahasa Arab.

Seterusnya satu kajian yang dijumpai lagi mengenai tatabahasa Arab ialah kajian bertujuan mengetahui pencapaian nahu dan kemampuan linguistik dalam kalangan pelajar bertajuk “*al-Nahw bayna al-Taḥsīl wa al-Ta’bīr*” (Mubārak Tarīki, 2013). Kajian ini adalah untuk mengkaji kepentingan nahu dalam penggunaan bahasa. Kajian ini menyeru pihak terbabit dengan ilmu tatabahasa Arab sama ada pelajar, guru, penggubal sukatan dan sebagainya mengambil berat terhadap pengajaran nahu

memandangkan implikasi dan kesannya terhadap penggunaan bahasa adalah sangat tinggi. Kajian ini dapat memberi maklumat mengenai kepentingan nahu terhadap kemahiran berbahasa yang dapat dijadikan sebagai sokongan terhadap kajian yang dilakukan

Nurillah (2005) telah melakukan satu kajian berkaitan penguasaan salah satu tajuk dalam nahu bahasa Arab iaitu “Penyalahgunaan *nawāsikh* Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang”. Kajian yang dijalankan dalam kalangan 76 orang pelajar yang dipilih secara rawak daripada tiga buah sekolah menengah agama di daerah Pekan, Pahang iaitu Sekolah Menengah Agama al-Attas Pekan. Sekolah Tinggi Agama Sultan Abu Bakar Pekan dan Sekolah Menengah Agama Tengku Ampuan Fatimah Pekan. Hasil kajiannya beliau mendapati tahap penguasaan dan kefahaman pelajar terhadap tajuk kajian adalah di tahap lemah (Nurillah, 2005:88).

Pelajar masih keliru dan gagal memahami dengan baik tentang maksud *nawāsikh*. Pelajar juga tidak memberi tumpuan secara mendalam tentang tajuk *al-marfū‘āt*, *almajrūrāt* dan *al-manṣūbāt*. Punca kesalahan ialah kelemahan tenaga pengajar dalam menyampaikan tajuk berkaitan di samping tahap sukatan pelajaran yang terlalu tinggi dan tidak bersesuaian dengan pelajar. Beliau mencadangkan langkah yang proaktif seperti pengajaran yang menarik, latihan yang berterusan serta penggunaan bahan bantu mengajar dan seumpamanya perlu diambil untuk memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai.

Ahmad Fared Mohd Din (2006) dalam kajiannya yang bertajuk “Tahap Penguasaan *al-Tamyīz* Dalam Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes”. Kajian yang telah dilakukan ke atas 100 orang pelajar yang dipilih secara rawak daripada Sekolah

Menengah Agama al-Ihsan, Kuantan, Pahang. Dalam kajian ini, beliau telah mengkaji mengenai *al-tamyīz* daripada semua aspek. Dapatan kajiannya menunjukkan pelajar masih keliru di antara konsep *al-tamyīz* dengan *al-hāl*. Begitu juga pelajar masih tidak menguasai tanda baris bagi *al-tamyīz* dan tidak dapat menguasai variasi *al-tamyīz* dengan baik (2006:90).

Mohd Shafien bin ‘Othman (2008) telah melakukan satu kajian berkaitan dengan penguasaan salah satu tajuk dalam saraf bahasa Arab iaitu “Penguasaan *al-i‘lāl* dan *al-ibdāl* Dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)”. Kajiannya yang melibatkan 60 orang pelajar daripada dua buah sekolah yang dipilih secara rawak iaitu 30 orang mewakili Sekolah Agama Menengah Tinggi Kuala Kubu Baru dan 30 orang lagi mewakili Sekolah Agama Menengah Tinggi Hishamuddin. Beliau membuat kesimpulan daripada hasil dapatan kajiannya bahawa penguasaan pelajar tentang perkataan asal yang terlibat dengan *al-i‘lāl* dan *al-ibdāl* masih pada tahap yang lemah terutamanya dalam menentukan *wazn* yang berkaitan dengan kata kerja *nāqis* yang sangat penting dan perlu dikuasai dalam menentukan kedudukan sesuatu huruf yang akan terlibat dengan *al-i‘lāl* dan *al-ibdāl* (Mohd Shafien, 2008:163).

Beliau juga membuat rumusan bahawa pelajar juga tidak dapat menguasai dengan baik perubahan yang berlaku pada perkataan yang terlibat dengan proses *al-ibdāl*. Kelemahan ini berpunca daripada kegagalan mereka untuk menentukan fonem *tā’* dengan tepat pada sesuatu perkataan yang perlu dipadankan dengan *wazn* *اِفْتَعَلَ*. Beliau telah membuat rumusan bahawa kelemahan pelajar yang didapati melalui kajian beliau adalah disebabkan oleh faktor dalaman iaitu sikap pelajar itu sendiri terhadap pelajaran

merupakan punca utama menyebabkan mereka kurang menguasai mata pelajaran dengan baik.

Kajian yang dijalankan oleh Hashim Mat Zin (2009) tentang penguasaan kata kerja bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah mendapati pelajar lemah dalam membezakan antara pola-pola kata kerja, perubahan makna dengan penambahan huruf dalam kata kerja serta perubahan kata kerja dari sudut bilangan dan gender. Antara punca kegagalan responden dalam menguasai topik ini khususnya dan subjek ini amnya ialah melibatkan faktor dalaman pelajar yang berkaitan motivasi dan minat terhadap bahasa Arab serta kesedaran terhadap kepentingan bahasa Arab dalam hidup dan masa depan disamping faktor luaran iaitu pentadbir, guru, dan ibubapa. Beliau mencadangkan teknik dan kaedah pengajaran yang lebih canggih seperti penggunaan internet perlu dititikberatkan agar pengajaran menjadi lebih menarik (Mat Zin, 2009: 101-102).

Muhamad bin Husin (2010) dalam satu kajian berkaitan dengan penguasaan salah satu tajuk dalam nahu bahasa Arab iaitu “Penguasaan *Al-‘Adad Wa Al-Ma‘dūd* Dalam Kalangan Pelajar”. Responden yang terdiri daripada 100 orang pelajar tingkatan lima yang dipilih secara rawak daripada dua buah sekolah Menengah Agama di daerah Kuala Kangsar, Perak. Hasil kajiannya mendapati secara keseluruhannya tahap penguasaan dan kefahaman pelajar terhadap tajuk kajian adalah di tahap lemah (Muhamad, 2010:157). Pelajar masih gagal membezakan antara *al-‘adad* yang *mabniy* dengan *al-‘adad* yang *mu‘rab*. Pelajar juga masih gagal menentu dan membezakan antara *al-ma‘dūd* yang berfungsi sebagai *al-tamyīz* dengan *muḍāf ilayh* atau *al-na‘t*. Pelajar juga masih gagal menentukan padanan *al-‘adad* dan *al-ma‘dūd* yang sesuai serta gagal juga untuk menterjemah ayat pendek daripada bahasa Melayu ke bahasa Arab.

Justeru itu, beliau mencadangkan beberapa langkah yang perlu diambil untuk memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran boleh tercapai. Antaranya ialah kaedah penyampaian yang menarik, bentuk latihan yang lebih kerap, latih tubi yang berterusan dan penggunaan bahan bantu mengajar yang menarik.

Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Rushdi Haroon (2010) untuk memperlihatkan penguasaan partikel “al” dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu. Pengkaji telah memberikan definisi partikel dan menghuraikan jenis dan fungsinya serta menghuraikan makna fungsi partikel tersebut berserta contoh penggunaannya dalam ayat. Analisis data menunjukkan kebanyakan responden tidak menguasai penggunaan partikel “al” dalam bahasa Arab dengan sempurna dan lemah menggunakannya dalam ujian bertulis.

Kelemahan ini berpunca daripada teknik dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas, tenaga pengajar yang kurang berkemahiran, sukatan mata pelajaran yang tidak mendalam, tidak lengkap serta kurang tersusun dan tidak berkesinambungan. Persekitaran sekolah yang tidak menyokong dan yang lebih penting kekangan diri pelajar itu sendiri. Beliau mencadangkan beberapa langkah untuk mengatasi masalah kelemahan pelajar dalam menguasai bahasa Arab. Antara cadangan beliau adalah supaya satu kurikulum yang lebih sistematik digubal serta menerapkan kaedah pembelajaran perbandingan antara bahasa Arab dan bahasa Melayu.

Kajian tentang tatabahasa yang dikemukakan daripada beberapa pengkaji sepertimana di atas dapat disimpulkan bahawa kajian yang disebutkan tadi menyentuh penguasaan pelajar terhadap tatabahasa Arab. Antara kajian tersebut adalah mengenai penguasaan pelajar dalam tajuk tertentu tentang tatabahasa Arab. Terdapat juga kajian

yang dilakukan melalui kemahiran menulis. Rasponden yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji tadi adalah dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kebanyak kajian yang dilakukan menunjukkan pelajar masih lemah dalam menguasai tatabahasa Arab dan pengkaji terdahulu juga telah menjelaskan beberapa faktor kelemahan pelajar dalam menguasai tatabahasa Arab.

Antara faktor kelemahan tersebut seperti kecuaiian pelajar sendiri, kaedah pengajaran dan pembelajaran, motivasi serta persekitaran. Cadangan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran tatabahasa Arab yang berkesan juga telah dikemukakan agar pelajar dapat menguasai tatabahasa Arab dengan lebih baik. Dalam kajian yang disebut di atas dilakukan secara bersama atau secara berasingan antara nahu dan saraf. Kajian-kajian tersebut banyak membantu pengkaji dalam kajian yang dilakukan ini untuk melihat fenomena yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran tatabahasa Arab kepada pelajar dan seterusnya membantu pengkaji mencari titik kekuatan dan kelemahan dalam kalangan pelajar serta mencari jalan penyelesaian dalam usaha membantu mereka ke arah pembelajaran yang lebih berkesan.

Kajian penguasaan tatabahasa Arab yang dijalankan ini merangkumi beberapa tajuk tatabahasa Arab secara bersama dalam bidang nahu dan saraf. Responden dalam kajian ini juga berbeza dengan kajian lepas di mana responden dalam kajian ini terdiri daripada lepasana SPM yang telah berjaya ditawarkan ke asasi universiti awam. Pengkaji melihat dapatan kajian yang akan diperolehi nanti pasti berbeza kerana responden dalam kajian ini adalah pelajar cemerlang dalam SPM dan mereka merupakan pelajar yang terpilih.

2.9.2 Kajian Tentang Kemahiran Menulis Bahasa Arab

Tajuk kajian yang dijalankan ialah “Implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis dalam kalangan pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia”. Sebelum ini dibentangkan kajian lepas mengenai kajian tentang penguasaan tatabahasa Arab. Di sini pengkaji akan mengemukakan pula kajian yang terdapat kaitan dengan kajian yang akan dilakukan iaitu tentang kemahiran menulis bahasa Arab.

Terdapat kajian yang ada kaitan dengan kemahiran menulis secara gabungan dalam kajian tentang pengajaran bahasa Arab. Antaranya ialah kajian bertujuan mengkaji metode dan pendekatan yang telah diaplikasikan oleh para pendidik dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berasaskan empat kemahiran (Zamri Ahmad, Ibtisam Abdullah, 2014). Empat kemahiran tersebut ialah kemahiran membaca, bertutur, menulis dan mendengar. Kajian ini juga melihat bagaimana metode dan pendekatan yang telah diaplikasikan oleh para pendidik bagi mengatasi masalah kelemahan para pelajar dalam memahami dan menguasai bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pelbagai pendekatan dan metode yang bersesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang telah diaplikasi oleh para pendidik. Dengan adanya berbagai-bagai jenis pendekatan dan metode ini boleh membantu para pelajar menguasai bahasa.

Kajian yang telah disebutkan di atas adalah tentang pengajaran bahasa Arab dan keberkesanan proses pengajaran dan kaedah yang digunapakai oleh para guru bahasa Arab secara umum. Walau bagaimanapun, melalui kajian ini pengkaji dapat melihat proses pengajaran bahasa Arab yang berkesan yang digunakan oleh guru serta langkah yang diambil yang dapat memberi kesan dan meningkatkan keempat-empat kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar termasuklah kemahiran menulis.

Terdapat kajian khusus tentang kemahiran menulis bahasa Arab, antaranya ialah kajian tentang kemahiran menulis bahasa Arab yang dijalankan oleh Manisah (2000) untuk memperkenalkan kepentingan penggunaan *ḍamīr* dalam bahasa Arab. Dalam kajian ini beliau telah membuat tinjauan terhadap tahap pencapaian serta kefahaman pelajar Melayu sekolah agama dari sudut penggunaan *ḍamīr* dalam karangan mereka di samping mengkaji punca kelemahan para pelajar tersebut bagi mencari jalan penyelesaiannya serta mengenal pasti penekanan guru terhadap aspek penggunaan *ḍamīr* ketika mengajar. Kajian yang dijalankan dengan menggunakan data melalui karangan pelajar sebagai bahan utama ini hanya memberi fokus kepada tajuk *ḍamīr* sahaja.

Zainol Abidin (2003) telah membuat kajian kemahiran menulis dalam kalangan pelajar sekolah Menengah Kebangsaan di negeri Selangor. Beliau juga mendapati penguasaan pelajar masih berada pada tahap yang lemah dan mereka tidak mempelajari kemahiran menulis dengan sempurna.

Terdapat kajian yang memberi fokus terhadap kesalahan morfologi dalam penulisan iaitu kajian yang dijalankan oleh Che Radiah Mezah (2009). Dalam kajian ini beliau mendapati kelemahan utama pelajar dalam bidang penulisan adalah dalam aspek morfologi yang melibatkan aspek kata dan penggunaannya dalam ayat. Kajian Che Radiah ini tidak menguji penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab tetapi beliau mengkaji kesalahan utama yang dilakukan oleh pelajar.

Samah (2012) dalam kajiannya untuk melihat tahap kemampuan pelajar lepasan SPM dalam membina ayat bahasa Arab. Objektif kajian beliau adalah bagi melihat dan mengenal pasti tahap kemampuan pelajar dalam membina ayat bahasa Arab dalam

penulisan karangan pendek. Hasil kajian membuktikan tahap penguasaan penulisan pelajar adalah lemah. Hanya 16.0% sahaja yang mendapat 6 markah ke atas. Ini menunjukkan mereka lemah menguasai kemahiran menulis dalam bahasa Arab. Beliau menjelaskan kelemahan ini berpunca daripada kelemahan menguasai kosa kata dan kaedah nahu. Tanpa kosa kata dan tatabahasa pelajar tidak berupaya mengungkap bahasa bagi menjelaskan situasi. Kajian ini juga hanya melihat aspek dan tahap kelemahan pelajar dalam kemahiran menulis tanpa menghubungkannya dengan tahap penguasaan nahu mereka.

Mohamad Rafian et. Al. (2014) dalam kajiannya bertajuk “Analisis Kesalahan Nahu Bahasa Arab Dalam Karangan Pelajar Kursus Pengukuhan Bahasa Arab”. Kajian ini dilakukan bertujuan menganalisis kesalahan nahu dalam kalangan pelajar kursus pengukuhan bahasa Arab. Kajian yang dilakukan terhadap 30 pelajar yang dipilih secara rawak ini menggunakan penulisan karangan responden sebagai data kajian. Data kajian ini dibentangkan mengikut kaedah analisis kandungan secara kuantitatif dan kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar melakukan beberapa aspek kesalahan nahu seperti kesalahan dalam penggunaan gender iaitu maskulin dan feminin, kata ganti nama diri (*dāmir*), kesalahan frasa *idāfat* dan frasa sifat dan kesalahan penggunaan kosa kata. Hasil kajian juga mendapati kesalahan penggunaan kosa kata paling banyak dilakukan pelajar iaitu sebanyak 65 kesalahan. Kesalahan kedua tertinggi pula ialah kesalahan aspek frasa iaitu penggunaan *idāfat* dan sifat iaitu sebanyak 55 kesalahan diikuti kesalahan aspek penggunaan gender dan aspek penggunaan kata ganti nama iaitu jumlahnya sama iaitu 45 kesalahan. Beliau mencadangkan agar strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran mengarang selain kaedah dan teknik yang digunakan pensyarah perlu kepada pemantapan mengikut kersesuaian tahap penguasaan pelajar. Beliau juga menyarankan agar segala kesalahan pelajar yang telah dianalisis perlu

dikumpulkan dan di jadikan modul atau kamus kesalahan bahasa supaya pelajar dapat mengenal pasti dan mempelajari kesalahan mereka seterusnya tidak mengulanginya kembali.

Kajian ini hanya memberi fokus terhadap kesalahan penulisan terhadap aspek nahu tanpa mengkaji kefahaman atau penguasaan tatabahasa pelajar. Pengkaji dapat menjadikan kajian ini sebagai panduan untuk memberi perhatian terhadap aspek kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar dalam kajian yang dilakukan supaya dapat mencari di mana kelemahan penulisan pelajar sama ada kesalahan yang dilakukan sama dengan apa yang telah dikaji dan apakah faktor yang menyebabkan kesalahan tersebut ada kaitan dengan penguasaan tatabahasa.

Nur Hafizah (2015) dalam kajiannya berkenaan penggunaan imitasi dalam penulisan karangan bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan imitasi dalam penulisan karangan bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti. Kajian yang menggunakan model karangan sebagai sumber dalam imitasi yang merupakan satu pendekatan peniruan untuk membantu pelajar meningkatkan kemahiran penulisan karangan. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti ayat imitasi yang digunakan oleh pelajar serta aspek kesalahan yang sering berlaku dalam proses imitasi. Data kajian berkaitan penggunaan imitasi dalam penulisan karangan ini dikumpul daripada 64 skrip jawapan karangan telah memperlihatkan kekerapan penggunaan imitasi yang telah dilakukan oleh responden dari sudut gaya bahasa *istifhām*, gaya bahasa *nida'*, gaya bahasa *amr* dan gaya bahasa *nahy*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa imitasi gaya bahasa *istifhām*, *nida'*, *amr* dan *nahy* telah dilaksanakan oleh responden melalui tiga teknik imitasi iaitu teknik imitasi model, teknik penggantian leksikal dan teknik penggantian keseluruhan

ayat. Selain daripada itu, kajian juga merekodkan kesalahan yang tertinggi yang telah dilakukan oleh responden iaitu kesalahan sintaksis.

Kesimpulannya, semua kajian mengenai penulisan bahasa Arab yang disebutkan tadi menunjukkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu memberi fokus terhadap penguasaan pelajar terhadap tatabahasa Arab dan mengkaji kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam menulis karangan bahasa Arab tanpa mengaitkan kajian dengan penguasaan tatabahasa yang telah dipelajari. Kajian tentang penulisan juga dilakukan terhadap pelajar sekolah menengah dan pelajar university. Ini bermakna kajian yang dilakukan adalah umum untuk pelajar sekolah dan pelajar universiti yang mungkin telah melalui peringkat asasi sebelum memasuki universiti atau pelajar universiti yang berjaya memasuki universiti melalui STAM atau STPM atau Diploma. Pencapaian yang diperoleh daripada kalangan responden melalui kajian terdahulu mungkin berbeza dengan pencapaian yang dilakukan dalam kajian ini kerana responden dalam kajian terdahulu terdiri daripada pelajar sekolah dan pelajar university yang mungkin tidak pernah melalui pengajian di peringkat asasi.

Bagi responden dalam kajian ini pula adalah pelajar terpilih dalam kalangan lepasan sekolah iaitu lepasan SPM dan umum tahu bahawa pelajar Asasi Universiti Awam merupakan pelajar yang terpilih dalam kalangan pelajar cemerlang di peringkat SPM.

Terdapat perbezaan dan persamaan antara kajian terdahulu dan kajian yang dilakukan.

Perbezaan dan persamaan tersebut boleh disimpulkan seperti berikut:

- i. Kajian terdahulu memberi tumpuan terhadap tajuk tertentu daripada tajuk tatabahasa Arab. Manakala kajian ini meliputi beberapa tajuk yang penting dalam pembentukan ayat bahasa Arab iaitu tajuk kata nama, kata tugas, kata kerja dan ayat kata kerja, ayat kata nama, *nawāsikh*, frasa *idāfat* dan frasa sifat.
- ii. Kajian terdahulu dilakukan secara berasingan antara penguasaan tatabahasa dan kemahiran menulis. Manakala kajian ini dilakukan secara gabungan kedua kemahiran tersebut bertujuan melihat implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis.
- iii. Responden dalam kajian terdahulu terdiri daripada sama ada dalam kalangan pelajar sekolah atau yang telah memasuki universiti. Pada pandangan pengkaji, responden yang masih bersekolah mungkin terdiri daripada pelajar cemerlang, sederhana dan lemah. Adapun responden yang terdiri daripada pelajar universiti pula terdiri daripada lepasan diploma, STPM, STAM dan asasi. Dalam kajian ini pula responden adalah dalam kalangan pelajar asasi. Oleh itu, dapatan kajian pasti berbeza kerana ketiga kelompok responden adalah berbeza dari aspek kemampuan, latar belakang dan umur.

- iv. Persamaan antara kajian terdahulu dengan kajian yang dilakukan boleh dilihat pada aspek objektif iaitu untuk melihat penguasaan responden terhadap tatabahasa Arab, menganalisis kesalahan penulisan responden, mengkaji faktor kelemahan serta mencadangkan teknik dan strategi pengajaran dan pembelajaran tatabahasa Arab khasnya dan bahasa Arab amnya.

2.10 Penutup

Dalam bab ini telah dibincangkan tentang konsep morfologi dan sintaksis bahasa Arab serta kaitan dan hubungan antara keduanya. Turut dibincangkan dalam bab ini tentang kepentingan mempelajari nahu dan saraf serta cara pembentukan struktur asas ayat bahasa Arab dan elemen penting dalam pembentukan ayat tersebut. Perbincangan dalam bab ini juga menyentuh tentang konsep kemahiran menulis termasuk bentuk, format dan objektif pengajaran kemahiran menulis. Perbincangan juga diteruskan dengan mengemukakan implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap penulisan selanjutnya dibincangkan kajian-kajian terdahulu berkaitan dengan tatabahasa Arab, penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab serta kajian tentang kemahiran menulis dalam kalangan pelajar di Malaysia.

Morfologi dan sintaksis sangat penting dalam bahasa Arab, ia memainkan peranan penting dalam membentuk ayat bahasa Arab. Untuk membentuk ayat bahasa Arab memerlukan kemahiran dalam kedua aspek ini. Perkataan yang digabungkan sekurang-kurangnya dua perkataan terbentuk satu ayat. Kesalahan morfologi dalam ayat iaitu kesalahan dalam satu perkataan boleh membawa kepada kesalahan dalam ayat sama ada ayat pendek atau panjang, kesalahan ayat pula menyebabkan kesalahan maksud dalam penulisan.

Kajian terdahulu yang dikemukakan dalam kajian ini memperlihatkan betapa pentingnya aspek tatabahasa Arab dalam kemahiran menulis sehingga menarik minat ramai pengkaji untuk menjalankan kajian secara serius sama ada dalam bidang tatabahasa Arab atau bidang penulisan. Dapatan kajian terdahulu jelas menunjukkan bahawa sama ada pelajar Melayu dan bukan Melayu termasuk orang Arab sendiri pada semua peringkat sama ada pada peringkat sekolah atau peringkat universiti masih menghadapi masalah penguasaan tatabahasa Arab terutamanya dalam penulisan. Jesteru, kajian tentang perkara ini perlu diberi perhatian bagi mencari punca kelemahan seterusnya mendapatkan jalan penyelesaian agar kelemahan bahasa Arab dalam kalangan pelajar khususnya pelajar Melayu dapat dikurangkan di samping penguasaan mereka dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Kajian ini merupakan tinjauan tahap penguasaan pelajar dalam bidang tatabahasa Arab dan implikasinya terhadap kemahiran menulis. Bentuk kajian yang dijalankan ialah gabungan kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Bab ini membincangkan metodologi kajian merangkumi reka bentuk kajian, populasi dan pemilihan responden serta lokasi kajian. Perbincangan turut melibatkan penggunaan instrumen kajian, kesahan dan kebolehpercayaan, tatacara pengumpulan data dan penganalisan data serta prosedur kajian.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah untuk meninjau dan melihat tahap kemahiran pelajar terhadap penguasaan tatabahasa Arab dan implikasinya terhadap kemahiran menulis. Menurut Kerlinger (1973:300), reka bentuk kajian berfungsi sebagai panduan dalam suatu kajian untuk mencari jawapan yang jelas terhadap persoalan kajian. Oleh kerana kajian ini mengenai penguasaan tatabahasa Arab dan implikasinya terhadap kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia, reka bentuk kajian dibina berdasarkan persoalan kajian mengenai perkara tersebut.

Berdasarkan bentuk persoalan kajian, pengkaji telah memilih pendekatan kaedah yang bersifat kuantitatif. Menurut Rohana Yusof (2003:146) kaedah kuantitatif ialah satu usaha membentuk prinsip dan peraturan umum yang mengandaikan realiti sosial sebagai objektif dan terpisah atau tidak berkaitan dengan individu. Dalam kajian ini, pengkaji perlu membuat pemerhatian dan pengumpulan data primer. Teknik yang

digunakan untuk memungut data adalah melalui borang soal selidik, soalan ujian penguasaan tatabahasa dan ujian kemahiran menulis. Teknik ini digunakan kerana:

- i. Lebih mudah untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.
- ii. Data yang dipungut merupakan data terkini dan fleksibel digunakan secara terus untuk melihat permasalahan yang sedang dikaji
- iii. Memudahkan responden kerana diberi masa yang cukup untuk menjawab soalan
- iv. Lebih cepat dan murah dari segi kos, masa dan tenaga.

3.2 Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Mohd Majid (2000), populasi didefinisikan sebagai satu set ciri-ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek. Populasi dalam kajian ini ialah keseluruhan pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia yang mengikuti kursus Bahasa Arab di peringkat pra Universiti atau peringkat Asasi. Pelajar semester satu dipilih sebagai subjek kajian kerana apa yang hendak dinilai ialah penguasaan mereka terhadap tatabahasa Arab yang telah dipelajari di peringkat sekolah Menengah.

Dalam menentukan saiz sampel, terdapat dua perkara penting yang perlu diberikan perhatian iaitu isu yang berkaitan dengan kecukupan dan isu yang berkaitan dengan perwakilan (Sidek, 2009). Kedua-dua perkara ini perlu diberikan perhatian sewajarnya agar dapatan kajian dapat digeneralisasikan dan benar-benar mewakili populasi kajian.

Dalam menjalankan kajian ini pengkaji telah menggunakan pensampelan jenis rawak mudah iaitu pengambilan sampel secara bebas. Menurut Chua Yan Piaw (2006) prosedur pensampelan rawak mudah digunakan untuk memastikan setiap unit atau subjek dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian. Responden yang digunakan dalam kajian ini ialah pelajar Asasi daripada tiga buah Universiti Awam Malaysia iaitu Asasi Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Tamhidi (asasi) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Populasi dalam kajian ini adalah seramai 850 orang. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), bagi populasi seramai 850 orang, responden yang diperlukan adalah seramai 265. Oleh itu responden dalam kajian ini seramai 265 orang.

3.3 Latar Belakang Responden

Responden utama kajian terdiri daripada pelajar lepasan SPM yang berjaya ditawarkan ke 3 buah asasi universiti awam yang menawarkan kursus Bahasa Arab. Responden terdiri daripada pelajar daripada tiga buah institusi iaitu Asasi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UAIM) dan Tamhidi Universiti Islam Sains Malaysia (USIM). Respondan kajian dipilih daripada kalangan pelajar lelaki dan perempuan daripada tiga pusat ssasi di institusi tersebut. Pelajar yang dipilih sebagai responden ini telah mempelajari bahasa Arab selama lima tahun di peringkat sekolah menengah dan secara umumnya berdasarkan syarat kemasukan ke tiga institusi ini menunjukkan mereka mencapai keputusan akademik yang lebih baik jika dibandingkan dengan rakan mereka yang tidak berjaya memasuki institusi tersebut. Ini dapat membuktikan bahawa mereka telah menguasai asas kemahiran bahasa Arab dengan baik sama ada kemahiran menulis atau kemahiran membaca dalam bahasa Arab.

3.4 Lokasi Kajian

Kajian ini bertujuan melihat penguasaan pelajar asasi dalam menguasai tatabahasa Arab dan implikasinya terhadap kemahiran menulis. Untuk mencapai tujuan ini, tiga buah Pusat Asasi Universiti Awam dipilih untuk kajian ini iaitu tiga buah pusat asasi yang menawarkan mata pelajaran bahasa Arab iaitu Pusat Asasi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang terletak di Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan. Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Petaling Jaya, Selangor dan Tamhidi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang terletak di Nilai, Negeri Sembilan.

3.5 Instrumen Kajian

Menurut Mohd Majid (2000) instrument kajian ialah alat pengkajian. Instrumen kajian penting bagi mencapai objektif sesuatu penyelidikan. Beliau berpendapat lagi bahawa sesuatu alat kajian yang sempurna akan mendorong responden dalam memberikan jawapan yang tepat serta bekerjasama untuk menjayakan penyelidikan tersebut. Pembentukan sesuatu alat kajian perlu dilakukan sekiranya alat yang sesuai dengan sesuatu penyelidikan. Memandangkan tiada instrumen yang sedia ada boleh digunakan sebagai piawaian bagi mendapatkan data kajian ini, pengkaji membina instrumen yang baharu dengan mengambil kira faktor kesahan, kebolehpercayaan dan kesesuaian alat kajian tersebut. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik, soalan ujian penguasaan tatabahasa Arab dan ujian kemahiran menulis bahasa Arab.

3.6 Reka Bentuk Instrumen Kajian

Instrumen kajian dibina dengan merujuk kepada tesis terdahulu serta jurnal mengenai penguasaan bahasa dan kemahiran menulis. Kemudian melalui perbincangan dengan penyelia dan beberapa orang yang mahir dalam bidang tatabahasa Arab sebelum dilakukan ujian kepada pelajar. Soal selidik lebih memberikan tumpuan kepada latar belakang responden, pandangan mereka terhadap bahasa Arab serta penguasaan mereka terhadap tatabahasa. Soalan ujian penguasaan tatabahasa pula dibentuk daripada tajuk terpilih daripada sukatan tatabahasa Arab yang dipelajari semasa sekolah menengah. Soalan ujian kemahiran menulis juga disediakan mengikut tahap dan kemampuan responden dalam mentafsirkan idea mereka melalui kemahiran menulis. Secara umumnya, instrumen kajian ini terbahagi kepada soal selidik, soalan ujian penguasaan tatabahasa Arab dan ujian kemahiran menulis.

3.6.1 Soal selidik

Soal selidik mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A mengenai latar belakang responden dan bahagian B iaitu mengenai pandangan responden terhadap bahasa Arab.

Bahagian A: Latar Belakang Responden

Bahagian ini mengandungi 12 soalan yang perlu dijawab oleh responden. Soalan tersebut adalah berkaitan latar belakang responden seperti maklumat diri, pencapaian bahasa Arab di peringkat SPM, minat dan persepsi umum terhadap bahasa Arab. Soalan dalam bahagian ini terdiri daripada soalan jawapan tertutup. Pelajar hanya diminta memilih jawapan yang disediakan dan menulis jawapan dalam kertas soalan. Soalan jenis ini mungkin menghadkan maklumat berkaitan dengan kajian namun ia lebih menyenangkan pengkaji untuk menganalisis dan memudahkan pelajar menjawab serta tidak mengambil masa yang terlalu lama.

Bahagian B : Pandangan responden terhadap tatabahasa Arab

Bahagian ini mengandungi 11 soalan. Soalan dalam bahagian ini mengenai pandangan responden terhadap tatabahasa Arab sama ada mereka merasakan mereka mampu menguasainya dengan baik atau tidak. Soal selidik ini digubal dengan menggunakan Skala Likert yang mengandungi tujuh skala. Menurut Chua Yan Piaw (2006) Skala Likert banyak digunakan dalam penyelidikan sains sosial dan pendidikan. Ini kerana Skala Likert mengandungi kelebihan iaitu: (a) ia mudah diurus dan dipakai, (b) itemnya mudah dijawab oleh responden dan (c) data yang dipungut melalui Skala Likert lebih tinggi kebolehpercayaan berbanding dengan skala lain seperti Thurstone dan Guttman. Item bahagian B dalam soal selidik ini menggunakan Skala Likert 7 seperti dalam jadual berikut:

Jadual 3.1: Nilai Skala Likert Dan Indikatornya

Sangat tidak setuju			Tidak Pasti	Sangat Setuju		
1	2	3	4	5	6	7

3.6.2 Ujian Penguasaan Tatabahasa Arab

ujian ini memberi tumpuan terhadap pengetahuan pelajar tentang beberapa aspek berkaitan tatabahasa Arab. Ujian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

Bahagian A

Bahagian ini mengandungi 30 soalan aneka pilihan. Responden diberi dua pilihan jawapan. Soalan dalam bahagian ini mengenai kefahaman pelajar terhadap kaedah penggunaan tatabahasa Arab. Tajuk yang diuji merupakan tajuk terpilih daripada buku bahasa Arab peringkat sekolah menengah iaitu tajuk kata nama, kata tugas, kata kerja

dan ayat kata kerja, ayat kata nama, *nawāsikh*, frasa *idāfat* dan frasa sifat. Pemilihan tajuk ini berdasarkan kepentingan tajuk dalam membentuk struktur ayat bahasa Arab.

Pembahagian soalan penguasaan tatabahasa Arab dalam bahagian ini terdiri daripada:

- i. Penguasaan kata nama dalam bahasa Arab: sebanyak enam soalan mengenai kata nama dalam bahasa Arab diuji dalam `soalan ini. Soalan merangkumi pembahagian kata nama berdasarkan jantina, bilangan, am dan khas serta penggunaan kata nama tersebut dalam ayat.
- ii. Penguasaan kata tugas : Terdapat empat soalan objektif berkenaan kata tugas khas dan kata tugas am dikemukakan kepada responden.
- iii. Penguasaan kata kerja dan ayat kata kerja: terdapat enam soalan mengenai kata kerja dan penggunaannya dalam ayat kata kerja yang dimuatkan dalam soalan ujian ini
- iv. Penguasaan ayat kata nama: terdapat lima soalan tentang ayat kata nama dalam ujian soalan objektif iaitu merangkumi konsep subjek dan predikat dalam bahasa Arab, pengenalan kata nama yang boleh dijadikan sebagai subjek, pengenalan dan penggunaan predikat
- v. Penguasaan *nawāsikh*: Terdapat tiga soalan mengenai *nawāsikh* sama ada (كان) (إنَّ وأخيه) atau (وأخيه)

- vi. Penguasaan frasa *idāfat*: terdapat tiga soalan meminta responden memilih frasa *idāfat* yang betul daripada jawapan yang diberikan sama ada frasa *idāfat* daripada kata nama tunggal, duaan atau jamak
- vii. Penguasaan frasa sifat: terdapat tiga soalan mengenai tajuk ini, antaranya ialah meminta responden memilih sifat dalam ayat yang diberikan

Bahagian B

Dalam bahagian ini, pengkaji telah menyediakan soalan berbentuk struktur. Responden diberi 10 ayat untuk menentukan sama ada ayat yang diberikan betul atau salah mengikut kaedah pembentukan ayat bahasa Arab. Ayat yang diberikan mengandungi 10 ayat yang terdiri daripada : dua ayat kata nama, tiga ayat kata kerja, tiga ayat mengandungi *nawāsikh*, satu ayat mengandungi frasa *idāfat* dan satu ayat mengandungi frasa sifat.

Bahagian C

Bahagian ini merupakan soalan berbentuk subjektif berkaitan kefahaman pelajar terhadap tatabahasa Arab. Soalan ini mengandungi teks pendek diikuti soalan berkenaan tatabahasa Arab yang memerlukan kefahaman responden untuk menjawabnya. Sebanyak 5 soalan dikemukakan dalam bahagian ini merangkumi soalan kefahaman tentang kaedah dan penggunaan kaedah tatabahasa dalam ayat berdasarkan teks yang telah diberikan.

3.6.3 Ujian Kemahiran Menulis

Pengkaji merangka satu set ujian kemahiran menulis bahasa Arab untuk menguatkan lagi ukuran dan penentuan tahap penguasaan tatabahasa Arab dan implikasinya terhadap kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan responden. Bagi melihat fenomena dan mendapatkan gambaran tepat mengenai tahap kemahiran pelajar menulis ayat bahasa Arab, pengkaji merangka satu set soalan ujian menulis karangan bahasa Arab. Tajuk karangan berdasarkan sukatan pelajaran sekolah menengah. Soalan ini meminta pelajar memilih satu tajuk karangan dan menulisnya. Panjang karangan adalah antara 80-100 patah perkataan. Format penulisan adalah berpandukan format SPM iaitu mengandungi pendahuluan, isi penting dan penutup.

Tajuk karangan yang dikemukakan kepada responden ialah:

- i. **أَوَّلَ يَوْمٍ كُنْتُ فِي الْجَامِعَةِ**
- ii. **الْمَادَّةُ الْمُفْضَلَةُ لَدَيَّ**
- iii. **جَامِعَتِي**

3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Bahagian ini pengkaji menggemukakan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang dilakukan.

3.7.1 Kesahan Instrumen Kajian

Kesahan dan kebolehpercayaan merupakan perkara penting yang sering dibincangkan dalam metodologi penyelidikan. Kesahan instrumen adalah perlu untuk menentukan kedudukan instrumen kajian yang digunakan. Instrumen yang menjadi alat untuk mengumpulkan data perlu tepat dan sesuai agar kajian yang dijalankan dan maklumat yang diperolehi diiktiraf sebagai sah dan boleh dipercayai.

Penentuan kesahan dan kebolehpercayaan merupakan langkah terakhir dalam pembinaan instrumen kajian. Kedua-dua penilaian ini adalah sangat kritikal dan ia berkait rapat dengan ketepatan ukuran (Sidek, 2002). Kesahan alat ukur juga merujuk kepada sejauh mana sesuatu instrumen itu benar-benar dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur (Mokhtar, 2011).

Antara bentuk kesahan yang digunakan bagi kajian ialah kesahan muka (face validity) dan kesahan kandungan (content validity). Kesahan muka dijalankan bagi mengukur nilai sebenar perkara yang ingin diukur dan kesahan kandungan adalah untuk mengukur sejauh mana pengukuran dibina dapat mewakili aspek kandungan yang ingin diukur (Chua, 2006). Dalam kajian ini tiga instrumen kajian digunakan untuk mengumpulkan data mentah mengenai penguasaan pelajar terhadap tatabahasa Arab dan implikasinya terhadap kemahiran menulis. Tiga instrumen itu ialah soal selidik, soalan ujian penguasaan tatabahasa Arab dan ujian kemahiran menulis. Soal selidik ini dibina bagi menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Bagi menentukan kesahan kandungan soal selidik ini, kajian rintis dijalankan ke atas 40 orang pelajar di salah

sebuah Asasi Universiti Awam. Bagi mengukuhkan lagi kesahan kandungan soalselidik dan soalan ujian penguasaan, pengkaji telah merujuk 3 orang pakar dalam bidang bahasa Arab seperti dalam jadual berikut:

Jadual 3.2 : Senarai Nama Pakar Penilai Kesahan Instrumen

Bil	Nama	Jabatan
1	Profesor Madya Dr Haji Mohamad Seman	Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya
2	Profesor Madya Dr Kamarulzaman bin Abdul Ghani	Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan
3	Dr Ahmad Arifin bin Sapar	Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya

Susulan penilaian dan komen panel pakar, pengkaji telah membaiki instrumen kajian ini mengikut pandangan dan cadangan mereka bagi memastikan kesemua item yang digunakan adalah sah dan dapat mengukur penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan responden.

3.7.2 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan atau kestabilan keputusan pentaksiran (Azizi Ahmad, 2010). Ini bermakna seseorang individu akan mendapat skor yang sama daripada sesuatu instrumen seandainya kebolehan individu itu adalah tekal dan tidak berubah walaupun diukur berkali-kali dengan instrumen yang sama. Justeru, pengkaji menggunakan kaedah ketekalan dalaman bagi menentukan pekali kebolehpercayaan iaitu mencari pekali Alpha atau dikenali sebagai Cronbach Alpha bagi setiap konstruk dan keseluruhan instrumen penilaian tersebut melalui program Statistical Package for Social

Science (SPSS). Untuk memastikan kebolehpercayaan instrumen berada pada tahap memuaskan, pengkaji telah menjalankan kajian rintis dan kajian sebenar. Tujuan menjalankan kedua-dua kajian ini adalah untuk melihat kestabilan nilai Cronbach Alpha yang diperoleh. Nilai pekali kebolehpercayaan yang diperoleh daripada hasil kajian rintis dan kajian sebenar dianalisis dan dibandingkan dengan jadual nilai kebolehpercayaan (Lim, 2007) bagi mengenal pasti item yang memerlukan penambahbaikan, pengubahsuaian atau disingkirkan dari instrumen kajian yang dibina.

Jadual nilai kebolehpercayaan boleh dijadikan panduan dalam menaksir kebolehterimaan instrumen kajian dari segi kebolehpercayaan berasaskan nilai pekali kebolehpercayaan (Lim, 2007) seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 3.3 : Panduan Pekali Kebolehpercayaan Tahap Kebolehpercayaan

Pekali Kebolehpercayaan	Tahap Kebolehpercayaan
0.90 atau lebih	Amat baik
0.80-0.89	Baik
0.60 – 0.79	Sederhana
0.40 – 0.59	Diragui
0.00 – 0.39	Ditolak

Nilai Alpha yang diperolehi dalam soal selidik dalam kajian ini adalah sebanyak 0.81 dan ini menunjukkan nilai kepercayaannya pada instrumen kajian ini berada pada tahap baik.

3.8 Tatacara Pemerolehan Data


Terdapat dua kaedah utama dalam pengumpulan data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer merujuk kepada pengumpulan data kajian yang dilakukan sendiri oleh pengkaji menerusi set soal selidik pelajar dan ujian bertulis, temu bual guru Bahasa Arab dan pemerhatian di dalam bilik darjah. Manakala data sekunder diperolehi daripada buku, jurnal dan tesis yang diperolehi daripada perpustakaan (Rohana Yusof, 2003).

Pengkaji menggunakan dua kaedah tersebut untuk mengumpul data dalam kajian ini. Pengumpulan data prime dilakukan sendiri oleh pengkaji menerusi set soal selidik dan ujian bertulis. Data primer diperolehi melalui instrumen kajian iaitu soal selidik, soalan penguasaan tatabahasa Arab dan ujian keahlihan menulis karangan dalam bahasa Arab. Pengumpulan data sekunder dalam kajian ini pula telah diperolehi melalui rujukan perpustakaan, laman web dan bahan bercetak.

Kajian yang menggunakan kaedah soal selidik perlu mempertimbangkan ketidakpastian dalam menerima maklum balas daripada responden. Ketidakpastian ini wujud dari segi individu yang menjawab soal selidik dan pengutipan semula soal selidik. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji menjalankan sendiri ujian untuk mendapatkan maklumat yang tepat terhadap apa yang dikaji.

3.8.1 Prosedur Kajian

Rajah berikut merupakan prosedur kajian yang telah dilakukan:



Rajah 3.1 : Posedur Kajian

Prosedur kajian yang dilakukan mengikut rajah di atas adalah seperti berikut:

i. Cadangan Penyelidikan

Setelah mendapat kebenaran untuk menjalankan kajian daripada pihak fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, pembangunan instrumen kajian merupakan langkah awal yang dilaksanakan. Pengkaji telah merangka tiga instrumen kajian yang dicadangkan. Tiga instrumen ini ialah borang soal selidik, soalan ujian penguasaan tatabahasa Arab dan soalan ujian kemahiran menulis. Setelah instrumen digubal, proses seterusnya ialah proses penilaian bagi menentukan kesahan instrument kajian. Penilaian dilakukan oleh tiga orang pakar. Segala cadangan dan saranan telah diambil kira dalam penambahbaikan instrumen sebelum digunakan dalam kajian.

ii. Kebenaran Untuk Menjalankan kajian

Permohonan kebenaran untuk melakukan kajian dilakukan setelah instrumen selesai digubal, dinilai dan bersedia untuk ditadbir. Permohonan kebenaran bagi melakukan ujian dipanjangkan kepada pihak berkepentingan. Permohonan kebenaran melakukan kajian terlebih dahulu diajukan kepada bahagian pengurusan Asasi UM, UIA dan USIM. Permohonan yang diajukan meliputi permohonan mendapatkan pengesahan jumlah dan status pelajar terkini. Berdasarkan jumlah keseluruhan pelajar asasi yang mengambil kursus Bahasa Arab dan mengikuti bidang pengajian Islam iaitu bidang Bahasa Arab, Usuluddin dan Syariah di tiga buah Asasi tersebut adalah lebih kurang 850 orang. Setelah mendapat pengesahan berkaitan jumlah pelajar status pelajar aktif bagi sesi semasa, pengkaji mula menjalankan kajian di pusat pengajian tersebut

iii. Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan bagi menilai kebolehlaksanaan kajian dan kebolehtadbiran instrumen bagi kelancaran penyelidikan yang bakal dijalankan (Chua, 2006) Untuk mengesahkan kebolehpercayaan item soal selidik dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan kajian rintis di Pusat Asasi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri. Pusat asasi ini merupakan pusat asasi yang mempunyai ciri-ciri kesamaan seperti Pusat Asasi di universiti awam yang merupakan tempat kajian yang lain. Satu kelompok pelajar yang mewakili responden dipilih untuk menjawab soalan kajian sebelum kajian sebenar dilakukan terhadap responden. Kajian rintis telah dijalankan pada semester pertama pelajar mentaftar di pusat Asasi iaitu pada bulan 7 tahun 2016, responden terdiri daripada 40 orang pelajar. Kajian rintis ini dilakukan oleh pengkaji sendiri.

Proses pengumpulan data kajian dilaksanakan dengan mengikut turutan daripada prosedur awal hingga akhir seperti kajian sebenar. Kajian rintis ini dijalankan bagi melihat proses perjalanan kajian secara menyeluruh agar dapat menjamin kelicinan dan kelancaran dalam kajian sebenar yang bakal dilaksanakan kelak. Dapatan kajian rintis ini juga dapat dijadikan parameter dalam kajian sebenar (Chua, 2006).

Maklum balas yang diperolehi melalui kajian rintis telah digunakan untuk mengubahsuai, menambahbaik dan memurnikan instrumen kajian. Cadangan dan komen responden serta kekeliruan terhadap soalan kajian telah diambil kira dalam penambahbaikan tersebut. Perbincangan dengan para peserta kajian juga telah dijalankan setelah selesai sesi menjawab soalan kajian. Respon dan cadangan telah dicatat untuk dijadikan rujukan semasa pemurnian instrumen kajian.

iv. Proses Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data bermula dengan pentadbiran soal selidik, ujian penguasaan tatabahasa Arab dan ujian kemahiran menulis. Kajian yang dijalankan merangkumi ketiga instrumen dijalankan dalam waktu perkuliahan rasmi untuk beberapa mata pelajaran terpilih bagi mengelakkan keciciran responden berlaku. Pelajar telah dimaklumkan terlebih dahulu oleh pensyarah subjek tentang ujian tersebut sebelum ia dilaksanakan.

Sebelum menjalankan ujian, pengkaji sekali lagi menerangkan tujuan kajian, prosedur dan tatacara menjawab ujian. Walaupun kehadiran diambilkira sebagai sesi perkuliahan rasmi namun responden diberikan kebebasan dalam penyertaan. Responden juga dimaklumkan bahawa setiap maklumat yang diberikan adalah rahsia dan tidak mempengaruhi markah peperiksaan bagi subjek yang diikuti.

Kajian berjalan dalam tempoh 1.40 jam. 20 minit diperuntukkan bagi melengkapkan soal selidik. Ini bermakna 50 minit diperuntukkan untuk menjawab ujian penguasaan Tatabahasa Arab dan 30 minit diperuntukkan bagi ujian kemahiran menulis. Masa yang diperuntukkan bagi setiap item adalah memadai seperti yang disyorkan oleh Read (2000). Manakala bagi soal selidik, tempoh yang diperuntukkan juga adalah munasabah, namun bagi responden yang memerlukan sedikit masa tambahan untuk menyempurnakan soal selidik, mereka dibenarkan berbuat demikian. Prosedur ini membolehkan semua pelajar berpeluang untuk dipilih sebagai responden kajian selain mempunyai kebebasan untuk turut serta.

v. Penilaian Ujian Dan Proses Memasukkan Data

Setelah selesai ujian yang dinyatakan, proses penilaian dilakukan. Ujian Penguasaan dalam soalan objektif dinilai oleh pengkaji sendiri manakala ujian soalan berbentuk subjektif dan soalan penulisan karangan dinilai oleh pengkaji dengan rujukan silang penilai bebas yang berkeelayakan dalam bidang bahasa Arab. Panel penilai terdiri daripada tenaga pengajar tempatan berkekelulusan daripada universiti di Timur Tengah serta berpengalaman dalam pengajaran bidang Bahasa Arab. Antara pakar penilai soalan subjektif dan kemahiran menulis seperti dalam jadual berikut:

Jadual 3.4 : Senarai Penilai Ujian Kemahiran Menulis

Bil	Nama	Institusi	Bidang Kepakaran
1	Dr. Mohamad Azrien Mohamed Adnan	Universiti Malaya	Pendidikan Bahasa Arab
2	Dr. Nor Hazrul Mohd Salleh	Universiti Malaya	Pendidikan Bahasa Arab
3	Dr. Mohd Bakhit Haji Ali	Universiti Malaya	Bahasa Arab
4	Dr. Mohd Alwee bin Yusoff	Universiti Malaya	Bahasa Arab

Prosedur ini dilakukan bagi meningkatkan kesahan proses semakan ujian penulisan yang dilakukan. Prosedur seterusnya ialah memasukkan data kuantitatif. Data yang diperolehi melalui soal selidik dan ujian penguasaan tatabahasa Arab dihimpun bagi tujuan analisis deskriptif.

3.8.2 Prosedur Analisis Data

Data yang diperolehi daripada kajian ini dianalisis berdasarkan objektif kajian. Penganalisan data dipersembahkan dalam bentuk statistik deskriptif iaitu peratusan, min dan kekerapan.

i. Prosedur Analisis Soal Selidik dan Ujian Penguasaan Tatabahasa Arab

Secara umumnya, data yang diperolehi menerusi borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS. Semua data yang diperolehi daripada soal selidik diterjemahkan dalam bentuk peratusan, kekerapan dan min. Data tersebut dihurai secara deskriptif dalam bentuk jadual, graf dan carta.

Manakala ujian penguasaan tatabahasa Arab pula, ujian penguasaan bahagian A dan B dianalisis menggunakan MS Excell. Data yang diperolehi daripada setiap responden dalam ujian penguasaan diterjemahkan dalam bentuk peratusan. Analisis bahagian ujian penguasaan tatabahasa Arab ini bertujuan untuk menjawab objektif pertama iaitu apakah tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar Asasi Universiti Awam. Manakala ujian penguasaan bahagian soalan subjektif dinilai oleh pengkaji sendiri dengan rujukan silang daripada guru/pensyarah bahasa Arab yang berkepakaran dalam bidang pemarkahan dan tatabahasa Arab sebagaimana senarai yang telah disebutkan sebelum ini.

Pengiraan peratusan penguasaan tatabahasa Arab bagi setiap responden pada setiap tajuk dikira daripada jumlah markah yang diperolehi daripada soalan bahagian A (objektif), bahagian B (soalan Struktur) dan bahagian C (soalan subjektif) dan dibahagikan dengan markah penuh bagi setiap tajuk kemudian didarab dengan 100 untuk mendapatkan peratusan markah yang diperolehi setiap responden. Pengiraan markah adalah seperti dalam gambarajah berikut:

$$\frac{\text{Markah Soalan Objektif} + \text{Markah Soalan Struktur} + \text{Markah Soalan subjektif} \times 100}{\text{Markah Penuh}}$$

Contoh

Markah penguasaan Calon A dalam tajuk Ayat Kata Kerja
=

$$\frac{\text{Markah bahagian A (10)} + \text{Bahagian B (6)} + \text{Bahagian C (5)} \times 100}{\text{Markah Penuh (27)}}$$

$$= \frac{10+6+5}{27} \times 100$$

$$\text{Jumlah Markah diperolehi calon A} = \frac{21}{27} \times 100 = 78\%$$

Rajah 3.2 : Pengiraan Markah Penguasaan Tatabahasa Arab

Setelah pengiraan markah setiap tajuk bagi setiap calon selesai dikira. Markah keseluruhan ujian bagi setiap tajuk dan setiap bahagian dicatat peratusannya dan dijumlahkan bilangan responden yang menguasai ujian dalam satu borang seperti berikut:

Jadual 3.5 : Borang Pengiraan Penguasaan TBA

Responden	% Markah yang diperolehi/Tajuk						
	KN	KT	AKK	AKN	AI	FI	FS
A	59	34	45	45	90	34	45
B	64	39	60	60	89	39	60
C	82	87	70	70	76	87	70
D	50	67	78	78	60	67	78
E	34	80	45	45	80	80	45
Jumlah responden	5						
Jumlah responden yang menguasai	4	3	3	3	5	3	3
Jumlah responden yang tidak menguasai	1	2	2	2	0	2	2
Peratusan Penguasaan	80%	60					
Tahap Penguasaan	Sangat Tinggi	Sederhana					

Penguasaan responden pada setiap tajuk yang diuji diukur berdasarkan markah pencapaian atau penguasaan yang diubahsuai daripada julat pemarkahan SPM:

Jadual 3.6 : Julat Pemarkahan SPM

Markah	Gred	Ukuran
70-100	A	Menguasai
60-69	B	
50- 59	C	
40-49	D	Tidak Menguasai


Ukuran penguasaan dikira berdasarkan pencapaian responden dalam ujian sebanyak 50 markah dan ke atas atau mendapat pangkat C mengikut julat pemarkahan tersebut. Setelah jumlah pelajar yang menguasai setiap tajuk ujian diperolehi, pengkaji akan mengira tahap penguasaan semua reponden terhadap tatabahasa Arab pula. Tahap penguasaan ini dikira berdasarkan peratusan pelajar yang menguasai tatabahasa Arab dalam setiap tajuk yang diuji. Ukuran tahap pula dikira berdasarkan sistem pemarkahan Asasi Pengajian Islam Universiti Malaya. Jadual pengiraan tahap penguasaan seperti berikut :

Jadual 3.7 : Pengiraan Tahap Penguasaan Tatabahasa Arab

Peratusan	Tahap
86-100	Sangat Tinggi
70-85	Tinggi
50-69	Sederhana
40-49	Rendah

ii. Prosedur Analisis kesalahan Ujian Kemahiran Menulis

Ujian kemahiran menulis yang dikemukakan kepada responden mengandungi tiga soalan, hanya satu soalan sahaja yang perlu dijawab. Bilangan perkataan yang dikehendaki adalah antara 80-100 patah perkataan. Penilaian ujian ini tidak ditentukan skor, bahkan hanya ditentukan kesalahan yang dilakukan oleh responden. Kesalahan yang diambil kira ialah kesalahan dari aspek tatabahasa yang diuji dalam soalan ujian penguasaan iaitu tentang kata nama, kata tugas, kata kerja dan ayat kata kerja, ayat kata nama, *nawāsikh*, frasa *idāfat* serta frasa sifat. Ujian ini dinilai oleh pengkaji sendiri dengan rujukan penilai daripada pihak ketiga yang berpengalaman bagi meningkatkan kebolehpercayaannya. Prosedur analisis kesalahan tatabahasa dalam karangan dilakukan sepertimana dalam gambar rajah berikut:



Rajah 3.3 : Prosedur Analisis Kesalahan Tatabahasa Arab

Rajah tersebut menunjukkan proses penilaian kesalahan karangan responden, proses tersebut adalah seperti keterangan berikut:

a) Mengumpul Bahan

Langkah ini adalah untuk mengumpul bahan yang dihasilkan oleh responden melalui ujian penulisan yang diedarkan. Pengumpulan bahan ini dilakukan semasa ujian diadakan di mana semua jawapan yang terdiri daripada soal selidik, ujian penguasaan tatabahasa dan ujian kemahiran menulis dikumpul serentak.

b) Memberi kod

Setiap kertas yang dikumpul akan diberikan kod untuk menyenangkan pengkaji dalam melakukan padanan dengan markah ujian penguasaan tatabahasa Arab.

c) Menanda kesalahan

Setelah semua kertas jawapan ujian penulisan dikodkan, pengkaji akan membaca dan menanda kesalahan yang dilakukan oleh responden. Pengkaji menggaris kesalahan yang dilakukan dalam karangan yang ditulis oleh responden.

d) Mengklasifikasi Kesalahan

Proses mengklasifikasi kesalahan dan membuat kategori kesalahan serta mengenal pasti kesalahan dilakukan dengan memerhati kesalahan yang telah digariskan. Pengkaji hanya mengambil kira kesalahan berkenaan tajuk ujian penguasaan tatabahasa Arab sahaja manakala kesalahan pada aspek lain diabaikan. Setelah itu, setiap kesalahan diklasifikasikan mengikut tajuk dan dikodkan seperti kn (kata nama), kt (kata tugas), akk (kk/ayat kk), akn (ayat kata nama), nws (*nawāsikh*), fi (frasa *idāfat*) dan fs (frasa sifat).

e) Mencatat kesalahan dalam borang

Seterusnya setiap kesalahan yang telah diklasifikasikan dan dikodkan dimasukkan dalam borang yang disediakan seperti berikut:

Jadual 3.8 : Borang Catatan Kesalahan Tatabahasa Dalam Karangan

Responden	Jenis Kesalahan						
	Kn	Kata Tugas	KK/Ayat KK	Ayat KN	<i>Nawāsikh</i>	Frasa <i>Idāfat</i>	Frasa Sifat
A	//		///		/		/
B		//					
C	/	/	/			/	
D		///			//		
E							

f.) Menghuraikan Kesalahan

Setelah semua proses di atas dilakukan, proses seterusnya ialah menerangkan kesalahan yang dilakukan oleh responden. Penerangan ini dilakukan semasa proses analisis kesalahan karangan yang dilakukan oleh responden dalam bab 4. Analisis ini dilakukan dengan huraian mengikut kategori dan tajuk kesalahan.

iii. Analisis Implikasi Penguasaan Tatabahasa Arab Terhadap Kemahiran Menulis.

Implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis dinilai berdasarkan penguasaan responden terhadap tajuk yang diuji dan kemampuan mereka dalam menggunakannya dalam penulisan karangan. Bilangan responden yang menguasai atau tidak menguasai tatabahasa Arab pada setiap tajuk akan dipadankan dengan bilangan responden yang mampu atau tidak mampu menggunakan tajuk yang dikuasai dengan betul dalam penulisan karangan. Setelah markah penguasaan tatabahasa Arab bagi

setiap responden diperolehi dan dikumpulkan dalam borang yang disediakan dan setelah kesalahan tatabahasa Arab dalam karangan responden dikod dan ditanda dalam borang yang disediakan, pengkaji menyediakan borang yang ketiga iaitu borang analisis implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis. Borang ini adalah untuk memadankan jumlah responden yang mampu atau tidak mampu menguasai tatabahasa Arab dengan kemahiran menulis mereka. Borang pengiraan tersebut adalah seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 3.9 : Borang Analisis Implikasi Penguasaan TBA Terhadap Kemahiran Menulis

Responden	KN	KM	KT	KM	KK	KM	KN	KM	AL	KM	FI	KM	FS	KM
A	/	/	X	/	X	/	x	/	/	X	/	/	/	/
B	/	X	/	/	X	/	/	/	/	x	/	/	X	/
C	X	X	/	/	X	/	/	/	/	x	/	/	X	/
D	X	X	/	/	X	/	/	/	/	x	/	/	X	/
E	/	X	/	/	X	/	/	/	/	x	/	/	X	/
Keseluruhan	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5
Jumlah /	2	1	5	1	5	0	1	5	0	1	0	5	0	1
Jumlah x	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah //	1	4	0	4	0	4	0	0	5	0	5	0	0	0
Jumlah /x	2	0	0	0	0	0	0	5	0	0	0	0	0	0
Jumlah x/	0	1	5	1	5	0	1	0	0	0	0	0	4	0
Jumlah xx	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0

Padanan responden yang menguasai tatabahasa Arab dan mampu mengaplikasikan tatabahasa Arab pada setiap tajuk akan ditanda secara manual. Setelah ditanda jumlah kesemuanya dalam borang yang disediakan, proses seterusnya ialah mengira jumlah responden yang menguasai tatabahasa Arab dan jumlah responden yang mampu mengaplikasikannya dalam kemahiran menulis dan jumlah responden yang tidak mampu mengaplikasikan tatabahasa dalam kemahiran menulis. Begitulah sebaliknya, jumlah responden yang tidak menguasai tatabahasa Arab dan yang mampu menulis

dengan betul atau tidak mampu menulis dalam karangan mereka turut dikira dan dijumlahkan. Jumlah dan peratus keseluruhan akan dimasukkan dalam borang rumusan bagi setiap tajuk seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 3.10 : Borang Rumusan Implikasi Penguasaan TBA Terhadap Kemahiran Menulis

Perkara	Jumlah		Implikasi
Bilangan Responden	265	100%	
Menguasai Tatabahasa Arab (TBA)	235	89%	
Mampu mengaplikasi TBA dalam karangan	184	78%	Tinggi
Tidak mampu mengaplikasikan TBA dalam Karangan	51	22%	
Tidak Menguasai TBA	30	11%	
Mampu mengaplikasi TBA dalam karangan	23	77%	
Tidak mampu mengaplikasikan TBA dalam Karangan	7	23%	Rendah

3.9 Penutup

Bab ini telah menghuraikan tentang kaedah, prosedur, dan tatacara kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mendapatkan data mengenai penguasaan pelajar terhadap tatabahasa Arab dan kemahiran menulis serta implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif. Instrumen kajian yang digunakan sebagaimana dijelaskan dalam bab ini ialah soal selidik, ujian penguasaan tatabahasa Arab dan ujian kemahiran menulis.

Responden kajian terdiri daripada lepasan SPM yang berjaya ditawarkan ke peringkat Asasi Universiti Awam Malaysia iaitu UM, UIA dan UM. Proses pengumpulan data dilakukan mengikut prosedur kajian kuantitatif. Analisis data dilakukan dalam bentuk statistik deskriptif iaitu peratusan, min dan kekerapan.

University of Malaya

BAB 4 : ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji mengemukakan analisis kepada jawapan responden terhadap soalan kajian yang dikemukakan kepada mereka. Soalan kajian dalam kajian ini terdiri daripada empat bahagian iaitu:

Bahagian pertama: Soal selidik

Bahagian ini terdiri daripada dua bahagian iaitu:

Bahagin A : Latar belakang responden dan

Bahagian B : Pandangan responden terhadap penguasaan tatabahasa Arab.

Bahagian kedua : Ujian penguasaan tatabahasa Arab

Bahagian ini terdiri daripada:

Bahagian A : mengandungi 30 soalan objektif (aneka pilihan),

Bahagian B : mengandungi 10 soalan objektif (berstruktur), dan

Bahagian C : mengandungi 5 soalan subjektif

Bahagian ketiga : Bahagian ini mengandungi soalan ujian kemahiran menulis.

4.1 Dapatan Kajian Bahagian Pertama


Berikut adalah dapatan kajian bahagian pertama iaitu mengenai latar belakang responden dan pandangan mereka terhadap penguasaan tatabahasa Arab.

4.1.1 Bahagian A : Latar Belakang Responden

Berikut adalah dapatan kajian mengenai latar belakang responden

i. Bilangan Responden Berdasarkan Jantina.

Rajah di bawah menunjukkan dapatan kajian mengenai bilangan responden berdasarkan jantina.




Rajah 4.1 : Taburan Jantina Responden

Rajah di atas menunjukkan latar belakang responden dalam kajian yang dijalankan berdasarkan jantina. Carta pai menunjukkan sebanyak 68 responden (26%) ialah pelajar lelaki dan 197 responden (74%) ialah pelajar perempuan. Dapatan ini menunjukkan bahawa bilangan pelajar perempuan di Pusat Asasi Universiti Awam Malaysia lebih ramai berbanding pelajar lelaki. Kesemua responden dalam kajian ini adalah seramai 265 orang yang terdiri daripada pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia.

ii. Taburan Responden Mengikut Negeri

Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut negeri adalah seperti dalam gambar rajah di bawah:




Rajah 4.2 : Taburan Negeri Responden

Rajah di atas menunjukkan taburan responden mengikut negeri. Negeri yang paling banyak responden adalah daripada negeri Johor iaitu 44 orang (16%), diikuti Selangor 43 orang (16%), Perak 38 orang (14%), Terengganu 28 orang (10%), Kedah 24 orang (9%), Kelantan 23 orang (9%), Pahang dan Pulau Pinang sama-sama 15 orang (6%), Negeri Sembilan 13 orang (5%), Sarawak 8 orang (3%), Melaka 7 orang (3%), Sabah 5 orang (2%) dan bilangan responden paling sedikit dalam kajian ini adalah daripada negeri Perlis iaitu seramai 2 orang (1%).

iii. Keputusan SPM

Graf dalam rajah di bawah menunjukkan keputusan peperiksaan SPM responden



Rajah 4.3 : Keputusan SPM Responden


Graf dalam rajah di atas menunjukkan latar belakang pencapaian responden dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bagi mendapatkan data pencapaian responden, pengkaji telah menyediakan satu soalan dalam bahagian soal selidik. Soalan adalah mengenai bilangan gred A yang diperolehi responden dalam peperiksaan SPM. Pengkaji telah menyediakan ruang kosong dalam soalan tersebut untuk pelajar menulis keputusan peperiksaan yang mereka perolehi. Gred yang pengkaji masukkan dalam soal selidik ini ialah bilangan mata pelajaran gred A yang diperolehi oleh responden sama ada gred A+, A atau A-

Berdasarkan graf tersebut sebanyak 11 responden (4%) mendapat 11A dalam peperiksaan SPM. Seramai 33 responden (13%) mendapat 10A, 41 responden (16%) mendapat 9A, 34 responden (13%) mendapat 8A, 43 responden (16%) mendapat 7A, 31 responden (12%) mendapat 6A, 31 responden (12%) mendapat 5A, 16 responden (6%) mendapat 4A, 6 responden (2%) mendapat 3A, 7 responden (2%) mendapat 2A dan 2

orang (1%) mendapat 1A. Bilangan responden yang mendapat keputusan 7 A dalam SPM merupakan bilangan yang paling banyak iaitu seramai 43 responden (16 %).

iv. Jenis Sekolah Asal Responden

Rajah di bawah menunjukkan jenis sekolah asal responden sebelum memasuki Asasi Universiti Awam.




Rajah 4.4 : Jenis Sekolah Responden

Dapatan kajian dalam rajah di atas menunjukkan sebanyak 93 responden (35%) berasal daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), 45 responden (17%) daripada Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), 30 orang (11%) daripada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), 52 orang (20%) daripada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan 45 responden (17%) lagi daripada lain-lain sekolah antaranya sekolah swasta, sekolah pondok dan sekolah tahfiz. Dapatan ini menunjukkan jumlah responden yang paling banyak berjaya memasuki asasi universiti awam adalah dalam kalangan pelajar SMKA.

v. Mula Belajar Bahasa Arab

Berdasarkan jawapan responden, masa mereka mula mempelajari bahasa Arab adalah seperti yang dinyatakan dalam rajah berikut:



Rajah 4.5 : Masa Mula Belajar Bahasa Arab

Rajah di atas menunjukkan seramai 89 responden (34%) menyatakan bahawa mereka mula mempelajari bahasa Arab semenjak prasekolah. Manakala 123 responden (46%) menyatakan mereka mula mempelajari bahasa Arab di sekolah rendah dan 53 responden (20%) menyatakan mula mempelajari bahasa Arab semasa memasuki sekolah menengah. Berdasarkan dapatan tersebut menunjukkan kebanyakan responden yang melanjutkan pengajian ke peringkat Asasi Universiti Awam Malaysia adalah para pelajar yang telah mula mempelajari bahasa Arab semenjak sekolah rendah iaitu sebanyak 46% daripada keseluruhan bilangan responden.

vi. Tujuan Mempelajari Bahasa Arab

Jadual di bawah menunjukkan dapatan kajian mengenai tujuan responden memilih untuk mempelajari bahasa Arab di peringkat sekolah


Jadual 4.1 : Tujuan Mempelajari Bahasa Arab

	Tujuan mempelajari Bahasa Arab	Jumlah	Peratusan
i)	Mendalami ajaran agama Islam	192	73%
ii)	Mendalami bahasa Arab itu sendiri	181	68%
iii)	Untuk bertutur dalam bahasa Arab	161	61%
iv)	Hanya sebagai mata pelajaran tambahan	36	12%
v)	Sebab lain	61	23%

Dalam jadual ini menunjukkan 192 responden (73%) mempelajari bahasa Arab untuk mendalami ajaran agama, 181 responden (68%) menyatakan mereka mempelajari bahasa Arab kerana ingin mendalami bahasa Arab itu sendiri. Dapatan kajian juga menunjukkan lebih daripada separuh responden 161 (61%) bersetuju mereka mempelajari bahasa Arab kerana ingin bertutur dalam Bahasa Arab. Selain itu, terdapat responden yang mempelajari bahasa Arab hanya sebagai satu mata pelajaran tambahan iaitu sebanyak 36 orang (12%). Seramai 61 orang (23%) menyatakan mereka mempunyai tujuan lain dalam mempelajari bahasa Arab antaranya adalah untuk memudahkan mereka mendapat peluang pekerjaan, menambah kebolehan berbahasa dan berminat dengan keindahan bahasa Arab itu sendiri.

vii. Sebab Mengambil Bahasa Arab Di Peringkat SPM

Rajah di bawah menunjukkan sebab responden mengambil mata pelajaran Bahasa Arab pada peringkat SPM:




Rajah 4.6 : Sebab Mengambil Subjek Bahasa Arab di peringkat SPM

Reaksi responden terhadap sebab mereka mengambil subjek bahasa Arab di peringkat SPM seperti yang dijelaskan dalam carta pai di atas menunjukkan sebanyak 224 responden (85%) menyatakan kerana dengan mengambil subjek bahasa Arab di peringkat SPM akan membolehkan mereka menyambung pengajian di peringkat universiti dalam pelbagai bidang agama. Manakala seramai 41 responden lagi (15%) menyatakan mereka tiada pilihan lain, mereka terpaksa memilih bahasa Arab untuk memenuhi syarat yang dikenakan dalam memilih pakej subjek SPM yang ditentukan oleh pihak sekolah

viii. Masa Mengulang Kaji Bahasa Arab Dalam Seminggu

Rajah di bawah menunjukkan jumlah masa yang digunakan oleh responden dalam mengulang kaji bahasa Arab dalam seminggu:




Rajah 4.7 : Masa Mengulang Kaji Bahasa Arab Dalam Seminggu

Rajah di atas menunjukkan hasil jawapan daripada responden mengenai masa yang diperuntukkan untuk mengulang kaji mata pelajaran Bahasa Arab. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 49 responden (18%) menyatakan bahawa mereka mengulang kaji bahasa Arab kurang daripada satu jam dalam seminggu. Manakala yang mengulang kajian satu hingga dua jam seminggu merupakan bilangan yang tertinggi iaitu 105 responden (40%). Sebanyak 63 responden (24%) menyatakan mereka mengulang kaji bahasa Arab dua hingga tiga jam seminggu. Terdapat juga responden yang mengulang kaji lebih tiga jam seminggu iaitu sebanyak 48 responden (18%).

ix. Pencapaian Bahasa Arab Di Peringkat SPM

Pencapaian subjek bahasa Arab responden dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berdasarkan gambar rajah berikut:



Rajah 4.8 : Pencapaian Bahasa Arab di Peringkat SPM

Rajah di atas menunjukkan latar belakang pencapaian responden dalam mata pelajaran bahasa Arab dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Syarat minimum pencapaian bahasa Arab di peringkat SPM yang tertera dalam syarat kemasukan untuk memohon asasi di ketiga-tiga buah universiti yang menjadi tempat kajian ialah gred B. Walau bagaimanapun pengkaji menyediakan tiga jawapan untuk dipilih oleh responden dalam pencapaian Bahasa Arab mereka di peringkat SPM iaitu: pertama (A), kedua (B) dan ketiga (C). Berdasarkan graf tersebut sebanyak 205 responden (77%) mendapat gred A dalam mata pelajaran Bahasa Arab dalam peperiksaan SPM. Seramai 58 responden (22%) mendapat keputusan gred B dan hanya 2 responden (1%) yang mendapat gred C. Ini menunjukkan bahawa responden yang berjaya mendapat tempat di Asasi Universiti Awam kebanyakannya mendapat gred cemerlang dalam bahasa Arab di peringkat SPM.

x. Komponen Bahasa Arab yang Paling Mudah dan Paling diminati.

Responden diminta supaya memilih komponen bahasa Arab yang paling mudah dan paling diminat. Komponen tersebut terdiri daripada enam komponen utama iaitu nahu, saraf, balaghah, nusus, bacaan teks dan membuat ayat atau insya'. Dapatan kajian terhadap pemilihan responden adalah seperti dalam jadual 4.2 :

Jadual 4.2 : Komponen Bahasa Arab Yang Paling Mudah Dan Paling Diminati

Bil	Komponen Bahasa Arab	Paling Diminati		Paling Mudah	
		Jumlah		Jumlah	
1	Nahu	92	35%	111	42%
2	Balaghah	55	21%	66	30%
3	Bacaan teks & menjawab soalan kefahaman dan lain-lain.	73	27%	33	12%
4	Saraf	21	8%	23	9%
5	Nusus	4	1%	4	1%
6	Membuat ayat, ta'bir & Insya' (buat karangan)	4	1%	4	1%

Dapatan kajian soalan ini seperti berikut:

1. Nahu

Jadual di atas menunjukkan sebanyak 92 responden (35%) memilih nahu sebagai komponen yang paling diminati dan 111 responden (42%) memilih nahu sebagai komponen bahasa Arab yang paling mudah.

2. Balaghah

Dapatan kajian mengenai jumlah responden yang paling berminat terhadap mata pelajaran balaghah adalah sebanyak 55 (21%), manakala yang menganggap balaghah paling mudah adalah sebanyak 66 responden (30%).

3. Bacaan teks

Jumlah responden yang paling berminat terhadap bacaan teks adalah sebanyak 73 responden (27%) manakala yang menganggap ia paling mudah adalah sebanyak 33 responden (12%).

4. Saraf

Jumlah responden yang paling berminat terhadap saraf adalah sebanyak 21 responden (8%) dan 23 responden (9%) yang menganggap ia paling mudah.

5. Nusus

Jumlah responden yang paling berminat terhadap nusus adalah sebanyak 4 responden (1%) dan 4 responden (1%) yang menganggap nusus adalah subjek yang paling mudah

6. Ta'bir dan insya'

Bagi ta'bir dan Insyak pula sebanyak 4 responden (1%) yang menganggap ia merupakan mata pelajaran yang paling diminati dan 4 responden (1%) juga yang menganggapnya sebagai mata pelajaran yang paling mudah.

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan komponen yang paling mudah dan paling diminati oleh responden ialah nahu. Manakala komponen yang paling tidak diminati dan paling susah pada pandangan responden ialah nusus, ta'bir dan insya' di mana peratusan tiga komponen tersebut adalah sama iaitu hanya 1%.

4.1.2 Bahagian B : Pandangan Responden Terhadap Penguasaan Tatabahasa Arab

Dalam bahagian ini pengkaji mengemukakan 11 soalan untuk mendapatkan pandangan responden secara umum terhadap penguasaan mereka terhadap tatabahasa Arab. Jadual di bawah menjelaskan dapatan kajian tersebut:

Jadual 4.3 : Pandangan Responden Terhadap Penguasaan Tatabahasa Arab

Bil	Kenyataan	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Min
1	Saya boleh membezakan antara kata nama, kata kerja dan kata tugas dengan baik	11	35	219	2.78
		4%	13%	83%	
2	Saya menguasai nahu dan saraf dengan baik	32	72	159	2.48
		12%	27%	60%	
3	Saya boleh memahami teks bahasa Arab dengan baik	55	87	123	2.25
		21%	33%	46%	
4	Saya boleh memberi baris perkataan dalam teks bahasa Arab dengan betul	86	90	89	2.01
		32%	34%	34%	
5	Guru di sekolah memberikan galakan kepada saya untuk menguasai tatabahasa Arab	5	12	248	2.91
		2%	4%	94%	
6	Nahu dan saraf membantu Saya dalam menulis karangan	7	19	239	2.87
		3%	7%	90%	
7	Saya mengambil berat terhadap nahu dan saraf semasa menulis karangan bahasa Arab	23	75	167	2.54
		9%	28%	63%	
8	Saya menganggap nahu dan saraf itu penting	7	15	243	2.89
		2%	6%	92%	
9	Saya berminat mempelajari nahu dan saraf	14	32	219	2.77
		5%	12%	83%	
10	Saya berpendapat nahu dan saraf senang	39	90	136	2.36
		12%	34%	53%	
11	Saya sentiasa mengulang kaji nahu dan saraf	61	81	123	2.34
		14%	30%	46%	
MIN					2.56

Jadual 4.3 merupakan dapatan kajian mengenai pandangan responden terhadap penguasaan tatabahasa Arab. Terdapat tiga tahap skor min yang telah ditetapkan bagi semua item yang dikaji berdasarkan skor min iaitu 1.00 hingga 1.66 tidak setuju, 1.67 hingga 2.33 tidak pasti dan 2.34 hingga 3.00 setuju. Jadual di bawah menunjukkan interpretasi kepada tahap skor min tersebut.

Jadual 4.4 : Interpretasi Julat Skor Min

Julat	Tahap Skor Min
1.00 – 1.66	Tidak Setuju
1.67 – 2.33	Tidak Pasti
2.34 – 3.00	Setuju

Berdasarkan 11 item yang diuji tentang pandangan responden terhadap penguasaan tatabahasa Arab menunjukkan skor min yang tinggi pada keseluruhan item iaitu 2.56. Terdapat 9 item berada pada tahap interpretasi setuju iaitu pada item pertama iaitu “Saya boleh membezakan antara kata nama, kata kerja dan kata tugas dengan baik” dengan nilai skor min 2.78, item ke-2 “Saya menguasai nahu dan saraf dengan baik” dengan skor min 2.48, item ke-5 “Guru di sekolah memberikan galakan kepada saya untuk menguasai tatabahasa Arab” dengan nilai skor min 2.91, item ke-6 “Nahu dan saraf membantu saya dalam menulis karangan” dengan nilai skor min 2.87, item ke-7 “Saya mengambil berat terhadap nahu dan saraf semasa menulis karangan bahasa Arab” dengan nilai skor min 2.54, item ke-8 saya menganggap nahu dan saraf itu penting dengan nilai skor min 2.89, item ke-9 “Saya berminat mempelajari nahu dan saraf” dengan nilai skor min 2.77, item ke-10 “Saya berpendapat nahu dan saraf senang” dengan nilai min 2.36 dan item ke-11 “Saya sentiasa mengulang kaji nahu dan saraf” dengan nilai min 2.34.

Terdapat dua item yang berada pada tahap tidak pasti iaitu, item ke-3 “Saya boleh memahami teks bahasa Arab dengan baik” dengan skor min 2.25 dan item ke-4 “Saya boleh memberi baris perkataan dalam teks bahasa Arab dengan betul” dengan nilai min 2.01. Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan nilai min yang tinggi bagi hasil kajian ini, iaitu nilai min bagi 9 item melebihi 2.34

4.2 Dapatan Kajian Bahagian Kedua : Penguasaan Tatabahasa Arab

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian penguasaan responden terhadap tajuk kajian iaitu penguasaan pelajar terhadap tatabahasa Arab. Soalan ujian dalam bahagian ini mengandungi 3 bahagian iaitu: bahagian A : soalan objektif (aneka pilihan), bahagian B : soalan objektif (struktur) dan bahagian C: soalan subjektif.

4.2.1 Analisis Jawapan Bahagian A: Soalan Objektif

Berikut ialah analisis jawapan responden terhadap soalan ujian penguasaan tatabahasa Arab bahagian A iaitu soalan objektif

i. Pengenalan Kata Nama Dalam Bahasa Arab

Pengkaji telah mengemukakan sebanyak enam soalan objektif untuk menguji penguasaan responden terhadap aspek kata nama dalam bahasa Arab. Aspek yang diuji dalam soalan penguasaan ini merangkumi pembahagian kata nama berdasarkan gender, bilangan, am dan khas serta penggunaan kata nama duaan dan kata nama jamak dalam ayat. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, analisis jawapan responden seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.5 Penguasaan Responden Terhadap Kata Nama

Bil	Soalan	Bil Responden	
		Betul%	%Salah
1	اختر الكلمة المؤنثة : أ - مريم ب - همزة	78% 206	22% 59
2	اختر الاسم المفرد: أ- مسلمان ب - عمران	98% 206	2% 5
3	قوله تعالى { قال إني أنا أخوك فلا تبتئس بما كانوا يعملون } ما نوع الكلمة " أخوك " في الآية ؟ أ- جمع ب - مفرد	84% 222	16% 43
4	اختر الجملة الصحيحة في استعمال المثني: أ- جاءني الولدان ب - جاءني الوالدين	49% 132	51% 133
5	اختر الجملة الصحيحة في استعمال الجمع فيما يأتي: أ - الأعمال كثير ب- الصحف كثيرة	59% 157	41% 108
6	اختر الاسم المعرفة أ - كتابي ب- كتاب معلم	49% 131	51% 134

Jadual di atas menunjukkan peratusan responden dalam menguasai kata nama dalam bahasa Arab. Keterangan mengenai penguasaan tersebut adalah seperti berikut:

1. Pemilihan kata nama *mu'annath* : اختر الكلمة المؤنثة :

Rajah di atas menunjukkan 206 responden (78%) boleh mengenali kata nama *mu'annath* dalam bahasa Arab. Mereka memilih jawapan مريم sebagai kata nama *mu'annath*. Manakala 59 responden (22%) tidak boleh memilih atau menjawab dengan betul kerana mereka memilih jawapan همزة sebagai kata nama *mu'annath*. Dapatan ini menunjukkan tahap pemahaman responden terhadap jenis jantina perkataan bahasa Arab berada pada tahap tinggi.

2. Pemilihan kata nama tunggal : اختر الاسم المفرد

Dapatan kajian dalam jadual 4.5 juga menunjukkan seramai 260 responden (98%) boleh mengenali bahawa **عِمْرَان** ialah kata nama tunggal dan hanya 5 responden (2%) sahaja yang gagal menjawab soalan ini, mereka memilih perkataan **مُسْلِمَان** sebagai kata nama tunggal. Ini jelas membuktikan penguasaan responden terhadap kata nama tunggal juga berada pada tahap yang amat tinggi.

3. Penentuan jenis perkataan (أَخْوَك)

Dalam soalan ini, responden diminta menentukan jenis perkataan (أَخْوَك) dalam bahasa Arab. Hasil kajian menunjukkan sebanyak 222 responden (84%) boleh menentukan bahawa perkataan (أَخْوَك) adalah dalam kategori kata nama tunggal dan sebanyak 43 responden (16%) menjawab ia dikategorikan sebagai kata nama jamak. Dapatan kajian ini menunjukkan jumlah responden yang mengenali kalimah (أَخْوَك) adalah pada tahap tinggi iaitu 98%.

4. Penggunaan kata nama duaan dalam ayat : اختر الجملة الصحيحة في استعمال المثني

Dapatan kajian tentang penggunaan kata nama duaan dalam jadual tadi menunjukkan sebanyak 132 responden (49%) boleh memilih ayat yang betul tentang penggunaan kata nama duaan iaitu ayat **جَاءَ بِنِي الْوَلَدَانِ**. Sebanyak 133 responden (51%) tidak dapat memilih ayat yang betul di mana mereka memilih jawapan **جَاءَ بِنِي الْوَلَدَيْنِ**. Dapatan ini menunjukkan jumlah responden yang memahami penguasaan kata nama duaan adalah rendah kerana peratusan responden yang menjawab dengan betul hanya tidak sampai separuh dari jumlah keseluruhannya sahaja.

5. Penggunaan kata nama jamak dalam ayat: اختر الجملة الصحيحة فيما يأتي

Jawapan responden menunjukkan seramai 157 responden (59%) boleh menjawab penggunaan kata jamak bahasa Arab dengan betul iaitu mereka memilih ayat *الصحفُ كثيرةٌ* sebagai jawapan bagi ayat yang betul. Manakala 108 responden (41%) memilih jawapan yang salah iaitu *الأعمال كثير*. Dapatan ini membuktikan penguasaan responden terhadap penggunaan kata nama jamak berada pada tahap sederhana.

6. Penentuan kata nama *ma'rifat* (kata nama khas) dan kata nama *nakirat*

(kata nama am): اختر الاسم المعرفة

Dapatan kajian menunjukkan 131 responden (49%) boleh memilih *كِتَابِي* sebagai kata nama khas dalam bahasa Arab manakala 134 responden (51%) lagi tidak mengenali kata nama khas bahasa Arab. Mereka memilih jawapan *كِتَابٌ مُعَلِّمٌ* sebagai kata nama khas. Dapatan ini menunjukkan bahawa bilangan melebihi separuh dalam kalangan responden tidak dapat membezakan kata nama khas dan kata nama am dalam soalan yang diberikan.

Semua keterangan di atas merupakan peratusan penguasaan responden terhadap kata nama dalam bahasa Arab yang dikemukakan dalam soalan ujian. Seterusnya pengkaji mengemukakan penguasaan responden terhadap kata tugas dalam bahasa Arab

ii. Penguasaan Kata Tugas

Terdapat empat soalan objektif berkenaan kata tugas am dan khas dalam bahagian ini yang dikemukakan kepada responden. Jadual di bawah menunjukkan penguasaan responden terhadap kata tugas tersebut:

Jadual 4.6 : Penguasaan Responden Terhadap Kata Tugas

Bil	Soalan	Bil Responden	
		%Betul	%Salah
1	الحرف الذي يدخل على الفعل هو؟ أ- قد ب- ب	65% 172	35% 93
2	اختر الحرف الذي يدخل على الاسم والفعل معا أ- ما نافية ب- لا ناهية	50% 133	50% 132
3	اختر الحرف المناسب للجملة الآتية محمد يذهب إلى المدرسة أ- أن ب- لم	70% 186	30% 80
4	اختر الاستعمال الصحيح لحرف الجر أ- خرج محمد من الفصل ب- خرج محمد عن الفصل	59% 156	41% 109

Jadual di atas menunjukkan peratusan dan bilangan responden yang menjawab soalan mengenai kata tugas. Dapatan kajian menunjukkan penguasaan responden mengenai kata tugas khas untuk kata kerja adalah sederhana iaitu seramai 172 orang (65%). Peratusan kefahaman responden terhadap kata tugas am pula iaitu terhadap kata tugas yang digunakan untuk kata kerja dan kata nama juga sederhana iaitu 133 orang (50%). Peratusan responden yang memahami penggunaan kata tugas yang sesuai dalam ayat yang diberikan adalah sebanyak 186 responden (70%) dan penggunaan huruf *jarr* sebanyak 156 responden (59%)

iii. Penguasaan Kata Kerja Dan Ayat Kata Kerja

Soalan dalam bahagian ini menghendaki responden menjawab enam soalan mengenai kata kerja dan penggunaannya dalam ayat. Jadual di bawah menunjukkan dapatan kajian tentang penguasaan responden terhadap kata kerja dan ayat kata kerja

Jadual 4.7 : Penguasaan Responden Terhadap Kata Kerja Dan Ayat Kata Kerja

Bil	Soalan	Bil Responden	
		%Betul	%Salah
1	اختر الجملة التي فيها فعل مضارع : أ-أجلس محمد عليا على الكرسي ب-أجلس على الكرسي	72% 191	28% 74
2	املاً الفراغ بفعل الأمر (يا علي إلى المسجد) أ-أذهب ب- اذهب	94% 249	6% 16
3	الجملة الفعلية هي الجملة التي تتكون من: أ- المبتدأ والخبر ب- الفعل والفاعل	96% 254	4% 11
4	قوله تعالى {الله الذي خلقكم}: الفاعل في الجملة : أ- الله ب- ضمير مستتر تقديره "هو"	32% 85	68% 180
5	اختر جملة فيها فاعل : أ- نزل المطر ب--نزل المطر	72% 191	28% 74
6	اختر جملة فيها مفعول به : أ-وصلت السيارة ب-بعث السيارة	48% 126	52% 139

Berikut merupakan pentafsiran kepada jadual di atas mengenai penguasaan responden terhadap kata kerja dan ayat kata kerja dalam bahasa Arab:

1. Penguasaan kata kerja *mudāri*: اختر الجملة التي فيها فعل مضارع

Jadual 4.7 menunjukkan 191 (72%) responden mengenali dan memilih jawapan yang betul bagi ayat yang mengandungi kata kerja *mudāri* iaitu ayat **أَجْلِسْ عَلَى الْكُرْسِيِّ**, manakala 74 responden (28%) lagi tidak mengenalinya, mereka memilih ayat:

أَجْلَسَ مُحَمَّدٌ عَلِيًّا عَلَى الْكُرْسِيِّ sebagai jawapan.

2. Pengenalan kata kerja *amr* : (يا علي إلى المسجد) املاً الفراغ بفعل الأمر

Responden diuji dengan satu soalan untuk mengenal pasti kata kerja *amr*. Hasil kajian didapati hampir kesemua responden iaitu 249 orang (94%) mengenal pasti kata kerja *amr* untuk ayat dalam soalan yang diberikan iaitu mereka memilih **إِذْهَبْ** sebagai jawapan dan hanya 16 responden (6%) tidak dapat mengenalinya di mana mereka memilih jawapan **أَذْهَبْ**.

3. Kandungan ayat kata kerja

Jadual tersebut juga menerangkan peratusan kefahaman responden terhadap kandungan ayat kata kerja di mana hasil kajian menunjukkan pemahaman responden tentang kandungan ayat kata kerja bahasa Arab amat tinggi. Sebanyak 254 responden (96%) memahami bahawa kandungan ayat kata kerja terdiri daripada kata kerja dan pelaku dan hanya 11 responden sahaja (4%) yang mengatakan bahawa ayat kata kerja mengandungan subjek dan predikat.

4. Penentuan pelaku dalam ayat:

(قوله تعالى {الله الذي خلقكم}: الفاعل في الجملة :)

Hasil kajian menunjukkan 85 responden (32%) dapat menentukan pelaku dalam ayat iaitu ganti nama tersembunyi هُوَ. Sebanyak 180 responden (68%) memilih perkataan اللهُ sebagai pelaku dalam ayat ini.

5. Pemilihan ayat yang terkandung pelaku

Satu soalan lagi meminta supaya responden memilih ayat yang mengandungi pelaku sama ada ayat نَزَلَ الْمَطَرُ atau نَزُولُ الْمَطَرِ أَمْسٍ. Dapatan kajian tentang penguasaan responden dalam menentukan ayat yang mengandungi pelaku menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 191 orang (72%). Jumlah responden yang tidak dapat menjawab soalan ini dengan betul adalah sebanyak 74 orang (28%).

6. Pemilihan ayat yang terkandung objek (اختر الجملة التي فيها مفعول به)

Dalam soalan ini diminta untuk memilih antara ayat (وَصَلَّتِ السَّيَّارَةُ) dan ayat (بِعَثِّ السَّيَّارَةِ) yang mana terkandung objek. Dapatan kajian dalam jadual di atas menunjukkan 126 responden (48%) mampu menentukan jawapan yang betul, manakala responden yang tidak mampu memberi jawapan yang betul ialah 139 orang (52%).

Kesemua enam item di atas tadi menerangkan penguasaan responden terhadap terhadap kata kerja dan ayat kata kerja dalam bahasa Arab. Berikut pula pengkaji mengemukakan penguasaan responden terhadap ayat kata nama dalam bahasa Arab

iv. Penguasaan Ayat Kata Nama

Untuk mengkaji penguasaan ayat kata nama, responden diberi lima soalan mengenai ayat kata nama. Jadual di bawah menunjukkan penguasaan responden terhadap ayat kata nama dalam soalan yang diuji:

Jadual 4.8 : Penguasaan Responden Terhadap Ayat Kata Nama

Bil	Soalan	Bil Responden	
		%Betul	%Salah
1	المبتدأ.....: أ- اسم مرفوع ب- جملة مفيدة	85% 225	15% 40
2	اختر خيرا ل (المواصلات): أ- الفائدة كثيرة ب- فوائدها كثيرة	87% 230	13% 35
3	الخبر في الجملة " كل معاملة تؤدي إلى أكل المال بالباطل حرام ": أ- تؤدي..... ب- حرام	51% 136	49% 129
4	"غالباً ما يكون الخبر اسماً ، وهذا الاسم ينبغي أن يكون اسماً مشتقاً": أ- قارئ ب- قراءة	44% 116	56% 149
5	ضع المبتدأ المناسب للخبر (.....محمودة) أ- العمل الجماعي ب- الأعمال الجماعية	89% 237	11% 28

Jadual 4.8 merupakan peratusan responden dalam menguasai ayat kata nama.

Keterangan jadual tersebut adalah seperti di berikut :

1. Penguasaan konsep *mubtada'* (المبتدأ.....:)

Jadual tersebut menunjukkan 225 responden (85%) mampu menentukan konsep subjek dalam bahasa Arab dengan betul iaitu *اسم مرفوع* manakala responden yang tidak mampu memberi jawapan yang betul adalah sebanyak 40 responden (15%).

2. Pemilihan predikat yang sesuai untuk subjek:

اختر خبرا ل (المواصلات.....)

Rajah 4.8 menunjukkan bilangan responden yang mampu menentukan predikat dalam ayat iaitu sebanyak 230 responden (87%) dapat menentukan (*فوائدها كثيرة*) sebagai predikat untuk ayat di atas manakala 35 responden (13%) lagi tidak dapat menentukannya, mereka memilih jawapan *الفوائد الكثيرة*.

3. Penentuan predikat dalam ayat:

الخبر في الجملة " كل معاملة تؤدي إلى أكل المال بالباطل حرام "

Dapatan kajian dalam jadual di atas menunjukkan bilangan responden dalam menentukan predikat dalam ayat yang diberikan. Hasil kajian didapati 136 responden (51%) dapat memilih perkataan (*حرام*) sebagai predikat manakala 129 responden (49%) memilih jawapan yang salah iaitu (*تؤدي*).

4. Penentuan kata nama *musytaq* (اختار الاسم المشتق)

Dapatan kajian dalam jadual tadi menunjukkan hampir separuh responden iaitu 116 orang (44%) yang mampu menentukan jawapan yang betul di mana mereka memilih perkataan (قَارِيٌّ). Bilangan responden yang tidak mampu memberi jawapan yang betul atau yang memilih jawapan (قِرَاءَةٌ) sebagai kata nama *musytaq* adalah sebanyak 149 orang (56%).

5. Penggunaan subjek dalam ayat

ضع المبتدأ المناسب لخبر في مكان خال (.....محمودة)

Hasil kajian menunjukkan 238 responden (89%) dapat memilih jawapan yang betul iaitu (الأَعْمَالُ الْجَمَاعِيَّةُ) manakala responden yang memilih jawapan yang tidak betul iaitu yang memilih jawapan (الْعَمَلُ الْجَمَاعِيُّ) hanya 28 orang (11%).

Semua di atas menerangkan penguasaan responden terhadap lima soalan objektif mengenai ayat kata nama. Seterusnya pengkaji mengemukakan pula penguasaan responden terhadap *nawāsikh*:

v. **Penguasaan *Nawāsikh***

Jadual di bawah menunjukkan peratusan penguasaan responden terhadap *nawāsikh*:

Jadual 4.9 : Penguasaan Responden Terhadap *Nawāsikh*

Bil	Soalan	Bil Responden	
		% Betul	% Salah
1	<p>إِنَّ وَأَخَوَاتَهَا :</p> <p>أ- ترفع الاسم وتنصب الخبر ب- تنصب الاسم وترفع الخبر</p>	85% 224	15% 41
2	<p>ما إعراب (تهتم بصحة الأولاد) في الجملة " ما دامت الأم تهتم بصحة الأولاد " ؟ أ- اسم (ما دام) ب- خبر (ما دام)</p>	70% 186	30% 79
3	<p>اختر الجملة الصحيحة في استعمال (كان) فيما يأتي:</p> <p>أ- كان المعلمين محترمون ب- كان المعلمون محترمين</p>	83% 221	17% 44

Di bawah merupakan keterangan kepada jadual yang dikemukakan di atas :

1. Penguasaan konsep (إِنَّ وَأَخَوَاتَهَا)

Dapatan kajian dalam jadual di atas menunjukkan penguasaan responden terhadap konsep (إِنَّ وَأَخَوَاتَهَا). Kebanyakan responden iaitu 224 orang (85%) mampu menentukan jawapan yang betul iaitu **أ- تَرْفَعُ الْأِسْمَ وَتَرْفَعُ الْخَبَرَ** manakala responden yang tidak mampu memberi jawapan yang betul adalah seramai 41 orang (15%).

2. Penentuan *i'rāb* (تَهْتَمُّ بِصِحَّةِ الْأَوْلَادِ) dalam ayat مَا دَامَتِ الْأُمُّ تَهْتَمُّ بِصِحَّةِ الْأَوْلَادِ

Dapatan kajian dalam jadual di atas menunjukkan 186 responden (70%) mampu menentukan jawapan yang betul iaitu tentang *i'rāb* (تَهْتَمُّ بِصِحَّةِ الْأَوْلَادِ) sebagai *khavar* مَا دَامَ dalam ayat manakala responden yang tidak mampu memberi jawapan yang betul ialah 79 orang (30%).

3. Penggunaan (كَانَ وَأَخَوَاتُهَا)

Dapatan kajian dalam jadual tersebut juga menunjukkan 221 responden (83%) dapat menjawab dengan betul di mana mereka memilih ayat كَانَ الْمَعْلَمُونَ مُحْتَرَمِينَ sebagai ayat yang betul dalam penggunaan (كَانَ وَأَخَوَاتُهَا) manakala 44 responden (17%) lagi memilih jawapan salah.

Seterusnya pengkaji mengemukakan pula peratusan responden terhadap penguasaan frasa *idāfat*

vi. Penguasaan frasa *idāfat*

Jadual di bawah menerangkan penguasaan responden terhadap frasa *idāfat*

Jadual 4.10 : Penguasaan Responden Terhadap Frasa *Idāfat*

Bil	Soalan	Bil Responden	
		%Betul	%Salah
1	"يحذف من المضاف للإضافة : التنوين ، نون المثني ونون جمع المذكر السالم": اختر المثال الصحيح لهذا التوضيح أ- هذان كتابا نحو ب- اشتريت كتابين نحو	42% 112	58% 153
2	"إنَّ المضاف إليه مجرور، وعلامة جره تكون واحدة من ثلاثة :الكسرة- الفتحة- الياء ": اختر المضاف إليه المجرور بالياء فيما يأتي: أ- خاتم الأنبياء ب- إمام المرسلين	85% 226	15% 39
3	اختر المضاف إليه في الجملة ثم اضبطه: سيارة محمد في بيت كبير أ- محمد - كسرة ب- كبير - كسرة	37% 99	63% 166

Kemampuan responden dalam menjawab soalan mengenai frasa *idāfat* dalam soalan yang diberikan adalah seperti berikut :

1. Pemilihan *muḍāf* yang dibuang huruf *nūn* (اختر المضاف المحذوف النون)

Jadual di atas adalah hasil kajian mengenai perkara tersebut, dapatan kajian menunjukkan hanya 112 responden (42%) dapat menjawab dengan betul iaitu هَذَانِ كِتَابًا, 153 responden (58%) tidak dapat menjawab dengan betul.

2. Penentuan *i'rāb muḍāf ilayh* yang *dimajrūrkan* dengan huruf *yā'* (اختر المضاف إليه المجرور بالياء)

Dapatan kajian dalam jadual di atas menunjukkan 226 responden (85%) dapat menjawab dengan betul iaitu إمام المرسلين dan hanya 39 responden (15%) tidak dapat menjawab dengan betul.

3. Pemilihan frasa *idāfat* dalam ayat (سيارة محمد في بيت كبير)

Dapatan kajian menunjukkan 99 responden (37%) dapat memilih jawapan betul iaitu **مُحَمَّدٍ**, 166 responden (63%) tidak dapat menjawab dengan betul pada soalan ini.

Tajuk ujian penguasaan yang terakhir dalam soalan objektif dalam kajian ini ialah ujian mengenai kefahaman responden terhadap fasa sifat. Penguasaan frasa sifat dalam kalangan pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia adalah seperti keterangan di bawah :

vii. Penguasaan frasa sifat

Jadual di bawah menunjukkan bilangan responden yang menguasai soalan tentang frasa sifat:

Jadual 4.11 : Penguasaan Responden Terhadap Frasa Sifat

Bil	Soalan	Bil Responden	
		%Betul	%Salah
1	"الصفة تتبع الموصوف في رفعه ونصبه وخفضه" : اختر المثال الصحيح في إعراب الصفة: أ- رأيت إبراهيم الجميل ب- رأيت إبراهيم الجميل	76% 201	24% 64
2	"والصفة أيضا تتبع الموصوف في تعريفه وتنكيره وفي تذكيره وتأنيثه" : اختر المثال لمطابقة الصفة والموصوف في التأنيث والتذكير : أ- بلادي ماليزيا المشهورة ب- بلادي ماليزيا المشهور	74% 195	26% 70
3	ما هي الصفة في الجملة " أنا محمد الطالب في هذه الجامعة" ؟ أ- محمد ب- الطالب	91% 240	9% 25

Berikut adalah penerangan kepada jadual di atas :

1. Pemilihan *i'rab* yang betul bagi frasa sifat

Jadual di atas menunjukkan 201 responden (76%) dapat menjawab soalan dengan betul di mana mereka memilih jawapan رَأَيْتُ إِتْرَاهِيمَ الْجَمِيلَ manakala 64 responden lagi (24%) tidak dapat menjawab dengan betul.

Hasil kajian mendapati 195 responden (74%) dapat memilih ayat yang menggunakan frasa sifat dengan betul mengikut kaedah tatabahasa Arab iaitu ayat بلادي ماليزيا المشهورة, 70 responden (26%) tidak dapat memilih jawapan yang betul.

2. Pemilihan kata sifat dalam ayat (أنا محمد الطالب في هذه الجامعة)

Dapatan kajian mendapati 240 responden (91%) dapat memilih jawapan yang betul iaitu الطَّالِبُ manakala 25 responden lagi (9%) tidak dapat memilih jawapan yang betul.

Semua keterangan yang diberikan dalam bahagian ini merupakan jumlah dan peratusan responden yang menguasai soalan objektif yang dikemukakan kepada mereka dalam ujian penguasaan tatabahasa Arab dalam bahagian pertama iaitu soalan dalam bentuk objektif sebanyak 30 soalan. Rumusan mengenai penguasaan responden dalam bahagian ini terhadap semua jawapan akan dibentangkan dalam bab lima.

4.2.2 Analisis Jawapan Bahagian B : Soalan Struktur

Bahagian ini mengandungi 10 soalan berbentuk struktur. Dalam bahagian ini, responden diminta supaya menyatakan sama ada ayat yang diberikan sama ada betul atau salah mengikut kaedah penggunaan tatabahasa Arab mengenai perkara yang diuji. Jadual di bawah menunjukkan jumlah jawapan responden:

Jadual 4.12 : Penguasaan Responden Terhadap Soalan Struktur

bil	Ayat	Bilangan Responden dan Peratusan			
		Mendapat 1 Markah		Mendapat 0 Markah	
1	أبي اسمه محمد	25	10%	238	90%
2	يعمل أمي معلمة	56	21%	209	79%
3	كنت طالب في المدرسة	114	43%	151	57%
4	صرت طالب في الجامعة	111	42%	154	58%
5	إننا متعلمين في الجامعة	174	66%	91	34%
6	الطلاب يصلي في المسجد	48	18%	217	82%
7	تصلي الطالبات في المصلى	16	6%	249	94%
8	زار الطالبات المتحف	62	21%	209	79%
9	شاهدنا الأفيال في الحديقة الحيوان	190	72%	75	28%
10	تصورنا مع الزائرين الآخرون	141	53%	124	47%

Dapatan kajian dalam jadual 4.21 menunjukkan jumlah jawapan responden. Responden yang dapat menentukan dengan tepat sama ada ayat yang diberikan itu betul atau salah diberi 1 markah manakala responden yang tidak mampu menentukannya diberi 0 markah.

Analisis jawaban responden dalam bahagian ini ialah: soalan 1- ayat اسمه محمد أبي sebanyak 25 responden (10%) mendapat 1 markah dan 238 responden (90%) mendapat 0 markah. Soalan 2: يعمل أمي معلمة: sebanyak 56 responden (21%) mendapat 1 markah, 209 responden (79%) mendapat 0 markah. Soalan 3: كنت طالب في المدرسة, sebanyak 114 responden (43%) mendapat 1 markah, 151 responden (57%) mendapat 0 markah. Soalan 4: صرت طالب في الجامعة: sebanyak 111 responden (42%) mendapat 1 markah, 154 responden (58%) mendapat 0 markah. Soalan 5: إننا متعلمين في الجامعة: sebanyak 174 responden (66%) mendapat 1 markah, 91 responden (34%) mendapat 0 markah. Soalan 6: الطلاب يصلي في المسجد: sebanyak 48 responden (18%) mendapat 1 markah, 217 responden (82%) mendapat 0 markah, soalan 7: تصلي الطالبات في المصلى: sebanyak 16 responden (6%) mendapat 1 markah, 249 responden (94%) mendapat 0 markah, soalan 8: زار الطالبات المتحف: sebanyak 62 responden (21%) mendapat 1 markah, 209 responden (79%) mendapat 0 markah, soalan 9: شاهدنا الأفيال في الحديقة الحيوان: sebanyak 190 responden (72%) mendapat 1 markah, 75 responden (28%) mendapat 0 markah dan soalan terakhir: تصورنا مع الزائرين الآخرون: sebanyak 141 responden (53%) mendapat 1 markah, 124 responden (47%) mendapat 0 markah.

4.2.3 Analisis Jawapan Bahagian C : Soalan Subjektif

Dalam bahagian ini pengkaji telah mengemukakan soalan mengenai penguasaan tatabahasa Arab. Soalan dalam bahagian ini adalah untuk menguji penguasaan responden mengenai tajuk penting dalam pembentukan struktur ayat bahasa Arab sepertimana dalam soalan objektif iaitu mengenai kata nama, kata tugas, kata kerja dan ayat kata kerja, ayat kata nama, *nawāsikh*, frasa *idāfat* dan frasa sifat. Dalam bahagian ini pengkaji telah mengemukakan satu teks pendek dan meminta responden menjawab soalan yang diberikan berdasarkan kefahaman mereka, teks yang diberikan adalah seperti berikut:

فَإِنَّ الْبِنْتَ الْمُسْلِمَةَ يَجِبُ أَنْ تَتَعَلَّمَ الْعِلْمَ الَّذِي يُؤَهِّلُهَا لِأَدَاءِ وَاجِبَاتِهَا نَحْوَ رَبِّهَا وَنَحْوَ بَيْتِهَا وَنَحْوَ قَرِيْبَاتِهَا وَجِرَانِهَا، وَإِنَّ هُدَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - كَمَا هُوَ وَارِدٌ فِي السُّنَّةِ وَالسِّيَرَةِ - أَنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ يُفْقَهُونَ جِرَانَهُمْ وَيُعَلِّمُوهُمْ وَيَعْظُمُوهُمْ وَإِنْ لَمْ يَفْعَلُوا ذَلِكَ عُوجِلُوا بِالْعُقُوبَةِ، وَهَذَا الْحَدِيثُ مِمَّا يُرَكِّدُ وَجُوبَ الدَّعْوَةِ إِلَى اللَّهِ عَلَى الْمَرْأَةِ الْمُسْلِمَةِ كَالرَّجُلِ سِوَاءً بَسْوَاءٍ.

Berdasarkan teks di atas, responden diminta menjawab soalan berikut:

- i. Soalan 1: mengenai kefahaman mereka terhadap penguasaan *nawāsikh* iaitu (أَنَّ).

Soalan ini meminta responden mengeluarkan (ضرر أن) daripada ayat dalam petikan yang diberikan iaitu ayat:

أَنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ يُفْقَهُونَ جِرَانَهُمْ وَيُعَلِّمُوهُمْ وَيَعْظُمُوهُمْ وَإِنْ لَمْ يَفْعَلُوا ذَلِكَ عُوجِلُوا بِالْعُقُوبَةِ

- ii. Soalan 2: meminta responden menentukan tempat kembali ganti nama (الضَّمِيرُ) yang terdapat dalam kata kerja (يَفْعَلُوا) dalam ayat (وَإِنْ لَمْ يَفْعَلُوا ذَلِكَ)

iii. Soalan 3: meminta responden menukar ayat kata nama yang diberikan iaitu ayat: (المسلمون والمسلمات يفقهون جيرانهم) menjadi ayat kata kerja.

iv. Soalan 4: meminta responden menukar perkataan *mu'annath* menjadi *mudhakkar* dan mengubah apa yang berkaitan dengan perkataan yang ditukar

غير الكلمة (البنت) في الجملة (الولد) مع تغيير ما يلزم:

(فإن البنت المسلمة يجب أن تتعلم العلم الذي يؤهلها لأداء واجباتها نحو ربّها ونحو بيتها ونحو قريباتها وجيرانها)

v. Soalan 5: meminta responden menentukan objek (المفعول به) dalam ayat:

(أنّ المسلمين والمسلمات يفقهون جيرانهم)

Berikut ialah analisis jawapan yang diberikan oleh responden terhadap soalan yang dikemukakan:

i. Bilangan reponden yang menjawab betul semua soalan

Responden terdiri daripada 265 orang yang terdiri daripada 80 orang pelajar asasi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 125 orang daripada Asasi UIAM dan 60 orang daripada tamhidi USIM. Jadual di bawah merupakan dapatan kajian mengenai bilangan responden yang dapat menjawab semua soalan subjektif yang diberikan:

Jadual 4.13 : Bilangan Responden Yang Menjawab Betul Semua Soalan

Bilangan Responden		Betul Semua Soalan
UM	80	24 (30%)
UIA	125	48 (38%)
USIM	60	12 (20%)
Jumlah keseluruhan	265	84 (32%)

Dapatan kajian dalam jadual di atas menunjukkan 24 responden (30%) daripada Asasi Akademi Pengajian Islam UM dapat menjawab semua soalan dengan betul, 48 responden (38%) daripada Asasi UIAM dapat menjawab semua soalan dengan betul dan 12 responden (20%) daripada tamhidi USIM dapat menjawab semua soalan. Jumlah keseluruhan responden yang dapat menjawab semua soalan dengan betul adalah seramai 84 responden (32%)

ii. Bilangan responden yang menjawab betul sebahagian soalan:

Berikut adalah bilangan responden yang menjawab betul sebahagian soalan yang diberikan:

Jadual 4.14 : Bilangan Responden Yang Menjawab Betul Sebahagian Soalan

Jumlah Responden		Soalan									
		1		2		3		4		5	
		Betul	Salah	Betul	Salah	Betul	Salah	Betul	Salah	Betul	Salah
UM	80	48	32	45	35	47	33	78	2	74	6
UIA	125	116	9	90	35	110	15	115	10	117	8
USIM	60	37	23	47	13	42	18	58	2	56	4
Jumlah keseluruhan	265	201 (76%)	64 (24%)	182 (69%)	83 (31%)	199 (75%)	66 (25%)	251 (95%)	14 (5%)	247 (93%)	18 (7%)

Jadual di atas menunjukkan bilangan responden yang menjawab betul sebagian soalan yang diberikan. Sebanyak 201 responden (76%) dapat menjawab soalan 1 dengan betul dan 64 responden (24%) tidak dapat menjawab soalan 1. Bagi soalan kedua pula ialah 182 responden (69%) dapat menjawab dengan betul dan 83 responden (31%) tidak dapat menjawab soalan ini. Sebanyak 199 responden (75%) yang dapat menjawab soalan 3 dan 66 responden (25%) tidak dapat menjawabnya. Soalan keempat pula dapat dijawab oleh sebanyak 251 responden (95%) dan hanya 14 responden (5%) tidak dapat menjawab dan soalan terakhir dapat dijawab oleh sebanyak 247 responden (93%) dan responden yang gagal menjawabnya adalah sebanyak 18 orang (7%). Soalan yang

paling banyak dikuasai oleh responden ialah soalan 4 dan yang paling sedikit ialah soalan 2.

Analisis peratusan penguasaan responden bagi setiap soalan serta kesalahan jawapan yang dilakukan oleh responden adalah seperti berikut

Soalan 1: kefahaman responden terhadap penggunaan *nawāsikh* iaitu (أَنَّ). Soalan ini meminta responden mengeluarkan (خبر أن) daripada ayat:

أَنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ يُفْقَهُونَ جِرَاهُمْ وَيُعَلِّمُوهُمْ وَيَعِظُوهُمْ وَإِنْ لَمْ يَفْعَلُوا ذَلِكَ عُوجِلُوا
(بِالْعُقُوبَةِ)

Bilangan responden yang dapat menjawab soalan ini adalah sebanyak 201 responden (76%) dan bilangan yang tidak dapat menjawab adalah sebanyak 64 responden (24%).

Jawapan yang betul bagi soalan ini ialah:

يُفْقَهُونَ جِرَاهُمْ وَيُعَلِّمُوهُمْ وَيَعِظُوهُمْ

antara jawapan responden yang salah ialah: عُوجِلُوا بِالْعُقُوبَةِ dan وَيُعَلِّمُوهُمْ وَيَعِظُوهُمْ

Soalan 2: meminta responden menentukan tempat kembali ganti nama *wāw* (الضَّمِيرُ وَ) yang terdapat dalam kata kerja (يَفْعَلُوا) dalam ayat (وَإِنْ لَمْ يَفْعَلُوا ذَلِكَ). Bilangan responden yang dapat menjawab soalan ini dengan jawapan yang betul iaitu الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ adalah sebanyak 182 responden (69%) dan bilangan responden yang gagal menjawabnya adalah sebanyak 83 responden (32%). Antara jawapan salah yang diberikan oleh mereka ialah جِرَاهُمْ dan هُمْ

Soalan 3: meminta responden menukar ayat kata nama menjadi ayat kata kerja iaitu menukar ayat:

(المسلمون والمسلمات يفقهون جيرانهم)

Jawapan bagi soalan ini ialah يفقه المسلمون والمسلمات جيرانهم. Bilangan responden yang menjawab dengan betul adalah seramai 199 responden (75%) dan bilangan yang menjawab salah sebanyak 66 responden (25%). Antara jawapan responden ialah:

يفقهون المسلمون والمسلمات جيرانهم
فقه المسلمون والمسلمات جيرانهم

Soalan 4: Meminta responden menukar perkataan *mu'annath* dalam ayat yang diberikan menjadi *mudhakkar* dan mengubah apa yang berkaitan dengan perkataan yang ditukar

غير الكلمة (البنت) في الجملة (الولد) مع تغيير ما يلزم:
فإن البنت المسلمة يجب أن تتعلم العلم الذي يؤهلها لأداء واجباتها نحو ربها ونحو بيتها ونحو
قربياتها وجيرانها

Jawapan bagi soalan ini ialah:

فإن الولد المسلم يجب أن يتعلم العلم الذي يؤهله لأداء واجباته نحو ربه ونحو بيته ونحو قربياته وجيرانه

Bilangan responden yang menjawab dengan betul adalah seramai 251 responden (95%) dan bilangan yang menjawab salah sebanyak 14 responden (5%). Antara jawapan mereka ialah mereka menukar kata kerja (يؤهلها) kepada (تؤهله)

Soalan 5 : meminta responden menentukan objek (المفعولُ بهِ) dalam ayat:

(أنّ المسلمين والمسلمات يفقهون جيرانهم)

Objek dalam ayat tersebut ialah perkataan جيرانهم. Bilangan responden yang dapat menjawab soalan ini adalah sebanyak 247 responden (93%) dan bilangan responden

yang tidak dapat menjawab dengan betul adalah sebanyak 18 responden (7%). Antara contoh jawapan yang salah ialah mereka menjawab هم المسلمین dan هم

4.2.4 Kesimpulan Penguasaan Responden Terhadap Tatabahasa Arab

Dapatan kajian menunjukkan penguasaan responden terhadap tatabahasa Arab berdasarkan tajuk yang diuji adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.15 : Penguasaan Responden Terhadap Tatabahasa Arab

Tajuk	Bilangan responden	Jumlah responden yang menguasai TBA	Peratusan
Kata Nama	265	235	89%
Kata Tugas		154	58%
Ayat Kata Kerja		158	59%
Ayat Kata Nama		159	60%
<i>Nawāsikh</i>		217	82%
Frasa <i>Idāfat</i>		154	58%
Frasa Sifat		189	71%
Min			68%

Jadual di atas menunjukkan sebanyak 235 responden (89%) menguasai soalan berkenaan kata nama. Penguasaan kata tugas pula dapat dikuasai oleh 154 responden (58%). Penguasaan responden terhadap kata kerja dan ayat kata kerja pula adalah sebanyak 158 responden (59%), ayat kata nama sebanyak 159 responden (60%), *nawāsikh* sebanyak 217 responden 82%, frasa *Idāfat* sebanyak 154 responden (58%) dan frasa sifat sebanyak 189 responden (71%). Min penguasaan responden terhadap tatabahasa Arab adalah sebanyak 68%.

4.3 Dapatan Kajian Bahagian Ketiga : Kesalahan Karangan Responden

Dalam bahagian ini pengkaji menganalisis kesalahan tatabahasa Arab yang dilakukan oleh responden dalam menulis karangan bahasa Arab. Responden diminta menulis salah satu tajuk daripada tiga tajuk karangan yang diberikan, panjang karangan adalah antara 80-100 patah perkataan. Tajuk karangan yang diberikan ialah:

1- أَوَّلَ يَوْمٍ كُنْتُ فِي الْجَامِعَةِ

2- المادة المفضلة لديّ

3- جامعتي

Analisis kesalahan ini hanya difokuskan terhadap kesalahan penggunaan tatabahasa dalam perkara yang diuji dalam soalan penguasaan tatabahasa Arab meliputi kata nama, kata tugas, kata kerja dan ayat kata kerja, ayat kata nama, *nawāsikh*, frasa *īdāfat* dan frasa sifat. Berikut ialah kesalahan tatabahasa Arab dalam perkara tersebut yang terdapat dalam penulisan karangan responden:

4.3.1 Kesalahan Penggunaan Kata Nama

Analisis kesalahan dalam karangan pada bahagian ini hanya difokuskan terhadap kesalahan penggunaan kata nama dalam ayat pada aspek ejaan, kesalahan mengenal pasti kata nama tunggal, duaan dan jamak tanpa melihat aspek lain seperti penggunaan kata nama yang tidak tepat maksudnya dengan penggunaan dalam ayat dan sebagainya.. Kesalahan penggunaan kata nama berdasarkan kaedah tatabahasa Arab yang berlaku dalam karangan responden boleh dirumuskan kepada beberapa aspek, antaranya:

i. Kesalahan Mengeja Perkataan

Responden melakukan kesalahan dalam mengeja perkataan bahasa Arab semasa menulis karangan seperti contoh dalam jadual di bawah:

Jadual 4.16 : Kesalahan Mengeja Perkataan

Bil	Contoh kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	في الكلية الشريعة والقانون	الشَّرِيعَةُ وَالْقَانُونُ	Di kuliah Syariah dan Undang-undang
2	أشترى دائما الأرز مع الدجاج في الربعة ريغكيتا	الأرز - أرْبَعَةٌ	Saya sentiasa membeli nasi ayam dengan harga 4 ringgit
3	والمدرسة العلوم كأنا واحد من المدارس يعترف عن الدور	الدَّورُ	Sekolah Sains ialah salah satu sekolah yang diiktiraf peranannya
4	والقسم لمنحاح القرآن	مَنْهَجُ	Dan unit metode al-Quran
5	في وقت الرحة	الرَّاحَةُ	Pada waktu rehat
6	في كلية شارع والقانون	الشَّرِيعَةُ	Di kuliah Syariah dan Undang-undang
7	أشترى تذكرة	تَذْكُرَةٌ	Saya membeli tiket

8	في جامعتي موجود كثير بيعة الاسلامية	بَيْعَةٌ	Di universiti saya terdapat suasana islamik
9	الحياة تكوم على اساس الاسلام	تَقُومُ	Hidup berlandaskan asas Islam
10	وكل تلمذة يلبث الحجاب	تَلْمِذَةٌ - تَلْبِسُ	Semua pelajar perempuan memakai hijab

Kesalahan mengeja kata nama dalam contoh di atas melibatkan bererapa perkara seperti berikut:

a) Pengurangan huruf dalam ejaan kata nama

Pengurangan huruf semasa mengeja perkataan berlaku seperti pada perkataan *الشرعة* yang terdapat pengurangan huruf *yā'* selepas huruf *rā'* dan sebelum huruf 'ain, perkataan *القنون* berlaku pengurang huruf *alif* antara huruf *qāf* dan huruf *nūn*, perkataan *الرحمة* berlaku pengurangan huruf *alif* selepas huruf *rā'*, perkataan *تلمذة* berlaku pengurangan huruf *yā'* selepas huruf *mīm* dan perkataan *ربعة* berlaku pengurangan huruf *hamzah* sebelum huruf *rā'*

b) Penambahan huruf dalam ejaan kata nama

Penambahan huruf dalam ejaan kata nama yang ditemui dalam karangan responden berlaku pada perkataan *الدور* iaitu penambahan huruf *rā'* selepas huruf *dāl*, perkataan *تذكيرة* iaitu penambahan huruf *yā'* selepas huruf *kāf* dan penambahan *wāw* pada perkataan *الأروز*

c) Penambahan dan pengurangan huruf dalam ejaan kata nama

Kesalahan ejaan dalam karangan responden juga berlaku penambahan dan pengurangan sekaligus dalam perkataan yang sama seperti perkataan الشارعة di mana perkataan ini berlaku pada pengurangan huruf *yā'* sebelum huruf *'ain* dan penambahan huruf *alif* selepas huruf *syīn*.

d) Kesalahan mengeja kata nama

Kesalahan mengeja kata nama dalam karangan responden berlaku pada beberapa perkataan seperti perkataan بيئة di mana responden mengeja perkataan yang sepatutnya dieja dengan huruf hamzah tetapi dieja dengan huruf *'ain* iaitu بيعة. Begitulah pada perkataan تكوم sepatutnya mereka mengeja dengan huruf *qāf* bukan dengan huruf *kāf* iaitu تَقُومُ. Perkataan تَلْبِسُ dieja oleh responden dengan تلبث dengan menggunakan huruf *thā'* pada tempat *sīn*

e) Penambahan huruf berserta kesalahan mengeja

Penambahan huruf berserta kesalahan mengeja perkataan berlaku pada ejaan perkataan المنهج di mana responden mengejanya dengan penambahan huruf *alif* selepas huruf *hā'* dan menukar huruf *hā'* menjadi *hā'* iaitu المنحاج

ii. Kesalahan Menggunakan *Maṣdar*

Kesalahan yang dilakukan oleh responden dalam penggunaan kata nama dalam kemahiran menulis juga berlaku pada kesalahan menggunakan *maṣdar* terutamanya *maṣdar* daripada kata kerja tiga huruf seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.17 : Kesalahan Menggunakan *Maşdar*

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	أريد <u>ذهب</u> إلى المطعم	أريد <u>الذهاب</u> إلى المطعم	Saya mahu pergi ke kantin
2	ولكن أنا دائما جري لركب الحافلة	ولكنني دائما أجري لركوب الحافلة	Tetapi saya selalu berlari untuk menaiki bas
3	نحن دائما نريد <u>دخل</u> جامعة الجامعة	نحن دائما نريد <u>دُخُولَ</u> الجامعة	Kami sentiasa mahu masuk universiti
4	أريد <u>كتب</u> عن جامعتي	أريد <u>الكتابة</u> عن جامعتي	Saya mahu menulis tentang universitiku
5	بعد <u>التسجيل</u>	بعد <u>التسجيل</u>	Selepas mentaftar
6	أبي يريد <u>رجاع</u> إلى البيت	أبي يريد <u>الرجوع</u> إلى البيت	Ayah saya mahu pulang ke rumah
7	نحن <u>دراس</u> اللغة العربية	نحن <u>دَرَسَ</u> اللُّغَةَ العَرَبِيَّةَ	Kami suka belajar bahasa Arab
8	نحن نريد <u>مراجع</u> الكتب في العطلة	نحن نريد <u>مُراجَعَةَ</u> الكتب في العطلة	Kami mahu mengulang kaji buku pada hari cuti
9	هم يريدون <u>إخراج</u> إلى الدكان في يوم العطلة	هم يريدون <u>الخروج</u> إلى الدكان في يوم العطلة	Mereka mahu keluar ke pekan pada hari cuti
10	هم يأكلون <u>أكالا</u> في وقت الراحة	هم يأكلون <u>أَكْلًا</u> في وقت الراحة	Mereka makan makanan pada waktu rehat

Semua kesalahan dalam jadual di atas menunjukkan responden melakukan kesalahan dalam menggunakan *maşdar* dalam aspek berikut:

a) Kesalahan dalam menggunakan *maṣḍar thulāthiy*

Hasil pemerhatian kesalahan ayat yang ditulis oleh responden dalam contoh di atas menunjukkan responden tidak dapat mengenali *maṣḍar* daripada kata dasar tiga huruf seperti perkataan **الذَّهَابُ** di mana mereka menggunakan perkataan **ذهب**, perkataan **ركب** digunakan untuk **الركوب**, perkataan **دخل** digunakan untuk **الدُّخُولُ**, perkataan **درّاس** digunakan untuk **الدَّرْسِ** dan perkataan **أكال** digunakan untuk **الطَّعام**

b) Kesalahan dalam mengenal pasti *wazn maṣḍar ghayr thulāthiy*

Penelitian ayat yang ditulis oleh responden juga didapati responden tidak dapat mengenal pasti *wazn maṣḍar ghayr thulāthiy*. Ini dapat dilihat ketika responden menggunakan perkataan **مراجع** untuk **مُراجَعَةٌ** yang merupakan *maṣḍar ghayr thulāthiy* bagi kata dasar empat huruf iaitu **رَاجِعَ** dan menggunakan perkataan **تسجل** untuk **تَسْجِيلٌ** yang juga merupakan *maṣḍar ghayr thulāthiy* bagi kata dasar empat huruf iaitu **سَجَّلَ**.

c) Kesalahan dalam menjadikan kata dasar tiga huruf dalam bentuk *maṣḍar ghayr thulāthiy*

Selain itu, responden juga menjadikan perkataan yang kata dasarnya terdiri daripada perkataan tiga huruf (*thulāthiy*) dalam bentuk *maṣḍar ghayr thulāthiy*. Ini dapat dilihat ketika responden menggunakan perkataan **إِخْرَاجٌ** dalam contoh di atas menggantikan perkataan **خُرُوجٌ** yang merupakan *maṣḍar* kepada kata dasar yang terdiri daripada tiga huruf iaitu **خَرَجَ**.

iii. Kesalahan menggunakan kata nama jamak

Hasil kajian yang dilakukan didapati responden tersalah menggunakan kata nama jamak seperti berikut:

Jadual 4.18 : Kesalahan Menggunakan Kata Nama Jamak

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	المواضيع تعلمت في الجامعة	المَوْضُوعَاتُ التي تعلمت في الجامعة	Tajuk yang saya belajar di universiti
2	المسجيد الكثير في الجامعة	المسَاجِدُ كثيرة في الجامعة	Terdapat banyak masjid dalam kampus
3	الأتوبيسون والسيارات كثيرة في الجامعة	الأَتْوَبِيسَاتُ والسيارات كثيرة في الجامعة	Bas dan kereta banyak dalam kampus
4	درسنا المادات الكثيرة	درسنا المَوَادَّ الكثيرة	Kami belajar banyak subjek
5	المحاضرون والمحاضرات كريمةون وطيبون	المحاضرون والمحاضرات كِرَامٌ وطيبون	Pensyarah lelaki dan perempuan semuanya mulia dan baik-baik
6	الشوارع في كوالا لومبور	الشَوَارِعُ في كوالا لومبور	Jalan di Kuala Lumpur

Kesalahan penggunaan kata nama jamak yang dilakukan oleh responden dalam contoh di atas boleh dirumuskan dalam beberapa aspek seperti berikut:

a) Kesalahan dalam menentukan kata nama jamak *taksir*

Kesalahan dalam menentukan kata nama jamak *taksir* boleh dilihat pada perkataan jamak *taksir* yang digunakan dalam ayat di atas iaitu perkataan المواضيع yang digunakan oleh responden menggantikan perkataan المَوْضُوعَاتُ yang merupakan jamak *taksir* bagi perkataan مَوْضُوعٌ di mana membawa maksud tajuk atau mata pelajaran. Begitulah

responden tersalah menjamaktaksirkan kata nama tunggal مَسْجِدٌ di mana mereka menjamakkannya dengan perkataan مسجد sedangkan jamak taksir yang betul ialah مَسَاجِدُ. Begitulah perkataan الشورع dalam ayat كَوَالَا لَوْمِبور الشورع, jamak taksir yang betul ialah الشَّوَارِعُ

b) Kesalahan dalam mengenal pasti jenis kata nama yang perlu dijamakkan dalam bentuk jamak *mu'annath sālim*

Responden telah menjadikan perkataan yang sepatutnya dijamak dengan huruf *alif* dan *tā'* atau jamak *mu'annath sālim* di mana mereka menjamakkannya dalam bentuk kata nama jamak *mudhakkār sālim* iaitu perkataan الأتُونيس-المَوْضُوعُ di mana kedua-dua perkataan ini dijamak dalam bentuk jamak *muannath sālim* iaitu الأتُونيسَات-المَوْضُوعَاتُ .

c) Kesalahan dalam menjamakkan perkataan dengan jamak *mudhakkār sālim*

Pesponden juga tersalah menjamakkan kata nama yang sepatutnya dijamakkan dalam bentuk jamak *taksir* tetapi mereka menjamakkannya dalam bentuk jamak *mudhakkār sālim*. Contohnya perkataan كَرِيمون, perkataan ini ketika jamak perlu dijamakkan dalam bentuk jamak *taksir* iaitu كِرَامٌ

4.3.2 Kesalahan Penggunaan Kata Tugas

Terdapat kesalahan yang dilakukan oleh responden dalam menggunakan kata tugas semasa menulis karangan, kesalahan tersebut disenaraikan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.19 : Kesalahan Menggunakan Kata Tugas

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	قد أذهب إلى الجامعة كل يوم	إِنِّي ذَاهِبٌ إِلَى الجامعة كل يوم	Sesungguhnya saya ke kelas setiap hari
2	قد تنقسم الدراسات إلى قسمين	قَدْ انْقَسَمَتِ الدِّرَاسَاتُ إِلَى قِسْمَيْنِ / إِنَّ الدِّرَاسَاتِ تَنْقَسِمُ إِلَى قِسْمَيْنِ	Sesungguhnya pengajian terbahagi kepada dua bahagian
3	لم سمعت	ما سَمِعْتُ	Saya tidak mendengar
4	إِنَّ قَرَأْتُ الجريدة عن الجامعة	إِنِّي قَرَأْتُ الجريدةَ عن الجامعة	Sesungguhnya saya telah membaca surat khabar tentang university
5	كلهم جاءوا لهذه الجامعة لطلب العلم	كلهم جَاءُوا إِلَى هذه الجامعة لطلب العلم	Semuanya datang ke university ini untuk menuntut ilmu
6	ما يتعلق إلى النبي محمد	ما يَتَعَلَّقُ بِالنَّبِيِّ مُحَمَّدٍ	Apa yang berkaitan dengan nabi Muhamad s.a.w
7	أتمنى لأفوز بممتاز	أَتَمَنَّى أَنْ أَفُوزَ بِامْتِيَاذٍ	Saya bercita-cita untuk berjaya cemerlang
8	وهم من رائعون	وهم مِنْ رَائِعِينَ	Mereka adalah dalam kalangan orang baik
9	عند أعرف نتيجة من الجامعة	عِنْدَمَا أَعْرِفُ نَتِيْجَةَ مِنَ الجامعة	Ketika saya dapat tahu keputusan daripada university

Jadual 4.19 merupakan contoh kesalahan penggunaan kata tugas yang dilakukan oleh responden. Kesalahan penggunaan kata tugas tersebut boleh dirumuskan seperti berikut:

i. Penggunaan Kata tugas *tawkīd* tidak sesuai dengan kata kerja

Terdapat dalam kalangan responden yang menggunakan kata tugas yang tidak sesuai dengan kata kerja iaitu mereka menggunakan kata tugas *قد* untuk tujuan penegasan bersama kata kerja *maḍārī* seperti dalam dua ayat

قد أذهب إلى الجامعة كل يوم (Kadang-kadang saya pergi ke universiti setiap hari)

قد تنقسم الدراسات إلى قسمين (Kadang-kadang pengajian terbahagi kepada dua bahagian)

Dua contoh ini menunjukkan responden tidak menguasai kata tugas *tawkīd*. Responden menggunakan kata tugas *tawkīd* (قد) yang dikhususkan penggunaannya untuk kata kerja *māḍiy* untuk menguatkan ayat atau memberi maksud “sesungguhnya”. Kata tugas ini memberi maksud kadang-kadang apabila digunakan bersama kata kerja *muḍārī* sebagaimana ditulis oleh responden dalam ayat ini. Responden sepatutnya menggunakan kata tugas *قد* bersama kata kerja *māḍiy* seperti:

قَدْ ذَهَبْتُ إِلَى الْجَامِعَةِ

قَدْ انْقَسَمَتِ الدِّرَاسَاتُ إِلَى قِسْمَيْنِ

Atau sekiranya hendak mengekalkan kata kerja *muḍārī* mereka boleh menulis ayat ini dengan menggunakan huruf *tawkīd* (إنّ) seperti:

إِنِّي أَذْهَبُ إِلَى الْجَامِعَةِ

إِنَّ الدِّرَاسَاتِ تَنْقَسِمُ إِلَى قِسْمَيْنِ

ii. Kesalahan menggunakan kata penafian لم

Responden tersalah menggunakan kata tugas penafian لم seperti dalam ayat لم سمعت (saya tidak mendengar). Kata tugas penafian لم digunakan bersama kata kerja mudāri' dan tidak boleh digunakan bersama kata kerja māḍiy. Ayat ini sepatutnya ditukarkan kata kerja māḍiy kepada kata kerja mudāri' atau menggunakan kata tugas penafian yang sesuai untuk kata kerja mudāri' seperti لم أسمع atau māḍiy seperti ما سمعت

iii. Kesalahan dalam menggunakan huruf jarr yang dihubungkan dengan kata kerja:

Huruf jarr dihubungkan (مُتَعَلِّقٌ) kepada kata kerja yang sesuai dengannya. Apa yang dilakukan oleh responden ialah mereka menghubungkan huruf jarr dengan kata kerja yang tidak sepatut dihubungkan seperti:

كلهم جاوا لهذه الجامعة لطلب العلم
ما يتعلق الى النبي محمد

Kata kerja جاء digunakan bersama huruf jarr الى atau في. Jadi, ayat yang betul sepatutnya ialah كلهم جاءوا إلى هذه الجامعة لطلب العلم. Begitu juga dengan kata kerja يتعلق sepatutnya digunakan bersama huruf jarr ب seperti: ما يتعلق بالنبي

iv. Kesalahan dalam menggunakan أن المصدريّة

Responden juga didapati responden tidak menggunakan kata tugas (أن المصدريّة) pada kedudukan yang sepatutnya iaitu sebelum kata kerja mudāri' sebagaimana dalam contoh أتمنى لأفوز بامتياز (saya bercita-cita untuk berjaya cemerlang). Ayat ini sepatutnya menggunakan أن أفوز بامتياز : أتمنى أن أفوز بامتياز : أتمنى أن أفوز بامتياز

v. **Kesalahan dalam *i'rāb* kata nama selepas huruf *jarr***

Dalam karangan yang ditulis oleh responden terdapat penggunaan kata nama *marfū'* selepas huruf *jarr* seperti: وهم من راعون. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa mengikut kaedah tatabahasa Arab, huruf *jarr* akan menjadikan kata nama selepasnya *majrūr*. Oleh itu, ayat di atas perlu ditulis perkataan selepas kata tugas *jarr* dalam bentuk *majrūr* seperti: وهم من راعين

vi. **Kesalahan dalam menggunakan kata keterangan (*zarf*):**

Dalam karangan responden juga terdapat kesalahan yang dilakukan oleh responden dalam menggunakan kata keterangan (*zarf*) seperti: عِنْدَمَا أَعْرِفُ (ketika saya tahu). Sebagaimana diterangkan sebelum ini tentang kata tugas yang dikhaskan untuk kata nama, kata kerja dan kata tugas yang boleh digunakan untuk kedua-duanya iaitu kata nama dan kata kerja. Adapun *zarf* termasuk dalam golongan kata tugas yang dikhaskan untuk kata nama. Apa yang ditulis oleh responden ialah mereka menggunakannya bersama kata kerja أَعْرِفُ. Ayat ini perlu tambah مَا kerana عِنْدَ adalah *zarf* yang perlu berada di depan kata nama: عِنْدَمَا أَعْرِفُ

Selain itu, responden juga menghimpunkan huruf *jarr* dan *zarf* dalam satu ayat seperti: كل الطالب في امام الجامعة (Semua pelajar di di depan kampus). Ayat ini perlu dipisahkan huruf *jarr* dan *zarf* sama ada memilih untuk menggunakan huruf *jarr* atau *zarf* seperti: كُلُّ طَالِبٍ فِي الْجَامِعَةِ atau كُلُّ طَالِبٍ أَمَامَ الْجَامِعَةِ.

Begitulah ayat أَذْهَبُ فِي الْوَقْتِ نَحَارًا (saya pergi pada waktu siang hari). Ayat ini juga sepatutnya mereka memilih sama ada menggunakan huruf *jarr* atau menggunakan *zarf* seperti: أَذْهَبُ فِي النَّهَارِ atau أَذْهَبُ نَحَارًا atau أَذْهَبُ وَفْتِ النَّهَارِ

4.3.3 Kesalahan Penggunaan Kata Kerja Dan Ayat Kata Kerja

Dalam kajian yang dilakukan didapati responden telah melakukan kesalahan dalam menggunakan kata kerja dan ayat kata kerja seperti berikut:

i. Tidak Menyelaraskan Gender Kata Kerja Dengan Pelaku

Dalam penulisan responden didapati mereka tidak menyelaraskan gender kata kerja dan pelaku, contohnya seperti dalam ayat berikut:

Jadual 4.20 : Kesalahan Penyelarasan Aspek Gender Kata Kerja dengan Pelaku

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	يوضح المحاضرة <u>الدرس</u>	تُوضِّحُ المحاضرةُ <u>الدرس</u>	Pensyarah menerangkan pelajaran
2	يذهبون الطالبات إلى الجامعة	تَذْهَبُ الطَّالِبَاتُ إلى الجامعة	Siswi pergi ke kuliah
3	درست الطلاب مادتين	دَرَسَ الطُّلَابُ مادتين	Siswa belajar dua subjek
4	جاء المحاضرة	جَاءَتِ المُحَاضِرَةُ	Pensyarah telah hadir
5	تبدأ <u>الدرس</u> في ساعة تاسعة	يَبْدَأُ الدَّرْسُ في الساعة التاسعة	Pembelajaran bermula pada jam sembilan
6	جاءت الأتوبيس	جَاءَ الأتُوبِيسُ	Bas sudah datang
7	ركب الطالبات الأتوبيس	رَكِبَتِ الطَّالِبَاتُ الأتوبيس	Siswi telah menaiki bas
8	فتحت الجامعة في شهر يونيو	فَتَحَتِ الجامعةُ في شهر يونيو	Universiti mula buka pada bulan Jun
9	تأكل الطالبون في المطعم	يَأْكُلُ الطُّلَابُ الطعام في المطعم	Siswa makan di kantin

10	تقع المسكن في الجامعة	يَقَعُ الْمَسْكُنُ فِي الجامعة	Asrama terletak di dalam university
11	وقع بيوت الطلاب في الخارج	وَقَعَتْ بُيُوتُ الطَّلَابِ فِي الْخَارِجِ	Rumah pelajar terletak di luar
12	يبدأ المحاضرة	تَبْدَأُ الْمَحَاضِرَةَ	Syarahannya bermula
13	تسكن جميع الطلاب في السكن	يَسْكُنُ جَمِيعُ الطَّلَابِ فِي السَّكَنِ	Semua mahasiswa tinggal di dalam asrama

Analisis kesalahan dalam jadual di atas menunjukkan responden telah melakukan kesalahan dalam menyelaraskan kata kerja dengan pelaku pada aspek gender. Pelaku *mu'annath* seperti perkataan : *المُحَاضِرَةُ - الطَّالِبَاتُ - الْجَامِعَةُ* sepatutnya digunakan bersama kata kerja *mu'annath* iaitu dengan menambahkan *tā' ta'nīth* pada kata kerja *mādiy* seperti *جَاءَتْ* dan *ta' mudāra'at* bagi kata kerja *muḍāri'* seperti *تَبْدَأُ*.

ii. Kesalahan Menggunakan *Ḍamīr Zāhir* atau *Muṣṭaṭir* Dalam Kata Kerja

Dalam kajian ini juga didapati responden melakukan kesalahan dalam menggunakan sama ada *ḍamīr zāhir* atau *muṣṭaṭir* dalam kata kerja dalam penulisan mereka, contohnya:

Jadual 4.21 : Kesalahan Menggunakan *Damir Zāhir* atau *Muṣṭafīr*

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	أحصل ليوصل دراستي	أستطيع أن أواصل دراستي	Saya dapat menyambung pengajian
2	أنا تشتري الشيء حياتي الجديد في الجامعة	أنا أشتري الشيء حياتي الجديدة في الجامعة	Saya membeli barang keperluan untuk kehidupan baru di university
3	كلهم جاء من الولاية المتنوعة	كُلُّهُمْ جَاءُوا مِنَ الْوَالِيَةِ الْمُتَنَوِّعَةِ	Mereka semua datang daripada pelbagai negeri
4	الطلاب جاء من البعيد	الطُّلَابُ جَاءُوا مِنَ الْبَعِيدِ	Pelajar datang dari jauh
5	نحن رجعن إلى البيت	نَحْنُ رَجَعْنَا إِلَى الْبَيْتِ	Kami telah pulang ke rumah
6	الحياة الجديد قد بدأ	الْحَيَاةُ الْجَدِيدَةُ قَدْ بَدَأَتْ	Kehidupan baru telah bermula
7	الطالبات تجتهد في الدراسة	الطَّالِبَاتُ يَجْتَهِدْنَ فِي الدِّرَاسَةِ	Siswi bersungguh-sungguh dalam pelajaran
8	المحاضرون والمحاضرات يدرسن في الصباح	المحاضرون والمحاضرات يُدَرِّسُونَ فِي الصَّبَاحِ	Para pensyarah mengajar di waktu pagi
9	وقت الراحة وصلت	وَقْتُ الرَّاحَةِ وَصَلَ	Waktu rehat telah tiba
10	تجب على الطالبات أن يرجعن إلى السكن	يَجِبُ عَلَى الطَّالِبَاتِ أَنْ يَرْجِعْنَ إِلَى السَّكَنِ	Siswi perlu kembali ke penginapan
11	أنا دائما يجري لركوب الحافلة	أنا دائما أَجْرِي لِرُكُوبِ الْحَافِلَةِ	Saya selalu berkejar-kejar untuk menaiki kenderaan
12	أتمنى أن يفوز بـممتاز	أَتَمَنَّى أَنْ أَفُوزَ بِمَمْتَازٍ	Saya berharap saya akan berjaya cemerlang

Ayat di atas semuanya mengandunginya sama ada *ḍamīr zāhir* atau *muṣtaṭīr*. Semua ayat tersebut ternyata responden tersilap menggunakannya dalam penulisan mereka untuk tujuan yang dikehendaki. Pembetulan yang perlu dilakukan adalah seperti berikut:

Jadual 4.22 : Penggunaan *Ḍamīr Zāhir* dan *Mustaṭīr*

Perkataan	<i>Ḍamīr</i>	Tujuan Penggunaan	Pembetulan
ليواصل	هُوَ	أَنَا	أَوْاصِلُ
أنا تشتري الشيء حياتي الجديد في الجامعة	أَنْتِ - هِيَ		أَشْتَرِي
أنا دائما جري لركوب الحافلة	هُوَ		أَجْرِي
أتمنى أن يفوز بممتاز	هُوَ		أَفُوزُ
كلهم جاء من الولاية المتنوعة	هُوَ	هُمْ	جَاءُوا
الطلاب جاء من البعيد	هُوَ		
نحن رجعت إلى البيت	ن	نَحْنُ	رَجَعْنَا
الحياة الجديد قد بدأ	هُوَ	الْحَيَاةُ	بَدَأَتْ
الطالبات تجتهد في الدراسة	هِيَ	الطَّالِبَاتُ	يَجْتَهِدْنَ
وقت الراحة وصلت		وَقْتُ	وَصَلَّ
المحاضرون والمحاضرات يدرسن في الصباح	ن	الْمُحَاضِرُونَ وَالْمُحَاضِرَاتُ	يُدْرِسُونَ

iii. Kesalahan Dalam Menyelaraskan Gender Kata Kerja Bersama *Nā'ib Fā'il*

Responden juga melakukan kesalahan dalam menyelaraskan jantina kata kerja yang digunakan bersama *nā'ib fā'il* pada beberapa ayat seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.23 : Kesalahan Menyelaraskan Gender Kata Kerja Bersama *Nā'ib Fā'il*

Bil	Penulisan Responden	Pembetulan	Maksud
1	هناك توجد كثير من المأكولات	هناك يُوجد كثير من المأكولات	Di sana terdapat banyak makanan
2	توجد أيضا المطعم	يُوجد أيضا المَطْعَمُ	Terdapat juga kantin
3	توجد كثير من الطلبة	يُوجد كثير من الطلبة	Terdapat ramai pelajar
4	توجد برنامج الدراسي	يُوجد برنامج الدراسي	Terdapat program pengajian
5	يوجد غرفة	تُوجد عُرفَةٌ	Terdapat bilik

Dalam jadual di atas menunjukkan semua *nā'ib fā'il* iaitu perkataan:

(بَرْنَامِج) - كَثِيرٌ - المَطْعَمُ - (adalah kata nama tunggal *mudhakkar*. Oleh itu, kata kerjanya perlu serasi dengannya dalam aspek jantina iaitu (يُوجد). Begitulah perkataan (عُرْفَةٌ) adalah kata nama *mu'annath* dan kata kerja yang sesuai dengannya ialah (تُوجد)

iv. Kesalahan Dalam Menggunakan Pelaku Dalam Bentuk *Maşdar Muawwal*

Dapatan kajian juga menunjukkan responden melakukan kesalahan dalam menggunakan pelaku dalam bentuk *maşdar muawwal*. Antara contoh kesalahan yang dilakukan oleh responden adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.24 : Kesalahan Menggunakan Pelaku Dalam Bentuk *Maşdar Muawwal*

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	يجب علينا ندرس اللغة العربية	يَجِبُ عَلَيْنَا أَنْ نَدْرُسَ اللغة العربية	Wajib ke atas kami belajar bahasa Arab
2	أحب أدرس في الجامعة	أُحِبُّ أَنْ أَدْرُسَ فِي الجامعة	Saya suka belajar bahasa Arab
3	أبي يريدني أدخل جامعة	أَبِي يُرِيدُنِي أَنْ أَدْخُلَ جامعة	Ayah saya mahu saya masuk university
4	المحاضرون يريد نتعرف بالآخرين	المحاضرون يُرِيدُونَنَا أَنْ نَتَعَرَّفَ بِالْآخَرِينَ	Para pensyarah mahu kami mengenali antara satu sama lain
5	الطلبة يريدون يرجع إلي البيت في الإجازة	الطلبة يُرِيدُونَ أَنْ يَرْجِعُوا إِلَى الْبَيْتِ فِي الإجازة	Para pelajar mahu pulang ke rumah semasa cuti
6	أحب أدرس مادة اللغة العربية	أُحِبُّ أَنْ أَدْرُسَ مَادَةَ اللغة العربية	Saya suka belajar subjek bahasa Arab
7	يجب علينا نطلب العلم	يَجِبُ عَلَيْنَا أَنْ نَطْلُبَ العلم	Wajib ke atas kami menuntut ilmu
8	نريد ننجح في حياتنا	نُرِيدُ أَنْ نَنْجَحَ فِي حياتنا	Kami mahu berjaya dalam hidup kami
9	أتمنى أنجح في الجامعة	أَتَمَنِّي أَنْ أَتُجِّحَ فِي الجامعة	Saya bercita-cita untuk berjaya di university

Ayat seperti yang ditunjukkan dalam jadual diatas tidak tepat dengan kaedah kata kerja dan ayat kata kerja. Jenis pelaku sebagaimana dijelaskan dalam bab dua adalah sama ada terdiri daripada kata nama zahir, ganti nama zahir, ganti nama tersembunyi dan *maşdar muawwal*. Ayat yang ditulis oleh responden dalam contoh di atas sepatutnya

digunakan *أَنْ مَصْدَرِيَّةٌ* sebelum kata kerja *mudāri‘* kerana *fā‘il* yang sesuai digunakan di sini berbentuk *maṣḍar muawwal* sebagaimana dalam pembedaan

v. Kesalahan Dalam Memberi Tanda *I‘rāb* Objek

Keadaan *maf‘ūl bih* ialah *manṣūb*. Kata nama duaan dan kata nama jamak *mudhakkār* yang menjadi objek dalam ayat mesti dalam keadaan *manṣūb* dengan huruf *yā‘* dan *nūn*. Apa yang ditulis oleh responden ialah mereka menggunakan huruf *wāw* sebagaimana keadaannya semasa *marfū‘*. Kesalahan yang dilakukan seperti ayat berikut:

Jadual 4.25 : Kesalahan Dalam Memberi Tanda *I‘rāb* Objek

Bil	Contoh Kesalahan	Pembedaan	Maksud
1	رَأَيْتُ الْمَعْلَمُونَ فِي الْجَامِعَةِ	رَأَيْتُ الْمُعَلِّمِينَ فِي الْجَامِعَةِ	Saya melihat para guru di universiti
2	نَدْرَسُ الْمَادَاتِ كُلَّ يَوْمٍ اِثْنَيْنِ	نَدْرَسُ الْمَادَتَيْنِ كُلَّ يَوْمٍ اِثْنَيْنِ	Kami belajar dua subjek setiap hari isnin

Contoh kesalahan dalam ayat di atas menunjukkan responden tidak menggunakan huruf *yā‘* dan *nūn* sebagai tanda *i‘rāb* bagi keadaan *manṣūb* tetapi mereka menggunakan *wāw* dan *nūn* yang merupakan tanda *i‘rāb* dalam keadaan *marfū‘* iaitu yang terdapat pada penggunaan perkataan (الْمَادَاتِ) dan (الْمُعَلِّمِينَ) dalam ayat di atas. Kaedah yang betul bagi objek yang terdiri daripada kata nama duaan dan jamak *mudhakkār sālim* adalah sebagaimana dalam pembedaan dalam jadual di atas. Terdapat juga dalam contoh di atas di mana responden tersilap menjamakkan perkataan (الزَّمِيلِ) dalam bentuk jamak *mudhakkār sālim* (الزَّمِيلُونَ) tetapi di sini pengkaji tidak membincangkannya kerana di sini hanya membincangkan kesalahan memberi tanda *i‘rāb* objek sahaja.

vi. Kesalahan Dalam Menggunakan Masa Yang Sesuai Dengan Kata Kerja

Dapatan kajian menunjukkan responden telah melakukan kesalahan dalam menggunakan masa yang sesuai untuk kata kerja, antara kesalahannya seperti:

Jadual 4.26 : Kesalahan Dalam Menggunakan Masa Yang Sesuai Dengan Kata Kerja

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	نصل في الجامعة منذ أمس	وَصَلْنَا فِي الْجَامِعَةِ مُنْذُ أَمْسٍ	Kami telah sampai di universiti semenjak semalam
2	في شهر مارس الماضي أطلب الجامعة	فِي الشَّهْرِ مَارِسَ الْمَاضِي طَلَبْتُ الْجَامِعَةَ	Pada bulan Mac yang lepas saya telah memohon universiti
3	أنا دائما جري.....	أنا دَائِمًا أَجْرِي.....	Saya sentiasa belari-lari
4	درسنا اللغة العربية كل يوم	نَدْرُسُ اللُّغَةَ الْعَرَبِيَّةَ كُلَّ يَوْمٍ	Kami belajar bahasa Arab setiap hari
5	ألتحق الجامعة في شهر ماض	إِلْتَحَقْتُ بِالْجَامِعَةِ فِي شَهْرِ مَاضٍ	Saya telah memasuki universiti semenjak sebulan yang lepas
6	أرجو أن نجحت في المستقبل	أَرْجُو أَنْ أُنْجَحَ فِي الْمُسْتَقْبَلِ	Saya berharap saya berjaya pada masa akan datang
7	دخلت السنة الأولى في السنة القادمة	أَدْخُلُ السَّنَةَ الْأُولَى فِي السَّنَةِ الْقَادِمَةِ	Saya masuk tahun satu pada tahun hadapan
8	نأتي إلى الجامعة منذ يومين	أَتَيْنَا إِلَى الْجَامِعَةِ مُنْذُ يَوْمَيْنِ	Kami telah datang ke universiti semenjak dua hari lalu
9	دائما تقبل الله دعاءنا	دَائِمًا يَتَقَبَّلُ اللَّهُ دَعَاءَنَا	Allah sentiasa menerima doa kami
10	انتهى الدراسة في المدرسة في سنة ماضية	إِنْتَهَيْتُ دَرَسَتَنَا فِي الْمَدْرَسَةِ فِي سَنَةٍ مَاضِيَةٍ	Persekolahan kami telah tamat pada tahun lepas
11	الآن درسنا في الجامعة	الآن نَدْرُسُ فِي الْجَامِعَةِ	Sekarang kami sedang belajar di university

Ayat yang terdapat dalam jadual di atas menunjukkan responden menggunakan masa yang tidak sesuai dengan kata kerja. Terdapat masa yang digunakan oleh responden seperti (دَائِمًا), (الآنَ) dan (المُسْتَقْبَل). Masa tersebut menunjukkan peristiwa yang sedang berlaku dan peristiwa yang akan berlaku pada masa akan datang iaitu masa untuk kata kerja *mudāri* tetapi digunakan bersama kata kerja *mādiy* yang menunjukkan masa telah berlalu seperti (تَقَبَّلَ), (دَرَسْنَا), (جَرَى). Begitulah masa yang menunjukkan masa lampau seperti (مُنْذُ أَمْسٍ), (مُنْذُ يَوْمَيْنِ), (سَنَةَ مَاضِيَةٍ), dan (شَهْرٍ مَاضٍ) telah digunakan oleh responden bersama kata kerja *mudāri* iaitu (نَأْتِي), (الْتَحِقْ) dan (نَنْتَهِي).

4.3.4 Kesalahan Penggunaan Ayat Kata Nama

Analisis kesalahan karangan responden juga didapati responden melakukan kesalahan dalam membentuk ayat kata nama seperti berikut:

i. Kesalahan Dalam Menggunakan Subjek

Jadual di bawah adalah contoh bagi kesalahan dalam menggunakan subjek dalam ayat bahasa Arab yang dilakukan oleh responden:

Jadual 4.27 : Kesalahan Dalam Menggunakan Subjek

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	يقرأ مهم في حياتنا	الْقِرَاءَةُ مهمة في حياتنا	Membaca adalah penting
2	اطلب العلم واجب على كلنا	طَلَبُ الْعِلْمِ واجب على كلنا	Menuntut ilmu wajib ke atas kami
3	ندخل الجامعة سرور آبائنا	إِلْتِحَاقُ بِالْجَامِعَةِ يسرر آبائنا	Melanjutkan pelajaran ke universiti mengembirakan ayah kami

Subjek dalam kaedah tatabahasa Arab terdiri daripada sama ada kata nama, ganti nama atau *maṣdar mu'awwal*. Apa yang dilakukan oleh responden ialah mereka menggunakan perkataan selain daripada tiga jenis tadi. Antara perkataan yang digunakan oleh responden sebagai subjek dalam ayat seperti kata kerja *muḍārī'* seperti (يَقْرَأُ) dan (نَدْخُلُ) dan juga menggunakan kata kerja *amr* seperti (أَطْلُبُ).

ii. Kesalahan Dalam Menggunakan Predikat Dalam Bentuk Ayat Kata Kerja.

Sebagaimana dijelaskan bahawa responden telah melakukan kesalahan pada ayat kata kerja. Kesalahan yang sama juga berlaku ketika mereka membina ayat kata nama yang menggunakan predikat daripada jenis ayat kata kerja. Kesalahan yang dimaksudkan ialah kesalahan dalam menggunakan kata kerja yang tidak sesuai dengan subjek seperti:

Jadual 4.28 : Kesalahan Dalam Menggunakan Predikat Ayat Kata Kerja

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	أنا وعد لوالدي	أنا وَعَدْتُ والدي	Saya telah berjanji pada ayah saya
2	هم ساعدني في الدراسة	هُمْ سَاعَدُونِي في الدراسة	Mereka membantu saya dalam pelajaran
3	والدي ساركبان السيارة	وَالِدَاي سَيَرْكَبَانِ السيارة	Kedua ibu bapa saya akan menaiki kereta
4	كلهم جاء في هذه الجامعة	كُلُّهُمْ جَاءُوا في هذه الجامعة	Mereka semua datang ke universiti ini

Responden menulis predikat ayat kata kerja dengan menggunakan kata kerja yang tidak sesuai dengan subjek. Sebagaimana telah dinyatakan dalam kaedah tatabahasa Arab sebelum ini bahawa subjek dan predikat mesti serasi dalam aspek gender dan bilangan serta *i'rāb*. Dalam penulisan responden didapati mereka tidak menyelaraskan aspek gender dan bilangan seperti dalam contoh di atas. Contoh pertama subjek adalah ganti nama pertama tunggal (أنا) tetapi predikatnya digunakan kata kerja yang tidak

terkandung ganti nama (أَنَا) bahkan mengandungi ganti nama (هُوَ). Begitulah dalam contoh kedua dan keempat di mana subjek ialah (هُمْ) tetapi ganti nama yang terdapat dalam predikat ialah (هُوَ). Contoh yang ketiga pula, subjek dalam ayat ialah (وَالِدَايَ) yang merupakan kata nama duaan tetapi kata kerja yang digunakan dalam predikat ialah kata kerja *mudāri'* yang tidak dapat dikenal pasti ganti namanya kerana berlaku kesalahan pada *tasrīf* iaitu (سَارِكِبَانِ)

iii. Kesalahan Dalam Menggunakan Predikat Ayat Kata Nama

Responden telah menulis ayat bahasa Arab dengan menggunakan predikat ayat kata nama seperti seperti:

Jadual 4.29 : Kesalahan Dalam Menggunakan Predikat Ayat Kata Nama

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	المعلمون أخلاقهم حسن	المُعَلِّمُونَ أَخْلَاقُهُمْ حَسَنَةٌ	Guru akhlak mereka baik
2	جامعتي اسمه مشهور	جَامِعَتِي اسْمُهَا مَشْهُورٌ	Universitiku namanya terkenal
3	الطلاب بيت بعيدة	الطُّلَابُ بَيْتُهُمْ بَعِيدَةٌ	Siswa rumah mereka jauh

Mengikut kaedah tatabahasa Arab, predikat dalam bentuk ayat kata nama terdiri daripada subjek dan predikat iaitu dalam bentuk (subjek + Predikat (Subjek +Predikat))

Dalam predikat terdapat subjek bersama predikat dan subjek ini mesti mengandungi *damīr* yang boleh dikembalikan kepada subjek pertama. Predikat dalam ayat predikat juga perlu selaras dengan subjeknya dalam aspek jantina dan bilangan. Apa yang dilakukan oleh responden ialah mereka melakukan kesalahan seperti: جامعتي اسمه مشهور. Mereka tidak menyelaraskan ganti nama yang terdapat dalam ayat predikat (اسمُهُ) dengan subjek iaitu (جامِعَتِي). Subjek dalam ayat ialah perkataan *mu'annath* جَامِعَتِي tetapi *damīr* yang digunakan ialah هُ yang merupakan ganti nama untuk kata nama tunggal

mudhakkar, sepatutnya digunakan ganti nama *ها* iaitu *إِسْمُهَا*. Begitulah ayat *المعلمون* *حسن*, responden tidak menyelaraskan jantina dan bilangan subjek dengan predikat dalam ayat predikat iaitu perkataan *أَخْلَاقُهُمْ* dengan perkataan yang menjadi predikat. Ayat *حسن* *أَخْلَاقُهُمْ* terdiri dari pada *أَخْلَاقُهُمْ* sebagai subjek dan *حسن* sebagai predikat. Status perkataan *أَخْلَاقُ* adalah *mu'annath* kerana ia merupakan kata nama *jamak li ghayr 'akil* bagi kata nama tunggal *خُلُقٌ*, sepatutnya predikatnya juga adalah daripada kata nama *mu'annath* tunggal iaitu *حَسَنَةٌ*. Begitulah ayat *الطلاب بيت بعيدة* ditulis dengan menggunakan subjek *الطلاب* tetapi predikatnya *بيت بعيدة* tidak mengandungi sebarang *damir* yang boleh dikembalikan kepada subjek.

iv. Kesalahan Dalam Menggunakan Predikat Tunggal

Beberapa kesalahan yang dilakukan oleh responden dalam penggunaan predikat tunggal seperti berikut:

a) Kesalahan dalam menyelaraskan jantina subjek dan predikat:

Dalam kaedah tatabahasa Arab subjek dan predikat mesti selaras pada aspek jantina tetapi terdapat kesalahan dalam penulisan responden seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.30 : Kesalahan Dalam Menyelaraskan Jantina Subjek Dan Predikat Tunggal

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	<u>المحاضرة هنا حسنا</u>	<u>المُحَاضِرَةُ هنا حَسَنَةٌ</u>	Pensyarah di sini baik
2	<u>المعلمون في جامعتي محمودة</u>	<u>المُعَلِّمُونَ في جامعتي مُحَمَّدُونَ</u>	Guru di universitiku semuanya mulia
3	<u>جامعتي مشهور ومعروف</u>	<u>جامِعَتِي مَشْهُورَةٌ وَمَعْرُوفَةٌ</u>	Universitiku terkenal

Antara kaedah tatabahasa Arab berkenaan subjek dan predikat tunggal mestilah selaras dari aspek jantina. Walau bagaimanapun, masih terdapat responden yang tersalah menyelaraskan jantina subjek dan prediket seperti dalam ayat di atas. Ayat pertama subjeknya terdiri daripada kata nama *mu'annath* iaitu الْمُحَاضِرَةُ manakala predikatnya pula terdiri daripada kata nama maskulin iaitu حَسَنًا. Begitulah ayat kedua, subjeknya terdiri daripada kata nama jamak *mudhakkar sālim* الْمُعَلِّمُونَ tetapi predikatnya terdiri daripada kata nama *mu'annath* tunggal مُحَمَّدَةٌ. Ayat ke tiga pula, subjeknya kata nama *mu'annath* tunggal جَامِعَتِي tetapi predikatnya kata nama *mudhakkar* tunggal مَشْهُورٌ وَمَعْرُوفٌ

b) Kesalahan dalam memberi tanda *i'rāb* predikat tunggal

'Irāb predikat mengikut kaedah tatabahasa Arab ialah *marfū'*. Predikat tunggal pula tanda *i'rāb*nya ialah *marfū'* dengan baris di hadapan (◌ِ). Apa yang dilakukan oleh responden ialah mereka memberi tanda *'irāb* predikat sebagai *mansūb* seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 4.31 : Kesalahan Dalam Memberi Tanda *I'rāb* Predikat Tunggal

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	المعلمون في جامعتي <u>ماهرا</u> جدا	المُعَلِّمُونَ في جامعتي <u>مَاهِرُونَ</u> جدا	Para pensyarah di universitiku sangat professional
2	جامعتي <u>كبيرا</u> جدا	جَامِعَتِي <u>كَبِيرَةٌ</u> جدا	Universitiku sangat besar

Ayat dalam jadual di atas menunjukkan responden telah menggunakan perkataan مَاهِرًا yang merupakan kata nama tunggal *mansūb* sebagai predikat kepada الْمُعَلِّمُونَ yang merupakan kata nama jamak *mudhakkar sālim*. Di sini menunjukkan responden telah

melakukan dua kesalahan iaitu menggunakan kata nama tunggal sebagai predikat tunggal di samping *menasabkannya* sedangkannya dalam kaedah tatabahasa Arab predikat mesti berada dalam keadaan *marfū'*. Oleh itu, ayat ini perlu ditukar kepada: المُعَلِّمُونَ فِي جَامِعِي مَاهِرُونَ جَدًا. Begitu lah dengan ayat: جامعتي كبرى memperlihatkan responden telah *menasabkan* kata nama yang dijadikan predikat dalam ayat. Selain itu, jantina predikat pun berlainan dengan subjek. Oleh itu, ayat ini perlu dibetulkan seperti dalam jadual di atas iaitu dengan menggunakan kata nama tunggal *mu'annath* sebagai predikat kepada جامعتي iaitu كبيرة yang merupakan kata nama tunggal *mu'annath marfū'*

c) Menjadikan predikat tunggal sebagai predikat ayat kata nama

Selain daripada itu, ayat yang sepatutnya hanya menggunakan predikat tunggal tetapi ditulis oleh responden dengan penambahan ganti nama seolah-olah ayat menggunakan predikat ayat kata nama seperti: هذه الجامعة هو أقدم الجامعات. Ayat ini tidak memerlukan ganti nama kerana perkataan أقدم merupakan kata nama *musytaq* yang boleh dijadikan sebagai predikat tunggal dan ayat ini hanya perlu dibuang ganti nama iaitu هو

4.3.5 Kesalahan Penggunaan *Nawāsikh*

Analisis kesalahan penulisan karangan responden juga didapati responden melakukan kesalahan pada penggunaan *nawāsikh* seperti berikut:

i. Kesalahan Dalam Menyelaraskan Jantina *Fi'l al-Nāqis* Dengan 'Ismnya

Kesalahan dalam menyelaraskan jantina *Fi'l al-nāqis* dengan *isimnya* berlaku dalam ayat seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 4.32 : Kesalahan Dalam Menyelaraskan Jantina *Fi'l Nāqis* Dengan Isimnya

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	كان جامعتي مشهورة	كَانَتْ جَامِعَتِي مشهورة	Universitiku terkenal
2	كان محطة السيارة في الجامعة	كَانَتْ مَحَطَّةُ السَّيَّارَةِ في الجامعة	Stesen kereta di dalam universiti
3	كان الدراسة في الصباح فقط	كَانَتْ الدِّرَاسَةُ في الصباح فقط	Pengajian di waktu pagi sahaja
4	كانت التسجيل في يوم الأحد	كَانَ التَّسْجِيلُ في يوم الأحد	Pendaftaran pada hari Ahad
5	كانت الدكان قريب بالجامعة	كَانَ الدُّكَّانُ قريب من الجامعة	Pekan dekat dengan university
6	كان الجامعة في كوالا لومبور	كَانَتْ الجَامِعَةُ في كوالا لومبور	Universiti di Kuala Lumpur

Semua ayat dalam jadual di atas menggunakan kata kerja *nāqish* (كَانَ). Walaupun pada hakikatnya responden hanya ingin menegaskan kejadian yang berlaku dalam semua ayat dan sepatutnya mereka menggunakan *nawāsikh* (إِن). Walaupun cerita sebenar yang hendak disampaikan adalah sedang berlaku tetapi responden menggunakan (كَانَ) yang memberi maksud penegasan pada waktu dahulu sebelum penceritaan. Oleh kerana dalam kajian ini pengkaji hanya memberi fokus terhadap struktur ayat tanpa melihat kepada maksud, pengertian atau maksud (كَانَ) di sini diabaikan.

Apabila diperhatikan penyelarasan (كَانَ) yang digunakan oleh responden bersama isimnya didapati penyelarasan gender tidak berlaku. *Isim* (كَانَ) yang berbentuk *mu'annath* (الْجَامِعَةُ - الدِّرَاسَةُ - مَحَطَّةٌ) digunakan bersama (كَانَ) manakala *isim* (كَانَ) yang berbentuk *mudhakkar* pula iaitu (التَّسْجِيلُ - الدُّكَّانُ) digunakan bersama (كَانَتْ)

ii. Kesalahan Memberi Tanda *I'rāb Isim Dan Khabar Nawāsikh*

Responden telah melakukan kesalahan dalam memberikan tanda *i'rāb isim* dan *khabar nawāsikh* seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.33 : Kesalahan Memberi Tanda *I'rāb Isim dan Khabar Nawāsikh*

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	كان أبي حاضر معي	كان أبي حاضراً معي	Ayah datang bersama saya
2	كان أمي موجود في البيت	كانت أمي موجودة في البيت	Ibu saya berada di rumah
3	لأن المعلمون عاملين	لأنَّ الْمُعَلِّمِينَ عَالِمُونَ	Kerana guru tahu
4	لأنني مسرورا جدا	لأنني مسرورٌ جدا	Kerana saya sangat gembira
5	ولكن أنا دائما أشتري الطعام	ولكنني دائما أشتري الطعام	Tetapi saya selalu membeli makanan

Mengikuti kaedah tatabahasa Arab, *i'rāb isim* (إِنَّ) dan *khavar* (كَانَ) adalah *manṣūb*. *I'rāb khavar* (إِنَّ) dan *isim* (كَانَ) pula adalah *marfū'*. Dalam ayat yang ditulis oleh responden dalam jadual di atas menunjukkan responden telah melakukan kesalahan sama ada dengan memberi tanda *i'rāb* yang salah kepada *isim* (إِنَّ) dan (كَانَ) atau khavar kepada keduanya iaitu mereka memberi tanda *i'rāb isim* (كَانَ) sebagai *manṣūb* dan memberi tanda *i'rāb khabarnya* sebagai *marfū'*

iii. Kesalahan Menggunakan *Isim Nawāsikh*

Responden telah melakukan kesalahan dalam menggunakan *isim nawāsikh* sepertimana dalam jadual berikut:

Jadual 4.34 : Kesalahan Menggunakan *Isim Nawāsikh*

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	كان أدخل الجامعة	كُنْتُ أَدْخُلُ الجامعة / كُنْتُ أَلْتَحِقُ بالجامعة	Saya telah dapat masuk ke universiti
2	لأن أستطيع أن أذهب إلى الجامعة	لِأَنِّي أَسْتَطِيعُ أن أذهب إلى الجامعة	Kerana saya dapat pergi ke university
3	لأن كل يوم نذهب إلى جامعتي بالحافلة	لِأَنَّنا كل يوم نَذْهَبُ إلى جامعتي بالحافلة	Kerana setiap kami pergi ke universiti dengan bas
4	لأن أستطيع أن أعلم	لِأَنِّي أَسْتَطِيعُ أن أعلم	Kerana saya mampu mengetahui

Keempat-empat ayat dalam jadual di atas menunjukkan responden tidak menulis *isim nawāsikh* iaitu tidak menulis *isim* كَانَ pada ayat yang pertama dan tidak menulis *isim* إِنَّ pada ayat yang kedua, ketiga dan keempat. Responden hanya menulis khabarnya sahaja. Penulisan seperti ini menyalahi kaedah penggunaan *nawāsikh* kerana *nawāsikh* memerlukan *isim* dan *khavar* yang berasal daripada subjek dan predikat sebelum

dimasukkan *nawāsikh*. Ayat yang ditulis oleh responden dalam contoh di atas tidak lengkap. Sepatutnya responden memasukkan *isim* yang sesuai dengan khabarnya yang berbentuk ayat kata kerja seperti dalam pembetulan yang dilakukan.

iv. Kesalahan Dalam Menggunakan *Khabar Jumlah* Bagi *Nawāsikh*

Selain daripada itu, responden juga telah melakukan kesalahan dalam menulis khabar *nawāsikh*. Sebagaimana dimaklumkan bahawa *nawāsikh* adalah kata tugas dan kata kerja yang ditambah pada ayat kata nama yang asalnya terdiri daripada subjek dan predikat. Apabila *nawāsikh* mendahului subjek dan predikat ini tiga perubahan akan berlaku iaitu: pertama: penukaran nama subjek dan predikat kepada *isim nawāsikh* dan *khabarnya*, kedua: perubahan dari segi *i'rāb* dan ketiga penambahan maksud mengikut *nawāsikh* yang digunakan. Dalam kajian yang dilakukan didapati responden melakukan kesalahan dalam menggunakan ayat kata nama sama ada dalam menggunakan subjek dan predikat. Begitulah perkara yang sama telah dilakukan oleh responden dalam penggunaan *nawāsikh*, antaranya seperti:

a) Kesalahan dalam menggunakan *khabar* berbentuk ayat kata kerja.

Sebagaimana dijelaskan bahawa responden telah melakukan kesalahan pada subjek dan predikat berbentuk ayat kata kerja. Begitulah juga apabila membina ayat yang mengandungi *nawāsikh* yang menggunakan *khabarnya* daripada jenis ayat kata kerja, kesalahan yang sama dilakukan oleh responden. Kesalahan yang dimaksudkan ialah kesalahan dalam menggunakan kata kerja yang tidak sesuai dengan subjek seperti:

Jadual 4.35 : Kesalahan Menggunakan Khabar *Nawāsikh* Berbentuk Ayat Kata Kerja

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	إِنِّي أَرَادُ أَنْ أَدْخُلَ الْجَامِعَةَ	إِنِّي أَرَدْتُ أَنْ أَلْتَحِقَ الْجَامِعَةَ	Seseungguhnya saya mahu masuk universiti
2	كُنْتُ يَلْتَحِقُ فِي الْجَامِعَةَ	كُنْتُ أَلْتَحِقُ بِالْجَامِعَةَ	Saya telah masuk university
3	كَانُوا يَصَاحِبُونِي فِي الْمَطْعَمِ	كَانُوا يُصَاحِبُونَنِي فِي الْمَطْعَمِ	Mereka menemani saya ke kantin
4	لَكِنَّهُمْ يَرِيدُ أَنْ يَرْجِعُوا إِلَى الْبَيْتِ فِي الْعِطْلَةِ	لَكِنَّهُمْ يُرِيدُونَ أَنْ يَرْجِعُوا إِلَى الْبَيْتِ فِي الْعِطْلَةِ	Tetapi mereka mahu pulang ke rumah pada hari cuti
5	لَكِنِّي نَجَحْتُ فِي هَذِهِ الْجَامِعَةِ	لَكِنِّي نَجَحْتُ فِي هَذِهِ الْجَامِعَةِ	Tetapi saya berjaya di universiti ini

Contoh yang ditulis oleh responden dalam jadual di atas menunjukkan responden menggunakan *khabar* ayat kata kerja yang tidak tepat iaitu mereka menggunakan kata kerja yang tidak sesuai dengan *isim nawāsikh*. *isim nawāsikh* dalam contoh pertama, kedua dan kelima ialah ganti nama pertama tunggal (أَنَا) tetapi digunakan bersama kata kerja (أَرَادَ-يَلْتَحِقُ-نَجَحَ) yang mana kata kerja ini adalah untuk ganti nama orang ketiga atau *ghā'ib* (هُوَ). Begitulah dengan contoh 3 dan 4 di mana *isim nawāsikh* ialah ganti nama (و) dan (هُمْ) tetapi ganti nama yang terdapat dalam kata kerja yang dijadikan *khabar* adalah untuk هُوَ

v. **Kesalahan Dalam Menggunakan Khabar *Nawāsikh* Dalam Bentuk Ayat Kata Nama**

Jadual di bawah ialah contoh penggunaan *khabar nawāsikh* dalam bentuk ayat kata nama dalam penulisan responden:

Jadual 4.36 : Kesalahan Dalam Menggunakan Khabar *Nawāsikh* Dalam Bentuk Ayat Kata Nama

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	إِنَّ الطَّالِبَ لِبَاسٍ جَمِيلٍ	إِنَّ الطَّالِبَ لِبِأَسْهُمٍ جَمِيلَةٍ	Sesungguhnya para pelajar pakaian mereka cantik
2	إِنَّ مَادَةَ اللُّغَةِ الْعَرَبِيَّةِ فَائِدَةٌ كَثِيرَةٌ	إِنَّ مَادَةَ اللُّغَةِ الْعَرَبِيَّةِ فَائِدَتُهَا كَثِيرَةٌ	Subjek bahasa Arab kegunaannya banyak
3	لَكِنَّ الطَّالِبَاتِ مَسْكَنٌ فِي الْمَكَانِ الْآخِرِ	لَكِنَّ الطَّالِبَاتِ مَسْكَنُهُنَّ فِي الْمَكَانِ الْآخِرِ	Tetapi pelajar perempuan tempat tinggal mereka di tempat lain
4	كَانَتْ هَذِهِ الْجَامِعَةُ اسْمًا مَشْهُورًا	كَانَتْ هَذِهِ الْجَامِعَةُ اسْمُهَا مَشْهُورًا	Dulu universiti ini namanya terkenal
5	مَادَامَ الطَّالِبُ اجْتِهَادًا كَثِيرًا	مَادَامَ الطَّالِبُ اجْتِهَادُهُمْ كَثِيرًا	Selagi para pelajar itu usaha mereka tinggi

Sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini bahawa kaedah tatabahasa Arab tentang predikat dalam bentuk ayat kata nama terdiri daripada subjek dan predikat. Dalam subjek ayat kedua yang menjadi predikat kepada subjek yang pertama mesti mengandungi *damīr* yang boleh dikembalikan kepada subjek ayat pertama. Predikat dalam ayat kedua juga perlu selaras dengan subjeknya dalam aspek jantina dan bilangan. Keadaan yang sama perlu berlaku kepada *khabar nawāsikh* yang mana status asalnya adalah predikat iaitu mesti mengandungi ganti nama yang sama bilangan dan gender dengan *isim nawāsikh*. Apa yang dilakukan oleh responden ialah mereka melakukan kesalahan dengan tidak meletakkan *damīr* pada subjek dalam ayat predikat seperti dalam contoh di atas. Contoh pertama subjek dalam ayat predikat ialah (لِبَاسٍ) ditulis tanpa *damīr* yang boleh dikembalikan kepada (الطُّالِبُ). Begitulah dalam contoh kedua dan seterusnya di mana predikatnya ialah (فَائِدَةٌ - مَسْكَنٌ - اسْمٌ - اجْتِهَادٌ) semuanya digunakan tanpa sebarang *damīr* yang kembali kepada subjek iaitu (الطُّالِبُ - هَذِهِ الْجَامِعَةُ -) (الطَّالِبَاتُ - اللُّغَةُ الْعَرَبِيَّةُ)

vi. **Kesalahan Dalam Menggunakan Khabar Tunggal Bagi *Nawāsikh***

Sebelum ini telah diterangkan tentang kesalahan responden dalam menggunakan predikat tunggal. Perkara yang sama telah berlaku pada khabar tunggal bagi *nawāsikh* iaitu:

a) **Kesalahan Dalam Menyelaraskan Jantina *Isim* dan *khabar nawāsikh*:**

Kaedah *isim nawāsikh* dan *khabarnya* adalah sama dengan kaedah subjek dan predikat iaitu mesti selaras pada aspek jantina. Apa yang berlaku ialah terdapat kesalahan dalam penulisan responden seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 4.37 : Kesalahan Dalam Menyelaraskan Jantina *Ism* dan *Khabar Nawāsikh*

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	إِنَّ الْجَامِعَاتِ كَثِيرٌ فِي كُوَالَا لومبور	إِنَّ الْجَامِعَاتِ كَثِيرَةٌ فِي كُوَالَا لومبور	Sesungguhnya universiti banyak terletak di Kuala Lumpur.
2	ظَلَّ وَجْهَهُمْ مَسْرُورَةٌ	ظَلَّ وَجْهُهُمْ مَسْرُورًا	Wajah mereka tetap gembira.
3	كَانَتِ اللُّغَةُ الْعَرَبِيَّةُ مَهْمًا لَطَالِبِ الدِّينِ	كَانَتِ اللُّغَةُ الْعَرَبِيَّةُ مُهِمَّةً لَطَالِبِ الدِّينِ	Bahasa Arab penting bagi pelajar agama.

Dalam contoh pertama *ism nawāsikh* ialah kata nama *mu'annath* ialah (الْجَامِعَاتِ) tetapi khabar yang digunakan ialah kata nama *mudhakkar* (كَثِيرٌ). Dalam contoh kedua pula, *isim nawāsikh* adalah *mudhakkar* (وَجْهٌ), khabarnya yang digunakan pula *mu'annath* (مَسْرُورَةٌ). Begitulah dengan contoh ayat ke-3 di mana responden menggunakan *isim nawāsikh* daripada jenis *mu'annath* (اللُّغَةُ الْعَرَبِيَّةُ) tetapi khabarnya *mudhakkar*. (مُهْمًا). Penggunaan seperti ini adalah bercanggah dengan kaedah tatabahasa Arab yang telah ditetapkan.

b) Kesalahan dalam menyelaraskan bilangan *isim* dan *khobar nawāsikh*

Kaedah *isim nawāsikh* dan *khobar*nya juga perlu serasi dalam aspek bilangan satu, dua atau ramai tetapi terdapat kesalahan dalam penulisan responden seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.38 : Kesalahan Dalam Menyelaraskan Bilangan *Isim* dan *Khobar Nawāsikh*

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	كُنَّا مَسْرُورٍ جَدَا	كُنَّا مَسْرُورِينَ جَدَا	Kami sangat gembira
2	إِنَّهُمْ خَارِجٌ مِنَ الْبَيْتِ مَبَكْرًا	إِنَّهُمْ خَارِجُونَ مِنَ الْبَيْتِ مَبَكْرًا	Sesungguhnya mereka keluar dari rumah pada awal waktu pagi
3	فَإِنَّا مَسْرُورٌ بِدُخُولِ الْجَامِعَةِ	فَإِنَّا مَسْرُورُونَ بِالتَّحَاقِ بِالْجَامِعَةِ	Sesungguhnya kami gembira dapat masuk university

Perkataan yang digunakan oleh responden sebagai *khobar nawāsikh* iaitu (مَسْرُورٌ) dalam contoh pertama dan ketiga adalah kata nama tunggal yang tidak serasi dengan *isim* (كُنَّا) dan (إِنَّ) iaitu (نَحْنُ) yang merupakan ganti nama untuk jamak. Begitulah *ism* (إِنَّ) dalam contoh kedua iaitu (خَارِجٌ) adalah juga kata nama tunggal dan tidak serasi dengan *ismnya* iaitu (نَحْنُ)

c) Kesalahan *i'rāb isim* dan *khobar nawāsikh*:

Berikut adalah contoh kesalahan yang dilakukan oleh responden dalam *i'rāb isim* dan *khobar nawāsikh*:

Jadual 4.39 : Kesalahan *I'rāb Isim* dan *Khobar Nawāsikh*

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	إِنَّ أَيَّامِي فِي الْجَامِعَةِ حَلُوهَا جدا	إِنَّ أَيَّامِي فِي الْجَامِعَةِ حَلُوهَاٌ جدا	Sesungguhnya hariku dalam kampus sangat indah
2	فَإِنَّا مَسْرُورِينَ بِدخولِ الْجَامِعَةِ	فَإِنَّا مَسْرُورُونَ بِدخولِ الْجَامِعَةِ	Sesungguhnya kami sangat gembira dapat masuk universiti
3	كُنْتُ طَالِبًا فِي الْمَدْرَسَةِ	كُنْتُ طَالِبًا فِي الْمَدْرَسَةِ	Dulu saya adalah pelajar sekolah
4	صِرْتُ طَالِبًا فِي الْجَامِعَةِ	صِرْتُ طَالِبًا فِي الْجَامِعَةِ	Saya sudah jadi pelajar university
5	إِنَّا الْآنَ طَالِبًا فِي الْجَامِعَةِ	إِنَّا الْآنَ طَالِبَاتٌ فِي الْجَامِعَةِ	Sesungguhnya sekarang kami adalah mahasiswa

Mengikut kaedah tatabahasa Arab, *i'rāb isim* (إِن وَأَخَوَاتُهَا) adalah *manṣūb* dan *i'rāb khabarnya* adalah *marfū'*. Perkara sebaliknya ditetapkan dalam kaedah *isim* dan *khobar* (كَانَ وَأَخَوَاتُهَا) iaitu 'ismnya *marfū'* dan *khobarnya manṣūb*. Terdapat responden yang menulis di sebalik kaedah yang ditentukan sebagaimana ayat dalam contoh di atas. Ayat pertama, kedua dan kelima khobar (إِن) adalah (حَلُوهَا - مَسْرُورِينَ - طَالِبًا) di mana ditulis dalam bentuk *manṣūb*. Dalam ayat ketiga dan keempat pula (طَالِبٌ) merupakan khobar (صَارَ كَانَ) tetapi ditulis dalam bentuk *marfū'*.

4.3.6 Kesalahan Penggunaan Frasa *Idāfat*

Dapatan kajian menunjukkan responden melakukan kesalahan pada frasa *idāfat* seperti berikut:

i. Kesalahan Menjadikan *Mudāf* Daripada Kata Nama *Ma'rifat*

Kaedah tatabahasa Arab telah menetapkan bahawa *mudāf* ialah kata nama *nakirat*, apa yang dilakukan oleh responden dalam kajian ini ialah mereka menggunakan kata nama *ma'rifat* sebagai *mudāf* seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 4.40 : Kesalahan Menjadikan *Mudāf* Daripada Kata Nama *Ma'rifat*

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	أذهب مع الأسرتي	أذهب مع أُسْرَتِي	Saya pergi dengan keluarga saya
2	في الجامعي	في جَامِعِي	Di universitiku
3	الأكاديمية الدراسات الإسلامية	أَكَادِمِيَّةُ الدِّرَاسَاتِ الإِسْلَامِيَّةِ	Akademi Pengajian Islam
4	في التعليم المادة اللغة العربية	في تَعْلِيمِ مَادَّةِ اللُّغَةِ العَرَبِيَّةِ	Dalam pengajaran subjek bahasa Arab
5	الجامعة العلوم	جَامِعَةُ العُلُومِ	Universiti Sains
6	في الكلية الشريعة	في كُليَّةِ الشَّرِيعَةِ	Di kuliah Syariah
7	رجعت إلى البيت الطلبة	رجعت إلى بَيْتِ الطَّلَبَةِ	Saya telah pulang ke asrama
8	وهم من البرنامج شريعة	وهم من بَرْنَامِجِ شَرِيعَةٍ	Mereka dalam program Syariah
9	أنا أدرس المادة النشاطات	أنا أدرس مَادَّةَ النَّشَاطَاتِ	Saya belajar subjek al-Nasyatāt

Kedudukan semua perkataan bergaris dalam jadual adalah sebagai *mudāf* dan apabila diperhatikan perkataan tersebut menunjukkan responden mengambil kata nama *ma'rifat* sebagai *mudāf* di mana setiap perkataan yang digunakan disertai dengan huruf (ال) yang

merupakan tanda *ma'rifaṭ* atau tanda bagi kata nama khas. Untuk memperbetulkan penggunaannya, huruf *alif* dan *lam* ini perlu di buang daripada perkataan tersebut sebagai mana dalam pembetulan.

ii. Kesalahan Dalam *I'rāb Muḍāf Ilayh*

Responden juga telah melakukan kesalahan dalam *'irāb muḍāf ilayh*. Mengikut kaedah *i'rāb muḍāf ilayh* ialah *majrūr* tetapi responden meletakkan tanda *i'rāb*nya sama ada *manṣūb* atau *marfū'* seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.41: Kesalahan *I'rāb Muḍāf Ilayh*

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	في وقت صباحا	في وقتٍ صباحٍ	Di waktu pagi
2	مسئولية الوالدان	مَسْئُوكِيَةُ الْوَالِدَيْنِ	Tanggungjawab kedua ibu bapa
3	وبعد أكل	وَبَعْدَ أَكْلِ	Selepas makan

Semua perkataan dalam ketiga-tiga contoh diatas berada pada kedudukan *muḍāf ilayh*. Responden melakukan kesalahan pada tanda *i'rāb* semua *muḍāf ilayh* yang ditulis. Perkataan (صَبَاحًا), (الْوَالِدَانِ) dan (أَكْلًا) semuanya *manṣūb* dan ini adalah bercanggah dengan kaedah yang telah ditetapkan oleh bahasa Arab di mana *muḍāf ilayh* semestinya *majrūr*

4.3.7 Kesalahan Penggunaan Frasa Sifat

Frasa sifat dalam bahasa Arab terdiri daripada dua perkataan iaitu *mawsūf* atau perkataan yang hendak diberikan sifat dan sifat iaitu sifat kepada perkataan yang menjadi *mawsūf*. Sifat dan *mawsūf* mesti selaras dalam aspek jantina, bilangan, *nakirat*, *ma'rifat* dan *i'rāb*. Dapatan kajian menunjukkan responden melakukan kesalahan menggunakan frasa sifat dalam penulisan karangan seperti berikut:

i. Kesalahan Dalam Menyelaraskan Sifat Dan *Mawsūf* Dalam Aspek *Nakirat* dan *Ma'rifat*

Dapatan kajian menunjukkan beberapa responden telah melakukan kesalahan dalam menyelaraskan frasa sifat dalam aspek *nakirat* dan *ma'rifat*. Kesalahan mereka berlaku ketika mereka menggunakan sifat *nakirat* bersama *mawsūf ma'rifat* dan kadang-kadang mereka menggunakan sifat *ma'rifat* bersama *mawsūf nakirat*. Jadual di bawah merupakan contoh penulisan responden dan pembetulannya:

Jadual 4.42 : Kesalahan Menyelaraskan Sifat dan *Mawsūf* Dalam Aspek *Nakirat* dan *Ma'rifat*

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	أدرس في برنامج الخاص	أدرس في البرنامج الخاص / برنامج خاص	Saya belajar dalam program khas
2	جئت في شهر الماضي	جئت في الشهر الماضي / شهر ماضٍ	Saya datang pada bulan lepas
3	أدرس في أكاديمية دراسات الإسلامية	أدرس في أكاديمية الدراسات الإسلامية	Saya belajar di Akademi Pengajian Islam
4	وفي الجامعة مطعم الصغير	وفي الجامعة المَطْعَمُ الصَّغِيرُ / مَطْعَمٌ صَغِيرٌ	Dan terdapat kantin yang kecil dalam kampus

5	أدرس لغة العربية	أدرس اللُّغَةَ الْعَرَبِيَّةَ	Saya belajar bahasa Arab
6	يوجد برنامج <u>الدراسي</u> مختلف	يوجد البرنامج <u>الدراسي</u> / <u>المختلف</u> / <u>مختلف</u>	Terdapat pelbagai program pengajian
7	أسكن في <u>سكن الداخلي</u>	أسكن في <u>السكن الداخلي</u> / <u>سكن داخلي</u>	Saya tinggal di asrama dalam kampus
8	أدرس مادة <u>الإسلامية</u>	أدرس <u>المادة الإسلامية</u> / <u>مادة إسلامية</u>	Saya belajar subjek agama
9	ندرس في <u>مركز التمهيدي</u>	ندرس في <u>المركز التمهيدي</u> / <u>مركز تمهيدي</u>	Kami belajar di pusat persediaan

Kesalahan seperti yang terdapat pada perkataan yang bergaris dalam jadual di atas adalah kesalahan dari aspek perbezaan *nakirat* dan *ma'rifat* frasa sifat. Kesalahan ini hanya boleh diperbetulkan dengan menyelaraskan kedua-kedua perkataan iaitu perkataan yang menduduki tempat sifat dan *mawsūf*. Pembetulan boleh dilakukan sama ada dengan menjadikan kedua-duanya *nakirat* atau menjadikan kedua-duanya *ma'rifat* sebagaimana dalam pembetulan yang dilakukan.

ii. Kesalahan Dalam Menyelaraskan Jantina Sifat Dan *Mawsūf*

Dapatan kajian juga telah menunjukkan responden tidak menyelaraskan jantina sifat dan *mawsūf* dalam penulisan mereka, antaranya seperti:

Jadual 4.43 : Kesalahan Dalam Menyelaraskan Jantina Sifat dan *Mawsūf*

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	المطعم في الجامعة مطعم كبيرة	المطعم في الجامعة مَطْعَمٌ كَبِيرٌ	Kantin dalam kampus adalah kantin yang besar
2	هناك يوجد كثير من المأكولات اللذيذ	هناك يوجد كثير من المَأْكُولَاتِ اللَّذِيذَةِ	Di sana terdapat banyak makanan sedap
3	وجدت الرسالة المهم من الجامعة في إيميل	وجدت الرِّسَالَةَ المُهِمَّةَ من الجامعة في إيميل	Saya menerima surat penting daripada pihak university melalui emel
4	عرفت الزملاء الطيبات الكثير	عرفت الزُّمَلَاءَ الطَّيِّبِينَ الكثيرين	Saya telah mengenali ramai kawan baik
5	أدرس المواد الكثير	أدرس المَوَادَّ الكَثِيرَةَ	Saya belajar banyak subjek
6	أعب كرة القدم في الملعب الواسعة	أعب كرة القدم في المَلْعَبِ الواسع	Saya bermain bola di padang yang luas

Dalam ayat di atas, perkataan (الوَاسِعَةَ - الطَّيِّبَاتِ - كَبِيرَةَ) merupakan kata nama *mu'annath* yang dijadikan sebagai sifat kepada perkataan *mudhakkār* iaitu (المَلْعَبِ - الزُّمَلَاءِ - مَطْعَمٌ). Penulisan seperti ini bercanggah dengan kaedah sifat dan *mawsūf* dalam bahasa Arab. Oleh itu, sifat tadi perlu ditukar kepada *mudhakkār* supaya selaras dengan *mawsūf*nya. Begitulah perkataan (المَأْكُولَاتِ - الرِّسَالَةَ) adalah kata nama *mu'annath* tetapi diberikan sifat oleh responden dengan kata sifat untuk *mudhakkār* iaitu (اللَّذِيذَةِ - المُهِمِّ). Sepatutnya sifatnya perlu dalam bentuk *mu'annath* dengan penambahan huruf *ta'nīth* yang merupakan tanda kata nama *mu'annath* pada sifat tersebut iaitu (اللَّذِيذَةِ - المُهِمَّةِ). Manakala perkataan (المَوَادَّ) dalam contoh kelima merupakan jamak *taksīr li ghayr 'ākil* (tidak berakal) perlu disifatkan dengan sifat *mu'annath* iaitu (الكَثِيرَةَ).

iii. Kesalahan Dalam Menyelaraskan Bilangan Sifat Dan *Mawsūf*

Penyelarasan lain bagi frasa sifat ialah sifat dan *mawsūf* perlu selaras dari aspek bilangan tetapi apa yang dilakukan oleh sebahagian responden ialah mereka mengabaikan perkara tersebut seperti

المعلمون الكثير في جامعتي

Perkataan *الكثير* dalam ayat di atas ialah sifat kepada perkataan *المعلمون* yang merupakan kata nama jamak *mudhakkār sālim* dan sepatutnya sifat ini mengikuti *mawsūf* yang merupakan kata jamak *mudhakkār sālim* ini. Ayat yang perlu ditulis ialah:

المعلمون الكثيرون في جامعتي

bukan sepertimana yang ditulis oleh responden iaitu menggunakan kata sifat *الكثير* yang berbentuk kata sifat *mufrad tunggal* untuk *mawsūf* jamak *mudhakkār sālim*

iv. Kesalahan Dalam Menyelaraskan *I'rāb* Sifat dan *Mawsūf*

Sebagaimana diterangkan sebelum ini bahawa *i'rāb* sifat dan *mawsūf* adalah sama. Apa yang terdapat dalam kalangan responden ialah mereka melakukan kesalahan dalam penulisan karangan pada aspek *i'rāb* sifat dan *mawsūf* seperti *أنا أدرس في مركز إعداديا*, perkataan *إعداديا* adalah sifat kepada kata nama yang berada pada kedudukan *majrūr* iaitu *مركز* sepatutnya ia juga *majrūr* seperti *أنا أدرس في مركز إعدادي*

v. Kesalahan Menggunakan *Isim Mawsūl* Bersama Sifat

Penggunaan *isim mawsūl* telah ditetapkan dalam kaedah tatabahasa Arab dengan jelas dan penggunaannya bukan bersama kata sifat. Mengikut kajian yang dilakukan terdapat beberapa responden menggunakan *isim mawsūl* bersama sifat seperti dalam jadual berikut:

Jadual 4.44 : Kesalahan Menggunakan *Isim Mawsūl* Bersama Sifat

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	في اليوم الذي الأول في الجامعة	في اليَوْمِ الأوَّلِ في الجامعة	Pada hari pertama di university
2	الجامعة التي للكبيرة في ماليزيا	الجامِعَةُ الكَبِيرَةُ في ماليزيا	Universiti yang besar di Malaysia
3	أدرس الفصل الذي الأخير في ساعة السادسة	أدرس الفَصْلَ الأَخِيرَ في السَّاعَةِ السَّادِسَةِ	Saya belajar kelas terakhir pada jam enam
4	أمِّي التي الحسنة والطيبة في البيت	أُمِّي الحَسَنَةُ والطَّيْبَةُ في البيت	Ibu saya yang baik dan bagus berada di rumah

Jadual di atas menunjukkan responden menggunakan *isim mawsūl* (الَّذِي - الَّتِي) sebagai sifat kepada perkataan sebelumnya iaitu (اليَوْم - الجامِعَةُ - الفَصْل - أُمِّي). Perkataan yang digunakan selepas *isim mawsūl* pula terdiri daripada kata sifat iaitu (الأوَّل - الكَبِيرَةُ - الأَخِيرُ - الحَسَنَةُ). Kata sifat yang digunakan di sini adalah selepas *isim mawsūl* dan ini adalah tidak betul kerana diletakkan pada tempat yang tidak sepatutnya digunakan *isim al-Mawsūl*. Apa yang sepatutnya dilakukan dalam ayat-ayat di atas tadi hanyalah dengan menggunakan kata sifat untuk menyifatkan perkataan sebelumnya secara tarus dengan menyelaraskan bilangan, gender, khas dan am serta tanda *i'rāb*nya sahaja sepertimana dalam pembetulan yang telah dilakukan di atas.

vi. **Kesalahan Dalam Menggunakan *Maṣḍar* Sebagai Sifat**

Jadual berikut adalah contoh penggunaan *maṣḍar* sebagai sifat yang dilakukan oleh responden:

Jadual 4.45 : Kesalahan Menggunakan *Maṣḍar* Sebagai Sifat

Bil	Contoh Kesalahan	Pembetulan	Maksud
1	يوجد الطلاب من البلاد الاختلاف	يوجد الطلاب من البلادِ المُخْتَلِفَةِ	Terdapat pelajar daripada pelbagai negeri
2	تنقسم الدراسة إلى المنهج الاختلاف	تنقسم الدراسة إلى الْمَنْهَجِ الْمُخْتَلِفِ	Pengajian terbahagi kepada aliran/metode yang pelbagai
3	بيئة الجامعة هي بيئة طمأنينة	بيئة الجامعة هي بيئَةٌ مُطْمَئِنَّةٌ/هَادِئَةٌ	Persekitaran di universiti adalah persekitaran yang tenang

Ketiga-tiga contoh di atas merupakan contoh penulisan responden dalam menggunakan *maṣḍar* sebagai sifat. Dalam contoh pertama dan kedua perkataan (الاختلاف) adalah *maṣḍar khumāsiy* (5 huruf) daripada kata kerja (اختلف). Contoh ketiga pula, perkataan (طمأنينة) merupakan *maṣḍar rubā'iy* (4 huruf) kepada kata kerja (طمأن). *Maṣḍar* ini fungsinya bukan untuk dijadikan sebagai sifat kepada mana-mana *mawsūf*. Sepatutnya yang boleh menjadi sifat ialah kata nama *musytaq* seperti *ism fā'il* atau *isim maf'ūl* daripada kata kerja tersebut iaitu (المختلف) dan (مطمئنة) sebagaimana dalam pembetulan di atas tadi.

4.4 Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis Dalam Kalangan Responden

Dalam bahagian ini pengkaji akan mengemukakan tahap penguasaan responden terhadap kemahiran menulis. Pengiraan kemampuan responden berdasarkan kesalahan yang dilakukan tidak melebihi dua kali dalam menggunakan tajuk tatabahasa Arab yang diuji dalam kajian ini iaitu kata nama, kata tugas, kata kerja dan ayat kata kerja, ayat kata nama, *nawāsikh*, frasa *idāfat* dan frasa sifat. Tahap kemampuan dalam mengaplikasikan tatabahasa dalam karangan responden juga dikira berdasarkan tahap penguasaan responden yang digunakan untuk mengukur tahap penguasaan tatabahasa Arab yang diubahsuai daripada julat pemarkahan Asasi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya yang telah dikemukakan sebelum ini.

Penguasaan atau kemampuan responden mengaplikasikan tatabahasa Arab dalam kemahiran menuliskan karangan diterangkan dalam jadual seperti berikut:

**i. Kemampuan Menggunakan Kata Nama Dalam Kemahiran Menulis
Karangan**

Jadual di bawah menunjukkan penguasaan responden terhadap tajuk kata nama dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab:

**Jadual 4.46: Kemampuan Menggunakan Kata Nama Dalam Kemahiran Menulis
Karangan**

Bilangan Responden	Jumlah		Tahap
Keseluruhan	265	100%	
Mampu Mengaplikasi Kata Nama Dalam Karangan	207	78%	Tinggi
Tidak Mampu Mengaplikasi Kata Nama Dalam Karangan	48	22	

Jadual di atas menunjukkan penguasaan responden dalam mengaplikasikan kata nama dalam karangan. Jumlah keseluruhan responden dalam kajian ini adalah sebanyak 265 orang. 78% daripada jumlah tersebut iaitu 207 orang mampu menggunakan kata nama dalam karangan dengan betul manakala sebanyak 48 orang lagi iaitu 22% tidak mampu mengaplikasikan kata nama dalam karangan mereka. Kesimpulannya, tahap kemampuan responden dalam mengaplikasikan kata nama dalam karangan adalah tinggi

**ii. Kemampuan Menggunakan Kata Tugas Dalam Kemahiran Menulis
Karangan**

Jadual di bawah menunjukkan kemampuan responden dalam menggunakan kata tugas dalam karangan mereka:

**Jadual 4.47 : Kemampuan Menggunakan Kata Tugas Dalam Kemahiran Menulis
Karangan**

Bilangan Responden	Jumlah		Tahap
Keseluruhan	265	100%	
Mampu Mengaplikasikan Kata Tugas Dalam Karangan	170	64%	Sederhana
Tidak Mampu Mengaplikasikan Kata Tugas Dalam Karangan	95	36%	

Jadual di atas menerangkan jumlah dan peratusan penguasaan responden dalam mengaplikasikan kata tugas dalam menulis salah satu tajuk daripada tiga tajuk yang diberikan kepada mereka. Sebanyak 170 responden (64%) mampu menulis karangan dengan menggunakan kata tugas dengan betul mengikut kaedah tatabahasa Arab, manakala sebanyak 95 orang iaitu 36% tidak mampu mengaplikasikan kata tugas sebagaimana ditetapkan dalam kaedah bahasa Arab dalam karangan mereka. Kesimpulannya, tahap kemampuan responden dalam mengaplikasikan kata tugas dalam menulis karangan adalah sederhana

iii. Kemampuan Menggunakan Kata Kerja dan Ayat Kata Kerja Dalam Kemahiran Menulis Karangan

Jadual di bawah menunjukkan kebolehan responden dalam menggunakan kata kerja dan Ayat kata kerja dalam menulis karangan bahasa Arab:

Jadual 4.48 : Kemampuan Menggunakan Kata Kerja Dan Ayat Kata Kerja Dalam Kemahiran Menulis Karangan

Bilangan Responden	Jumlah		Tahap
Keseluruhan	265	100%	
Mampu Mengaplikasikan Kata kerja dan Ayat Kata Kerja Dalam Karangan	120	45%	Rendah
Tidak Mampu Mengaplikasikan Kata kerja dan Ayat Kata Kerja Dalam Karangan	145	55%	

Jadual di atas menunjukkan 120 responden (45%) mampu menulis karangan dengan menggunakan kata kerja dan ayat kata kerja manakala sebanyak 145 orang (55%) tidak mampu menulis ayat kata kerja dengan betul. Di sini dapat disimpulkan bahawa tahap kemampuan responden dalam mengaplikasikan kata kerja dan ayat kata kerja dalam karangan berada pada tahap rendah.

iv. Kemampuan Menggunakan Ayat Kata Nama Dalam Kemahiran Menulis Karangan

Jadual di bawah menunjukkan kemampuan penggunaan ayat kata nama terhadap kemahiran menulis karangan bahasa Arab

Jadual 4.49 :Kemampuan Menggunakan Ayat Kata Nama Dalam Kemahiran Menulis Karangan

Bilangan Responden	Jumlah		Tahap
Keseluruhan	265	100%	
Mampu Mengaplikasikan Ayat Kata Nama Dalam Karangan	155	58%	Rendah
Tidak Mampu Mengaplikasikan Ayat Kata Nama Dalam Karangan	110	42%	

Jadual di atas menunjukkan bilangan responden yang mampu mengaplikasikan kaedah tatabahasa Arab tentang ayat kata nama dalam penulisan karangan. Sebanyak 155 responden (58%) mampu mengaplikasikan ayat kata nama dalam penulisan karangan manakala 111 responden lagi (42%) tidak mampu menggunakannya dengan betul dalam penulisan mereka. Kesimpulannya, tahap kemampuan responden dalam mengaplikasikan ayat kata nama dalam karangan adalah sederhana

v. **Kemampuan Menggunakan *Nawāsikh* Dalam Kemahiran Menulis Karangan**

Jadual di bawah menunjukkan kemampuan responden menggunakan *nawāsikh* dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab

Jadual 4.50 : Kemampuan Menggunakan *Nawāsikh* Dalam Kemahiran Menulis Karangan

Bilangan Responden	Jumlah		Tahap
Keseluruhan	265	100%	
Mampu Mengaplikasikan <i>Nawāsikh</i> Dalam Karangan	188	71%	Tinggi
Tidak Mampu Mengaplikasikan <i>Nawāsikh</i> Dalam Karangan	77	29%	

Jadual di atas menunjukkan kemampuan responden dalam menggunakan *nawāsikh* dalam kemahiran menulis. Daripada keseluruhan responden iaitu 265 orang, 188 responden atau 71% mampu menulis dengan menggunakan *nawāsikh* mengikut kaedah yang betul. Sebanyak 77 responden (29%) tidak mampu menulis dengan betul. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap kemampuan responden dalam menggunakan *nawāsikh* dalam kemahiran menulis berada pada tahap tinggi

vi. **Kemampuan Menggunakan Frasa *Idāfat* Dalam Kemahiran Menulis**

Jadual berikut menunjukkan penguasaan responden dalam menggunakan frasa *idāfat* dalam menulis karangan bahasa Arab:

Jdual 4.51 : Kemampuan Menggunakan Frasa *Idāfat* Dalam Kemahiran Menulis Karangan

Bilangan Responden	Jumlah		Tahap
Keseluruhan	265	100%	
Mampu Mengaplikasikan Frasa <i>Idāfat</i> Dalam Karangan	131	49%	Rendah
Tidak Mampu Mengaplikasikan Frasa <i>Idāfat</i> Dalam Karangan	134	51%	

Jadual di atas menunjukkan 131 responden (49%) mampu menggunakan frasa *idāfat* dalam menulis karangan manakala sebanyak 134 responden (51%) tidak mampu menulis karangan dengan menggunakan frasa *idāfat* mengikut kaedah tatabahasa Arab dalam karangan mereka. Tahap penggunaan frasa *idāfat* dalam penulisan dalam kalangan responden berada pada tahap rendah.

vii. Kemampuan Menggunakan Frasa Sifat Dalam Kemahiran Menulis Karangan

Jadual di bawah menunjukkan kemampuan responden menggunakan frasa sifat dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab.

Jadual 4.52 : Kemampuan menggunakan Frasa Sifat Dalam Kemahiran Menulis Karangan

Bilangan Responden	Jumlah		Tahap
Keseluruhan	265	100%	
Mampu Mengaplikasikan Frasa Sifat Dalam Karangan	175	66	Sederhana
Tidak Mampu Mengaplikasikan Frasa Sifat Dalam Karangan	90	34	

Jadual di atas menunjukkan 175 responden (66%) mampu menggunakan frasa sifat dalam menulis karangan dan sebanyak 90 responden (34%) tidak mampu menulis karangan dengan menggunakan frasa sifat. Keseluruhan kemampuan responden menggunakan frasa sifat dalam menulis karangan adalah sederhana.

Seterusnya, pengkaji ingin membentangkan rumusan peratusan penguasaan responden terhadap kemahiran menulis dan membuat perbandingan antara tahap penguasaan terhadap tatabahasa Arab dan kemahiran menulis. Jadual di bawah menunjukkan tahap kemampuan responden dalam mengaplikasikan tatabahasa dalam kemahiran menulis.

Jadual 4.53 : Tahap Kemampuan Mengaplikasikan Tatabahasa Arab Dalam Penulisan

Tajuk	Bilangan responden	Jumlah responden yang menguasai	Peratusan	Tahap
Kata Nama	265	207	78%	Tinggi
Kata Tugas		170	64%	Sederhana
Kata Kerja dan Ayat Kata Kerja		120	45%	Rendah
Ayat Kata Nama		155	58%	Sederhana
<i>Nawāsikh</i>		188	71%	Tinggi
Frasa <i>Idāfat</i>		131	49%	Rendah
Frasa Sifat		175	66%	Sederhana
Min			62%	Sederhana

Jadual di atas menunjukkan tahap kemampuan responden dalam mengaplikasikan tatabahasa Arab dalam penulisan. Dapatan kajian ini menunjukkan sebanyak 207 responden (78%) mampu mengaplikasikan kata nama dalam penulisan karangan. Kemampuan mengaplikasikan kata tugas dalam karangan pula adalah sebanyak 170 responden (64%). Penguasaan responden dalam menggunakan kata kerja dan ayat kata kerja pula adalah sebanyak 120 responden (45%), ayat kata nama sebanyak 155 responden (58%), *nawāsikh* sebanyak 188 responden (71%), frasa *idāfat* sebanyak 131 responden (49%) dan frasa sifat sebanyak 175 responden (66%). Min Kemampuan mengaplikasikan tatabahasa dalam kalangan responden adalah pada tahap sederhana iaitu 62%

4.5 Perbandingan Tahap Penguasaan Tatabahasa Arab Dengan Kemampuan Mengaplikasikannya Dalam Penulisan.

Untuk memperlihatkan dengan lebih jelas tentang penguasaan responden terhadap tatabahasa Arab dan tahap kemampuan mereka mengaplikasikannya dalam penulisan, pengkaji mengemukakan tahap penguasaan kedua-duanya dalam bentuk jadual berikut:

Jadual 4.54 : Perbandingan Tahap Penguasaan Tatabahasa Arab Dan Kemampuan Mengaplikasikannya Dalam Penulisan.

Tajuk	Bilangan responden	% Responden yang menguasai TBA	% Responden yang mampu mengaplikasikan TBA dalam karangan	Perbezaan
Kata Nama	265	89%	78%	11%
Kata Tugas		58%	64%	-6%
Kata Kerja dan Ayat Kata Kerja		59%	45%	14%
Ayat Kata Nama		60%	58%	2%
<i>Nawāsikh</i>		82%	71%	11%
Frasa <i>Idāfat</i>		58%	49%	9%
Frasa Sifat		71%	66%	5%
Min			68%	62%

Jadual di atas menerangkan tahap penguasaan responden terhadap tatabahasa Arab berbanding kemampuan mengaplikasikannya dalam penulisan karangan. Jadual menunjukkan perbezaan sebanyak 11% penguasaan tajuk kata nama melebihi kemampuan menggunakannya dalam karangan. Tajuk kata tugas pula, perbezaannya

adalah sebanyak -6% di mana kemampuan menggunakan kata tugas dalam karangan melebihi penguasaan tatabahasa tajuk tersebut. Perbezaan antara penguasaan kata kerja dan kemampuan mengaplikasikannya dalam karangan menunjukkan pelajar lebih menguasai kata kerja dan ayat kata kerja sebanyak 14% berbanding kemampuan menggunakannya dalam karangan. Penguasaan tajuk ayat kata nama hanya melebihi kemampuan menggunakannya dalam karangan sebanyak 2% sahaja, manakala penguasaan tajuk *nawāsikh* pula melebihi kemampuan mengaplikasikan dalam karangan sebanyak 11%. Kemampuan responden dalam menguasai tajuk *idāfat* melebihi kemampuan mengaplikasikannya dalam karangan sebanyak 9%, penguasaan tajuk frasa sifat pula lebih tinggi daripada kemampuan menggunakannya dalam peulisan sebanyak 5%. Kesimpulannya purata perbezaan penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis dalam kalangan pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia adalah sebanyak 6%.

4.6 Implikasi Penguasaan Tatabahasa Arab Terhadap Kemahiran Menulis

Dalam bahagian ini pengkaji akan mengemukakan implikasi penguasaan tatabahasa terhadap kemahiran menulis. Sebagaimana telah diterangkan dalam metodologi kajian bahawa pengiraan implikasi penguasaan tatabahasa terhadap kemahiran menulis dikira berdasarkan penguasaan responden terhadap setiap tajuk tatabahasa yang diuji dan di padankan dengan kebolehan menggunakan tajuk tersebut dalam penulisan karangan. Hasil padanan penguasaan tatabahasa Arab dan kemahiran menulis, berikut adalah dapatan kajian yang dijalankan.

i. Penguasaan Kata Nama dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis Karangan

Jadual di bawah menunjukkan implikasi penguasaan tajuk kata nama terhadap kemahiran menulis karangan bahasa Arab:

Jadual 4.55 : Penguasaan Kata Nama dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis Karangan

Perkara	Jumlah		Implikasi
Bilangan Responden	265	100%	
Menguasai Kata Nama	235	89%	
Mampu mengaplikasi kata nama dalam karangan	184	78%	Tinggi
Tidak mampu mengaplikasi kata nama dalam karangan	51	22%	
Tidak Menguasai Kata Nama			
	30	11%	
Mampu mengaplikasi kata nama karangan	23	77%	
Tidak mampu mengaplikasi kata nama karangan	7	23%	Rendah

Jadual di atas menunjukkan 235 responden (89%) menguasai soalan ujian penguasaan kata nama, 184 daripada 235 responden (78%) yang menguasai kata nama dapat mengaplikasikannya dalam penulisan karangan adapun 51 responden lagi (22%) tidak dapat mengaplikasikannya dalam penulisan. Jumlah responden yang tidak dapat menguasai kata nama pula adalah seramai 30 orang (11%). Daripada jumlah tersebut iaitu 30 responden, terdapat 23 responden (77%) dapat mengaplikasikan kata nama dalam karangan, manakala 7 responden lagi (23%) tidak dapat mengaplikasikan kata

nama dalam penulisan. Kesimpulannya, implikasi penguasaan kata nama terhadap kemahiran menulis adalah tinggi manakala implikasi tidak menguasainya terhadap penulisan karangan adalah rendah.

University of Malaya

ii. **Penguasaan Kata Tugas dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis**

Jadual di bawah menunjukkan implikasi penguasaan kata tugas terhadap kemahiran menulis karangan bahasa Arab dalam kalangan responden.

Jadual 4.56 : Penguasaan Kata Tugas dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis

Perkara	Jumlah		Implikasi
Bilangan Responden	265	100%	
Menguasai Kata Tugas	154	58%	
Mampu mengaplikasi kata tugas dalam karangan	114	74%	Tinggi
Tidak mampu mengaplikasi kata tugas dalam karangan	40	26%	
Tidak Menguasai Kata Tugas			
	111	42%	
Mampu mengaplikasi kata tugas dalam karangan	58	52%	
Mampu mengaplikasi kata tugas dalam karangan	53	48%	Rendah

Penguasaan responden terhadap kata tugas dan implikasinya terhadap kemahiran menulis merujuk jadual di atas menunjukkan sebanyak 154 responden (58%) menguasai kata tugas. Daripada jumlah tersebut, 114 orang (74%) dapat mengaplikasikan kata tugas dalam karangan manakala selebihnya iaitu 40 orang lagi (26%) gagal menggunakan kata tugas dalam penulisan mereka. Adapun responden yang tidak menguasai kata tugas adalah sebanyak 111 orang (42%) tetapi terdapat 58 responden (52%) mampu menggunakan kata tugas dalam karangan dan selebihnya iaitu

53 responden (48%) tidak mampu menggunakannya dalam penulisan. Kesimpulannya, implikasi penguasaan kata tugas terhadap kemahiran menulis adalah tinggi manakala implikasi tidak menguasainya terhadap penulisan adalah rendah

University of Malaya

iii. Penguasaan Kata Kerja Dan Ayat Kata Kerja Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis

Jadual di bawah menunjukkan implikasi penguasaan kata kerja dan ayat kata kerja terhadap kemahiran menulis karangan bahasa Arab:

Jadual 4.57 : Penguasaan Kata Kerja Dan Ayat Kata Kerja Dan Implikasinya Terhadap Penulisan Karangan

Perkara	Jumlah		Implikasi
Bilangan Responden	265	100%	
Menguasai KK dan AKK	157	59%	
Mampu mengaplikasi kk dan akk dalam karangan	96	61%	Sederhana
Tidak mampu mengaplikasi kk dan akk dalam karangan	61	39%	
Tidak Menguasai KK dan AKK			
Tidak Menguasai KK dan AKK	108	41%	
Mampu mengaplikasi kk dan akk dalam karangan	24	22%	
Tidak mampu mengaplikasi kk dan akk dalam karangan	84	78%	Tinggi

Jadual di atas menunjukkan 157 responden (59%) menguasai soalan ujian mengenai kata kerja dan ayat kata kerja, 96 daripada 157 responden (61%) yang menguasai kata kerja dan ayat kata kerja dapat mengaplikasikannya dalam penulisan karangan. Adapun 61 responden lagi (39%) tidak dapat mengaplikasikannya dalam penulisan.

Jumlah responden yang tidak dapat menguasai kata kerja dan ayat kata kerja pula adalah seramai 108 orang (41%). Daripada jumlah 108 responden yang tidak menguasai kata kerja dan ayat kata kerja, sebanyak 24 responden (22%) dapat mengaplikasikannya dalam menulis karangan manakala 84 responden lagi (78%) tidak dapat mengaplikasikannya. Kesimpulannya, implikasi penguasaan kata kerja dan ayat kata kerja terhadap kemahiran menulis adalah pada tahap sederhana tetapi implikasi tidak menguasai kata kerja dan ayat kata kerja terhadap penulisan adalah tinggi

University of Malaya

iv. Penguasaan Ayat Kata Nama Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis

Jadual di bawah menunjukkan implikasi penguasaan ayat kata nama terhadap kemahiran menulis karangan bahasa Arab

Jadual 4.58 : Penguasaan Ayat kata nama Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis

Perkara	Jumlah		Implikasi
Bilangan Responden	265	100%	
Menguasai Ayat Kata Nama (AKN)	159	60%	
Mampu mengaplikasi AKN dalam karangan	138	87%	Sangat Tinggi
Tidak mampu mengaplikasi AKN dalam karangan	21	13%	
Tidak Menguasai Ayat Kata Nama (AKN)			
	106	40%	
Mampu mengaplikasi AKN dalam karangan	17	16%	
Tidak mampu mengaplikasi AKN dalam karangan	89	84%	Tinggi

Jadual 4.58 menunjukkan jumlah keseluruhan responden adalah 265 orang, 159 responden (60%) menguasai soalan penguasaan ayat kata nama, 138 daripada 159 responden (87%) yang menguasai ayat kata nama dapat mengaplikasikannya dalam penulisan karangan manakala 21 responden lagi (13%) tidak dapat mengaplikasikannya dalam penulisan. Jumlah responden yang tidak dapat menguasai ayat kata nama adalah

seramai 106 orang (40%). Daripada jumlah 106 responden, sebanyak 17 responden (16%) dapat menggunakan ayat kata nama dalam menulis karangan manakala 89 responden lagi (84%) tidak dapat mengaplikasikannya dalam penulisan. Kesimpulannya, Implikasi penguasaan ayat kata nama terhadap penulisan adalah sangat tinggi dan implikasi tidak menguasainya terhadap penulisan adalah tinggi.

University of Malaya

v. **Penguasaan *Nawāsikh* Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis**

Jadual di bawah menunjukkan implikasi penguasaan *nawāsikh* terhadap kemahiran menulis karangan bahasa Arab

Jadual 4.59 : Penguasaan *Nawāsikh* Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis

Perkara	Jumlah		Implikasi
Bilangan Responden	265	100%	
Menguasai <i>Nawāsikh</i>	217	82%	
Mampu mengaplikasi <i>nawāsikh</i> dalam karangan	164	76%	Tinggi
Tidak mampu mengaplikasi <i>nawāsikh</i> dalam karangan	53	24%	
Tidak Menguasai <i>Nawāsikh</i>			
Tidak Menguasai <i>Nawāsikh</i>	48	18%	
Mampu mengaplikasi <i>nawāsikh</i> dalam karangan	24	50%	
Tidak mampu mengaplikasi <i>nawāsikh</i> dalam karangan	24	50%	Sederhana

Jadual di atas menunjukkan 217 daripada 365 responden (82%) menguasai *nawāsikh*. 164 daripada 217 responden (76%) yang menguasainya dapat mengaplikasikan dalam penulisan karangan manakala 53 responden lagi (24%) tidak dapat mengaplikasikannya dalam karangan. Jumlah responden yang tidak dapat menguasai *nawāsikh* pula adalah seramai 48 orang (18%), daripada jumlah 48 responden yang tidak menguasai ayat *nawāsikh* sebanyak 24 responden (50%) dapat menggunakan *nawāsikh* dalam menulis

karangan dan 24 responden lagi (50%) tidak dapat mengaplikasikannya dalam karangan. Ini bermakna penguasaan *nawāsikh* mempunyai implikasi yang tinggi terhadap kemahiran menulis manakala tidak menguasainya memberi implikasi yang sederhana terhadap kemahiran menulis.

University of Malaya

vi. **Penguasaan Frasa *Idāfat* Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis**

Jadual di bawah menunjukkan implikasi penguasaan frasa *idāfat* terhadap kemahiran menulis karangan bahasa Arab

Jadual 4.60 : Penguasaan Frasa *Idāfat* Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis

Perkara	Jumlah		Implikasi
Bilangan Responden	265	100%	
Menguasai Frasa <i>Idāfat</i>	154	58%	
Mampu mengaplikasi frasa <i>idāfat</i> dalam Karangan	92	60%	Sederhana
Tidak mampu mengaplikasi frasa <i>idāfat</i> dalam Karangan	62	40%	
Tidak Menguasai Frasa <i>Idāfat</i>			
Tidak Menguasai Frasa <i>Idāfat</i>	111	42%	
Mampu mengaplikasi frasa <i>idāfat</i> dalam Karangan	39	35%	
Tidak mampu mengaplikasi frasa <i>idāfat</i> dalam Karangan	72	65%	Sederhana

Jadual di atas menunjukkan 154 responden (58%) menguasai frasa *idāfat*, 92 daripada 154 responden (60%) yang menguasai perkara ini dapat mengaplikasikannya dalam penulisan karangan manakala 62 responden lagi (40%) tidak dapat mengaplikasikannya dalam penulisan. Jumlah responden yang tidak dapat menguasai frasa *idāfat* adalah seramai 111 orang (42%), daripada jumlah tersebut, sebanyak 39 responden (35%) dapat menggunakan frasa *Idāfat* dalam menulis karangan dan 72 responden lagi (65%) tidak dapat mengaplikasikannya dalam penulisan. Jadi, dapatan kajian ini menunjukkan

sama ada menguasai frasa *idāfat* atau tidak menguasainya memberi implikasi yang sederhana terhadap kemahiran menulis karangan bahasa Arab.

University of Malaya

vii. **Penguasaan Frasa Sifat Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis**

Jadual di bawah menunjukkan implikasi penguasaan frasa sifat terhadap Kemahiran menulis karangan bahasa Arab.

Jadual 4.61 : Penguasaan Frasa Sifat Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis

Perkara	Jumlah		Implikasi
Bilangan Responden	265	100%	
Menguasai Frasa Sifat	189	71%	
Mampu mengaplikasi fasa sifat dalam karangan	135	71%	Tinggi
Mampu mengaplikasi fasa sifat dalam karangan	54	29%	
Tidak Menguasai Frasa Sifat	76	29 %	
Mampu mengaplikasi fasa sifat dalam karangan	40	53%	
Mampu mengaplikasi fasa sifat dalam karangan	36	47%	Rendah

Jadual di atas menunjukkan 189 responden (71%) menguasai ujian frasa sifat, 135 daripada 189 responden (71%) yang menguasai frasa sifat dapat mengaplikasikannya dalam penulisan karangan manakala 54 responden lagi (29%) tidak dapat mengaplikasikannya dalam karangan mereka. Jumlah responden yang tidak menguasai tajuk frasa sifat pula adalah seramai 76 orang (29%), daripada 76 responden tersebut, sebanyak 40 orang (53%) dapat menggunakan frasa sifat dalam menulis karangan manakala 36 responden lagi (47%) tidak dapat mengaplikasikannya dalam penulisan.

Dapatan ini menunjukkan penguasaan frasa sifat memberi implikasi yang tinggi terhadap penulisan karangan tetapi tidak menguasainya memberi implikasi yang rendah terhadap penulisan karangan

4.7 Penutup

Bab ini pengkaji telah membentangkan dapatan kajian tentang penguasaan tatabahasa Arab dan implikasinya terhadap kemahiran menuris karangan dalam kalangan pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia. Ternyata penguasaan responden terhadap tatabahasa Arab dalam kalangan mereka berbagai-bagai tahap sama ada rendah, sederhana, tinggi dan amat tinggi. Penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan responden juga pada pelbagai tahap dan penguasaan tatabahasa Arab memberi implikasi terhadap kemahiran menulis.

Penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan responden sebagaimana dijelaskan dalam bab ini adalah pada tahap sederhana. Aspek kesalahan yang dilakukan oleh mereka masih berkisar dalam bentuk penggunaan perkataan kata nama terutamanya kata nama duaan dan jamak. Kesalahan dalam ayat pula berlaku ketika menggunakan kata kerja di mana mereka masih kurang mampu menguasai kata kerja dengan pelaku. Kegagalan dalam menguasai kata nama dan kata kerja ini memberi implikasi terhadap penulisan. Walau bagaimanapun, kelemahan ini akan dapat diatasi sekiranya fokus terhadap pengajaran dan pembelajaran dilakukan dengan cara yang betul kerana tatabahasa Arab dan kemahiran menulis Arab memerlukan tunjuk ajar guru dan latihan yang berterusan di samping kerjasama daripada semua pihak berkaitan.

BAB 5 : RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

5.0 Pendahuluan

Bab ini merumuskan dapatan kajian yang dikemukakan dalam bab empat. Rumusan dikemukakan mengenai latar belakang responden, penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan responden, rumusan kesalahan penulisan responden dan implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap penulisan. Rumusan ini adalah bagi menghuraikan persoalan yang ditentukan dalam kajian.

5.1 Rumusan Latar Belakang Responden

Kajian yang dijalankan menunjukkan responden terdiri daripada pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki pada nisbah 3:1. Bilangan responden paling ramai berasal daripada negeri Johor dan paling sedikit daripada negeri Perlis. Keputusan SPM responden pula, jumlah A paling sedikit yang diperolehi responden ialah 1A dan paling banyak ialah 11A. Peratusan paling banyak bilangan A yang diperolehi responden dalam keputusan SPM ialah 7A di mana peratusannya adalah sebanyak 16%. Majoriti responden berasal daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Berdasarkan kajian ini juga, kebanyakan responden yang melanjutkan pengajian ke peringkat Asasi Universiti Awam terdiri daripada pelajar yang telah mula mempelajari bahasa Arab semenjak sekolah rendah.

Rumusan tentang tujuan responden mempelajari bahasa Arab di sekolah pula, dapatan kajian menunjukkan responden mempelajari bahasa Arab untuk mendalami ajaran agama, ingin mendalami bahasa Arab dan ingin bertutur dalam bahasa Arab. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir responden iaitu 12% mengakui mereka mempelajari bahasa Arab hanya sebagai satu mata pelajaran tambahan. Terdapat tujuan

lain dalam mempelajari bahasa Arab antaranya adalah untuk memudahkan mereka mendapatkan kerja serta menambahkan kebolehan berbahasa di samping berminat dengan keindahan bahasa Arab itu sendiri.

Majoriti responden mengambil subjek bahasa Arab pada peringkat SPM kerana dengan mengambil subjek bahasa Arab di peringkat SPM membolehkan mereka menyambung pengajian di peringkat universiti dalam pelbagai bidang agama manakala seramai (15%) mengatakan mereka tiada pilihan lain, mereka terpaksa memilih subjek bahasa Arab untuk memenuhi syarat yang dikenakan dalam memilih pakej subjek SPM yang ditentukan oleh pihak sekolah. Ini dapat dirumuskan bahawa mempelajari bahasa Arab tanpa tujuan yang jelas boleh menjejaskan penguasaan terhadap bahasa Arab. Oleh sebab itu, dalam kajian ini terdapat responden yang lemah dalam menguasai bahasa Arab dan antara penyebabnya yang dapat dilihat melalui kajian ini ialah mereka belajar bahasa Arab kerana terpaksa.

Masa yang digunakan oleh responden untuk mengulang kaji bahasa Arab dalam seminggu adalah antara satu hingga dua jam sahaja, bahkan terdapat yang mengambil masa kurang daripada satu jam. Walau bagaimanapun, terdapat responden yang menggunakan masa melebihi tiga jam untuk mengulang kaji bahasa Arab dalam seminggu. Masa yang diambil untuk mengulang kaji juga mempengaruhi kebolehan responden dalam menguasai bahasa Arab.

Dapatan kajian mengenai pencapaian bahasa Arab responden di peringkat SPM mendapati majoriti responden mendapat gred A dalam bahasa Arab walaupun syarat minima untuk permohonan kemasukkan ssasi universiti awam adalah gred B dalam mata pelajaran bahasa Arab

Dapatan kajian mengenai komponen bahasa Arab yang paling mudah dan paling diminati oleh responden ialah komponen nahu diikuti balaghah dan bacaan teks atau kefahaman. Sebagaimana dijelaskan sebelum ini bahawa responden merupakan pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan SPM dan mereka ialah pelajar yang terpilih untuk menyambung pengajian di peringkat asasi universiti awam. Ini membuktikan bahawa pelajar yang cemerlang dalam SPM meminati tatabahasa Arab serta menganggapnya sebagai mata pelajaran yang paling mudah bagi mereka berbanding komponen bahasa Arab yang lain.

5.2 Rumusan Pandangan Responden Terhadap Penguasaan Tatabahasa Arab

Dapatan kajian menunjukkan nilai min yang tinggi bagi hasil dapatan kajian ini, iaitu nilai min bagi sembilan daripada 11 item melebihi 2.34. Ini membuktikan majoriti responden bersetuju bahawa mereka mampu menguasai tatabahasa Arab di mana mereka bersetuju mereka boleh membezakan jenis perkataan yang terdiri daripada kata nama, kata kerja dan kata tugas dengan baik. Responden juga bersetuju nahu dan saraf itu penting dan mereka berminat mempelajari nahu dan saraf. Kedua-dua mata pelajaran ini iaitu nahu dan saraf membantu mereka dalam penulisan karangan.

Walaupun bagaimanapun, majoriti responden tidak bersetuju yang mereka mengambil berat terhadap nahu dan saraf semasa menulis karangan bahasa Arab, begitu juga mereka tidak bersetuju sentiasa mengulang kaji nahu dan saraf. Walaupun dapatan kajian menyatakan responden mengakui nahu dan saraf adalah komponen bahasa Arab yang paling senang dan paling diminati berbanding mata pelajaran lain tetapi pada pandangan mereka mata pelajaran nahu dan saraf tidaklah begitu senang, ia hanya senang berbanding komponen lain seperti karangan dan kefahaman. Oleh itu, mereka menafikan yang mereka dapat menguasai nahu dan saraf dengan baik sama ada dalam memahami teks bahasa Arab atau memberi baris perkataan dalam teks bahasa Arab.

Adapun faktor yang mempengaruhi minat dan kebolehan responden, majoriti responden mengakui guru di sekolah sangat mempengaruhi mereka dalam pencapaian bahasa Arab dan guru di sekolah sentiasa memberi motivasi kepada mereka agar menguasai bahasa Arab terutamanya nahu dan saraf.

5.3 Rumusan Penguasaan Tatabahasa Arab

Bahagian ini membentangkan rumusan dapatan kajian mengenai penguasaan responden terhadap soalan ujian penguasaan tatabahasa Arab. Sebelum membuat rumusan pada bahagian ini, pengkaji ingin mengemukakan taburan soalan ujian penguasaan tatabahasa Arab agar dapat dilihat kesamarataan soalan mengenai tajuk yang diuji. Jadual berikut menunjukkan taburan soalan ujian penguasaan tatabahasa Arab:

Jadual 5.1 : Taburan Soalan Objektif

Bil/Tajuk	Perkataan						Ayat			
	Kata Nama					KK	KT	AKN	AKK	NWS
	لمذكر ولمؤنث	لفرد لثني لجمع	لجمع ونكرة	الإضافة	لصفة ولموصوف					
1.			X							
2.	x									
3.		X								
4.		x								
5.		x								
6.	x									
7.							x			
8.							x			
9.							x			
10.						x				
11.						x				
12.							x			
13.									x	
14.									x	
15.									x	
16.								x		
17.								x		
18.								x		
19.								x		
20.								x		
21.										x
22.										x
23.										x
24.									x	
25.					x					
26.					x					
27.					x					
28.				x						
29.				x						
30.				x						
31.									x	
32.										x
33.										x
34.										x
35.								x		
36.									x	
37.									x	
38.				x						
39.					x					
Jumlah soalan	2	3	1	4	4	2	4	6	7	6
Jumlah Peratus	21 52%							19 48%		

Jadual 5.2 : Taburan Soalan Subjektif

Bil/Tajuk	Perkataan							Ayat		
	Kata Nama					KK	KT	AKN	AKK	NWS
	لذكر ولمؤنث	لفرد لشئى لجمع	لمعربة ونكرة	الإضافة	لصفة ولوصوف					
1							x	x	x	
2							x	x		
3	x	x								
4	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
5									X	
Jumlah	2	2	1	1	1	1	3	3	3	1
	11							9		
Peratusan	55%							45%		

Jadual taburan soalan di atas menunjukkan soalan mempunyai taburan yang sama rata dalam semua tajuk tatabahasa Arab yang digunakan untuk membina ayat bahasa Arab. Soalan objektif terdiri daripada 52% soalan mengenai perkataan dan 48% soalan mengenai ayat lengkap yang diagihkan mengikut tajuk seperti pembahagian perkataan kepada kata nama, kata kerja dan kata tugas. Dalam ujian penguasaan juga terdapat soalan mengenai ayat iaitu pembahagian ayat kepada ayat kata nama, ayat kata kerja dan *nawāsikh*. Selain itu, pengkaji telah memasukkan frasa sifat dan frasa *idāfat* dalam bahagian kata nama memandangkan kedua-dua tajuk ini penting dalam penggunaan kata nama dan kedua-dua tajuk ini juga sering digunakan oleh pengamal bahasa Arab sama ada dalam penulisan atau percakapan. Semua soalan yang dikemukakan adalah daripada tajuk yang sangat penting kerana ia merupakan tunggak bagi pembinaan ayat dalam bahasa Arab.

Taburan soalan subjektif pula terdiri daripada 55% soalan mengenai perkataan dan 45% soalan mengenai ayat lengkap. Kesimpulannya, taburan soalan sama ada soalan objektif atau soalan subjektif dalam ujian penguasaan tatabahasa Arab dalam kajian ini adalah sama rata

5.3.1 Rumusan Penguasaan Soalan Ujian Bahagian A : Soalan Objektif

Dalam bahagian ini terdapat 30 soalan objektif yang dikemukakan kepada responden. Soalan ini merangkumi semua tajuk tatabahasa Arab yang dipilih untuk kajian ini iaitu kata nama, kata kerja, kata tugas, kata kerja dan ayat kata kerja, ayat kata nama, *nawāsikh*, frasa *idāfat* dan frasa sifat. Berikut ialah rumusan bagi penguasaan responden terhadap perkara tersebut:

i. Penguasaan Kata Nama

Bahagian ini pengkaji telah mengemukakan sebanyak enam soalan untuk menguji penguasaan responden terhadap aspek kata nama dalam bahasa Arab merangkumi pembahagiannya berdasarkan gender, bilangan, am dan khas serta penggunaan kata nama tersebut dalam ayat. Dapatan kajian yang telah dijalankan menunjukkan penguasaan responden terhadap pengenalan kata nama sangat tinggi terutamanya pada soalan tentang pembahagian kata nama mengikut jantina iaitu dikuasai oleh 78% responden. Pengenalan kata nama tunggal juga dapat dikuasai oleh majoriti responden iaitu sebanyak 98%. Peratusan penguasaan kata nama duaan dan jamak pada tahap sederhana iaitu hanya 59% daripada responden dapat menguasai penggunaan kata nama jamak dan hanya 49% sahaja responden yang dapat menguasai kata nama duaan. Begitulah juga responden kurang menguasai kata nama am dan khas di mana hanya 49% responden sahaja yang dapat menjawab soalan mengenainya. Dapatan kajian ini

menunjukkan tidak semua soalan mengenai kata nama dikuasai oleh responden walaupun terdapat soalan yang berada pada aras rendah.

ii. Penguasaan Kata Tugas

Terdapat empat soalan objektif dikemukakan kepada responden berkenaan kata tugas khas dan kata tugas am yang digunakan bersama kata kerja dan kata nama. Dapatan kajian menunjukkan penguasaan keseluruhan responden terhadap kata tugas dalam soalan objektif adalah hanya antara 59-70%. Ini bererti responden masih keliru terhadap penggunaan kata tugas sama ada digunakan untuk kata nama atau kata kerja atau untuk kedua-duanya. Responden juga masih keliru dan tidak dapat membezakan penggunaan مَنْ dan عَنْ dan ini menunjukkan mereka masih menggunakan kata tugas mengikut maksud terjemahannya tanpa melihat kepada fungsinya sama ada digunakan untuk kata nama atau kata kerja.

iii. Penguasaan Kata Kerja Dan Ayat Kata Kerja

Ujian yang dijalankan terhadap responden didapati penguasaan responden terhadap jenis kata kerja dan tanda pengenalan kata kerja *muḍāri'* adalah pada tahap tinggi. Sebanyak 72% responden dapat mengenali kata kerja *muḍāri'* manakala pengenalan kata kerja amr pula amat tinggi iaitu sebanyak 94% responden boleh memilih kata kerja amr yang betul dalam soalan yang diberikan.

Begitu juga dengan penguasaan kandungan atau struktur ayat kata kerja, hampir kesemua iaitu 96% responden mengetahui bahawa struktur ayat kata kerja terdiri daripada kata kerja dan pelaku. Responden juga dapat mengenal pasti kata kerja dan struktur ayat kata kerja yang terdiri daripada kata kerja dan pelaku serta objek (kk+pelaku+(objek) tetapi mereka masih lemah dalam menentukan pelaku dan objek dalam ayat. Dapatan kajian menunjukkan hanya 32 % responden sahaja yang dapat menentukan pelaku yang terkandung dalam ayat yang diberikan iaitu ayat *اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ*, 78% menentukan perkataan *اللَّهُ* sebagai pelaku sedangkan kedudukannya adalah sebagai subjek. Ini bererti, responden masih keliru antara konsep subjek dan pelaku dalam bahasa Arab. Ketika diminta supaya menentukan ayat yang mengandungi pelaku sama ada ayat *نَزَلَ الْمَطْرُ أَمْسِي*, atau *نُزُولُ الْمَطْرِ فِي الصَّبَاحِ*, sebanyak 72% boleh menjawab dengan betul. Dapatan ini menunjukkan terdapat responden masih keliru untuk membezakan antara kata nama dan kata kerja.

Peratusan responden yang dapat mengenali ayat yang mengandungi objek ketika diminta supaya mereka memilih ayat yang mengandungi objek antara ayat *(بِعَثُ السِّيَارَةِ)* dan *(وَصَلَّتْ السِّيَارَةُ)*, hanya 48% responden sahaja yang memilih jawapan yang betul iaitu *(بعث السيارة)*. Pengkaji dapat menyimpulkan di sini bahawa responden tidak dapat memilih ayat yang mengandungi objek dengan betul kerana mereka tidak dapat mengenal pasti pelaku dalam bentuk ganti nama dalam ayat tersebut.

Kesimpulan mengenai kefahaman responden terhadap ayat kata kerja ialah responden dapat menentukan objek sekiranya mereka dapat menentukan pelaku, responden juga akan dapat menentukan pelaku sekiranya pelaku dalam bentuk kata nama *(إِسْمٌ ظَاهِرٌ)* bukan ganti nama atau *damīr*. Responden juga boleh menentukan pelaku dengan mudah sekiranya pelaku daripada jenis kata nama yang hidup seperti

manusia dan binatang dan mereka akan keliru untuk menentukan pelaku dalam ayat yang pelakunya bukan yang bernyawa seperti perkataan (السِّيَّارَةُ) dalam ayat (وَصَلَّتْ السَّيَّارَةُ)

iv. Penguasaan Ayat Kata Nama

Dapatan kajian menunjukkan 85% responden mampu menentukan konsep subjek dan predikat dalam bahasa Arab dengan betul dan sebanyak (90%) responden dapat memilih sama ada الأَعْمَالُ الْجَمَاعِيَّةُ atau الْعَمَلُ الْجَمَاعِيُّ sesuai dijadikan subjek dalam ayat (مَحْمُودَةٌ.....). Dapatan kajian juga menunjukkan responden menghadapi masalah dalam memahami konsep predikat. Apabila diminta supaya mereka memilih predikat untuk ayat (..... الْمُوَاصَلَاتُ), responden mampu menjawab dengan betul sebanyak 87%, tetapi apabila diminta untuk memilih antara perkataan قِرَاءَةٌ atau قَارِئٌ yang mana boleh dijadikan predikat, hanya 44% responden sahaja yang memilih perkataan yang betul iaitu perkataan قَارِئٌ. Begitulah juga apabila diminta supaya menentukan predikat dalam ayat:

كُلُّ مَعَامَلَةٍ تُؤَدِّي إِلَى أَكْلِ الْمَالِ بِالْبَاطِلِ حَرَامٌ, hanya 51.% responden sahaja dapat menjawab bahawa perkataan حَرَامٌ adalah jawapannya.

Dari sini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa responden dapat mengenali konsep subjek dalam bahasa Arab tetapi sukar bagi mereka mengenali predikat. Mereka lebih sukar untuk menentukan predikat berbanding subjek kerana subjek boleh dikenali dengan hanya mengenali kata nama tetapi bagi menentu dan menggunakan prediket agak rumit kerana dalam predikat terdapat bahagian dan jenisnya yang merumitkan pelajar untuk mengingatinya. Kesukaran menentukan predikat tunggal yang terdiri daripada kata nama juga sukar bagi responden berbanding penentuan subjek walaupun kedua-duanya terdiri daripada kata nama. Ini adalah kerana kata nama yang dijadikan

subjek lebih umum berbanding kata nama yang menjadi predikat tunggal yang hanya terhad kepada kata nama *musytaq* sahaja.

v. Penguasaan *Nawāsikh*

Dapatan kajian menunjukkan responden tidak mempunyai masalah dalam memahami konsep *nawāsikh* (إِنَّ وَأَخْوَأُهَا). Sebanyak 85% responden mampu menentukan jawapan yang betul mengenainya. Sebanyak 70% responden dapat menentukan *i'rāb* إِسْمٌ مَا دَامَ كَانَ dalam ayat yang diberikan dan 83% dapat menjawab penggunaan *كَانَ* dengan betul. Dapatan kajian ini menunjukkan responden tidak mempunyai masalah dalam memahami konsep penggunaan *nawāsikh* tetapi mereka menghadapi masalah apabila hendak mengaplikasikannya sama ada dalam menentukan ayat yang betul atau menggunakannya dalam karangan. Kadang-kadang responden keliru antara *akhawāt* (كَانَ) dan (إِنَّ) serta *isim* dan *khavar nawāsikh* yang berbentuk ganti nama dan ini menyebabkan mereka tersilap memberi baris ketika mengi'rābkan *isim* dan *khavar nawāsikh*. Kenyataan ini akan diterangkan dalam bahagian penguasaan responden terhadap soalan berbentuk aplikasi dalam soalan struktur nanti.

vi. Penguasaan Frasa *Idāfat*

Hasil kajian mengenai kefahaman responden tentang *muḍāf* daripada jenis kata nama duaan dan jamak *mudhakkar sālim* menunjukkan hanya 42% responden dapat menjawab dengan betul tetapi apabila diminta supaya memilih *muḍāf ilayh* daripada kata nama jenis duaan dan jamak atau yang *dimajrūrkan* dengan *yā'*, seramai 85% responden dapat menjawab dengan betul. Ini adalah kerana responden kurang peka terhadap pembuangan huruf *nūn* yang ada pada *muḍāf* ketika disandarkan kepada perkataan lain tetapi apabila kata nama jamak *mudhakkar sālim* atau kata nama duaan berada pada tempat *muḍāf ilayh*, huruf *yā'* dan *nūn* masih kekal. Perkara ini merupakan

faktor membantu responden memilih jawapan yang betul. Di sini pengkaji merumuskan bahawa responden boleh faham tentang konsep *idāfat* tetapi masih lemah dalam memahami konsep *idāfat* pada kata nama duaan dan jamak *mudhakkar sālim* kerana hanya 37 % yang dapat menentukannya dengan betul.

vii. Penguasaan Frasa Sifat

Dari segi penguasaan responden terhadap frasa sifat pula, dapatan kajian menunjukkan (76%) daripada responden dapat memilih sifat dalam ayat *أَنَا مُحَمَّدٌ الطَّالِبُ فِي هَذِهِ الْجَامِعَةِ* dengan betul. Begitulah dengan penentuan ayat yang menggunakan sifat yang betul, hasil kajian menunjukkan penguasaan responden berada pada tahap yang tinggi iaitu 74% pada soalan pertama dan 91% pada soalan kedua. Ini bererti, responden tidak menghadapi masalah dalam mengenali sifat dalam ayat yang diberikan.

5.3.2 Rumusan Penguasaan Soalan Ujian Bahagian B : Soalan Struktur

Daripada jawapan responden pada bahagian ini boleh dirumuskan bahawa peratusan penguasaan responden terhadap soalan berbentuk struktur adalah sangat lemah, hanya 1 soalan mampu dijawab pada tahap tinggi iaitu soalan mengenai *idāfat* di mana 72% mengatakan ayat *شَاهَدْنَا الْأَفْيَالَ فِي الْحَدِيثَةِ الْحَيَوَانَ* adalah salah. Kesalahan yang terdapat pada ayat ini adalah dalam bahagian penggunaan frasa *idāfat* iaitu pada perkataan (*الْحَيَوَانَ الْحَدِيثَةِ*). Peratusan yang tinggi dapat menjawab soalan ini menunjukkan responden boleh mengenali bahawa konsep *idāfat* yang diberikan dalam ayat adalah salah di mana *mudāf* dan *mudāf ilayh* dalam ayat ini kedua-duanya daripada kata nama khas. Dapatan ini menyokong dapatan kajian dalam soalan objektif yang menunjukkan majoriti responden boleh mengenal pasti frasa *idāfat* sekiranya dalam bentuk kata nama tunggal. Manakala soalan mengenai sifat pula, sebanyak 53% responden mengatakan

ayat *مع الزائرين الآخرين* adalah salah. Kenyataan ini juga menyokong dapatan kajian dalam soalan objektif yang menunjukkan responden tidak menghadapi masalah dalam mengenali frasa sifat, mereka hanya keliru tentang *i'rāb* sifat apabila ia berada dalam bentuk kata nama duaan dan kata nama jamak sahaja. Ini dapat dibuktikan oleh peratusan kefahaman yang lebih rendah dalam soalan ini iaitu sebanyak 53% berbanding peratusan penguasaan frasa sifat daripada kata nama tunggal dalam soalan objektif iaitu antara 76%-91%.

Penguasaan responden dalam membezakan ayat yang salah dan betul mengenai ayat kata nama adalah sangat lemah terutamanya ayat kata nama yang mengandungi predikat berbentuk ayat sama ada ayat kata kerja dan ayat kata nama. Kenyataan ini dapat dilihat pada peratusan yang menjawab ayat *أبي اسمه محمد* adalah betul hanya 10% sahaja. Begitulah juga dengan ayat *الطلاب يصلي في المسجد*, hanya 18% mengatakan ayat ini adalah salah. Dapatan ini sekali lagi menguatkan dapatan kajian dalam bahagian soalan objektif yang menunjukkan responden lemah dalam mengenali pelaku dalam bentuk ganti nama kerana ayat ini merupakan ayat kata nama yang mengandungi predikat dalam bentuk ayat kata kerja dan predikat ayat kata kerja perlu selaras dengan subjek dalam aspek jantina serta bilangan serta mengandungi ganti nama atau *ḍamīr* yang sama bilangan dan jenis dengan subjek.

Responden sangat lemah dalam memahami padanan antara kata kerja dan pelaku dalam aspek gender dan bilangan, buktinya adalah pada peratusan yang amat rendah responden yang dapat menentukan bahawa ayat :

(*زار الطالبات المتحف*) dan (*يعمل أمي معلمة*), (*تصلي الطالبات في المصلى*) adalah betul iaitu sebanyak 6%, 23.4% dan 21.1% sahaja. Selain tidak memahami atau tidak mengambil berat terhadap aspek yang dijelaskan tadi iaitu ayat kata nama yang mengandungi

predikat berbentuk ayat kata kerja, mereka juga keliru dalam menggunakan ayat yang mengandungi pelaku yang berbilang kerana pada pandangan mereka kata kerja juga perlu ditambahkan bilangannya.

Penguasaan responden terhadap *nawāsikh* dalam menentukan sama ada ayat ditulis dengan betul atau tidak pula adalah sederhana di mana peratusannya antara 40-50% sahaja. Dapatan kajian dalam bahagian ini sedikit bercanggah dengan dapatan kajian dalam soalan objektif yang menunjukkan responden dapat menguasai penggunaan *nawāsikh* dengan baik. Pada pandangan pengkaji, di sini responden tidak menghadapi masalah dalam menguasai *nawāsikh* tetapi mereka lemah dalam menentukan (اسم النواسخ) apabila berada dalam bentuk ganti nama kerana ayat yang ditanya sama ada betul atau salah dalam bahagian ini ialah ayat (كنت طالب في المدرسة) dan (صرت طالب في الجامعة) di mana *isim nawāsikh* ialah ganti nama iaitu *tā' damīr* sedangkan soalan mengenai *isim nawāsikh* dalam soalan objektif iaitu:

(كان الـعـلـمـون مـمـخـرـجـين) dan (ما دامت الأم تهتم بصحة الأولاد)

di mana *isim nawāsikh* terdiri daripada kata nama yang berbentuk للم ظاهر

5.3.3 Rumusan Penguasaan Soalan Bahagian C : Soalan Subjektif

Dalam Bahagian ini pengkaji mengemukakan soalan mengenai tajuk penting dalam pembentukan ayat bahasa Arab. Satu teks pendek disediakan dalam bahagian ini dan diminta responden menjawab soalan mengikut kefahaman mereka terhadap perkara yang dipersoalkan mengenai teks tersebut, teks yang diberikan ialah:

فَإِنَّ الْبِنْتَ الْمُسْلِمَةَ يَجِبُ أَنْ تَتَعَلَّمَ الْعِلْمَ الَّذِي يُرْهِلُهَا لِأَدَاءِ وَاجِبَاتِهَا نَحْوَ رَبِّهَا وَنَحْوَ بَيْتِهَا وَنَحْوَ قَرِيْبَاتِهَا وَجِيْرَاتِهَا، وَإِنَّ هُدَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - كَمَا هُوَ وَارِدٌ فِي السُّنَّةِ وَالسِّيْرَةِ - أَنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ يُفْقَهُونَ جِيْرَانَهُمْ وَيُعَلِّمُوْنَهُمْ وَيَعْظُمُوْنَهُمْ وَإِنْ لَمْ يَفْعَلُوا ذَلِكَ عُوْجِلُوا بِالْعُقُوْبَةِ، وَهَذَا الْحَدِيثُ مِمَّا يُرَكِّدُ وَجُوْبَ الدَّعْوَةِ إِلَى اللهِ عَلَى الْمَرْأَةِ الْمُسْلِمَةِ كَالرَّجُلِ سَوَاءً بِسَوَاءٍ.

Berdasarkan teks di atas, responden diminta menjawab soalan berikut:

Soalan 1: mengenai kefahaman responden terhadap penguasaan *nawāsikh* iaitu (أَنَّ), soalan ini meminta responden mengeluarkan (خبر أن) daripada ayat dalam petikan yang diberikan iaitu:

أَنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ يُفْقَهُونَ جِيْرَانَهُمْ وَيُعَلِّمُوْنَهُمْ وَيَعْظُمُوْنَهُمْ وَإِنْ لَمْ يَفْعَلُوا ذَلِكَ عُوْجِلُوا بِالْعُقُوْبَةِ.

Soalan 2: meminta responden menentukan tempat kembali ganti nama *wāw* (الضَّمِيْرُ وَ) yang terdapat dalam kata kerja (يَفْعَلُوا) dalam ayat (وَإِنْ لَمْ يَفْعَلُوا ذَلِكَ)

Soalan 3: meminta responden menukar ayat kata nama (الْمُسْلِمُونَ وَالْمُسْلِمَاتُ يُفْقَهُونَ جِيْرَانَهُمْ) menjadi ayat kata kerja.

Soalan 4: Meminta responden menukar perkataan *mu'annath* menjadi *mudhakkar* dan mengubah apa yang berkaitan dengan perkataan yang ditukar, ayat yang diberikan ialah:

(فإن البنت المسلمة يجب أن تتعلم العلم الذي يؤهلها لأداء واجباتها نحو ربّها ونحو بيتها ونحو قرياتها وجيرانها)

Soalan 5: meminta responden menentukan objek (المفعول به) dalam ayat:

(أنّ المسلمين والمسلمات يفتقهن جيرانهم)

Dapatan kajian menunjukkan hanya 84 responden (32%) dapat menjawab semua soalan subjektif yang dikemukakan. Ini menunjukkan responden sangat lemah dalam menjawab soalan berbentuk subjektif.

Soalan yang paling banyak dapat dikuasai responden ialah soalan 4 iaitu mengenai penukaran perkataan *mu'annath* menjadi *mudhakkar* dan mengubah perkataan yang berkaitan dengan perkataan yang ditukar dalam ayat di bawah:

(فإنّ البنت المسلمة يجب أن تتعلم العلم الذي يؤهلها لأداء واجباتها نحو ربّها ونحو بيتها ونحو قرياتها وجيرانها)

Soalan ini dapat dijawab oleh 95% responden dan hanya 5% daripada responden sahaja yang tidak dapat menjawab dengan betul. Jawapan yang salah melibatkan penukaran pada perkataan (يؤهلها) di mana responden menukarkannya kepada (تؤهله). Kemampuan yang tinggi dalam kalangan responden dalam menjawab soalan ini menguatkan lagi bahawa responden menguasai kata nama dalam bahasa Arab terutamanya mengenai kata nama *mudhakkar* dan *mu'annath*. Walau bagaimanapun, hasil kajian dalam bahagian ini juga menunjukkan responden lemah dalam menentukan pelaku dalam bentuk ganti nama. Oleh itu, terdapat responden yang menukar kata kerja

(يؤهلها) kepada (تؤهله) kerana mereka tidak pasti akan pelakunya sedangkan perkataan ini pelakunya adalah ganti nama tersembunyi yang kembali kepada perkataan العلم yang terkandung dalam ayat :

فإن البنت المسلمة يجب أن تتعلم العلم الذي يؤهلها

Peratusan yang tinggi yang dijawab oleh responden juga adalah pada soalan 5 iaitu menentukan objek (المفعول به) dalam ayat جيرانهم يُفقهون. Sebanyak 93% responden dapat menjawab soalan ini. Sepertimana dapatan kajian dalam soalan objektif iaitu responden akan dapat menentukan objek sekiranya mereka dapat menentukan pelaku dalam ayat. Walaupun responden tidak pasti akan pelaku dalam ayat (جيرانهم) sahaja tetapi kerana hanya perkataan (جيرانهم) sahaja yang sesuai untuk kedudukan objek di mana kedudukannya pada penghujung ayat maka responden memilih perkataan ini sebagai objek. Pengkaji yakin, sekiranya ayat ini ditanya tentang pelaku, ramai responden akan menjawab (والمسلمات المسلمين) sebagai pelaku kerana dapatan dalam kajian soalan objektif telah membuktikan bahawa biasanya responden akan mencari pelaku dalam bentuk kata nama zahir sedangkan pelaku itu terdiri daripada kata nama zahir dan ganti nama. Selain itu, pada pandangan kebanyakan responden subjek (مبتدأ) itu ialah pelaku.

Soalan yang paling rendah dikuasai responden ialah soalan 2 mengenai penentuan tempat kembali ganti nama (الضمير و) yang terdapat dalam kata kerja (يَفْعَلُوا) dalam ayat (وإن لم يفعلوا ذلك)

Sebanyak 69% responden yang dapat menjawab soalan ini dengan betul. Dapatan ini menguatkan lagi hasil kajian dalam soalan objektif yang menunjukkan responden menghadapi masalah dalam mengenali pelaku dalam bentuk ganti nama.

Kebolehan responden dalam menjawab Soalan 1 dan 3 berada pada tahap tinggi iaitu kedua-duanya melebihi 70% iaitu 76% dan 75%. Soalan pertama mengenai kefahaman responden terhadap penggunaan *nawāsikh* (أَن), soalan ini meminta pelajar mengeluarkan (ضَرَّ أَنْ) daripada ayat

(أَنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ يُفَقِّهُونَ جِيرَانَهُمْ وَيُعَلِّمُوهُمْ وَيَعِظُّونَهُمْ وَإِنْ لَمْ يَفْعَلُوا ذَلِكَ عُذُّوا بِالْعُقُوبَةِ)

Dapatan kajian dalam soalan subjektif ini juga sama dengan dapatan kajian dalam soalan objektif di mana kedua-duanya menunjukkan penguasaan responden terhadap konsep *nawāsikh* adalah pada tahap yang tinggi

Soalan 3 pula mengenai penukaran ayat kata nama menjadi ayat kata kerja iaitu ayat: (المسلمون والمسلمات يفقهون جيرانهم), majoriti responden yang gagal menjawab soalan ini memberi jawapan soalan ini dengan:

فقهِ المسلمون والمسلمات جيرانهم atau يفقهون المسلمون للمسلمات جيرانهم.

Walaupun bilangan responden yang tidak dapat menjawab dengan betul hanya 25%, tetapi analisis kesalahan jawapan menunjukkan responden masih keliru mengenai pelaku dalam bentuk ganti nama dan tidak menukarkan kata kerja mengikut pelaku yang sesuai dalam ayat.

Kesimpulannya, purata penguasaan terhadap tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia pada keseluruhannya berada pada tahap sederhana iaitu 68% atau pangkat B sekiranya dikira mengikut sistem pemarkahan Asasi Pengajian Islam Universiti Malaysia. Tahap dan gred ini adalah relevan bagi pelajar yang berjaya memasuki Asasi Universiti Awam Malaysia walaupun mereka adalah golongan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM dan merupakan golongan

terpilih ke insitisi tersebut. Walaupun kebanyakan responden mendapat gred A dalam mata pelajaran bahasa Arab di peringkat SPM tetapi pada pendapat pengkaji inilah realitinya. Pemerolehan pangkat A dalam peperiksaan SPM mungkin disebabkan oleh beberapa faktor antaranya ialah julat pemarkahan, bentuk soalan peperiksaan yang sudah biasa dengan pelajar dan komponen soalan bahagian lain yang membantu mereka mendapat gred A serta kaedah pemarkahan yang digunakan untuk menilai gred di peringkat SPM.

5.4 Rumusan Kesalahan Tatabahasa Arab Dalam Karangan Responden

Dalam bahagian ini, pengkaji merumuskan aspek kesalahan yang dilakukan oleh responden dalam penulisan karangan mereka.

i. Kesalahan Penggunaan Kata Nama Dalam Bahasa Arab

Antara kesalahan yang dilakukan oleh responden dalam penggunaan kata nama adalah pada aspek ejaan, responden melakukan kesalahan dalam ejaan bahasa Arab dengan pengurangan, penambahan dan penukaran huruf seperti *sīn* dan *thā'* pada perkataan seperti تَلْبِسُ dieja dengan تلبث, *qāf* dan *kāf* seperti تَقُومُ dieja dengan تكوم dan sebagainya. Kesalahan penggunaan *maṣḍar* juga berlaku dalam penulisan responden sama ada *maṣḍar thulāthī* atau *ghayr thulāthī* seperti menggunakah perkataan إِخْرَاجٌ untuk kata kerja خَرَجَ. Kesalahan dalam menggunakan kata nama jamak terutamanya jamak *taksīr* kerana jamak *taksīr* merupakan jamak yang tiada kaedah tetap dan perlu dihafal. Mereka juga menjamakkan perkataan yang sepatutnya dijamakkan dengan *alif* dan *tā'* tetapi dijamakkan dengan *wāw* dan *nūn* seperti jamak الأتوبيسون untuk الأتوبيس. Perkara ini berlaku disebabkan responden tidak menghafal jamak *taksīr* dan tidak mengenali perkataan yang perlu dijamakkan dengan *alif* dan *tā'*, mereka hanya

mengingati jamak *mudhakkār sālim* dan jamak *mu'annath sālim* yang menggunakan kaedah penambahan huruf *wāw* dan *nūn* serta *alif* dan *tā'* pada kata nama tunggal. Pada pandangan mereka juga, perkataan yang boleh dijamak dengan *alif* dan *tā'* hanya kata nama *mu'annath* dan yang berakhir dengan *tā' marbuṭat* sahaja. Kesalahan aspek ejaan berlaku disebabkan kelemahan responden terhadap penguasaan kosa kata dalam bahasa Arab. Kelemahan dalam mengenal pasti *maṣdar thulāthī* pula disebabkan *maṣdar thulāthī* adalah *simā'ī* dan memerlukan ingatan serta hafalan. Adapun untuk mengingat *maṣdar ghayr thulāthī* memerlukan hafalan waznnya, sekiranya responden tidak menghafalnya mereka akan gagal menguasainya.

ii. Kesalahan Penggunaan Kata tugas

Kesalahan penggunaan kata tugas yang dilakukan oleh responden berlaku pada penggunaan kata tugas khas yang tidak tepat mengikut kaedah tatabahasa Arab. Kata tugas yang dikhaskan untuk kata nama digunakan bersama kata kerja manakala kata tugas yang dikhaskan untuk kata kerja pula digunakan bersama kata nama. Antara contohnya seperti penggunaan kata tugas *tawkīd* yang tidak sesuai dengan kata kerja di mana responden menggunakan kata tugas (قَدْ) bersama kata kerja *mudāri'* untuk tujuan penegasan seperti قَدْ أَذْهَبْتُ إِلَى الْجَامِعَةِ كُلِّ يَوْمٍ sedangkan penggunaan sebenarnya bersama kata kerja *mudāri'* bukan untuk penegasan. Begitulah juga, responden melakukan kesalahan dalam menggunakan kata tugas khas seperti kata tugas penafian لَمْ, mereka menggunakannya bersama kata kerja *māḍiy* لَمْ ذَهَبْتُ sedangkan ia dikhaskan untuk kata kerja *mudāri'*. Responden juga menggunakan huruf *jarr* yang tidak sesuai dengan kata kerja seperti مَا يَتَعَلَّقُ إِلَى النَّبِيِّ sedangkan dalam huruf *jarr* mempunyai kaedah tersendiri tentang *ta'liq*nya kepada kata kerja sebelumnya

Selain itu, responden melakukan kesalahan dalam *i'rāb* kata nama selepas huruf *jarr* yang sepatutnya menjadi *majrūr* tetapi mereka menjadikan kata nama selepas *jarr* *manṣūb* dan kadangkala *marfu'* seperti في نهارا. Responden juga tidak menggunakan أن المصدريّة pada tempat yang sepatutnya iaitu sebelum kata kerja *muḍāri'*: seperti أريد. Selain itu responden juga melakukan kesalahan dalam menggunakan *zarf* dengan menggunakan *zarf* bersama huruf *jarr* seperti في أمام الجامعة: sedangkan kaedah penggunaan *zarf* adalah hanya khas untuk kata nama yang *i'rāb*nya sebagai *maḍāf ilayh*

iii. Kesalahan Penggunaan Kata Kerja dan Ayat kata kerja

Responden melakukan kesalahan semasa membentuk ayat kata kerja iaitu dengan menggunakan kata kerja yang tidak sesuai dengan pelaku dan *nā'ib fā'il* dari aspek jantina dan bilangan. Kesalahan ini berlaku terutamanya apabila pelaku dalam bentuk ganti nama, responden tidak menyelaraskan kata kerja dengan pelaku seperti يوجد كثيرة... . Sebagaimana diketahui bahawa kaedah tatabahasa Arab mengenai ayat kata kerja ialah apabila pelaku terdiri daripada kata nama *mu'annath* kata kerja juga hendaklah ikut *mu'annath* tetapi responden tidak melakukan mengikut kaedah tersebut. Mereka tetap menggunakan kata kerja yang dikhususkan untuk satu *mudhakkar* (هُوَ) untuk semua jenis pelaku sama ada *mu'annath* atau *mudhakkar* seperti:

يوضح المحاضرة عن دراستي. Begitulah apabila pelaku berada dalam bentuk ganti nama yang dikembalikan kepada kata nama jamak dan kata nama duaan, mereka masih menggunakan kata kerja khas untuk satu *mudhakkar* seperti ayat كلهم جاء من الولاية المتنوعة. Responden juga menggunakan kata kerja yang tidak sesuai dengan masa yang terdapat dalam ayat seperti: أنا دائما ذهبت إلى المطعم:

Selain itu, dalam membentuk ayat kata kerja yang menggunakan kata kerja *muta'adi*, responden melakukan kesalahan dalam mengi'rābkan objek terutamanya objek yang berbentuk kata nama duaan atau jamak *mudhakkar* seperti أدرس المادتان. Sepatutnya mereka menggunakan huruf *yā'* dan *nūn* di hujung perkataan yang menjadi objek yang terdiri daripada kata nama duaan dan jamak *mudhakkar sālim*. Begitu juga, responden menggunakan kata kerja dalam bentuk jamak dalam ayat kata kerja yang pelakunya dalam bentuk jamak seperti حضروا الطلاب إلى الفصل dan ini bercanggah dengan kaedah di mana kata kerja tidak perlu dijamakkan semasa pelakunya dalam bentuk jamak tetapi perlu dikekalkan dalam bentuk *mufrad*

Mengikut pandangan pengkaji, responden melakukan kesalahan tersebut kerana mereka masih terpengaruh dengan penggunaan kata kerja dalam bahasa ibunda kerana dalam bahasa Melayu tidak ada perbezaan kata kerja dalam aspek jantina dan bilangan pelaku. Begitulah dalam bahasa Melayu tidak terdapat perbezaan masa dalam penggunaan kata kerja dan sekiranya kita ingin menggunakan kata kerja untuk waktu tertentu, penentuan masa akan berlaku dengan penambahan waktu dalam ayat tersebut. Sebagai contoh ayat عَلِيٌّ أَكَلَ الْأُرْزَ (Ali telah makan nasi), فَاطِمَةُ أَكَلَتْ الْأُرْزَ (Fatimah telah makan nasi) dan هُمْ أَكَلُوا الْأُرْزَ (Mereka telah makan nasi) jelas memperlihatkan perbezaan penggunaan kata kerja yang memberi maksud “telah makan” iaitu أَكَلَ - أَكَلُوا - أَكَلَتْ.

Perbezaan antara kaedah bahasa ibunda dan bahasa kedua inilah menyebabkan responden kurang menguasai bahasa kedua. Begitulah dengan perbezaan masa yang dapat dilihat pada kata kerja bahasa Arab seperti مُحَمَّدٌ الْأُرْزَ (Mohammad telah makan nasi) dan يَا مُحَمَّدُ الْأُرْزَ (Mohammad sedang makan nasi). Perbezaan masa dalam kata kerja bahasa Arab dapat dilihat pada perubahan kata kerja *maḍī* dan *muḍārī'* iaitu أَكَلَ

dan يَأْكُل sedangkan perbezaan masa dalam bahasa Melayu dilihat pada penambahan perkataan yang menunjukkan waktu tertentu iaitu telah dan sedang

iv. Kesalahan Penggunaan Ayat Kata Nama

Ketika menulis ayat kata nama, responden tidak menggunakan kata nama sebagai subjek bahkan mereka menggunakan kata kerja menggantikan kata terbitan atau *maṣḍar* seperti: قَرَأَ مَهْمٌ فِي حَيَاةِ الطَّالِبِ. Ayat seperti ini berlaku dalam penulisan responden disebabkan mereka berpegang kepada terjemahan perkataan dalam kamus dan mereka keliru antara penggunaan kata nama dan kata kerja. pelajar Melayu seringkali menggunakan perkataan mengikut terjemahannya. Sebagai contoh ketika mereka ingin menulis tentang membaca, dalam kamus perkataan membaca diterjemahkan sebagai قَرَأَ, maka penulisan pelajar ketika mana mereka ingin menterjemahkan perkataan membaca, mereka menggunakan perkataan tersebut tanpa melihat kepada syarat perkataan yang boleh dijadikan sebagai subjek dalam ayat bahasa Arab hanyalah kata nama sahaja.

Sebagaimana diterangkan tadi bahawa responden melakukan kesalahan semasa menggunakan ayat kata kerja. Perkara yang sama berlaku ketika mereka menulis ayat kata nama yang menggunakan predikat ayat kata kerja, antaranya seperti:

هم ساعدني في الدراسة

Di sini dapat dilihat responden menggunakan predikat ayat kata kerja dengan menggunakan kata kerja yang tidak selaras dengan subjek. Sebagaimana telah dinyatakan dalam kaedah tatabahasa Arab bahawa subjek dan predikat mesti selaras

dalam aspek jantina dan bilangan. Apa yang didapati dalam penulisan responden mereka tidak menyelaraskan predikat yang menggunakan kata kerja seperti di atas.

Responden juga melakukan kesalahan dalam menyelaraskan subjek dan ganti nama dalam predikat ayat kata nama seperti المعلمون أخلاقهم حسن. Selain itu, responden juga melakukan kesalahan dalam menyelaraskan predikat tunggal dengan subjek. Semua ini menunjukkan responden masih keliru dengan pembentukan ayat bahasa Arab. Kekeliruan ini boleh dielakkan sekiranya mereka betul-betul mengambil perhatian semasa menulis ayat dalam karangan.

v. Kesalahan Penggunaan *Nawāsikh*

Kesalahan dalam menggunakan *nawāsikh* yang dilakukan oleh responden adalah sama dengan kesalahan yang dilakukan dalam ayat subjek predikat iaitu boleh dirumuskan seperti berikut:

1. Kesalahan dalam menggunakan ganti nama sebagai *isim nawāsikh* dalam aspek gender dan *i'rāb* seperti : كان هي من المدرسة
2. Kesalahan *i'rāb sim* dan *khavar nawāsikh* ketika menggunakan kata nama duaan dan kata nama jamak seperti : لأن المعلمون عالمون
3. Kesalahan dalam menggunakan predikat berbentuk ayat sama ada ayat kata nama atau ayat kata kerja seperti : إني أراد أن أدخل الجامعة:

Kesimpulannya, kesalahan penggunaan *nawāsikh* dipengaruhi oleh penguasaan subjek dan predikat. Sekiranya responden dapat memahami subjek dan predikat serta jenisnya dengan baik, kesalahan pada penggunaan *nawāsikh* tidak akan berlaku kerana *nawāsikh*

hanya merupakan satu kata kerja dan kata tugas yang dimasukkan di hadapan ayat kata nama serta mengubah maksud ayat dan mengubah *i'rāb*nya sahaja. Perubahan *i'rāb* yang dapat dilihat secara fizikal hanya berlaku ketika menggunakan subjek dan predikat kata nama duaan dan jamak. Oleh itu, sekiranya responden menguasai kata nama duaan dan jamak serta memahami konsep subjek dan predikat dalam bahasa Arab, kesalahan seperti ini tidak akan berlaku.

4. Kesalahan Penggunaan Frasa *Idāfat*

Dua aspek kesalahan yang dilakukan oleh responden dalam penulisan frasa *Idāfat* ialah kesalahan dalam mema'*rifat*kan *muḍāf* dan kesalahan dalam *i'rāb muḍāf ilayh* terutamanya ketika *muḍāf ilayh* terdiri daripada kata nama duaan dan jamak seperti :

أذهب مع الأسرتي - مسؤولية الوالدان

5. Kesalahan Penggunaan Frasa Sifat

Kaedah frasa sifat dalam bahasa Arab ialah sifat dan *mawsūf* (yang disifatkan) mesti selaras dalam aspek jantina, am dan khas, bilangan dan *i'rāb*. Dapatan kajian menunjukkan responden melakukan kesalahan dalam menulis frasa sifat dalam karangan seperti berikut:

1. Kesalahan dalam menyelaraskan *nakirat* dan *ma'rifat* sifat dan *mawsūf* seperti : جئت في شهر الماضي

2. Kesalahan dalam menyelaraskan jantina sifat dan *mawsūf* seperti :

المطعم في الجامعة مطعم كبيرة

3. Kesalahan dalam menyelaraskan bilangan sifat dan *mawsūf* seperti :

المعلمون الكثير في جامعتي

4. Kesalahan dalam menyifatkan sesuatu yang sepatutnya disifatkan dengan kata sifat tetapi disifatkan dengan *sim Mawsūl* seperti :

في اليوم الذي الأول في الجامعة

5. Kesalahan dalam menyelaraskan *i'rāb* sifat dan *mawsūf* seperti :

أنا أدرس في مركز إعداديا

University of Malaya

5.5 Rumusan Tahap Penguasaan Responden Terhadap Tatabahasa Arab Dan Kemahiran Menulis

Pengkaji telah membuat rumusan tentang tahap penguasaan responden terhadap tatabahasa Arab dan tahap penguasaan kemahiran menulis. Untuk memperlihatkan dengan lebih jelas tahap penguasaan tatabahasa Arab dan kemahiran menulis terhadap tajuk yang diuji iaitu kata nama, kata tugas, kata kerja dan ayat kata kerja, ayat kata nama, *nawāsikh*, frasa *idāfat* dan frasa sifat dalam kalangan responden. Tahap penguasaan responden secara keseluruhan terhadap penguasaan tatabahasa Arab dan penguasaan kemahiran menulis seperti dalam jadual perbandingan berikut:

Jadual 5.3: Perbandingan Tahap Penguasaan Tatabahasa Arab dan Kemampuan Mengaplikasikannya dalam Penulisan.

Tajuk	Bilangan responden	% Responden yang menguasai TBA	% Responden yang mampu mengaplikasikan TBA dalam karangan	Perbezaan
Kata Nama	265	89%	78%	11%
Kata Tugas		58%	64%	-6%
Kata Kerja dan Ayat Kata Kerja		59%	45%	14%
Ayat Kata Nama		60%	58%	2%
<i>Nawāsikh</i>		82%	71%	11%
Frasa <i>Idāfat</i>		58%	49%	9%
Frasa Sifat		71%	66%	5%
Min		68%	62%	6%

Jadual 5.3 menunjukkan tahap penguasaan responden terhadap tatabahasa melebihi kemampuan mengaplikasikannya dalam karangan pada enam daripada tujuh tajuk (6/7) yang dikaji iaitu kata nama, kata kerja dan ayat kata kerja, ayat kata nama, *nawāsikh*, frasa *idāfat* dan frasa sifat. Bagi penguasaan kata tugas, kemampuan responden dalam penulisan melebihi penguasaan mereka iaitu kemampuan mereka dalam menggunakan kata tugas dalam penulisan melebihi penguasaannya sebanyak 6%. Ini berlaku kerana walaupun jenis kata tugas banyak dan pelbagai tetapi dalam penulisan responden mereka tidak memerlukan banyak kata tugas melainkan huruf *jarr* dan beberapa kata tugas khas untuk kata kerja seperti huruf *jazam* dan huruf *nasab*.

Pada keseluruhannya, pengkaji merumuskan bahawa penguasaan responden dalam memahami tatabahasa Arab melebihi kemampuan mengaplikasikannya dalam karangan. Ini bererti, untuk memahami tatabahasa lebih mudah bagi responden tetapi untuk mengaplikasikanya lebih merumitkan mereka. Kenyataan ini menyokong dapatan kajian dalam bahagian pandangan responden terhadap bahasa Arab di mana mereka menyatakan komponen paling mudah bagi mereka ialah komponen tatabahasa Arab manakala kemahiran menulis berada pada pilihan terakhir bagi mereka. Mereka menganggap kemahiran menulis atau insya' merupakan komponen paling susah dan paling tidak diminati. Faktor kelemahan bahasa Arab terutamanya dalam kemahiran menulis ini telah dibincangkan di awal kajian ini antaranya ialah kerana kaedah penulisan yang kompleks, kaedah tatabahasa Arab yang banyak dan pengajaran guru serta tindakan susulan yang diambil oleh guru terhadap penulisan pelajar. Walau bagaimanapun, semua kelemahan ini akan dapat diatasi sekiranya mendapat perhatian dan kerjasama daripada semua pihak

5.6 Rumusan Implikasi Penguasaan Tatabahasa Arab Terhadap Kemahiran Menulis

Bahagian ini pengkaji mengemukakan rumusan implikasi penguasaan tatabahasa terhadap kemahiran menulis

i. Penguasaan Kata Nama Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis Karangan

Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan responden terhadap kata nama bahasa Arab adalah pada tahap sangat tinggi iaitu sebanyak 89%. Sebanyak 78% daripada responden yang menguasai kata nama dapat menggunakannya dalam penulisan karangan. Walau bagaimanapun, terdapat responden yang tidak dapat menguasai kata nama tetapi mampu menggunakannya dalam penulisan. Hasil kajian ini boleh dirumuskan bahawa sekiranya pelajar menguasai kata nama kemungkinan tinggi mereka dapat menggunakannya dengan betul mengikut kaedah yang ditetapkan dalam penulisan. Ini bererti penguasaan kata nama memberi implikasi yang sangat tinggi terhadap penulisan karangan. Namun begitu, dapatan kajian ini juga menunjukkan sekiranya pelajar tidak dapat menguasai kata nama kemungkinan tinggi juga mereka akan menggunakan kata nama dalam penulisan mereka. Kenyataan ini menunjukkan implikasi tidak menguasai kata nama terhadap penulisan karangan adalah rendah.

Perkara ini berlaku kerana pembahagian kata nama dalam bahasa Arab antaranya terdiri daripada jantina, bilangan, am dan khas dan kelemahan responden kebanyakannya berlaku pada penguasaan kata nama dalam aspek bilangan iaitu kata nama duaan dan jamak. Biasanya dalam penulisan karangan terutamanya tajuk karangan yang diuji tidak memerlukan penggunaan yang ketara terhadap perkara yang tidak dikuasai oleh responden seperti kata nama duaan dan kata nama *Jamak*. Responden

hanya menulis karangan dengan menggunakan kata nama tunggal. Oleh itu, kesalahan dalam penggunaan kata nama dalam karangan jarang berlaku. Jesteru, boleh disimpulkan bahawa penguasaan tatabahasa Arab mengenai kata nama memberi implikasi yang sangat tinggi terhadap penulisan karangan manakala tidak menguasainya memberi implikasi yang rendah terhadap penulisan karangan.

Oleh itu, untuk memantapkan lagi penguasaan pelajar terhadap kemahiran menulis pengkaji mencadangkan pengajaran dan pembelajaran tajuk kata nama perlu diberi tumpuan lebih terhadap kaedah dan penggunaan kata nama duaan dan kata nama jamak kerana pelajar masih lemah dan banyak melakukan kesilapan dalam aspek ini. Latih tubi berulang kali perlu dilakukan terutamanya dalam kemahiran menulis bermula menulis ayat pendek dan seterusnya menulis karangan. Kata nama duaan dan jamak tidak susah untuk difahami tetapi untuk menggunakannya agak mengelirukan pelajar terutamanya pelajar Melayu. Latihan berulang kali boleh membantu mereka biasa dengan kaedah kata nama duaan dan kata nama jamak dalam bahasa Arab.

ii. Penguasaan Kata tugas Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis

Penguasaan responden terhadap kata tugas adalah rendah iaitu hanya 58%. Bilangan responden yang menguasai kata tugas serta dapat mengaplikasikan kata tugas dalam penulisan adalah tinggi iaitu 74%. Bagi mereka yang tidak dapat memahami kata tugas pula adalah sebanyak 42% dan 52% dalam kalangan mereka yang tidak memahami ini tidak melakukan kesalahan dalam penulisan karangan. Kajian ini menunjukkan penguasaan responden terhadap kata tugas adalah sederhana dan implikasi penguasaan kata tugas terhadap penulisan adalah tinggi. Bagi responden yang tidak menguasai kata tugas pula, implikasinya terhadap penulisan adalah pada tahap rendah. Perkara ini berlaku kerana analisis kesalahan penulisan responden menunjukkan kebanyakan

responden hanya menggunakan kata tugas yang mudah dan mempunyai satu fungsi sama ada digunakan bersama kata kerja atau kata nama dalam karangan mereka. Responden juga lebih cenderung menggunakan huruf *jarr* dan penggunaan huruf *jarr* ini mengurangkan kesalahan dalam penulisan walaupun mereka tidak memahami fungsinya.

Oleh kerana karangan menghendaki mereka menceritakan tentang diri mereka iaitu hari pertama di kampus, kampusku dan subjek yang paling kuminati maka keperluan untuk menggunakan kata tugas tidak begitu banyak menyebabkan kesalahan pun tidak banyak. Antara faktor lain ialah kebanyakan responden menggunakan kata kerja *mudāri'* dalam penulisan mereka dan antara kata tugas yang sering mereka gunakannya dalam karangan ialah *لَا مَ أَنْ*. Mereka menggunakan kata tugas ini bersama kata kerja *mudāri'* untuk ganti nama pertama tunggal (*الْمُتَكَلِّمُ*). Kata kerja ini apabila digabungkan dengan kata tugas tersebut perubahan baris tidak kelihatan dalam penulisan seperti (*لَمْ أَفْضَلْ - لَمْ أَذْهَبْ - أُرِيدُ أَنْ أَدْخُلَ - لَا أَجِدُ*). Jadi, kesalahan *i'rāb* mungkin berlaku di sini tetapi ia tidak dapat dikesan.

Kesimpulannya, penguasaan responden terhadap kata tugas adalah sederhana dan implikasi penguasaannya terhadap penulisan karangan adalah tinggi, implikasi tidak menguasai kata tugas terhadap penulisan pula berada pada tahap rendah. Maksudnya, sekiranya pelajar memahami penggunaan kata tugas kemungkinan tinggi mereka akan dapat menggunakannya dalam penulisan tetapi sekiranya mereka tidak menguasainya secara keseluruhan mereka juga mampu menulis karangan dengan betul.

iii. Penguasaan Kata Kerja Dan Ayat Kata Kerja Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran menulis

Dapatan kajian menunjukkan penguasaan responden terhadap kata kerja dan ayat kata kerja adalah sederhana, hanya 59% dalam kalangan responden yang dapat melepasi soalan ujian tentang kata kerja dan ayat kata kerja. Peratusan responden yang mampu mengaplikasikan kata kerja dan ayat kata kerja dalam penulisan karangan juga sederhana iaitu hanya 61% daripada peratusan yang menguasai kata kerja dan ayat kata kerja. Manakala yang tidak mampu menguasainya pula, 78% daripada mereka tidak mampu menulis ayat kata kerja dengan betul.

Pengkaji dapat merumuskan bahawa penguasaan responden terhadap kata kerja dan ayat kata kerja adalah sederhana dan implikasi penguasaannya terhadap kemahiran menulis juga adalah sederhana. Ini bererti, walaupun pelajar telah memahami tajuk ini tidak semestinya mereka mampu menulis karangan dengan menggunakannya dengan betul. Begitulah dapatan kajian menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu 78% responden yang tidak menguasai kata kerja dan ayat kata kerja dalam ujian tidak mampu menggunakannya dalam penulisan. Dengan kata lain, walaupun pelajar menguasai kata kerja ia tidak menjamin kebolehan menggunakannya dalam penulisan apatah lagi kalau mereka tidak menguasainya, jauh sekali mereka akan dapat menggunakannya dengan betul dalam penulisan.

Antara faktor yang mempengaruhi penguasaan responden terhadap kata kerja dan ayat kata kerja pada pandangan pengkaji ialah sistem tatabahasa Arab mengenai kata kerja yang begitu banyak dan rumit berbanding bahasa Melayu. Analisis kesalahan penulisan karangan responden menunjukkan responden menggunakan kata kerja tanpa memadankannya dengan pelaku yang betul sama ada dalam aspek jantina dan bilangan

bahkan pada aspek penggunaan ganti nama pertama, kedua dan ketiga. Kesalahan ini bukan sahaja kerana mereka tidak memahami kaedah kata kerja tetapi disebabkan oleh kecuaiannya mereka. Buktinya, terdapat dalam kalangan responden yang memahami tentang kata kerja tetapi melakukan kesalahan dalam penulisan. Dapatan kajian juga menguatkan faktor kecuaiannya ini di mana majoriti responden bersetuju mereka faham tatabahasa Arab tetapi sering mengabaikannya semasa menulis karangan.

iv. Penguasaan Ayat Kata Nama Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis

Penguasaan responden terhadap ayat kata nama adalah pada tahap sederhana iaitu sebanyak 60% sahaja daripada jumlah responden. Majoriti responden yang menguasai ayat kata nama iaitu sebanyak 87% dapat mengaplikasikan ayat kata nama dalam penulisan karangan. Bagi responden yang tidak menguasai ayat kata nama pula, dapatan kajian menunjukkan sebanyak 84% daripada jumlah yang tidak menguasai ayat kata nama tidak mampu menulis karangan menggunakan ayat kata nama dengan betul.

Dapatan kajian ini menunjukkan penguasaan responden terhadap ayat kata nama dan ayat kata kerja adalah sama iaitu pada tahap sederhana. Apa yang membezakan ialah implikasi kedua-dua jenis ayat ini terhadap penulisan. Sebelum ini pengkaji menyatakan implikasi penguasaan ayat kata kerja terhadap penulisan berada pada tahap sederhana tetapi berbeza dengan ayat kata nama di mana implikasi penguasaannya terhadap kemahiran menulis adalah sangat tinggi. Maksudnya, sekiranya pelajar menguasai ayat kata nama mereka mampu menggunakannya dalam penulisan pada tahap yang sangat tinggi dan sekiranya pelajar tidak menguasai ayat kata nama mereka tidak akan dapat menggunakannya kerana implikasi tidak menguasai ayat kata nama dalam penulisan adalah tinggi.

Dapatan kajian yang diperolehi mengenai penguasaan responden terhadap ayat kata nama dan ayat kata kerja adalah sama. Pada pendapat pengkaji kesamaan penguasaan responden dalam kedua-dua ayat ini kerana struktur ayat kata nama yang mempunyai kaitan dengan kata kerja dan ayat kata kerja. Apabila pelajar tidak memahami kata kerja dan ayat kata kerja dengan sendirinya mereka gagal membentuk ayat kata nama yang menggunakan predikat dalam bentuk ayat kata kerja. Begitu juga, kegagalan responden dalam mengenal pasti ganti nama terutamanya ganti nama yang terdapat atau tersembunyi dalam kata kerja menyebabkan mereka menggunakan kata kerja tidak tepat dalam menulis ayat yang mengandungi predikat berbentuk ayat kata kerja.

Analisis kesalahan tatabahasa Arab dalam karangan responden juga menunjukkan terdapat responden yang tidak dapat membentuk ayat kata nama dengan menggunakan predikat tunggal. Walaupun dalam kajian ini menunjukkan penguasaan responden terhadap kata nama adalah pada tahap tinggi tetapi itu hanya kajian tentang penguasaan jenis kata nama yang belum digabungkan dengan perkataan lain dalam ayat. Apabila kata nama digabungkan untuk membentuk ayat, responden tidak dapat menggunakannya dengan betul. Antara penulisan responden seperti ayat:

جامعتي مشهور - المحاضرون عالم

Dua ayat di atas menunjukkan responden menguasai kata nama tetapi mereka tidak dapat menggunakannya dalam penulisan atau pembentukan ayat. Begitulah dengan ayat:

جامعتي هو اسم

ayat seperti ini juga menunjukkan responden tidak menguasai ayat kata nama walaupun semua perkataan ditulis dengan betul tetapi penggunaan perkataan dalam ayat tidak tepat mengikut kaedah tatabahasa Arab.

v. Penguasaan *Nawāsikh* Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis

Dapatan kajian menunjukkan penguasaan responden terhadap *nawāsikh* berada pada tahap sangat tinggi iaitu 82%. Kebanyakan responden iaitu 76% dapat mengaplikasikannya dalam penulisan manakala responden yang tidak menguasai tajuk ini separuh daripada mereka iaitu sebanyak 50% mampu menggunakannya dalam penulisan karangan.

Kesimpulannya, penguasaan terhadap tajuk ini adalah sangat tinggi dan implikasi penguasaannya terhadap penulisan adalah tinggi. Implikasi tidak menguasai *nawāsikh* terhadap penulisan berada pada tahap sederhana. Keadaan ini berlaku kerana separuh responden yang tidak menguasai *nawāsikh* mampu menggunakannya dalam penulisan dengan betul. Pada pendapat pengkaji, hal ini berlaku disebabkan oleh responden hanya menggunakan (كان) dengan (إن) dalam penulisan karangan. *isim* kepada *nawāsikh* juga hanya digunakan kata nama tunggal. Penggunaan kata nama tunggal boleh mengelakkan daripada melakukan kesalahan dalam penulisan walaupun mereka tidak faham penggunaannya. Antara ayat yang sering digunakan oleh responden seperti:

إنّ جامعتي مشهور- كانت الجامعة مشهورة

إنّ أمي في البيت- كان أبي معي في الجامعة

Walaupun terdapat kesalahan pada ayat di atas dari aspek keselarasan subjek dan predikat tetapi penggunaan *nawāsikh* adalah betul dan walaupun penggunaan كان dalam ayat di atas menunjukkan peristiwa yang telah berlaku seperti dalam ayat:

كانت الجامعة مشهورة- كان أبي معي في الجامعة

Apa yang ingin diceritakan oleh responden ialah (أبي معي في الجامعة) keberadaan كان di sini tidak menunjukkan kesalahan struktur ayat tetapi hanya menunjukkan kesalahan

makna sahaja dan kesalahan makna dalam ayat seperti ini masih boleh difahami oleh pembaca. Begitulah kesalahan yang berlaku pada ayat di atas menunjukkan kesalahan pada subjek dan predikat sebelum dimasukkan *nawāsikh*. Oleh itu, pengkaji berpendapat penguasaan subjek dan predikat mempengaruhi penguasaan *nawāsikh*.

vi. Penguasaan Frasa *Idāfat* Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis

Dapatan kajian menunjukkan penguasaan responden terhadap frasa *idāfat* adalah pada tahap sederhana iaitu 58%. Sebanyak 60% daripada yang menguasai frasa *idāfat* mampu menggunakannya dalam penulisan karangan. Ini bermaksud, penguasaan responden sederhana dan kebolehan untuk menggunakannya dalam kalangan responden yang menguasainya adalah juga pada tahap sederhana. Dengan kata lain, tidak ramai yang menguasai dan tidak ramai dalam kalangan yang menguasai mampu menulis dengan betul dengan menggunakan *idāfat*. Bagi responden yang tidak memahami frasa *idāfat* pula, sebanyak 65% tidak mampu menggunakannya dalam penulisan.

Oleh itu, pelajar yang tidak menguasai *idāfat* tidak mungkin mereka dapat menggunakannya dalam penulisan.

Persoalannya kenapa terdapat responden yang tidak menguasai frasa *idāfat* mampu menulis dengan betul?, jawapannya ialah kerana mereka menulis frasa *idāfat* dalam bentuk *nakirat* seperti *بيت طلبة - سكن طلاب - مطعم جامعة* menyebabkan tidak berlaku kesalahan dalam penulisan mereka.

vii. Penguasaan Frasa Sifat Dan Implikasinya Terhadap Kemahiran Menulis

Dapatan kajian menunjukkan penguasaan responden terhadap frasa sifat adalah pada tahap tinggi iaitu 71%. Sebanyak 71% daripada yang menguasai frasa sifat mampu menggunakannya dalam penulisan karangan. Kenyataan ini menunjukkan tahap penguasaan responden terhadap frasa sifat berada pada tahap tinggi dan implikasi penguasaannya terhadap kemahiran menulis juga berada pada tahap tinggi. Kajian ini menunjukkan kebanyakan responden yang menguasai frasa sifat mampu menulis dengan betul. Responden yang tidak menguasai frasa sifat pula tidak ramai iaitu hanya 29%.

Walau bagaimanapun, dalam jumlah tersebut, 53% sahaja mampu menulis dengan betul. Kajian ini menunjukkan implikasi penguasaan frasa sifat terhadap kemahiran menulis adalah tinggi dan implikasi tidak menguasai frasa sifat terhadap penulisan adalah rendah kerana kebanyakan responden menggunakan sifat dan *mawsūf* tunggal *nakirat* dan penggunaan seperti ini mampu membantu mereka mengelak daripada kesalahan walaupun mereka tidak memahami konsep penggunaannya. Antara contoh penggunaan sifat yang ditulis oleh responden seperti:

في جامعتي مطعم كبير - معلم طيب وحسن - في جامعة سيارة كثيرة - جامعة مشهورة - مسكن بعيد
- إجازة طويلة - أنا أحب جامعة جميلة - أدرس مادة كثيرة - لي زميلة قريبة - لغة جميلة -

Untuk memudahkan lagi memahami implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis, pengkaji merumuskannya dalam bentuk jadual berikut:

Jadual 5.4 : Rumusan Implikasi Penguasaan TBA Terhadap Kemahiran Menulis

Tajuk	Tahap Penguasaan Keseluruhan Responden	Tahap Kemahiran Menulis Responden	Implikasi Penguasaan TBA Terhadap Penulisan	Implikasi Tidak Menguasai Terhadap Penulisan
Kata Nama	Sangat Tinggi	Sederhana	Tinggi	Rendah
Kata Tugas	Sederhana	Sederhana	Tinggi	Rendah
KK dan Ayat KK	Sederhana	Rendah	Sederhana	Tinggi
Ayat Kata Nama	Sederhana	Sederhana	Sangat Tinggi	Tinggi
<i>Nawāsikh</i>	Tinggi	Sederhana	Tinggi	Sederhana
Frasa <i>idāfat</i>	Sederhana	Rendah	Sederhana	Sederhana
Frasa Sifat	Tinggi	Sederhana	Tinggi	Rendah

5.7 Penutup

bab ini merupakan rumusan dapatan kajian yang diperolehi melalui soal selidik serta ujian penguasaan tatabahasa Arab dan implikasinya terhadap kemahiran menulis. Pengkaji telah merumuskannya mengikut data dan dapatan kajian yang diperolehi yang telah dibentangkan dalam bab empat. Pada umumnya boleh disimpulkan bahawa penguasaan responden pada setiap tajuk tatabahasa adalah berbeza iaitu rendah, sederhana, tinggi dan amat tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan implikasi penguasaan tatabahasa serta implikasi tidak menguasainya khasnya pada tajuk yang diuji terhadap kemahiran menulis juga berbeza.

BAB 6 : KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.0 Pendahuluan

Bab ini membentangkan ringkasan kajian secara menyeluruh merangkumi tujuan kajian, kerangka teoritikal kajian, reka bentuk kajian, responden, instrumen kajian dan pendekatan yang digunakan dalam kajian bagi menjawab persoalan kajian yang digariskan. Perbincangan dalam bab ini juga meliputi rumusan dan perbincangan tentang dapatan kajian. Seterusnya, pengkaji mengutarakan cadangan pengajaran tatabahasa Arab dan kemahiran menulis di peringkat Asasi diikuti cadangan kajian lanjutan kepada pengkaji lain pada masa hadapan.

6.1 Ringkasan Kajian

Terdapat banyak kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar sama ada secara sedar atau tidak sedar terutamanya dalam membina ayat bahasa Arab ketika membuat karangan. Pelajar terpengaruh dengan sistem bahasa ibunda serta keliru memilih kaedah tatabahasa yang betul dan sesuai untuk digunakannya dalam penulisan mereka. Terdapat beberapa kajian yang membincangkan kelemahan pelajar Melayu dalam menguasai tatabahasa Arab. Antara kajian tersebut ialah kajian yang dijalankan di peringkat universiti mengenai penguasaan pelajar terhadap tatabahasa Arab.

Kajian ini menunjukkan pelajar tidak menguasai frasa nama dalam teks yang diberikan. Selain itu, terdapat kajian lain di peringkat sekolah yang menunjukkan pelajar sekolah masih lemah dalam penguasaan tatabahasa Arab dan kemahiran penulisan.

Aspek kelemahan pelajar dalam menguasai tatabahasa Arab antaranya adalah dalam menguasai kata kerja bahasa Arab, mereka lemah untuk membezakan pola kata kerja, perubahan makna dengan penambahan huruf dalam kata kerja serta perubahan kata kerja dari sudut bilangan dan gender. Selain itu, pelajar Melayu juga lemah dalam menguasai *nawāsikh* serta tidak memberi tumpuan yang mendalam terhadap tajuk *al-marfū'āt*, *al-majrūrāt* dan *al-mansūbāt* yang merupakan tajuk yang sangat penting dalam pengajian tatabahasa Arab

Tatabahasa Arab mempunyai kaitan rapat dengan kemahiran berbahasa sama ada kemahiran membaca atau menulis. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menfokuskan terhadap kemahiran menulis kerana kemahiran menulis merupakan penguasaan bahasa peringkat asas. Kemahiran menulis dimulakan dengan menulis huruf, perkataan, ayat dan berakhir dengan sebuah wacana yang boleh memberi kefahaman kepada pembaca. Dalam penulisan atau membina ayat lengkap bahasa Arab memerlukan kemahiran nahu. Apa yang menjadi masalah dalam penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar ialah masalah kelemahan nahu Arab. Pelajar tidak dapat menggunakan nahu dengan tepat dalam penulisan. Terdapat beberapa kajian tentang pembelajaran bahasa kedua yang menunjukkan bahawa pelajar bahasa kedua tidak menguasai kemahiran menulis dan melakukan kesalahan dalam pelbagai aspek seperti aspek morfologi dan sintaksis, menyalahgunakan kata kerja serta melakukan kesalahan dalam membuat frasa.

Kesalahan tatabahasa ialah kesalahan yang berlaku dalam struktur ayat. Ayat yang lengkap dan sempurna merupakan ayat yang tidak terdapat kesalahan tatabahasa padanya. Kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar mengikut kajian terdahulu antaranya merangkumi kesalahan dari segi *i'rāb*, penggunaan ganti nama, penggunaan

kata nama hubung, penggunaan huruf kata kerja, penggunaan kata nama tunggal, duaan dan jamak, penggunaan gender dan penggunaan *alif* dan *lām* pada kalimah. Penguasaan tatabahasa Arab yang mantap mampu melahirkan pelajar yang berkemahiran tinggi dalam keempat-empat kemahiran. Tanpa kefahaman yang mendalam dalam bidang tatabahasa Arab boleh mengundang kesalahan dalam menggunakan bahasa kedua.

Berdasarkan kajian dan keterangan di atas, membuktikan bahawa pelajar Melayu melakukan kesalahan dalam aspek tatabahasa terutamanya semasa menggunakannya dalam penulisan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap penguasaan pelajar Asasi terhadap aspek tatabahasa yang telah dipelajari semasa mereka berada di peringkat sekolah menengah, apakah mereka telah memahami dan menguasai tatabahasa tersebut dengan baik atau mereka tidak mampu menguasainya sehingga menyebabkan mereka melakukan kesalahan dalam penulisan sama ada dalam membentuk ayat lengkap atau dalam menulis karangan.

Secara ringkasnya kajian ini bertujuan untuk (a) mengenal pasti tahap penguasaan pelajar Asasi terhadap tatabahasa Arab (b) menganalisis tahap penguasaan kemahiran menulis pelajar dari segi kesahihan tatabahasa dan (c) menjelaskan implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis.

Tatabahasa Arab atau ilmu nahu dan saraf sangat penting dan perlu diberi perhatian oleh pelajar agama dan pelajar bahasa Arab kerana kedua-duanya adalah nadi kepada ilmu bahasa Arab. Kelemahan menggunakan nahu dan saraf dengan tepat mengundang kesalahan dalam memahami ayat yang dibaca atau ditulis. Selain itu, antara kepentingan tatabahasa Arab ialah dengan memahami dan menguasainya boleh membantu pelajar meningkatkan penguasaan memahami teks bahasa Arab dan

mengaplikasikan tatabahasa Arab dalam pembentukan ayat serta dalam komunikasi harian. Oleh itu, kelemahan pelajar dalam menguasai tatabahasa Arab perlu ditangani oleh semua pihak.

Penguasaan ialah satu kegiatan atau proses untuk berkuasa atau mengawal, ia juga memberi maksud cekap, lancar, pandai serta memahiri dan melatih diri supaya mahir dalam sesuatu bidang. Menguasai bahasa memberi maksud memahirkan diri serta melatihnya supaya cekap atau mempelajarinya dengan bersungguh-sungguh sehingga mahir dan mampu berkomunikasi dengan baik. Penguasaan dalam konteks kajian ini pula ialah satu proses dan usaha yang dilakukan oleh seseorang individu atau seseorang pelajar untuk menguasai tatabahasa Arab sehingga ke tahap yang tinggi, baik dan kompeten sehingga dapat menggunakannya mengikut kaedah yang ditetapkan dalam penulisan

Kemahiran menulis merupakan proses memberikan simbol grafik bagi melambangkan bahasa dalam menyusun perkataan, rangkaian, ayat dan seterusnya unit yang lebih panjang mengikut peraturan tertentu dengan menunjukkan wacana dan pelahiran idea yang jelas dan tersusun. Ia digunakan untuk tujuan berkomunikasi di tempat kerja, dalam situasi pendidikan dan untuk tujuan kehidupan. Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang sangat kompleks dan telah dipersetujui oleh ramai pendidik bahasa bahawa ia perlu bermula hanya apabila kemahiran yang lain sudah sebatih dengan pelajar. Antara objektif pengajaran kemahiran menulis adalah untuk membolehkan pelajar menulis huruf Arab, menulis perkataan Arab dengan huruf bercerai dan huruf bersambung, mengetahui tanda penulisan dan maksudnya serta penggunaannya, menggunakan susunan ayat yang betul dalam menterjemahkan idea dalam bentuk ayat yang betul mengikut kaedah nahu bagi menggambarkan idea yang betul.

Menulis mempunyai sistem dan format tertentu serta mempunyai hubungan dengan kandungan yang berkaitan. Oleh itu, menulis menjadi perkara yang susah bagi pelajar dan merupakan satu kemahiran yang sukar dan pastinya menulis dengan baik memerlukan pengajaran serta latihan yang banyak sehingga dapat menguasainya.

Penulisan amat penting dalam kehidupan pelajar, terutamanya di peringkat awal pengajian, kerana pelajar perlu bersuara, meluahkan pengalaman dan pandangan mereka. Dalam penulisan, pelajar perlu tulis dengan idea yang jelas serta menggunakan bahasa dengan betul agar pandangannya dapat difahami dan apa yang ada dalam fikirannya dapat disampaikan dengan jelas kepada pendengar. Oleh itu, penting bagi seorang pelajar menyedari bahawa dalam kemahiran menulis terutamanya menulis bahasa Arab perlu bebas daripada melakukan kesalahan tatabahasa, perlu memilih kata-kata yang betul serta mempersembahkan idea yang jujur dalam menggambarkan perasaan, di samping menerangkan sesuatu yang ingin disampaikan melalui penulisan. Pemilihan perkataan juga perlu tepat dan penggunaan tanda baca perlu betul

Penguasaan kaedah tatabahasa Arab mempunyai implikasi terhadap penulisan. Sebagai contoh, kaedah morfologi yang merupakan aspek bahasa yang halus dan memainkan peranan penting dalam sesuatu ungkapan serta memberi kesan kepada makna yang disebut sebagai makna morfologi seperti kata nama pelaku, kata nama objek, kata nama sifat dan sebagainya. Sekiranya perkataan yang berunsur morfologi ini digunakan pada bukan tempatnya ia tidak akan dapat difahami dengan baik. Begitu juga kaedah nahu, ia memainkan peranan penting dalam penyusunan ayat. Susunan Ayat kata kerja dan Ayat kata nama adalah berbeza sama ada dalam pembentukan dan maksud. Penyusunan dan penyelarasan gender dan bilangan juga mempengaruhi kesahihan ayat. Semua perkara ini perlu diambil kira dalam proses penulisan. Kesalahan

dalam perkara tersebut akan memberi implikasi yang sangat ketara pada maksud ayat yang hendak disampaikan.

Pelajar yang mempelajari bahasa Arab perlulah mahir dan menguasai tatabahasa Arab. Kemahiran ini sekurang-kurangnya mampu membina ayat yang lengkap, bebas daripada kesalahan dan kesilapan tatabahasa. Penguasaan tatabahasa dan kefahaman yang silap terhadapnya memberi implikasi yang besar terhadap penggunaannya semasa bercakap atau menulis. Kesalahan penggunaan tatabahasa Arab ini akan membawa kepada kesalahan dalam memberi maksud mengikut apa yang dikehendaki sebagaimana dijelaskan tadi.

Kajian ini dijalankan menerusi kaedah tinjauan yang merupakan prosedur penyelidikan kuantitatif. Kaedah ini dipilih berdasarkan reka bentuk kajian tinjauan dapat memberikan perihal fenomena dan tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar dan implikasinya terhadap penulisan. Kajian ini bertujuan melihat implikasi penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar Asasi Universiti Awam terhadap penulisan. Populasi kajian dalam kajian ini terdiri daripada pelajar lepasan SPM yang berjaya melanjutkan pengajian di peringkat Asasi Universiti Awam Malaysia yang menawarkan kursus Bahasa Arab. Pemilihan mereka ini disebabkan jarang terdapat kajian yang melibatkan kumpulan ini dan kerana mereka ini telah mempelajari tatabahasa Arab di peringkat sekolah selama lima tahun. Mereka telah melalui beberapa sistem peperiksaan utama seperti PMR dan SPM dan telah melalui pembelajaran tatabahasa Arab serta mempunyai maklumat tentang perkara asas tatabahasa Arab. Selain itu, pelajar di peringkat Asasi di pusat kajian terpilih ini juga mengambil kursus Bahasa Arab sebagai persediaan untuk pengajian di peringkat ijazah yang memerlukan pementapan dari aspek kemahiran bahasa Arab untuk memahami bidang dan pengkhususan yang dipelajari seperti syariah dan usuluddin yang kebanyakan bahan

rujukannya dalam bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini bertujuan melihat penguasaan mereka terhadap tatabahasa Arab yang dipelajari di peringkat SPM untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam kalangan mereka terhadap apa yang mereka pelajari semasa di sekolah supaya kelemahan yang diperolehi melalui kajian ini dapat diperbaiki di peringkat Asasi sebelum mereka melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 265 orang pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia.

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik, soalan ujian penguasaan tatabahasa Arab dan soalan ujian kemahiran menulis. Soal selidik terdiri daripada soalan tentang latar belakang responden dan pandangan umum responden terhadap tatabahasa Arab. Ujian penguasaan tatabahasa Arab pula terdiri daripada soalan objektif dan soalan subjektif. Manakala ujian kemahiran menulis terdiri daripada tiga tajuk karangan di mana responden diminta menjawab hanya salah satu tajuk karangan yang diberikan tidak melebihi 100 patah perkataan. Kesahan instrumen kajian dilakukan melalui rujukan pakar, manakala kebolehpercayaan instrumen kajian pula dilakukan dengan test retest dan Alpha Cronbach. Dapatan kajian daripada soal selidik dan ujian penguasaan tatabahasa Arab diproses melalui analisis deskriptif. Peratusan, min dan taburan skor digunakan bagi menjelaskan maklumat berkaitan penguasaan tatabahasa dalam tajuk kajian. Untuk menganalisis data, pengkaji menggunakan jadual, graf dan rajah bagi memaparkan dapatan kajian berkenaan untuk membantu pembaca menginterpretasi data yang dibentangkan dengan lebih mudah.

Penentuan kesalahan penulisan dibuat berdasarkan penyimpangan sesuatu kaedah dalam sistem bahasa Arab standard dalam penyusunan ayat bahasa Arab. Penilaian penulisan juga dibuat berdasarkan kaedah dan sistem yang telah ditetapkan oleh para sarjana bahasa Arab terdahulu dan juga sarjana masa kini yang dianggap muktabar. Implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis dinilai berdasarkan penguasaan responden dalam perkara yang diuji dan kemampuan mereka dalam menggunakannya dalam penulisan karangan. Bilangan Responden yang menguasai atau tidak menguasai tatabahasa Arab pada setiap tajuk yang diuji dipadankan dengan bilangan responden yang mampu atau tidak mampu menggunakan tajuk yang dikuasai dengan betul.

Kajian ini menunjukkan penguasaan responden terhadap perkataan bahasa Arab berada pada tahap sangat tinggi. Penguasaan terhadap *nawāsikh* pada tahap sederhana dan penguasaan terhadap frasa sifat adalah tinggi. Manakala penguasaan responden terhadap kata tugas, ayat kata kerja, ayat kata nama dan *idāfat* berada pada tahap sederhana. Purata keseluruhan penguasaan responden terhadap tatabahasa Arab berada pada tahap sederhana. Antara faktor mempengaruhi penguasaan pada tahap ini mengikut kajian ini antaranya ialah pertama: Objektif mempelajari bahasa Arab. Kajian ini menunjukkan objektif mempelajari bahasa menyumbang penguasaan tatabahasa Arab, tanpa objektif yang jelas boleh menjejaskan penguasaan terhadap bahasa Arab. Kajian ini menunjukkan terdapat responden yang tidak mempunyai objektif yang jelas dalam mempelajari bahasa Arab, antaranya mereka mempelajari bahasa Arab kerana terpaksa dan hanya untuk mencukupi pakej mata pelajaran SPM sahaja. Walaupun majoriti responden mempunyai objektif yang jelas terhadap pembelajaran bahasa Arab seperti ingin mendalami bidang agama, berminat dengan keindahan bahasa Arab dan ingin bertutur dalam bahasa Arab, pada pendapat pengkaji, penguasaan keseluruhan

responden terjejas dengan beberapa pencapaian responden yang tidak mempunyai objektif yang jelas terhadap pembelajaran bahasa Arab tadi.

Pada pandangan pengkaji juga, sekiranya pelajar tidak mempunyai objektif pembelajaran bahasa Arab yang jelas mereka tidak akan belajar dengan besungguh-sungguh dan seterusnya sikap tidak bersungguh-sungguh terhadap pelajaran inilah menyebabkan mereka memperolehi gred yang rendah atau hanya menguasai tatabahasa Arab pada tahap yang sederhana. Kedua: masa mengulang kaji bahasa arab. Masa yang diambil untuk mengulang kaji juga mempengaruhi kebolehan responden dalam menguasai bahasa Arab. Kekerapan mengulangi apa yang dipelajari merupakan faktor penting dalam mencapai kecemerlangan.

Kajian ini menunjukkan pelajar kurang memberikan masa untuk mengulang kaji bahasa Arab semasa mereka berada di sekolah. Responden terdiri daripada kalangan pelajar cemerlang, sepatutnya penguasaan mereka terhadap tatabahasa Arab berada pada tahap lebih tinggi tetapi kajian ini menunjukkan penguasaan mereka berada pada tahap sederhana sahaja iaitu sebanyak 69% atau gred B. Pada pendapat pengkaji, sekiranya mereka memberi lebih masa untuk mengulang kaji mereka akan lebih menguasai apa yang dipelajari. Ketiga : kesungguhan. Kesungguhan dan mengambil berat terhadap apa yang dipelajari mempengaruhi kecemerlangan dalam mata pelajaran bahasa Arab.

Sungguhpun responden terdiri daripada kalangan pelajar cemerlang, mereka sudah memahami apa yang diajar di dalam kelas, tetapi oleh kerana kecuaiian dan sikap tidak berhati-hati mereka dalam memilih jawapan menyebabkan mereka tersilap memberi jawapan yang betul dalam peperiksaan dan markah yang diperolehi berada pada tahap sederhana sahaja. Keempat: motivasi merupakan faktor mempengaruhi

pencapaian individu tetapi motivasi tanpa usaha, kesungguhan serta kesedaran tidak membantu individu mencapai kecemerlangan.

Hasil kajian ini menunjukkan majoriti responden mula mempelajari bahasa Arab semenjak mereka berada di sekolah rendah. Ini membuktikan bahawa masa mulai mengenali dan mempelajari bahasa Arab bukan faktor membantu menguasai tatabahasa Arab. Walaupun kaedah tatabahasa Arab sangat banyak dan kompleks tetapi pada hakikatnya pelajar bukan Arab mampu menguasainya dengan usaha serta kesungguhan.

Hasil kajian ini juga menunjukkan kemampuan responden dalam mengaplikasikan kemahiran menulis dalam karangan berada pada tahap sederhana. Faktor kemampuan ini dipengaruhi oleh kefahaman mereka terhadap tatabahasa Arab. Penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan responden memberi pelbagai implikasi terhadap penulisan karangan. Penguasaan responden terhadap kata nama, kata tugas, *nawāsikh* dan frasa sifat memberi implikasi yang tinggi terhadap penulisan karangan. Penguasaan terhadap kata kerja dan ayat kata kerja serta frasa *idāfat* pula memberi implikasi yang sederhana terhadap kemahiran menulis. Kajian ni juga menunjukkan penguasaan ayat kata kerja mempunyai hubung kait dengan penguasaan ayat kata nama dan ayat kata nama pula mempengaruhi penguasaan *nawāsikh*.

Berdasarkan dapatan kajian mengenai implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis menunjukkan pembentukan ayat dalam bahasa Arab sama ada ayat kata nama atau ayat kata kerja sangat penting dan perlu diberi perhatian lebih oleh guru. Penguasaan pelajar terhadap ayat memberi implikasi antara tahap sederhana sehingga tinggi dalam kemahiran menulis, manakala tidak menguasainya pula memberi implikasi yang tinggi terhadap kemahiran menulis maksudnya sekiranya

pelajar faham apa yang diajar tidak semestinya mereka akan dapat menulis betul 100% tetapi kemampuan mereka untuk menulis antara 60-86% sahaja. Apatah lagi kalau mereka tidak faham, hanya 15-30% sahaja yang akan mampu menulis ayat dalam bahasa Arab, itu pun mereka boleh tulis dengan bergantung kepada kosa kata tanpa memahami kaedah pembentukan ayat yang sebenar

Kesimpulannya, tatabahasa Arab mempengaruhi kemahiran menulis. Kegagalan pelajar dalam menguasai tatabahasa Arab akan menyebabkan kesalahan dalam penulisan kesalahan dalam penulisan pula akan menyebabkan apa yang ditulis tidak dapat difahami atau apa yang ditulis memberi maksud lain yang tidak dikehendaki. Kefahaman dan penguasaan tatabahasa Arab sangat penting kerana dengan menguasai tatabahasa Arab pelajar dapat meningkatkan penguasaan pemahaman teks bahasa Arab dan mengaplikasikan tatabahasa Arab dalam pembentukan ayat serta dalam komunikasi harian. Oleh itu, kelemahan pelajar dalam menguasai tatabahasa Arab perlu ditangani oleh semua pihak.

6.2 Implikasi Kajian

Secara umumnya, hasil kajian ini dapat memberikan sumbangan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua khususnya yang melibatkan aspek pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Secara umumnya berdasarkan dapatan yang diperolehi menunjukkan tatabahasa Arab mempunyai kepentingan yang besar dan perlu mendapat perhatian khusus terutamanya daripada pengamal bahasa Arab. Tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar di samping keupayaan pelajar menggunakan apa yang dikuasai dalam bentuk kemahiran terutamanya kemahiran menulis perlu mendapat perhatian daripada semua pihak.

Dapatan kajian ini serta perbincangan tentang penguasaan tatabahasa Arab dan implikasinya terhadap kemahiran menulis dapat dimanfaatkan oleh semua pihak yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab khususnya dan pengajaran bahasa asing amnya sama ada di peringkat IPT mahu pun di peringkat sekolah demi untuk memantapkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Untuk melancarkan lagi pengajaran dan pembelajaran tatabahasa Arab memerlukan sokongan daripada pihak institusi sama ada institusi pengajian tinggi atau sekolah. Institusi perlu proaktif dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar dengan mengadakan program motivasi, aktiviti dan kem bahasa Arab serta kursus intensif untuk memberi semangat dan menarik minat para pelajar dalam mempelajari tatabahasa bahasa Arab. Pihak pentadbir institusi juga perlu sentiasa mempertingkatkan serta memperbaharui sistem pengajaran dan pembelajaran sejajar dengan kemajuan teknologi dalam pendidikan.

Pihak institusi juga perlu mengadakan bengkel, seminar dan kursus kepada para pengajar bagi meningkatkan kemahiran dalam pengajaran tatabahasa Arab, di samping memastikan para guru/pengajar yang kurang pengalaman didedahkan dengan kemahiran dan teknik pengajaran yang sesuai dan terkini. Selain itu, pihak institusi juga perlu menyediakan bahan rujukan serta sentiasa menambah bahan rujukan dan buku terbaru bagi memudahkan guru membuat rujukan.

Pihak institusi juga perlu menyemak kembali peraturan kemudahan dan peruntukan mata pelajaran bahasa asing dalam pemilihan tenaga pengajar bahasa terutamanya bahasa asing. Pemilihan tenaga pengajar harus dipilih daripada mereka yang benar-benar layak dalam bidang berkaitan. Pensyarah/pengajar bahasa perlu diberi

pendedahan dan kursus serta latihan yang secukupnya sebelum memulakan tugasnya sebagai pensyarah bahasa agar mereka benar-benar memahami objektif pengajaran, kerana pengajaran bahasa Arab terdiri daripada empat kemahiran iaitu mendengar, membaca, menulis dan bertutur. Setiap kemahiran ini masing-masing mempunyai kaedah, strategi dan teknik yang pelbagai serta objektif yang berlainan.

Pihak institusi juga diharapkan dapat menyemak kembali jam kredit dan jam pertembungan pengajaran bahasa Arab untuk memastikan maklumat pengajaran dapat dicapai. Selain itu bilangan pelajar untuk pengajaran bahasa tidak seharusnya disamakan dengan mata pelajaran lain kerana kelas bahasa lebih kepada aktiviti yang memerlukan penglibatan pelajar dalam aktiviti dalam kelas terutamanya dalam pengajaran tatabahasa dan kemahiran menulis. Pengajaran tatabahasa bukan sahaja teori malah aspek praktikal perlu diutamakan. Oleh itu, bilangan pelajar yang ramai untuk pengajaran tatabahasa dan kemahiran menulis tidak boleh sama dengan bilangan mata pelajaran lain. Untuk pengajaran yang berkesan maka disarankan agar bilangan pelajar bagi satu kelas tidak melebihi 20 orang sahaja.

Kemudahan bilik aktiviti belajar bahasa juga harus difikirkan untuk memberi ruang kepada mereka belajar dalam persekitaran bahasa yang dipelajari. Ini kerana agak mustahil untuk pelajar menguasai bahasa asing dengan baik tanpa didedahkan kepada persekitaran sebenarnya bahasa tersebut. Oleh itu, sebagai ganti kepada persekitaran sebenar sesuatu bahasa asing yang dipelajari persekitaran buatan perlu diwujudkan di dalam kampus demi membantu pelajar dalam menghayati dan membiasakan diri terhadap bahasa yang dipelajari.

Kepada Jawatankuasa kurikulum bahasa Arab disarankan menyemak kembali bahan pengajaran bahasa Arab agar benar-benar menepati kehendak pengajaran bahasa Arab terutamanya dalam pengajaran tatabahasa dan kemahiran menulis. Kandungan pengajaran hendaklah sesuai, contoh dan petikan dalam buku perlu hampir dengan diri pelajar dan bukan daripada ayat dan teks yang menceritakan tempat yang tak pernah didengar dan dikunjung oleh mereka.

Kepada pensyarah bahasa Arab diharapkan sentiasa menyedari betapa beratnya tanggungjawab yang perlu dipikul sebagai seorang pengajar bahasa asing terutamanya pengajar tatabahasa Arab dan kemahiran menulis. Pensyarah seharusnya melaksanakan tanggungjawab tersebut sebaik dan sesempurna yang boleh. Oleh itu, setiap pensyarah yang ingin berjaya dalam bidang kerjayanya haruslah memiliki ilmu pengetahuan yang mendalam tentang ilmu dan bahasa yang diajar serta perlu bijak dalam menggunakan teknik dan kaedah pengajaran mengikut kemahiran dan objektif yang hendak dicapai serta sesuai dengan kehendak pengajaran dan latar belakang pelajar.

Mereka juga perlu sentiasa belajar bukan sahaja tentang bahasa yang diajar malah juga tentang strategi dan teknik pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing. Pensyarah/Guru perlu memastikan pelajar telah memahami apa yang disampaikan sehingga mereka dapat mempraktikkannya melalui lisan dan penulisan. Begitulah pengajaran kemahiran menulis, guru perlu meninjau penulisan setiap pelajar dan perlu sentiasa menganalisis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar serta membuat penerangan aspek kesalahan dan menerangkan sebab kesalahan tersebut agar pelajar tidak mengulanginya kembali.

Pensyrah/Guru juga perlu kreatif dalam mempersembahkan gaya pengajaran yang benar-benar efektif dan boleh menarik minat pelajar. Selain daripada itu, pengajar bahasa juga perlu memiliki sikap mesra, ceria dan aktif kerana dengan memiliki sikap demikian seorang pengajar bahasa akan berjaya menghidupkan kelas bahasa dan pastinya mendapat respon yang positif daripada setiap pelajar

Segala usaha dan cadangan di atas tidak akan berjaya sekiranya pelajar sendiri tidak sama-sama melibatkan diri dalam usaha untuk melaksanakan cadangan tersebut. Oleh itu, kepada semua pelajar bahasa Arab sama ada di IPT mahu pun di peringkat sekolah hendaklah menyedari tentang kepentingan mempelajari bahasa Arab dan berusaha untuk menguasainya sama ada dalam menguasai tatabahasa dan kemahiran lain seterusnya sentiasa berlatih menggunakannya dalam komunikasi dan penulisan demi meningkatkan kebolehan berbahasa Arab.

Untuk menguasai tatabahasa Arab memerlukan strategi khas. Antara strategi yang boleh digunakan oleh pelajar seperti perbincangan dan bimbingan sesama rakan sebaya, kerana pelajar lebih tahu kelemahan dan kekuatan diri mereka sendiri dan mereka lebih tahu bagaimana untuk mengatasinya. Dalam pengajaran dan pembelajaran tatabahasa Arab perlu rujukan pelbagai dan terkini. Pelajar juga tidak seharusnya mengharapkan syarahan guru semata-mata, bahkan mereka perlu rajin merujuk buku tatabahasa terkini yang ditulis oleh ahli bahasa di dalam dan luar negara. Rujukan kepada guru terhadap kekeliruan yang terdapat dalam buku rujukan juga penting untuk mendapatkan penjelasan lebih ditil.

Pembelajaran tatabahasa Arab adalah satu kemahiran yang memerlukan latihan tubi berterusan. Oleh itu, perlu bagi seorang pelajar sentiasa membuat latihan dan melatih diri sehingga terbiasa dengan kaedah tatabahasa Arab. Pelajar perlu memastikan bahawa kecemerlangan pencapaian peperiksaan hendaklah seiring dengan kebolehan dan keupayaan menggunakan bahasa yang dipelajari. Pelajar juga perlu sedar tentang kehalusan dan selok-belok tatabahasa Arab di mana kesalahan yang sedikit atau hanya pada satu huruf boleh mengakibatkan kesalahan membentuk ayat seterusnya perubahan besar pada makna.

6.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini merupakan satu dimensi mengenai penguasaan tatabahasa Arab dan kemahiran menulis. Dapatan kajian ini dapat dimanfaatkan oleh beberapa agensi termasuk institusi pendidikan awam dan swasta. Untuk mendalami lagi kajian seperti ini, maka pengkaji mengemukakan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan:

- i. Kajian ini hanya tertumpu kepada tujuh tajuk asas tatabahasa Arab, maka pengkaji mencadangkan agar kajian tatabahasa Arab ini diperkembang dan diperluaskan dengan mengkaji tajuk lain terutamanya tajuk yang ada hubung kait secara langsung dengan kata kerja, pelaku dan objek dalam ayat seperti tajuk *al-Mafā'il* dan *hāl*.
- ii. Kajian ini hanya tertumpu kepada implikasi penguasaan tatabahasa Arab terhadap kemahiran menulis sahaja, maka kajian lanjutan dicadangkan dilakukan tentang implikasinya terhadap kemahiran lain seperti kemahiran membaca dan bertutur.

- iii. Responden dalam Kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar Asasi Universiti Awam, kajian selanjutnya boleh diperluaskan kepada pelajar di peringkat lain seperti pelajar sekolah atau pelajar yang telah memasuki universiti di peringkat ijazah.
- iv. Kajian untuk pembinaan modul pengajaran tatabahasa Arab terutamanya pembinaan modul mudah/ringkas pembentukan ayat dalam bahasa Arab berdasarkan kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar.
- v. Kajian penguasaan pelajar Asasi terhadap kemahiran bahasa Arab. Kajian yang dilakukan ini adalah untuk mengukur penguasaan pelajar lepasan SPM yang berjaya memasuki peringkat Asasi. Penguasaan yang diukur adalah tentang pengetahuan lepas iaitu semasa mereka berada di sekolah. Oleh itu kajian lanjutan yang dicadangkan ialah penguasaan tatabahasa Arab yang mereka peroleh setelah mereka berada di peringkat Asasi. Kajian cadangan ini boleh dilakukan setelah mereka berada di hujung pengajian Asasi untuk melihat apa yang mereka perolehi semasa berada di peringkat Asasi dan apakah terdapat peningkatan penguasaan jika dibandingkan dengan penguasaan mereka pada mula-mula mereka berada di peringkat Asasi.

6.4 Penutup

Bab ini telah merumuskan kajian secara menyeluruh merangkumi tujuan kajian, kerangka teoritikal kajian, bentuk kajian, instrumen kajian dan pendekatan analisis data yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Seterusnya diikuti dengan rumusan dapatan kajian dan kesimpulannya.

Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi impak kepada beberapa pihak yang berkaitan seperti bahagian pentadbiran dan bahagian Kurikulum Asasi Universiti Awam. Bagi guru dan pensyarah Asasi Universiti Awam, dapatan kajian ini dapat membantu mereka membina bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab amnya dan tatabahasa Arab khasnya. Selain itu, dapatan kajian ini dapat membantu para guru dan pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran sintaksis asas bahasa Arab dan kemahiran menulis. Berdasarkan hasil kajian, pengkaji telah menjelaskan aspek kelemahan pelajar dalam tatabahasa Arab dan kemahiran menulis asas bahasa Arab yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam kajian pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan lagi proses pengajaran tatabahasa Arab sama ada di peringkat sekolah, asasi dan ijazah.

BIBLIOGRAFI

A. BAHASA ARAB

- ‘Abd al-‘Azīz ‘Atīq. (1974). *al-Madkhal ilā ‘Ilm al-Naḥw wa al-Ṣarf*. Beirut: Dār al-Nahḍat al-‘Arabiyyat.
- ‘Arif. K. (1990). *Tadrīs al-Naḥw al-‘Arabī li Ghayr al-‘Arab*. (Dalam Majalah Pengajian Arab. Jilid Satu. Bilangan Satu). Brunei: Ma’had al-‘Āliyy li al-Dirasāt al-Islamiyyat
- ‘Āmir Fakhr al-Dīn (2000), *Ṭuruq Tadrīs al-Khāṣṣat bi al-Lughat al-‘Arabiyyat wa al-Tarbiyat al-Islāmiyyat*, Kaherah : ‘Ālam al-Kutub
- ‘Āsyūr Rātīb (2005), *Asālīb Tadrīs al-Lughat al-‘Arabiyyat bayna al-Nazariyat wa al-Taṭbīq*, Amman : Dār al-Musīrah
- ‘Abduh al-Rājīhi (1988), *al-Taṭbīq al-Naḥwīy*, Beirut: Dār al-Nahḍat al-‘Arabiyyat li al-Ṭibā’ah wa al-Nasyr.
- ‘Abdullah Jamal al-Dīn bin Yusuf (tt) *Audaḥ al-Masālik ilā alfiyah ibn Mālik*, Beirut: Al- Maktabat al-‘Asrīyyah
- Aḥmad Al-Qalqasynadī (1992), *Subḥ al-‘A’syā fi Kitabat al-Insyā’*, j 1, Kaherah : Dār al-Kutub al-Maṣriyyah
- Aḥmad bin Muḥammad al-Ḥamalāwī (2002). *Syadā al-‘Arf fi Fann al-Ṣarf*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah
- al-Amīn Ṣālīḥ (1982). *Tahlīl al-Akḥṭa’ al-Kitābat li al-Talāmīz al-Kibār* (Tesis Peringkat Diploma Pengkhususan Pengajaran Bahasa Arab) Khartoum. Universiti Duwal al-‘Arabiyyat
- ‘Ali Aḥmad Madkūr (2002). *Tadrīs Funūn al-Lughat al-‘Arabiyyat*. Kaherah: Dār al-Fikr al-Arabīy.
- al-Nāḍirīy, M.A. (1998). *Naḥw al-Lughat al-‘Arabiyyat*. Beirut: Al-Maktabat Al-‘Asriyyat.
- Antowan al-Dahdah (1989). *Mu’jam Qawā’id al-Lughat al-Arabiyyat*. Beirut: Maktabat Lubnan.
- ‘Arif Aḥmad Hijāwīy (2005). *Qawaid al-Lughat al-‘Arabiyyat: Syhrh Shāmil ma’a al-Amthilāt*. Amman: Dār al-Shuruq.
- Bahā’ al-Dīn Abdullah (1985), *Syarh ibn ‘Aqīl*, J1&2, Beirut : Dār al-Fikr li al-Ṭibā’at wa al-Tauzī’

- Fu'ād Ni'mat (1973). *Mulakkhas Qawā'id al-Lughat al-'Arabiyyat*, Kaherah: al-Maktab al- 'Ilmiy li al Ta'lif wa-al-Tarjamat.
- al-Hāsyimīy (tt), *al-Qawā'id al-Asāsīyyah li al-Lughat al-'Arabīyyat*, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat
- al-Ḥamalāwīy (2000), *Syazā al-'Arf fi Fann al-Sarf*, Beirut : Dār al-Rusyd
- Hanafi Dolah (2004), *'Ilm al-Sarf al- Mutaqaddim Li Aghrād 'Ilmiyyat*. UIAM.
- Ḥassan Shahātah. (1992) *Ta'lim al-Lughat al-'Arabiyyat Bayna al-Nazariyyāt Wa al-Taṭbīq*. Cairo. Dār Lubnaniyyat wa al-Misriyyat
- Iyyād Abdul Majīd Ibrāhīm (2002), *Durūs wa Taṭbīqāt fi Naḥw al-'Arabiyy*, Amman, Jordan : Dār al-Thaqāfāt,
- Jalāl al-Sa'id Al-Hafnāwī (1974), *al-Hind fi Rihlat ibn Baṭūṭah : Dirasat Lughawīyyat*, Majallat Thaqāfat al-Hind, bil 2 Kaherah :Dār al-Ma'ārif
- Kamal Bisyr (1970). *Dirasat fi 'Ilmi al-Lughat* j2. Kaherah.Dār al-Ma'ārif
- Khalīl bin Abīk (1987), *Taṣḥīh al-Taṣḥīf wa Tahrīr al-Tahrīf*, Kaherah : Maktabat al-Khanjī
- Maḥmūd Ḥusayni (1991), *al-Naḥw al-Syāfiyy*, Amman : Dār al-Basyīr
- Majd al-Dīn Moḥammad bin Ya'qūb (1987) *al-Kāmūs al-Muḥīṭ*, C3, Siria : Dār al-Rayyan li al-Turāth
- Muḥammad Abdul Majid (2004). *al-Naḥw al-'Arabiyy al-Asrīyy al-Shāmil min Khilāl al-Qur'ān al-Karīm*. Kuala Lumpur : Dār al-Tajdīd li al-Ṭibā'at wa al-Nasyr wa al-Tarjamat, Kaci Trading Sdn.Bhd.
- Muḥammad Kāmil al-Nāqaṭ (1985). *Ta'lim al lughat al-'Arabiyyat li al-Nāṭiqīn biha*. Saudi Arabia: Universiti Umm al-Qurā.
- Muḥammad Salaḥuddin 'Ali (1983). *Tadrīs al-Arabiyyat li al-Mahārat al-Ibtidā'iyyat : Asāsuhū wa Tatbiqātuhū*. Dār al-Qalam
- Mustafā Aḥmad (1988), *al-Zilāl fi Taṣṭīf al-Af'āl*, Kaherah : Matba'at al-Husayn al-Islāmiyyat.

- Muṣṭafā Muḥammad (2006). *fī Qawā'id al-Naḥw al-Mubassaṭ*. Amman, Jordan: Dār al-Ilmīyaṭ li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Muṣṭafā al-Ghalāyanīy (2010). *Jami' al-Durūs al-'Arabīyaṭ, al-Mujallad 1,2,3*. al-Kāhirah: Maktabaṭ al-'Aṣriyyat.
- Muṣṭafā al-Ghalāyanīy (1998), *Jami' Durūs al-'Arabīyyaṭ*, Beirut, Lubnan : al-Maktabaṭ al-Aṣriyyaṭ.
- Rusydī Aḥmad (1998), *al-'Usus al-'Āmmah li Manāhij Ta'līm al-'Arabīyyaṭ, 'I'dāduhā, Taṭwīruhā, Taqwīmuhā*, al-Kaherah : Dār al-Fikr al-Arabīy
- Salmān Khalfullah (2002), *al-Murshid fī Tadrīs*, Amman, Dār Juhainah li-al-Ṭibā'ah wa al-Nasyr
- Tariki Mubāarak (2014), *Ta'limiyyaṭ al-Naḥw bayna al-Taḥsīl wa al-Ta'bir*, Majallat al-Dirāsaṭ al-Lughawiyyaṭ, Algeria: Mouloud Mammeri University
- Walīd Aḥmad Jābir (2002). *Tadrīs al-Luḡaṭ al-'Arabīyyaṭ. Maḥāhīm Nazariyyāt wa Taṭbīqāt 'Amaliyyaṭ*. Ammān: Dār al-Fikri li al-Ṭibā'aṭ wa al-Nasyr wa al-Tauzi'.

B. BAHASA MELAYU

- Ab. Halim Mohamad. (2002). *Pembelajaran frasa bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu: satu analisis kesalahan*. Tesis PhD. yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur:Universiti Malaya.
- Abdul Wahid Zaid (2008), *Tahap penguasaan nahu dalam kalangan pelajar di universiti Sana'a'*, Yaman. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Yaman: Universiti Sana'a
- Abdullah Hassan et. al (2006). *Sintaksis: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu* . Kuala Lumpur : PTS Profesional
- Ahmad Arifin Sapar (2003). *Analisis Kesilapan Penterjemahan Teks Bahasa Arab ke Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes*. Tesis Master, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ahmad Fared Mohd Din (2006). *Tahap Penguasaan al-Tamyīz di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes*, Tesis Master, Kuala Lumpur, Universiti Malaya
- Ahmad Khair Mohd Noor. (2005). *Menulis membina ketrampilan berfikir*. Pelita Bahasa, analysis.html. Julai 18 (7): 12-14.

- Ahmad Rushdi Haroon (2010) *Penguasaan partikel "al" bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu*. Masters thesis, Universiti Malaya.
- Analisa kesalahan pelajar dalam penulisan bahasa Arab: menulis resume. Kolej universiti islam antarabangsa selangor (kuis), Bandar seri putra, 43000 kajang, selangor. International research management and innovation conference 2014 (irmic2014) Kl, 17 – 18 november 2014
- Azizi Ahmad. (2010). *Pentaksiran pembelajaran*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Azlan Abd Rahman (2003) *Penggunaan Maşdar di Kalangan Pelajar Melayu : Satu Kajian Kes*, Tesis Master, Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Azman Che Mat dan Goh, Y.S. (2010). *Situasi pembelajaran bahasa asing di institut pengajian tinggi: Perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis*. Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education, 2 (2), 9-21.
- Che Radiah Mezah (2009). *Kesilapan leksikal dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Serdang, Selangor Darul Ehsan: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Che Radiah Mezah (2006). *Analisis Kesilapan Leksikal Dalam Karangan Bahasa Arab*. Tesis Peringkat PHD. Universiti Malaya
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan buku 1*. Selangor: McGraw- Hill (Malaysia).
- Faizah Abd Manan et.al (2010). *Kerangka pembangunan dan penilaian modul belajar cara belajar bahasa Melayu pelajar asing institusi pengajian tinggi Malaysia*. Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education, 2 (2), pp. 64-76
- Faridah Serajul Haq et. al. (2001). *Masalah naratif di kalangan pelajar sekolah menengah*. Jurnal Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harimurti Karidalaksana.1983. *Kamus Linguistik*. Penerbit PT Gramedia. Jakarta.
- Hashim Mat Zain. (2009). *Penguasaan kata kerja bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah: satu kajian kes*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hashim Mat Zin (2009) *Penguasaan kata kerja Bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah : satu kajian kes*, tesis Master, University of Malaya.
- Mohamad Hussin (2010) *Penguasaan al-'Adad wa al-Ma'dud dalam kalangan pelajar*. Tesis sarjana, Universiti Malaya.

- Kamaruddin Hj Hussin et, al (1997), *Penguasaan Kemahiran Menulis*, Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Subang Jaya, Selangaor Darul Ehsan
- Kamus Dewan, Edisi Keempat (2004). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan, Edisi Ketiga (1994). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dwibahasa: Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia. (1985). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Linguistik (1997), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Lee Chai Chuen. (2007). *Analisis kesilapan sintaksis di kalangan pelajar Melayu dalam pembelajaran bahasa Mandarin*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan pendidikan: Pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. Selangor: McGraw- Hill (Malaysia).
- Manisah Mohd. Nor.(2000) *Penggunaan al-Damā'ir dalam karangan*, disertasi (M.M.L.S). Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Marzalina Mansor. (2004). *Stail pembelajaran bahasa melayu sebagai bahasa asing di kalangan pelajar luar negara*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Rofian el. Al (2014) *analisis kesalahan nahu bahasa arab dalam karangan pelajar kursus pengukuhan bahasa Arab* (International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014) KL, 17 – 18 November 2014
- Mohammad Said (2003), *penguasaan nahu wazifiy dalam kalangan pelajar Kolej Pendidikan Guru*, Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Umu Al-Qura, Saudi Arabia
- Mohd Azrien Mohamad Adnan & Zamri Ghazali. (2008). *Analisis kesalahan rencana dalam pembelajaran Bahasa Arab : kajian di kalangan pelajar Asasi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri*. Jurnal Pengajian Islam dan isu-isu kontemporari. 127-136. Kota Bharu, Kelantan : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Mohd Syafien bin Othman (2008). *Penguasaan al-I'lal wa al-ibdal di kalangan pelajar –pelajar sijil tinggi agama Malaysia (STAM)*, satu kajian kes, tesis sarsana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya

- Mohd Zaki bin Abd Rahman (2001) *Huruf dalam bahasa Arab: Nilai dan kegunaanya*, tesis Ph.D, Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Mohd. Majid Konting (2000). *Kaedah penyelidikan penyelidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Mokhtar Ismail (2011). *Kaedah penyelidikan kuantitatif dalam pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Money, J. N. J. S. (2004). *Kesalahan bahasa dalam karangan murid Tamil yang mempelajari bahasa Melayu di sekolah menengah*. Tesis PhD. yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Muda, A. (2012). *Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab Tinggi dari perspektif guru sekolah agama bantuan kerajaan (Sabk).Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*.Disertasi tidak diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad bin Seman et. al, 2007. *Al-Lughat al-Arabiyyat li al-Sana' al-'Ulā*. Kajang: Synergy Mate Sdn. Bhd.
- Muslikhah, Z. (2014). *Analisis kesalahan buku contoh-contoh pidato 3 bahasa karangan Muhammad Azhar*. SKRIPSI Jurusan Sastra Arab-Fakultas Sastra UM
- Naimah Abdullah (2003). *Analisis sintaksis bahasa Arab dan Implikasi kesilapannya ke atas makna*. (Tesis Peringkat PHD). Universiti Malaya
- Nik Safiah Karim, et. al (1997) *Tatabahasa Dewan*, edisi baharu. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Norazida Ibrahim (2009) *Penguasaan kata nama bahasa Arab di kalangan pelajar kelas aliran agama / Norazida Bt. Ibrahim*. Masters thesis, Universiti Malaya.
- Noresah Bt Baharom (2002), *Kamus Dewan*, Edisi Ke-3, Kuala Lumpur.
- Nur Hafizah Binti Abd Aziz (2015), *penggunaan imitasi dalam penulisan karangan bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti*, Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden Fakulti Bahasa Dan Linguistik Universiti Malaya Kuala Lumpur
- Nur Hafizah Abd Aziz (2015) *Penggunaan imitasi dalam penulisan karangan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti*. Masters thesis, University of Malaya.
- Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Jawi (1988), Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur

- Rafian et. al. (2014). *Analisis kesalahan nahu bahasa arab dalam kalangan pelajar kursus pengukuhan bahasa Arab*. International Research Management and Innovation Conference 2014, 2014 (November), 17–18.
- Rohana Yusof (2004). *Penyelidikan sains sosial*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Rosni Samah (2012). *Pembinaan ayat bahasa arab dalam kalangan lepasan sekolah menengah agama*. GEMA Online Journal of Language Studies, 12(2), 555–569.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Rekabentuk penyelidikan: falsafah, teori dan praktis*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Soh, B. K. (1996). *Frasa nama bahasa Melayu dan bahasa Mandarin: satu analisis kontrastif dan analisis kesilapan*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Taib Pa (2006). *Dasar-dasar utama pengajaran nahu Arab di Malaysia*. Tajuk sisipan daripada buku (Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia). Penerbitan Universiti Malaya.
- Tuan Rashid Tuan Mat (2000) *Penguasaan kata ganti nama bahasa Arab di kalangan pelajar-pelajar di sekolah menengah kebangsaan agama*, Tesis Master, Universiti Malaya.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran bahasa Melayu*, Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors.
- Zainol Abidin Ahmad (2003) *Kemahiran menulis bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu : satu kajian kes*, tesis sarjana, Kuala Lumpur : Universiti Malaya

C. BAHASA INGGERIS

- Abisamra, N. (2003). *An analysis of errors in arabic speakers' english writings*. Diperoleh pada 20 Mac 2015 daripada [http://abisamra03.tripod.com/nada/languageacq-error analysis.html](http://abisamra03.tripod.com/nada/languageacq-error%20analysis.html)
- Brown, H. D. (2000). *Principles of language learning and teaching*. New York: Longman.
- Corder, S. P. (1967). *The significance of learners' errors*. Reprinted in J.C.Richards (ed.) (1974, 1984) *Error Analysis: Perspectives on Second Language Acquisition*. London: Longman, pp. 19 – 27
- Descombe, M. (1998). *The good research guide*. Buckingham: Open University Press

- Ellis, R. (1994). *The study of second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Ellis, R. (1997). *SLA research and language teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Erdogan, V. (2005). *Contribution of error analysis to foreign language teaching*. Mersin University Journal of the Faculty of Education, 1 (2), 261-270.
- Farnan, Nancy and Lapp. Diane and Flood James (1992). *changing perspectives in writing Instruction*, Journal of Reading, 35 (7). 550-565.
- Gall, J., Gall, M., & Borg, W. (2005). *Applying educational reseach a practical guide*. Boston: Allyn and Bacon.
- Habash, Z. A. S. (1982). *Common errors in the use of English prepositions in the written work of UNRWA students at the end of the preparatory cycle in the Jerusalem area*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Palestin: Universiti Birzeit.
- Jassem, A, (2000), *Study on Second Language Learners of Arabic: An Error Analysis Approach*, 1st Edition, Kuala Lumpur: A, S, Noordeen, 2000.
- Jassem, Ali Jassem.(1999) *An Error Analysis Of The Verb Phrase: A Case Study Of The Writing Of Fourth Year Literary Stream Students At Kuala Lumpur Religious Secndry School*. Tesis Phd. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM
- Macmilan English Dictionary for advanced leaner, International student edition
- Maicusi, T., Maicusi, P. & Lopez, M.J.C. (2000). *The error in the second language acquisition*. Encuento Revista de Investigacion Innovacion en la Clase de Idioma, 11, pp. 168-173..
- Mohamad dan Abd. Rabbo. (1990) *Current Issues In Linguistics Theory: Perspektives On Arabic Linguistics*. Dalam Symposiumon Arabic Linguistics Edited by Mushira Eid. University of Utah
- Mohamed, Yasīn (1997). *First steps in Arabic grammar, al-khatawāt al-'Ūla fī al-Qawā'id al-Arabiyah*. (ttc)
- Read, J. (2000). *Assesing Vocabulary*. Eds. Alderson, J.C. & Bachman, L.F. Cambridge University Press: United Kingdom.
- Ruhi al-Ba'albaqi (1993), *Al-Mawrid : A model Arabic-English Dictionary*, c5, Beirut : Dār al-'limu al-Malāyīn

D. LAMAN WEB

<http://drmosad.com/index24.htm>, diakses pada (20/12/ 15)

<http://myum.um.edu.my>, diakses pada (7/1/15)

<http://myum.um.edu.my/>, diakses pada (7/1/15)

<http://tamhidi.usim.edu.my/>, diakses pada (7/1/15)

<http://tamhidi.usim.edu.my/>, diakses pada (7/1/15)

University of Malaya